

AKRONIM DAN SINGKATAN

ABIF	Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN	CAGR	kadar pertumbuhan tahunan terkumpul
ABMI	Asian Bond Markets Initiative	CAP	Pelan Tindakan Cebu
ACE	Pusat Keusahawanan ASEAN	CAR	Nisbah Kecukupan Modal
ACFTA	Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN – China	CET1	ekuiti biasa kumpulan 1
ACMF	Forum Pasaran Modal ASEAN	CG	tadbir urus korporat
ADB	Bank Pembangunan Asia	CGE	Computable General Equilibrium
ADF	Tabung Pembangunan Asia	CITA	cukai pendapatan syarikat
AEC	Komuniti Ekonomi ASEAN	CKHT	Cukai Keuntungan Harta Tanah
AFAS	Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan ASEAN	CMIM	Chiang Mai Initiative Multilateralisation
Agrobank	Bank Pertanian Malaysia Berhad	CMSA	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan
AHB	Amanah Hartanah Bumiputera	CPI	Indeks Harga Pengguna
AIF	ASEAN Infrastructure Fund	CPO	minyak sawit mentah
AIM	Agensi Inovasi Malaysia	DC	Jawatankuasa Pembangunan
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit	DE	perbelanjaan pembangunan
ALR	kadar pinjaman purata	DFI	institusi kewangan pembangunan
AMRO	ASEAN+3 Macroeconomic Research Office	DIBS	Skim Pemaju Tanggung Faedah
AMS	negara anggota ASEAN	DLP	Program Dwibahasa
APEC	Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik	DMP	Program Pengurusan Kredit
AS	Amerika Syarikat	E&E	elektrik dan elektronik
ASEAN	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara	ECB	European Central Bank
ATOM	Pemodenan Bengkel Automotif	ECF	pendanaan masyarakat berasaskan ekuiti
AUV	nilai purata seunit	EKUINAS	Ekuiti Nasional Berhad
AWDTP	Latihan Lanjutan Program Pengarah Wanita	EPP	Projek Permulaan
B40	40% isi rumah terendah	ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus
Bank Rakyat	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	ESSZONE	Zon Selamat Sabah Timur
BB1M	Baucar Buku 1Malaysia	ETBS	Bon dan Sukuk Dagangan Bursa
BDA	Big Data and Analytics	ETF	dana dagangan bursa
BNM	Bank Negara Malaysia	ETS	Perkhidmatan Tren Elektrik
BOE	Bank of England	e-Visa	visa elektronik
BOJ	Bank of Japan	Exim Bank	Export-Import Bank of Malaysia Berhad
BPMB	Bank Pembangunan Malaysia Berhad	f.o.b	free on board
BR	kadar asas	FBM KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia
BR1M	Bantuan Rakyat 1Malaysia	FCPO	niaga hadapan minyak sawit mentah
BSAS	Bursa Suq Al-Sila'	FDI	pelaburan langsung asing
BSN	Bank Simpanan Nasional	Fed	US Federal Reserve
BTS	bina kemudian jual	FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
		FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

FEP	Program Pendidikan Kewangan	i-SPAC	Syarikat Pemerolehan Kegunaan Khas Islam
FFB	buah tandan segar	JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
fintech	teknologi kewangan	jlh	juta liter sehari
FKLI	niaga hadapan FBM KLCI	JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
FMC	Jawatankuasa Pasaran Kewangan	JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
FPC	Jawatankuasa Dasar Fiskal	JPN	Jabatan Perumahan Negara
FTSE	Financial Times Stock Exchange	KDNK	keluaran dalam negeri kasar
GATS	General Agreement on Trade in Services	KKM	Kementerian Kesihatan
GBP	Great British Pound	KLIBOR	Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan
GENERATE	Program Peningkatan Kebolehpasaran Graduan	km	kilometer
GFCF	pembentukan modal tetap kasar	KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
GLC	syarikat berkaitan kerajaan	KPM	Kementerian Pendidikan
GNI	pendapatan negara kasar	KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
GNS	tabungan negara kasar	KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
GST	Cukai Barang dan Perkhidmatan	KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
GTFS	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau	kWj	kilowatt-jam
GVC	Rantai Nilai Global	KWPSM	Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia
H1	separuh tahun pertama	KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
HIPs	Program Berimpak Tinggi	LCR	Nisbah Perlindungan Mudah Tunai
HIP	Program Imersif Tinggi	LNG	gas asli cecair
HSR	Keretapi Berkelajuan Tinggi	LPPSA	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
IADA	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu	LRT	Transit Aliran Ringan
IAP	Platform Akaun Pelaburan	LTE	Evolusi Jangka Panjang
IBS	sistem binaan berindustri	LTV	pinjaman kepada nilai
ICAAP	Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam	M40	40% isi rumah pertengahan
ICAB	Badan Penilaian Pematuhan Bebas	MaGIC	Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia
ICT	teknologi maklumat dan komunikasi	MARA	Majlis Amanah Rakyat
i-ETF	dana dagangan bursa Islam	MATTA	Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara	Mbps	megabit per saat
IKTBN	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara	MDV	Malaysia Debt Ventures Berhad
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa	MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia
IMFC	Jawatankuasa Monetari dan Kewangan Antarabangsa	MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara	MHPI	Indeks Harga Rumah Malaysia
IOSCO	Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa	MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
IoT	Internet of Things	MITA	Persatuan Pelancongan Dalam Malaysia
IPG	Insentif Pengeluaran Getah	MITB	Bil Perbendaharaan Islam Malaysia
IPO	tawaran awam permulaan	MMBtu	million million British thermal unit
i-REIT	amanah pelaburan hartanah Islam		
ISM	Institute for Supply Management		

MNC	syarikat multinasional	PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
MOF	Kementerian Kewangan	PDS	Sekuriti Hutang Swasta
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	PE	Ekuiti Swasta
mp	meter persegi	PEC	Perbadanan Ekuiti Swasta
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA	PEMC	Syarikat Pengurusan Ekuiti Swasta
MRT	Transit Aliran Massa	PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
MRT Laluan 1 SBK	Laluan Sungai Buloh – Kajang	PFLNG 1	LNG Terapung Pertama PETRONAS
MRT Laluan 2 SSP	Laluan Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya	PGBF	Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA
MSC	Koridor Raya Multimedia	PHB	Pelaburan Hartanah Berhad
MSCI	Morgan Stanley Capital International	PIC	Kompleks Bersepadu Pengerang
MTB	Bil Perbendaharaan Malaysia	PITA	cukai pendapatan petroleum
MTCs	Mid-Tier Companies	PKS	perusahaan kecil dan sederhana
MTCDP	Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan	PMI	Purchasing Managers' Index
MTFF	Kerangka Fiskal Jangka Sederhana	PPA	Pentadbir Pencen Swasta
MVV	Malaysia Vision Valley	PPA1M	Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia
MyDeposit	Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama	PPI	Indeks Harga Pengeluar
MYTC	My Tourism Channel	PPKBIS	Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah
NAV	nilai aset bersih	PPO	minyak sawit diproses
NBI	Inisiatif Jalur Lebar Negara	PPP	kerjasama awam swasta
NBOS	Strategi Lautan Biru Kebangsaan	PPR	Program Perumahan Rakyat
NCD	penyakit tidak berjangkit	PR1MA	Perumahan Rakyat 1Malaysia
NEC	Majlis Eksport Negara	PRS	Skim Persaraan Swasta
NGO	organisasi bukan kerajaan	psf	sekaki persegi
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara	PTPK	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara	PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
NSE	Lebuhraya Utara-Selatan	QAB	bank ASEAN yang berkelayakan
O&G	minyak dan gas	QE	pelonggaran kuantitatif
OCPO	opsyen bagi FCPO	R&D	penyelidikan dan pembangunan
OE	perbelanjaan mengurus	RAPID	Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia
OECD	Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan	RBB	Jalur Lebar Luar Bandar
OKLI	opsyen bagi FKLI	RCEP	Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau
OKU	orang kurang upaya	REIT	amanah pelaburan hartanah
OPEC	Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum	RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
OPR	Kadar Dasar Semalaman	RM	ringgit Malaysia
P2P	pembiayaan antara rakan setera	RMB	renminbi
PBO	Pejabat Binaan Khas	RMKe-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
PBOC	People's Bank of China	RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
PBR	Program Bantuan Rumah	RMR1M	Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia

RP1	Rolling plan pertama	SSHP	Skim Subsidi Harga Padi
RPEL	Pengiktirafan Pengalaman dan Pembelajaran Terdahulu	STI	Sains, Teknologi dan Inovasi
RQFII	Pelabur Institusi Asing Berkelayakan Renminbi	STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
RTC	Pusat Transformasi Luar Bandar	SUBB	Jalur Lebar Pinggir Bandar
RUMAWIP	Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan	SUPERB	Skim Usahawan Permulaan Bumiputera
S&T	sains dan teknologi	TEDUH	Bank Data Perumahan Negara
S1	suku pertama	TEKUN Nasional	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
S2	suku kedua	TERAJU	Unit Peneraju Agenda Bumiputera
S3	suku ketiga	TERAS	Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi
S4	suku keempat	TEU	unit bersamaan dua puluh kaki
SABK	syarikat awam bukan kewangan	TLTRO	operasi pembiayaan semula jangka panjang yang disasarkan
SAMUR	Sabah Ammonia Urea	TM	Telekom Malaysia Berhad
Sandbox	Peraturan Sandbox	TNB	Tenaga Nasional Berhad
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	TP1M	Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia
SCAR	Jawatankuasa Saintifik Penyelidikan Antartika	TUKAR	Program Transformasi Kedai Runcit
SCLC	Pusat Pendaratan Kabel Dasar Laut	TVET	pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional
SDG	Sustainable Development Goals	UK	United Kingdom
SEAVG	Kumpulan Mengundi Asia Tenggara	UNCTAD	Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan
SIP	Taman Perindustrian Samalaju	UPE	Unit Perancang Ekonomi
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia	UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
SKPD	Sub Kepakaran dan Pasca Doktoral	USD	dolar AS
SKR1M	Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia	USP	Pemberian Perkhidmatan Sejagat
SL1M	Skim Latihan 1Malaysia	UTC	Pusat Transformasi Bandar
SLAB	Skim Latihan Akademik Bumiputera	VC	modal teroka
SME Bank	Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad	VCC	syarikat modal teroka
SMR	Standard Malaysian Rubber	VCMC	syarikat pengurusan modal teroka
SPICE	Special Programme Intended for Community Enrichment	WBG	Kumpulan Bank Dunia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia	WDP	Program Pengarah Wanita
SPP	Syarikat Peringkat Pertengahan	WIPO	World Intellectual Property Organisation
SPV	syarikat bertujuan khas	WTO	Pertubuhan Perdagangan Dunia
SRF	tabung pusingan khas	YPPKM	Yayasan Penjaja dan Peniaga Kecil 1Malaysia
SRI	Sukuk Pelaburan Mapan dan Bertanggungjawab		
SRR	Keperluan Rizab Berkanun		
SSFS	Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah		



ORGANISASI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

MENTERI KEWANGAN
YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

MENTERI KEWANGAN II
YB Datuk Johari bin Abdul Ghani

TIMBALAN MENTERI KEWANGAN I
YB Dato' Othman bin Aziz

TIMBALAN MENTERI KEWANGAN II
YB Dato' Lee Chee Leong

JABATAN DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN



PERBENDAHARAAN MALAYSIA
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
Ketua Pengarah Kastam
Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Akauntan Negara
Dato' Haji Che Pee bin Samsudin



JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Datuk Faizan bin Abdul Rahman

AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN



BANK SIMPANAN NASIONAL
Ketua Eksekutif
Datuk Adinan bin Maning



BURSA MALAYSIA BERHAD
Ketua Pegawai Eksekutif
Datuk Seri Tajuddin bin Atan



BANK NEGARA MALAYSIA
Gabenor
Datuk Muhammad bin Ibrahim



SURUHANJAYA SEKURITI
Pengerusi
Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh



YAYASAN TUN RAZAK
Setiausaha
Tengku Harith bin Tengku Aziz



KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)
Ketua Pegawai Eksekutif
Dato' Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad



KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
Ketua Pegawai Eksekutif
Datuk Shahril Ridza bin Ridzuan



LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
Ketua Pegawai Eksekutif
Tan Sri Khalid bin Ramli



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
Ketua Pengarah Eksekutif
Kolonel (K) Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor bin Hj. Mahtar



KHAZANAH NASIONAL BERHAD
Pengarah Urusan
Tan Sri Dato' Azman bin Hj. Mokhtar



LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN
Ketua Pengarah
Datuk Ahmad Hizzad bin Baharuddin



LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA
Ketua Pegawai Eksekutif
Dato' Abdul Rauf bin Sani



LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
Ketua Pegawai Eksekutif
Norsimah binti Ab. Wahab



PERBENDAHARAAN MALAYSIA



1

PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI

- Perspektif Keseluruhan
- Penilaian Prestasi – 2016
- Operasi Fiskal
- Perkembangan Monetari dan Kewangan
- Status Terkini Bajet 2016
- Sisipan 1: Rumah Mampu Milik
- Pengurusan Ekonomi – 2017
- Sisipan 2: Kesan Bantuan Rakyat 1Malaysia kepada Penggunaan Swasta
- Rencana 1: Ekonomi Berhubung Kait

1 | PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI

Perspektif Keseluruhan

Malaysia terus melangkah ke arah mencapai wawasan negara maju dan berpendapatan tinggi walaupun dengan ketidakpastian persekitaran luaran yang semakin meningkat. Pertumbuhan global kekal sederhana, kesan daripada volatiliti pasaran kewangan, harga komoditi terus rendah dan pertumbuhan lebih perlahan di negara maju. Berasaskan tahap keterbukaan, ketidakpastian ini memberi impak kepada ekonomi Malaysia melalui perdagangan dan kewangan. Mengambil kira situasi ini, pada 28 Januari 2016, Kerajaan telah mengambil langkah pre-emptif menyemak semula Bajet 2016 bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi demi menjamin kesejahteraan rakyat. Pada 2016, pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dijangka kekal pada landasan pertumbuhan 4% hingga 4.5% menerusi tambahan 11 langkah baharu di bawah Pengubahsuaian Bajet 2016, diperkuatkan dengan asas ekonomi negara yang kukuh.

Program dan langkah yang diperkenalkan di bawah Bajet 2016 bagi menangani pelbagai isu telah menunjukkan kemajuan ketara, menghasilkan pertumbuhan KDNK 4.1% dalam tempoh enam bulan pertama. Pertumbuhan dari segi permintaan disokong oleh penggunaan swasta dan aktiviti pelaburan, manakala pertumbuhan dari segi penawaran didorong oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pada 2017, ekonomi Malaysia dijangka meningkat 4% hingga 5% dengan prospek pertumbuhan global dan perdagangan antarabangsa yang lebih baik. Pertumbuhan didorong oleh permintaan domestik dan asas ekonomi yang kukuh serta langkah Bajet 2017 berteraskan rakyat serta pro-pertumbuhan.

Penilaian Prestasi – 2016

Pertumbuhan KDNK Malaysia 4.1% pada separuh pertama 2016 (Januari - Jun 2015: 5.3%) didorong oleh peningkatan permintaan domestik yang stabil pada 5% (Januari - Jun 2015: 6.3%) dengan disokong perbelanjaan sektor swasta. Penggunaan swasta berkembang 5.8% (Januari - Jun 2015: 7.7%), terutamanya oleh kestabilan pasaran buruh dan pertumbuhan pendapatan. Pembentukan modal tetap kasar (GFCF) meningkat 3.2% (Januari - Jun 2015: 3.9%), khususnya menerusi aktiviti pelaburan swasta yang meningkat 4% (Januari - Jun 2015: 7.4%). Lebihan akaun barangan dan perkhidmatan dalam imbalan pembayaran mengecil kepada RM31.8 bilion (Januari - Jun 2015: RM42.8 bilion) berikutan permintaan global yang lemah dan penurunan harga komoditi.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan positif kecuali pertanian. Sektor perkhidmatan terus berkembang pada 5.4% (Januari - Jun 2015: 5.7%)

disumbang oleh aktiviti subsektor perdagangan borong dan runcit; maklumat dan komunikasi; serta makanan, minuman dan penginapan. Sektor pembuatan berkembang 4.3% (Januari - Jun 2015: 4.9%), disokong terutamanya oleh subsektor barangan elektrik dan elektronik (E&E) dan produk berasaskan sumber. Sektor pembinaan terus berkembang 8.4% (Januari - Jun 2015: 7.6%) disokong oleh aktiviti yang lebih tinggi dalam kerja-kerja sivil dan segmen kediaman. Sementara itu, sektor perlombongan berkembang pada kadar sederhana 1.4% (Januari - Jun 2015: 7.8%) disebabkan oleh pengurangan pengeluaran minyak mentah. Sebaliknya, sektor pertanian menurun 6% (Januari - Jun 2015: 0.3%) disebabkan pengurangan pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) dan getah.

Operasi Fiskal

Kerajaan terus memberikan komitmen untuk mengekalkan defisit fiskal pada 3.1% daripada KDNK pada 2016. Pengubahsuaian Bajet 2016 merupakan langkah pre-emptif sebagai tindak balas kepada penurunan ketara dalam hasil Kerajaan berikutan penurunan berterusan harga minyak mentah. Harga minyak mentah mencecah tahap paling rendah sepanjang tahun sebanyak USD26.39 setong pada Januari 2016. Langkah pengubahsuaian ini penting untuk memastikan sasaran fiskal Kerajaan kekal pada landasan. Pengubahsuaian ini memberi tumpuan kepada pengoptimuman dan penyusunan semula keutamaan perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi memastikan kedudukan kewangan Kerajaan kekal utuh tanpa memberi kesan kepada sasaran pertumbuhan. Pelbagai langkah peningkatan hasil juga diperkenalkan bagi menjana pendapatan tambahan untuk menampung kehilangan hasil. Ini termasuk mengoptimumkan hasil daripada pengagihan semula dan proses bidaan spektrum telekomunikasi, meningkatkan levi pekerja asing, kelonggaran penalti cukai pendapatan dan mengurangkan ketirisan cukai di pulau bebas cukai. Sebagai tambahan, pengubahsuaian bajet menekankan langkah strategik untuk meningkatkan eksport, menarik pelaburan dan merangsang pelancongan dalam usaha untuk menjana aktiviti ekonomi yang lebih tinggi. Pengubahsuaian ini juga memperkenalkan beberapa langkah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah, terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) memainkan peranan penting dalam menentukan Kerangka Fiskal Jangka Sederhana (MTFF). Ke arah mengukuhkan keupayaan institusi pengurusan fiskal, FPC semasa mesyuarat kedua pada Mei 2016 telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Risiko Fiskal Dan Liabiliti Luar Jangka. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan Unit Kerjasama Awam

Swasta Jabatan Perdana Menteri dan Bank Negara Malaysia (BNM). Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai risiko fiskal Kerajaan dan liabiliti luar jangka serta mencadangkan langkah bersesuaian.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Pendirian dasar monetari kekal konsisten ke arah mencapai kestabilan harga dan pertumbuhan mapan. Aktiviti pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh dan mudah tunai mencukupi. Berkuatkuasa 1 Februari 2016, BNM telah mengurangkan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) daripada 4.00% kepada 3.50% untuk memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan domestik. Kadar Dasar Semalaman (OPR) juga telah dikurangkan daripada 3.25% kepada 3.00% pada 13 Julai 2016 untuk memastikan ekonomi terus berkembang mapan. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2016, inflasi meningkat 2.3% berbanding tempoh sama tahun lepas, didahului oleh kenaikan harga makanan dan minuman bukan alkohol, perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain serta minuman alkohol dan tembakau. Dalam tempoh sama, ringgit mengukuh berbanding kebanyakan mata wang utama dan serantau, serentak dengan langkah pelonggaran monetari dalam ekonomi utama dan peningkatan harga minyak mentah global.

Pada 2015, pasaran modal Malaysia adalah keempat terbesar di Asia dari segi peratusan kepada KDNK. Pada akhir Julai 2016, pasaran modal Malaysia telah mencecah RM2.8 trilion, terdiri daripada 60.7% pasaran modal Islam. Pada 20 April 2016, Kerajaan berjaya menerbitkan sukuk berdaulat global kelima dalam dolar AS berjumlah USD1.5 bilion. Aset pendasar sukuk tersebut terdiri daripada 100% aset bukan fizikal, menandakan satu lagi kejayaan besar pembangunan produk inovatif dalam pasaran kewangan Islam. Malaysia mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju sukuk global, menyumbang 53.4% atau USD180 bilion daripada sukuk terkumpul global, pada akhir Jun 2016.

Status Terkini Bajet 2016

Bajet 2016 dengan tema “Mensejahterakan Rakyat” mengutamakan lima strategi utama, iaitu mengukuhkan daya tahan ekonomi; meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau; memperkasa modal insan; memajukan agenda bumiputera dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Sejumlah RM265.2 bilion telah diperuntukkan bagi tahun ini dengan RM215.2 bilion (81.1%) untuk perbelanjaan mengurus (OE) dan RM50 bilion (18.9%) untuk perbelanjaan pembangunan (DE). Walau bagaimanapun, susulan kepada penurunan berterusan dalam harga minyak mentah yang menjejaskan jumlah kutipan hasil, perbelanjaan telah diturunkan sebanyak RM13.1 bilion kepada RM252.1 bilion. Sebanyak RM207.1 bilion (82.2%) daripada jumlah ini telah diperuntukkan untuk OE dan RM45 bilion (17.8%) untuk DE.

Keutamaan 1: Memperteguh Ketahanan Ekonomi Negara

Berdasarkan tahap keterbukaan negara, adalah penting bagi ekonomi untuk menangani kejutan luaran. Dalam hal ini, Bajet 2016 telah memperkenalkan lima langkah untuk memperteguh ketahanan ekonomi negara iaitu merencanakan pelaburan domestik; mempergiatkan pasaran modal; merangsang perusahaan kecil dan sederhana (PKS); menambah baik infrastruktur serta menggalakkan dan mengukuhkan aktiviti ekonomi.

Langkah 1: Merencanakan Pelaburan Domestik

Beberapa projek baharu telah diperkenalkan dalam Bajet 2016 untuk meningkatkan pelaburan domestik. Antara projek tersebut adalah *Malaysia Vision Valley* (MVV) di Negeri Sembilan, Aeropolis KLIA, Bandar Raya Getah Kedah dan Jeti Minyak Kelapa Sawit di Sabah. MVV merupakan projek perkongsian awam swasta (PPP), meliputi kawasan seluas 152,530 hektar dari Nilai ke Port Dickson. Pada akhir Ogos 2016, Pelan Pembangunan Komprehensif projek telah dimuktamadkan, manakala Pelan Induk Konsep sedang disediakan. Kerja pembinaan dijangka bermula pada Oktober 2016 dan siap menjelang tahun 2020. Projek Aeropolis KLIA pula meliputi kawasan seluas 526.1 hektar di Sepang, Selangor. Kajian Pelan Induk telah bermula pada 13 Mac 2016 dan telah siap pada September 2016.

Bandar Raya Getah Kedah merupakan projek perdana bagi mewujudkan bandar bersepadu bertaraf dunia. Terletak di Ladang Bukit Ketapang, Kuala Nerang, Kedah, projek ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan industri berasaskan getah yang menghasilkan produk hiliran bernilai tambah tinggi daripada getah asli dan sintetik. Pada 2016, sebanyak RM320 juta telah diperuntukkan bagi projek ini dan pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM60.5 juta telah dibelanjakan dan dijangka siap menjelang 2021. Projek Jeti Minyak Kelapa Sawit di Sandakan, Sabah melibatkan peruntukan RM20 juta. Jeti ini akan memudahkan eksport dan import produk berkaitan kelapa sawit. Kerja pembinaan bagi projek ini dijangka bermula pada November 2016 dan siap pada September 2018.

Khazanah Nasional Berhad akan melabur RM6.7 bilion dalam sembilan projek domestik berimpak tinggi di sektor seperti penjagaan kesihatan, pendidikan, pelancongan serta perisian komunikasi dan infrastruktur. Projek kesihatan merangkumi hospital baharu dan naik taraf hospital sedia ada di bawah IHH Healthcare Berhad di Medini Iskandar, Kuala Lumpur, Klang, Melaka dan Kota Kinabalu serta pembinaan hospital rehabilitasi baharu bagi pesakit di Lembah Klang. Sementara itu, projek pelancongan ialah Resort Destinasi Pantai Desaru yang dijangka akan dilancarkan pada penghujung 2016 serta pembangunan Dataran Muzium dan Taman Tugu di Kuala Lumpur. Selain itu, RM90 juta akan dilaburkan di Iskandar Malaysia bagi menarik tambahan RM2.2 bilion pelaburan swasta dalam subsektor penyumberan luar proses perniagaan menjelang 2020. Khazanah

juga telah menubuhkan Dana Teroka Pelancongan berjumlah RM50 juta bagi usahawan pelancongan yang berkelayakan dalam subsektor eko-pelancongan, pelancongan kesenian dan warisan. *Sonneratia Capital* juga ditubuhkan dengan dana pelaburan berjumlah RM50 juta bagi membiayai penghasilan kandungan tempatan untuk pasaran eksport.

Projek lain yang sedang dilaksanakan di bawah Bajet sebelum ini termasuk Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) Petronas dan Taman Perindustrian Samalaju di Sarawak. Projek PIC merangkumi penapisan minyak mentah, *naphtha cracker*, loji petrokimia serta terminal import gas asli cecair (LNG) dan regasifikasi. Pada 2016, sebanyak RM28.4 bilion telah diperuntukkan untuk projek PIC dan pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM13.6 bilion telah dibelanjakan. PIC dijangka siap pada 2019 dengan kapasiti terancang untuk menghasilkan 300,000 tong produk petroleum ditapis setiap hari dan tiga juta tan ethylene, propylene, olefins C4 dan C5 setiap tahun. Setelah beroperasi, projek ini dijangka mewujudkan 4,000 peluang pekerjaan.

Taman Perindustrian Samalaju (SIP) meliputi kawasan seluas 8,000 hektar di Bintulu, Sarawak sedang dibangunkan dengan kemudahan dan utiliti seperti pelabuhan laut dalam, bekalan kuasa yang stabil, jalan pesisiran pantai dan loji rawatan kumbahan. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM1.7 bilion telah dibelanjakan bagi projek ini dan dijangka siap menjelang 2018. Taman ini memberi tumpuan kepada industri baharu berintensif tenaga dan aktiviti hiliran lain. Sejak 2009, SIP telah menarik pelaburan sebanyak RM70 bilion serta mewujudkan 50,000 pekerjaan.

Langkah 2: Mempergiat Pasaran Modal

Bagi terus mempergiat pasaran modal, Kerajaan telah mengumumkan beberapa insentif, termasuk pemotongan cukai ke atas kos penyenaian Sukuk Pelaburan Mapan dan Bertanggungjawab (SRI) dan pengecualian duti setem 20% untuk instrumen pembiayaan patuh Syariah bagi pembelian rumah. Pemotongan cukai ke atas penyenaian Sukuk SRI ini berkuatkuasa untuk Tahun Taksiran 2016 hingga Tahun Taksiran 2020. Pengecualian duti setem 20% pula berkuat kuasa bagi instrumen pembiayaan rumah yang dilaksanakan pada atau selepas 1 Januari 2016 tetapi tidak melebihi 31 Disember 2017.

Langkah 3: Merangsang Perusahaan Kecil dan Sederhana

Ke arah memperkukuh PKS, Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah (SSFS) ditubuhkan pada 2012 bagi menyediakan bantuan kewangan untuk PKS milik warga Malaysia. Menerusi Bajet 2016, tambahan RM1 bilion diperuntukkan untuk SSFS. Tempoh permohonan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2017 dengan Kerajaan menanggung 2% kadar keuntungan pembiayaan. Sejak pelaksanaan SSFS sehingga Julai 2016, sejumlah 1,175 PKS telah memohon skim ini dan pembiayaan berjumlah

RM2.2 bilion telah dikeluarkan. Pada masa yang sama, rebat berjumlah RM47.3 juta telah disalurkan kepada 822 PKS yang layak.

Dalam Bajet 2016, sebanyak RM71.3 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan Program Berimpak Tinggi (HIPs) di bawah Pelan Induk PKS. HIPs turut merangkumi Platform Pengkomersilan Teknologi dengan 110 PKS telah terpilih di bawah platform ini dan sepuluh syarikat telah mengkomersilkan produk mereka. Pada masa yang sama, kumpulan 40% isi rumah terendah (B40) juga telah mendapat manfaat daripada Program Inovasi Inklusif di bawah HIPs ini. Sejak pelaksanaan HIPs pada 2015, Yayasan Inovasi Malaysia telah mengadakan 55 sesi libat urus bersama komuniti, menyaring 430 inovasi dan meluluskan 16 projek. Di samping itu, Program *Go-Export* telah memberi manfaat kepada 127 syarikat dengan janaan jualan eksport sebanyak RM30.3 juta. Sementara itu, *Entrepreneur Acceleration Scheme* di bawah *SME Bank* telah dilancarkan pada Mac 2016 dengan peruntukan sebanyak RM20 juta. Menerusi skim ini, *SME Bank* akan menyediakan pembiayaan kepada PKS yang layak untuk memajukan perniagaan mereka, mempercepatkan pertumbuhan dan inovasi. Pada masa ini, *SME Bank* giat melaksanakan sesi libat urus dengan peserta skim ini bagi memahami cabaran perniagaan yang dihadapi.

Dana Transformasi Teknologi PKS telah dilancarkan pada Mac 2016 dengan peruntukan RM200 juta kepada *SME Bank* untuk menyediakan pinjaman mudah pada kadar faedah 4%. Pinjaman tersebut adalah bagi membantu PKS meningkatkan teknologi, menambah baik kecekapan proses dan pengurusan kewangan serta menembusi pasaran eksport. Program lain bagi membantu PKS adalah Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM). Kedua-dua program diteruskan pada 2016 dengan peruntukan RM18 juta. TUKAR bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional manakala ATOM mentransformasi bengkel pembaikan dan perkhidmatan automatif. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah 2,277 kedai runcit dan 806 bengkel telah dimodenkan dan ditransformasikan di bawah TUKAR dan ATOM.

Sebagai langkah tambahan dalam Pengubahsuaian Bajet 2016, Kerajaan mengumumkan institusi kewangan pembangunan (DFI) dan dana modal teroka milik Kerajaan akan meningkatkan dana pembiayaan mereka sebanyak RM6 bilion untuk PKS dan syarikat permulaan. Pada akhir Ogos 2016, EXIM Bank telah meluluskan RM478.3 juta sebagai pinjaman bank dan RM1.7 bilion dalam bentuk perlindungan insurans kepada PKS. MAVCAP adalah rakan kongsi terhad Dana GOBI MAVCAP ASEAN Superseed Fund dengan saiz RM60 juta. Dana ini akan membuat pelaburan peringkat awal dalam ekuiti swasta dan instrumen berkaitan ekuiti dalam bidang teknologi maklumat dan media telekomunikasi di Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN). Pada akhir Ogos 2016, tujuh syarikat pelabur dengan saiz pelaburan sebanyak RM12 juta telah mendapat manfaat daripada dana ini.

Sementara itu, Cradle Fund Sdn Bhd. (Cradle) telah melancarkan Program Pelaburan Cradle Catalyst dan Program Pelaburan Cradle 500 bagi membiayai usahawan mentransformasi idea berkaitan inovasi teknologi menjadi perniagaan komersil dan membantu syarikat permulaan dengan produk berkaitan teknologi atau perkhidmatan. Pada akhir Ogos 2016, Cradle telah mengagihkan geran berjumlah RM89.2 juta di bawah kedua-dua program dan RM1.1 juta dana ekuiti kepada 794 usahawan.

Langkah 4: Menambah baik Infrastruktur

Kerajaan terus menambah baik infrastruktur pengangkutan, termasuk lebuh raya, rel dan lapangan terbang. Bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur, Projek Penyuraian Trafik di Jalan Tun Razak telah dimulakan pada September 2016. Pada masa sama, pembinaan lebuh raya bertingkat Damansara-Shah Alam dan Sungai Besi-Ulu Klang telah bermula pada Ogos 2016 dan dijangka siap menjelang 2020. Kedua-dua projek ini dilaksanakan melalui inisiatif PPP.

Transit Aliran Massa (MRT) dan Transit Aliran Ringan (LRT) merupakan antara projek terbesar dalam sejarah negara. Fasa pertama MRT Laluan Sungai Buloh – Kajang (MRT Laluan 1 SBK), dari Sungai Buloh ke Semantan dijangka beroperasi pada Disember 2016. Jajaran seterusnya dari Semantan ke Kajang adalah mengikut jadual dan akan beroperasi pada Julai 2017. MRT laluan 1 SBK akan berfungsi sebagai koridor kepada lebih satu juta penduduk. Kerja pembinaan laluan MRT kedua, Laluan Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya (MRT Laluan 2 SSP) telah bermula pada suku kedua 2016. Fasa pertama MRT Laluan 2 SSP tersebut dari Sungai Buloh ke Kampung Batu dijangka beroperasi pada suku kedua 2021. Jajaran seterusnya dari Kampung Batu ke Putrajaya Sentral akan beroperasi pada suku kedua 2022. MRT Laluan 2 SSP akan berfungsi sebagai koridor kepada anggaran dua juta penduduk. Sementara itu, projek Sambungan Laluan LRT Ampang dan Kelana Jaya telah siap dan beroperasi pada Jun 2016. Kerja pembinaan landasan sepanjang 36 kilometer (km) bagi LRT3 atau Laluan LRT Bandar Utama-Klang dijangka bermula menjelang akhir 2016 dan beroperasi pada 2020.

Keretapi Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura bakal menjadi alternatif pengangkutan awam yang akan menghubungkan tujuh bandar raya dan bandar di Malaysia ke Singapura. Memorandum Persefahaman di antara Singapura dan Malaysia telah ditandatangani pada 19 Julai 2016. Stesen yang telah dikenal pasti ialah Bandar Malaysia, Putrajaya, Seremban, Ayer Keroh, Muar, Batu Pahat, Iskandar Puteri dan akan merentasi Selat Johor ke Jurong Timur di Singapura. Jarak operasi HSR adalah dianggarkan 350 km dan dijangka mula beroperasi pada 2026.

Usaha sedang dilaksanakan untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan di beberapa lapangan terbang. Kerja tanah di Lapangan Terbang Mukah di Sarawak telah siap

pada September 2016. Fasa 2 untuk projek tersebut yang melibatkan pembinaan terminal baharu, landasan dan kemudahan lain yang berkaitan sedang dalam peringkat pra-pembinaan dan dijangka dilancarkan pada Februari 2017. Kerja menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Kota Bharu juga sedang dalam peringkat pra-pembinaan. Sementara itu, kajian kebolehlaksanaan untuk perluasan landasan Lapangan Terbang di Batu Berendam, Melaka telah bermula pada Ogos 2016 dan akan siap pada November 2016.

Pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar akan terus dipergiat. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM564.2 juta telah dibelanjakan untuk membina dan menaik taraf 301 km jalan luar bandar di seluruh negara. Pada masa yang sama, RM200 juta telah diperuntukkan bagi menaik taraf jalan dan sistem perparitan di kawasan penempatan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM151.6 juta adalah komitmen untuk pembinaan 866.1 km jalan dalam kawasan penempatan tersebut. Sebanyak RM742 juta lagi telah diperuntukkan bagi Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar dan pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM418.7 juta telah dibelanjakan memanfaatkan 17,730 penduduk. Di samping itu, RM308.9 juta telah diperuntukkan untuk projek Bekalan Air Luar Bandar. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM184.8 juta telah dibelanjakan memanfaatkan 11,105 penduduk luar bandar.

Dalam usaha merencanakan pembangunan di Sabah dan Sarawak, Lebuh raya Pan Borneo dari Teluk Melano ke Miri di Sarawak sepanjang 1,089 km sedang dilaksanakan dan pada akhir Ogos 2016, jalan sepanjang 270 km telah siap dibina. Di Sabah, kerja pembinaan bagi lebuh raya sepanjang 1,236 km dari Sindumin ke Tamparuli, Tuaran ke Kudat dan Ranau ke Tawau sedang dilaksanakan. Pada akhir Ogos 2016, jalan sepanjang 117 km telah siap dibina.

Kerajaan telah memperuntukkan RM1.2 bilion untuk pelbagai projek dan program bagi meningkatkan infrastruktur telekomunikasi. Ini termasuk projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) yang membantu untuk meningkatkan liputan dan kelajuan jalur lebar di kawasan pinggir bandar dengan kelajuan sehingga 20 megabit per saat (Mbps). Pada akhir Ogos 2016, sejumlah 147,286 port telah dipasang di seluruh negara. Satu lagi inisiatif untuk meningkatkan kualiti jalur lebar ialah Pengembangan Rangkaian Gentian Optik. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah 432 km rangkaian *backhaul* fiber optik telah dinaik taraf di seluruh negara. Sebanyak 13,402 port telah disediakan di bawah Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) bagi menyedia liputan tetap dengan kelajuan sehingga 4Mbps di lokasi terpilih. Seterusnya, inisiatif Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M) yang melibatkan pemasangan kabel gentian optik dasar laut, pembinaan Pusat Pendaratan Kabel Dasar Laut (SCLC) dan kerja lain yang berkaitan untuk menghubungkan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah bermula pada 2014 dan dijangka siap pada 2017.

Langkah 5: Mempromosi dan Memperkukuhkan Aktiviti Ekonomi

Industri pelancongan adalah salah satu pemacu dalam pertumbuhan ekonomi. Pelbagai program telah dilaksanakan untuk mengukuhkan lagi industri tersebut, antaranya Pameran Pelancongan Persatuan Pelancongan Dalam Malaysia (MITA) 2016 dan Pameran Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) 2016. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM8.4 juta telah dibelanjakan untuk program berkenaan. Inisiatif lain bagi menarik kedatangan pelancong ialah sistem permohonan visa dalam talian bermula 1 Mac 2016 dengan kos berjumlah RM600,000. Pada masa ini, perkhidmatan visa elektronik (e-Visa) disediakan untuk warga Bangladesh, China, Hong Kong, India, Indonesia, Myanmar, Nepal, Pakistan dan Taiwan. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah 113,930 permohonan daripada kesemua negara tersebut telah diproses. Kerajaan mensasarkan untuk menarik 30.5 juta pelancong pada 2016 dan pada akhir Jun 2016, sejumlah 13 juta pelancong telah melawat Malaysia.

Kerajaan akan terus memastikan bekalan makanan mencukupi dan mampu dibeli serta menawarkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan rakyat. Dalam hal ini, pelbagai program berimpak tinggi seperti penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran serta penternakan ikan sangkar telah dilaksanakan di Lahad Datu, Sabah; Tasik Temenggor, Perak dan Kota Tinggi, Johor. Sasaran pengeluaran untuk program ini ialah 67,307 tan metrik dan mewujudkan 2,038 peluang pekerjaan baharu menjelang 2020 berbanding pengeluaran semasa 8,493 tan metrik dan 466 peluang pekerjaan. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM37.3 juta telah dibelanjakan untuk program berkenaan.

Usaha menaik taraf sistem pengairan dan saliran di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) adalah bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk padi serta melindungi kawasan pertanian daripada banjir. Inisiatif tersebut merangkumi beberapa program termasuk pemodenan sistem pengairan padi, pembangunan bagi Program Sumber Air serta program tebatan banjir bagi kawasan pertanian di tujuh kawasan IADA sedia ada dan juga di empat IADA baharu di Pekan dan Rompin, Pahang; Kota Belud, Sabah dan Batang Lupar, Sarawak. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM114.7 juta telah dibelanjakan untuk program tersebut.

Pada masa yang sama, Kerajaan terus memberi subsidi RM70 juta bagi input pertanian, termasuk baja dan racun perosak untuk meningkatkan pengeluaran padi bukit serta meningkatkan pendapatan para petani padi bukit di Sabah dan Sarawak. Insentif ini merangkumi kawasan seluas 71,000 hektar dengan 60,000 hektar di Sarawak dan 11,000 hektar di Sabah. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM17.6 juta telah dibelanjakan memanfaatkan 16,154 petani.

Kerajaan memberi komitmen untuk meningkat dan mengukuhkan program promosi eksport negara. Bagi tujuan ini, Program Promosi Malaysia, Dana Eksport Perkhidmatan dan Geran Pembangunan Pasaran telah diperkenalkan dalam Bajet 2016 dengan dana pelancaran RM80 juta. Program Promosi Malaysia ialah inisiatif mempromosikan barangan eksport keluaran Malaysia, perkhidmatan, pelancongan dan pelaburan di satu pusat sehenti. Pada masa ini, program tersebut dilaksanakan di Shanghai, London dan Melbourne. Sementara itu, Dana Eksport Perkhidmatan ialah satu skim geran bayaran balik dan pinjaman mudah kepada Penyedia Perkhidmatan Malaysia bertujuan memperluas dan meneroka pasaran antarabangsa. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM19.1 juta telah diagihkan kepada 47 penyedia perkhidmatan.

Bagi meningkatkan keupayaan PKS dan Syarikat Peringkat Pertengahan (SPP) untuk mengeksport barang dan perkhidmatan, terutamanya syarikat eksport bagi meneroka produk dan pasaran baharu, Kerajaan terus melaksanakan beberapa program, termasuk Program *Go-Export* dan Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM24.3 juta telah diagihkan kepada kumpulan sasaran. Selain itu, bagi memastikan pematuhan kepada piawaian antarabangsa sebagai prasyarat untuk membolehkan syarikat Malaysia menembusi pasaran luar negara, maka insentif bagi penubuhan Badan Penilaian Pematuhan Bebas (ICAB) telah diumumkan semasa bajet. ICAB menawarkan perkhidmatan penilaian pematuhan bebas kepada pelanggan tentang pematuhan spesifikasi antarabangsa atau piawaian keselamatan. Garis panduan tersebut boleh dimuat turun dari laman sesawang Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 13 Mei 2016.

Dalam Pengubahsuaian Bajet 2016, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah tambahan bagi memelihara kesejahteraan rakyat. Bagi merancang perbelanjaan penggunaan, caruman pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah dikurangkan 3% bermula Mac 2016 sehingga Disember 2017. Seramai 44% ahli KWSP telah memilih opsi ini pada akhir Ogos 2016. Dalam masa yang sama, bagi membantu golongan berpendapatan pertengahan, pelepasan cukai khas sebanyak RM2,000 diberikan kepada pembayar cukai individu dengan pendapatan bulanan sebanyak RM8,000 atau ke bawah. Pelepasan cukai khas ini memanfaatkan dua juta pembayar cukai dengan penjimatan sehingga RM475 setiap individu.

Pelbagai langkah juga diperkenalkan untuk memperkukuh kewangan Kerajaan. Bagi mengurangkan ketirisan, mulai 1 November 2016, penjualan rokok dan arak akan dihadkan kepada outlet bebas cukai berlesen daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pada masa yang sama, layanan bebas cukai untuk kenderaan import telah diperketatkan di pulau bebas cukai iaitu Labuan, Langkawi dan Tioman. Langkah lain bagi mengoptimalkan hasil ialah melalui

penyusunan semula spektrum telekomunikasi menerusi pengagihan semula dan proses pembidaan. Di samping itu, selaras dengan inisiatif perbelanjaan berhemah, Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimalkan Perbelanjaan Kerajaan telah dikeluarkan pada Mac 2016 merangkumi perjalanan luar negara, utiliti, pengurusan majlis, sewa pejabat, penyumberan luar dan pengurusan sumber manusia.

Keutamaan Kedua: Meningkatkan Produktiviti, Inovasi Dan Teknologi Hijau

Produktiviti Malaysia telah meningkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), namun ianya masih ketinggalan berbanding kebanyakan negara maju. Bagi tempoh empat tahun akan datang, produktiviti disasarkan meningkat 3.7% setahun. Dalam hal ini, tiga langkah telah diperkenalkan iaitu mempercepat inovasi dan keusahawanan, memanfaatkan kemajuan teknologi dan membudaya teknologi hijau.

Langkah 1: Mempercepat Inovasi Dan Keusahawanan

Bagi menjadikan negara sebagai hab teknologi yang berdaya saing di rantau ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah diperuntukkan RM1.3 bilion. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM37.3 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan pelbagai program, termasuk Program Pembangunan Modal Insan dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI). Di samping itu, Pengkomersilan eDirektori, merupakan platform yang menyediakan maklumat berkaitan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan juga telah diperkenalkan. Sementara itu, Jawatankuasa Saintifik Penyelidikan Antartika (SCAR) 2016 dengan tema "*Antarctica in the Global Earth System: From the Poles to the Tropics*" telah berjaya diadakan pada 20 hingga 30 Ogos 2016.

Bagi merangsang pengkomersilan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh institusi penyelidikan tempatan, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) melalui Program Pelaburan Strategik dalam Syarikat Inovatif telah melabur sebanyak RM276.7 juta dalam 11 syarikat merentasi pelbagai Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Pada 2016, tambahan RM50 juta telah diperuntukkan kepada AIM dan pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM32 juta telah dilabur dalam lima syarikat. Sebanyak RM200 juta lagi telah diperuntukkan oleh Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) bagi Skim Pembiayaan Untuk Mempercepat Teknologi Dan Inovasi untuk mewujudkan juara serantau. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak empat syarikat telah diperuntukkan pembiayaan berjumlah RM30 juta.

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai peneraju hab keusahawanan serantau, sejumlah RM35 juta diperuntukkan kepada Pusat Inovasi Dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC). Dalam hal ini, beberapa program, termasuk Pusat Keusahawanan ASEAN (ACE), Program Pertukaran Startup, Program MaGIC Accelerator, StartupDB dan

MaGIC Sentral telah dilaksanakan. ACE merupakan platform perkhidmatan sehenti bagi rangkaian *startups* Asia Tenggara di rantau ini. Pada akhir Ogos 2016, ACE telah mewujudkan rangkaian dengan rakan ASEAN dan bukan ASEAN termasuk Inkubator Perniagaan Rehoboth di Korea Selatan serta Yayasan Usahawan ASEAN di Hong Kong. Bermula pada suku ketiga 2016, ACE melaksanakan Program Pertukaran Startup bersama rakan serantau seperti Program Keusahawanan Global Indonesia di Indonesia dan c-ASEAN di Thailand. Program ini telah bermula sejak suku ketiga 2016.

Pada masa yang sama, Akademi MaGIC dan Akademi Keusahawanan Sosial telah berjaya meningkatkan kemahiran dan melatih lebih daripada 13,000 usahawan melalui 180 bengkel dan boot kem yang diadakan di enam bandar raya seluruh negara. Di samping itu, perkongsian eksklusif telah diwujudkan dengan Universiti Stanford yang melibatkan 90 usahawan bagi mengikuti program e@Stanford dan Stanford Go2Market untuk menilai kebolehpayaan serta memperkukuh perniagaan. Tambahan pula, 12 pensyarah dari universiti tempatan telah dihantar ke Universiti Stanford sebagai sebahagian daripada *Stanford Technology Ventures Program* bagi meningkatkan tahap pendidikan keusahawanan. Selain itu, Program MaGIC Accelerator menyediakan peserta akses kepada program mentor dan bengkel yang diterajui oleh pakar industri dan usahawan berpengalaman. Pada akhir Ogos 2016, Program MaGIC Accelerator telah menerima 150 *startup* daripada lebih 20 negara. MaGIC juga menawarkan ruang kerja bersama di kampus MaGIC Cyberjaya yang menempatkan lebih 150 usahawan bagi meningkatkan ekosistem keusahawanan di seluruh negara dan sedang dalam proses melancarkan Borneo744, hab keusahawanan kreatif di Kuching. MaGIC juga telah melancarkan StartupDB, pangkalan data komprehensif mengenai maklumat *startup* bagi menyediakan maklumat global dengan lebih 2,000 perniagaan didaftarkan. Sumber portal komprehensif (MaGIC Sentral) juga ditubuhkan bagi menghubungkan usahawan dengan agensi. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM29 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan kesemua program ini.

Langkah 2: Memanfaatkan Kemajuan Teknologi

Bagi menggalakkan sistem binaan berindustri (IBS) dalam sektor pembinaan, *SME Bank* telah memperuntukkan RM500 juta pada 2016 bagi Program Promosi Dana Pembiayaan IBS dalam sektor pembinaan. Pada akhir Ogos 2016, pinjaman mudah RM15 juta telah disalurkan kepada PKS yang terlibat dalam IBS bagi pembelian aset tetap, pengubahsuaian kilang dan penyediaan modal kerja.

Langkah 3: Membudaya Teknologi Hijau

Kerajaan memberi komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau kepada 40% daripada KDNK menjelang 2020 berbanding paras 2005. Antara program

di bawah inisiatif ini ialah *Electricity Mobility Action Plan* termasuk proses audit tenaga. Audit tenaga dan retrofit terhadap sistem penyaman udara dan pencahayaan bangunan Kerajaan sedang dilaksanakan. Projek ini diperuntukkan RM26.1 juta dan pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM5.3 juta telah dibelanjakan.

Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) diperkenalkan pada 2010 bagi mempercepatkan perkembangan industri teknologi hijau dengan menyediakan akses mudah kepada pembiayaan. Di bawah skim ini, Kerajaan menyediakan 60% jaminan ke atas jumlah pembiayaan dan rebat 2% ke atas kadar faedah atau keuntungan yang dikenakan oleh institusi kewangan. Pemohon projek boleh terdiri daripada pengguna dan pengeluar teknologi hijau dengan had pembiayaan sehingga RM10 juta dan RM50 juta. Sejak dilaksanakan, 509 permohonan telah diproses oleh GreenTech Malaysia dengan nilai projek RM20.8 bilion dan kos Teknologi Hijau RM7.8 bilion. Skim ini telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2017. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah 226 projek telah dibiayai dengan kos projek RM2.4 bilion.

Keutamaan Ketiga: Mempersiapkan Modal Insan

Modal insan merupakan penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi. Menyedari kepentingannya, Bajet 2016 memperkenalkan lima langkah untuk memperkasa modal insan. Langkah tersebut ialah memantapkan kualiti pendidikan; memantapkan pendidikan tinggi; mentransformasi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET); memperkasa belia, masyarakat dan organisasi bukan kerajaan (NGO) dan mewujudkan tenaga kerja yang berkualiti.

Langkah 1: Memantapkan kualiti pendidikan Malaysia

Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, sejumlah RM41.3 bilion diperuntukkan pada 2016 termasuk bagi membina 30 sekolah rendah, 27 sekolah menengah dan lima sekolah berasrama penuh, empat Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) serta juga menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur. Pada akhir Ogos 2016, kerja pembinaan adalah di peringkat pra pelaksanaan. Sebanyak RM500 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan pendidikan kepada sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah agama, sekolah berasrama penuh, sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah pondok berdaftar dan sekolah menengah jenis kebangsaan Cina atau sekolah Pematuhan. Pada masa yang sama, pelbagai program sedang dijalankan di prasekolah di seluruh negara. Program tersebut antara lain termasuk Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA): Program Pendidikan Prasekolah yang bertujuan untuk meningkatkan kadar kemasukan ke prasekolah kebangsaan dan meningkatkan kualiti

keseluruhan pendidikan prasekolah. Sementara itu, RM12.9 juta diperuntukkan bagi Geran Per Kapita Prasekolah, manakala RM66.6 juta untuk program Bantuan Makanan Prasekolah dan RM3.2 juta bagi program Bantuan Kokurikulum Prasekolah pada akhir Ogos 2016. Program ini telah memanfaatkan 200,699 kanak-kanak prasekolah di 6,048 sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan.

Bagi memartabatkan Bahasa Melayu dan meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, beberapa langkah telah diperkenalkan, termasuk transformasi kurikulum, pembinaan keupayaan dan khidmat perunding, pakar-pakar dan pembantu guru. Pada akhir Ogos 2016, seramai 100 Pembantu Pengajar English Fulbright dari Universiti Amerika telah ditempatkan di 100 buah sekolah di lapan negeri iaitu Kedah, Kelantan, Pahang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu. Ke arah meningkatkan kadar kelulusan pelajar bagi kertas Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 170 guru di sekolah menengah atas di semua negeri dijadual menghadiri Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS). Program Dwibahasa (DLP) dan Program Imersif Tinggi (HIP) juga telah diperkenalkan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM4.6 juta telah dibelanjakan untuk DLP melibatkan 296 sekolah harian, 15 sekolah agama dan 68 buah sekolah berasrama penuh. Setelah dilaksanakan program perintis HIP di 94 sekolah di enam negeri iaitu Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Sabah dan Sarawak, pada Julai 2016, program ini telah diperluaskan ke seluruh negara untuk 1,106 buah sekolah lagi.

Bantuan persekolahan RM100 kepada semua pelajar telah diteruskan untuk meringankan beban perbelanjaan persekolahan bagi isi rumah berpendapatan bulanan di bawah RM3,000. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM324.5 juta diagihkan kepada 3.2 juta pelajar seluruh negara. Program makanan tambahan yang pada mulanya disediakan pada waktu rehat ditambah kepada sarapan pagi untuk pelajar daripada keluarga miskin. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM315.7 juta telah dibelanjakan untuk program ini dan memanfaatkan 547,110 pelajar di seluruh negara. Selain itu, RM250 Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) telah disediakan untuk 1.2 juta pelajar di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta termasuk pelajar pra-universiti.

Langkah 2: Memantapkan Pendidikan Tinggi

Kerajaan meneruskan program biasiswa melalui pelbagai kementerian, iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Kesihatan (KKM). Program di bawah JPA seperti Program Biasiswa Nasional, Program Kejuruteraan Khas, Program Bursary, Program Pasca Bursary, Program Ijazah Dalam Negara dan Program Dermasiswa B40. Biasiswa penuh adalah bagi Program Dermasiswa

B40, manakala program lain disediakan dalam bentuk pinjaman boleh ubah. Pada akhir Ogos 2016, RM684 juta telah diagihkan kepada 48,830 pelajar. Basiswa di bawah KPM telah disediakan melalui pelbagai program seperti Program Basiswa Persekutuan, Program Bursary dan Program Pelajar Cemerlang. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM133.1 juta telah diagihkan kepada 159,483 pelajar. Program basiswa di bawah KPT melibatkan Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Sub Kepakaran dan Pasca Doktorat (SKPD), *My Brain Science*, Basiswa Sukan dan Basiswa Komanwel. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM62.2 juta telah diagihkan kepada 2,307 pelajar. Sementara itu, KKM juga menyediakan basiswa terutamanya kepada pegawai perubatan dan pelatih paramedik. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM153.5 juta telah diagihkan kepada 3,822 pegawai perubatan dan 14,884 pelatih paramedik.

Langkah 3: Mentransformasi Latihan Teknikal Dan Vokasional

Kerajaan memberi komitmen untuk mentransformasi TVET sebagai bidang utama bagi meningkatkan kualiti tenaga kerja tempatan. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM4.8 bilion kepada 545 institusi TVET melalui Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). KWPSM telah memperkenalkan Pengiktirafan Pengalaman dan Pembelajaran Terdahulu (RPEL) pada April 2016 bagi pekerja di bawah kategori B40. RPEL berperanan untuk menyediakan pengiktirafan dan sokongan terhadap sijil dan pengalaman pekerja tempatan berasaskan kepada set kriteria awalan mengikut Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 4 oleh JPK. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM515,850 telah dibelanjakan memanfaatkan 100 pekerja. Pada masa yang sama, Program Peningkatan Kebolehpasaran Graduan (GENERATE) direka khusus untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah. Melalui program ini, graduan akan dilengkapi dengan kemahiran tinggi, kompetensi dan pengalaman berkaitan yang diperlukan oleh industri. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM1.7 juta telah dibelanjakan untuk melatih 160 graduan menganggur.

Langkah 4: Memperkasa belia, komuniti dan NGO

Kerajaan mengiktiraf sumbangan belia kepada pembangunan. Bagi menggalakkan lagi sumbangan mereka, sebanyak RM280 juta telah diperuntukkan untuk latihan teknikal dan vokasional di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN). Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM114.8 juta telah dibelanjakan untuk pelbagai latihan teknikal dan vokasional. Di samping itu, sebanyak RM155.4 juta telah diperuntukkan pada 2016 untuk penyediaan atlet bagi Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 tahun hadapan di Kuala Lumpur serta bagi Program Podium (Atlit Elit). Kedua program latihan ini melibatkan 755 atlet, 105 jurulatih, 140 pertandingan tempatan dan 478 pertandingan antarabangsa. Sementara itu, Program

Podium merupakan salah satu daripada lapan inisiatif di bawah Rangka Kerja Berprestasi Tinggi dengan objektif keseluruhan untuk mencapai kecemerlangan sukan. Sasaran program ini termasuk memenangi pingat emas pertama Malaysia pada Sukan Olimpik Tokyo pada 2020, mengembalikan sepuluh tempat teratas pada Sukan Asia di Jakarta-Palembang 2018 dan Sukan Komanwel 2018 di Gold Coast, serta melahirkan 10 atlit berkedudukan enam terbaik dunia. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM55.7 juta telah dibelanjakan untuk program tersebut.

Kerajaan terus menggalakkan penglibatan NGO dalam program pembangunan masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Program ini dibahagikan kepada lapan bidang utama, iaitu Keluarga; Keibubapaan; Kebapaan; Pra perkahwinan; Pengukuhan Perkahwinan; Program Remaja; Kesihatan Reproduksi dan Pencegahan HIV/AIDS. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM2.1 juta disalurkan kepada 73 NGO.

Langkah 5: Mewujudkan Tenaga Kerja Berkualiti

Bagi melatih semula pekerja yang diberhentikan, 30% daripada KWPSM akan diperuntukkan untuk program latihan manakala 1Malaysia Outplacement Centre telah ditubuhkan pada Mac 2016. Pusat ini bertujuan memberikan kaunseling kerja dan perancangan, pepadanan pekerjaan dan program latihan. Pada masa kini, KWPSM bekerjasama dengan lebih 40 syarikat dalam pelbagai sektor iaitu minyak dan gas (O&G), pembuatan, teknologi maklumat, hospitaliti dan runcit. Sebanyak 23 kursus latihan telah diluluskan dan pada akhir Ogos 2016, sejumlah 564 peserta sedang menjalani latihan yang dikelolakan oleh penyedia latihan yang berdaftar dengan KWPSM.

Special Programme Intended for Community Enrichment (SPICE) berhasrat untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat di Sabah dan Sarawak. Kursus latihan yang ditawarkan disesuaikan dengan keperluan industri tempatan. Program ini disasarkan kepada isi rumah B40, lepasan sekolah dan bakal usahawan. SPICE telah bermula di Sarawak pada 23 April 2016 dengan 50 orang pelatih dan pada akhir Ogos 2016, sebanyak 15 kursus telah dijalankan yang memanfaatkan 4,843 peserta.

Kerajaan melalui pelbagai agensi akan melatih tambahan 15,000 peserta di bawah Skim Latihan 1Malaysia (SL1M). Skim ini disasarkan kepada graduan yang mempunyai kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan. Melalui program ini, graduan dilatih dalam tempoh 12 bulan merangkumi dua bulan latihan insaniah dan maksimum 10 bulan latihan dalam pekerjaan. Pada akhir program ini, graduan akan diserap sebagai pekerja dalam syarikat atau dibantu untuk mendapatkan pekerjaan dalam syarikat lain. Mulai Januari hingga Ogos 2016, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) telah membelanjakan RM153 juta untuk program ini dan memberi manfaat kepada 9,000 graduan.

Pada 2012, Program Pengarah Wanita (WDP) telah dilancarkan bertujuan untuk meningkatkan bilangan wanita dalam jawatan membuat keputusan utama terutamanya dalam sektor swasta. Seterusnya, pada 2015 Kerajaan telah melancarkan Latihan Lanjutan Program Pengarah Wanita (AWDTP) dengan objektif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pemimpin wanita daripada WDP. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak 49 penempatan melibatkan wanita dalam Lembaga Pengarah syarikat awam tersenarai merupakan peserta daripada AWDTP.

Keutamaan Keempat: Memperkasa Agenda Bumiputera

Selaras dengan dasar pertumbuhan inklusif dan mapan Kerajaan, Bajet 2016 memperkenalkan beberapa inisiatif untuk memperkasa masyarakat Bumiputera, termasuk di Sabah dan Sarawak. Sasaran di bawah inisiatif ini adalah untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera kepada sekurang-kurangnya 30% dan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan mahir kepada sekurang-kurangnya 60% menjelang 2020. Semenjak penubuhannya pada 1 September 2009, Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) telah mewujudkan lima dana bertujuan menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mapan, iaitu tiga dana pelaburan langsung dan dua dana penyumbangan luar. Pada 2016, sebanyak RM300 juta tambahan diperuntukkan kepada dana tersebut dan pada akhir Ogos 2016, jumlah modal yang dilaburkan adalah RM2.9 bilion.

Sejumlah RM150 juta telah diperuntukkan kepada Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) bagi meningkatkan pemilikan ekuiti dan memperkukuh aktiviti keusahawanan dan perniagaan Bumiputera. PHB merupakan penaja bagi Amanah Hartanah Bumiputera (AHB), dana amanah yang melabur terutamanya dalam hartanah di Malaysia. Pada masa ini, PHB menerima aliran pendapatan sewa yang stabil daripada 15 hartanah komersil. Pada 2016, saiz dana terus meningkat dari 2 bilion kepada 3.5 bilion unit. Selain itu, kemasukan pelaburan minimum telah dikurangkan daripada RM500 kepada RM100 setiap orang, manakala pelaburan maksimum telah ditingkatkan daripada RM400,000 kepada RM500,000 setiap orang. Pada akhir Ogos 2016, PHB telah melaburkan kesemua RM150 juta yang diperuntukkan.

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah diperuntukkan RM150 juta untuk melaksanakan pelbagai program, termasuk Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB). Objektif utama TERAS adalah bagi mempermudah perkembangan syarikat Bumiputera berprestasi tinggi. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM3.7 bilion telah diperoleh dari beberapa bank bagi kemudahan pembiayaan TERAS. Sebanyak RM1.3 bilion telah diberi kepada 302 syarikat. TERAJU juga bekerjasama dengan agensi

berkaitan, termasuk agensi pembangunan usahawan, pihak berkuasa inkubator dan institusi kewangan bagi menggalakkan penyertaan Bumiputera di Sabah dan Sarawak dalam program penyediaan dana dan pembinaan kapasiti. Pada akhir Ogos 2016, TERAJU telah menyediakan bantuan kewangan RM336.2 juta kepada 6,476 usahawan Bumiputera baharu dan sedia ada bagi perolehan peralatan, mesin pembungkusan dan modal kerja. Sementara itu, INSKEN yang ditubuhkan pada 2014, merupakan pusat bagi pembangunan keusahawanan dan program bina upaya bagi PKS milik Bumiputera. INSKEN telah melaksanakan beberapa program latihan dengan kerjasama pelbagai agensi dan pada 2016, INSKEN memberi tumpuan terhadap program latihan keusahawanan kepada graduan TVET. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak 142 program telah dilaksanakan memfaat 11,684 peserta. Sementara itu, program SUPERB merupakan pertandingan idea perniagaan inovatif yang diadakan pada setiap suku tahun dan pemenang menerima geran bernilai sehingga RM500,000. Program ini disasarkan kepada 200 *startup* melibatkan peserta berumur antara 18 hingga 40 tahun. Pada akhir Ogos 2016, seramai 111 pemenang dari lapan pertandingan telah menerima geran berjumlah RM50.5 juta.

Sejumlah RM250 juta lagi diperuntukkan kepada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) untuk memperkasa masyarakat Bumiputera melalui program keusahawanan. Pada 2016, peruntukan sebanyak RM175 juta diagihkan kepada tujuh program, iaitu Skim PKS, PROSPER Runcit, PROSPER Pemborong, PROSPER Usahawan Muda, PROSPER Hartanah, Siswazah Perantis dan Pembangunan Latihan. Skim PKS bertujuan meningkatkan bilangan PKS Bumiputera dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan, manakala program PROSPER pula bertujuan membangun dan membantu usahawan Bumiputera untuk meningkatkan daya saing dan penyertaan mereka dalam subsektor perdagangan, borong dan runcit. Program Siswazah Perantis bertujuan melahirkan usahawan muda yang dinamik dan berdaya tahan dalam subsektor yang sama, manakala Pembangunan Latihan bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam membangun dan meluaskan perniagaan. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM142.1 juta telah disalurkan untuk program berkenaan.

Kerajaan melalui Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera telah memperkenalkan skim pendidikan Bumiputera pelbagai peringkat bagi membantu pelajar dari isi rumah miskin. Di peringkat pertama, Peneraju Tunas Azam menempatkan pelajar dengan pencapaian akademik yang lemah di asrama berpusat untuk menghadiri sekolah rendah dan menengah. Pada akhir Ogos 2016, seramai 323 pelajar telah mendapat manfaat daripada program ini. Di peringkat kedua, Peneraju Tunas Geliga menempatkan pelajar dengan keputusan akademik sederhana dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di MRSM, sekolah berasrama penuh atau sekolah harian. Program

ini telah bermula pada September 2016. Di peringkat ketiga adalah Peneraju Tunas Potensi bagi pelajar dengan pencapaian akademik sederhana dalam peperiksaan SPM/Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Pelajar ini diberi peluang untuk melanjutkan pengajian tinggi di universiti tempatan dan luar negara. Program ini telah bermula pada Mac 2016 melibatkan 177 pelajar. Jumlah peruntukan bagi tiga skim ini adalah RM51.4 juta dan pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM23.3 juta telah dibelanjakan. Sementara itu, Peneraju Skil merupakan skim bukan akademik bagi belia, termasuk pelajar tercicir untuk dilatih dalam industri seperti O&G, perkhidmatan perniagaan dan pelancongan. Peruntukan bagi program ini berjumlah RM50.3 juta dan pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM10.3 juta telah dibelanjakan memanafaat 993 pelajar. Pada masa yang sama, Peneraju Profesional disasarkan untuk meningkatkan kemahiran bakat melalui persijilan profesional dalam industri berimpak tinggi seperti perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Peruntukan bagi program ini berjumlah RM31.8 juta dan pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM20.3 juta telah dibelanjakan yang memanafaat 743 peserta.

Bagi terus memperkukuh masyarakat Bumiputera, Kerajaan melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) terus menyediakan tajaan pendidikan kepada seramai 72,000 pelajar Bumiputera di peringkat pengajian tinggi di universiti dan kolej tempatan serta luar negara. Bagi tujuan ini, RM1.8 bilion telah diperuntukkan dan pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM1.7 bilion telah dibelanjakan.

Keutamaan Kelima: Meringankan Kos Sara Hidup Rakyat

Peningkatan kos sara hidup yang merujuk kepada peningkatan perbelanjaan dalam mengekalkan taraf hidup tertentu merupakan isu yang membimbangkan, terutamanya di kalangan golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Empat langkah telah diperkenalkan dalam bajet bagi meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat, iaitu meningkatkan kualiti hidup isi rumah B40; menyediakan rumah mampu milik; menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti dan memastikan kebajikan golongan kurang bernasib baik dan orang kurang upaya (OKU).

Langkah 1: Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah B40

Kerajaan terus memberi tumpuan bagi meningkatkan kualiti hidup isi rumah B40. Dalam hal ini, RM500 juta diperuntukkan kepada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional), iaitu RM450 juta untuk usahawan Bumiputera dan RM50 juta untuk usahawan masyarakat India tempatan. TEKUN Nasional menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan mikro, termasuk TEKUN Niaga, TEMAN TEKUN dan *Tekun I-Factoring* kepada usahawan Bumiputera berskala kecil. Pada akhir Ogos 2016, TEKUN Nasional telah memberi pinjaman RM464 juta

kepada 36,462 usahawan. Pada 2008, TEKUN Nasional telah menubuhkan Skim Pembangunan Usahawan India untuk membantu usahawan masyarakat India tempatan dan pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM39.5 juta telah disalurkan kepada 1,785 usahawan.

Yayasan Penjaja dan Peniaga Kecil 1Malaysia (YPPKM) telah ditubuhkan pada Februari 2015 untuk mengurus dan menyelaras pinjaman mudah kepada penjaja dan peniaga kecil Cina. Berkuatkuasa April 2016, jumlah pinjaman maksimum telah ditingkatkan daripada RM15,000 kepada RM20,000. Pada akhir Ogos 2016, YPPKM telah mengeluarkan RM16 juta yang memanafaat 1,100 penjaja dan peniaga kecil. Bagi meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya di 613 Kampung Baru, sebanyak RM58.8 juta telah diperuntukkan kepada 764 projek termasuk menaik taraf jalan, sistem perparitan, dewan serbaguna, gelanggang bola keranjang, taman rekreasi dan pintu gerbang kampung. Selain projek infrastruktur, Kerajaan juga memperuntukkan RM8.7 juta untuk menaik taraf rumah penduduk miskin memanafaat 1,019 isi rumah. Tambahan pula, pinjaman mudah sejumlah RM20 juta telah diluluskan untuk penduduk Kampung Baru bagi membiayai aktiviti perniagaan dan menaik taraf rumah.

Usaha meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli terus dipergiatkan menerusi peruntukan RM300 juta untuk program pembasmian kemiskinan dan kebajikan. Dalam hal ini, pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM75.7 juta telah dibelanjakan untuk memperbaiki infrastruktur asas, termasuk pembinaan jalan raya, sekolah, rumah, pusat sehenti, kemudahan awam serta bekalan elektrik. Inisiatif lain di bawah program ini, termasuk bantuan makanan tambahan, wang saku dan tambang pengangkutan sekolah yang memanafaat 41,657 pelajar. Sementara itu, bagi Projek Pembangunan Ekonomi Orang Asli, seluas 579.2 hektar ladang getah dan kelapa sawit serta tanaman lain telah dibangunkan di kawasan penempatan Orang Asli di Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor.

Bagi meringankan kenaikan kos sara hidup isi rumah berpendapatan rendah, berkuatkuasa 1 Julai 2016, gaji minimum negara telah dinaikkan daripada RM900 kepada RM1,000 sebulan bagi Semenanjung dan daripada RM800 kepada RM920 sebulan untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Langkah ini memanafaat 1.7 juta pekerja di seluruh negara.

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) ialah satu lagi program yang menyediakan bantuan kepada isi rumah berpendapatan rendah, termasuk individu bujang. Pada 2016, Kerajaan telah meningkatkan bayaran BR1M daripada RM1,000 kepada RM1,050 untuk semua penerima dalam pangkalan data e-Kasih. Bayaran BR1M juga ditingkatkan daripada RM950 kepada RM1,000 untuk isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah. Bagi isi rumah

berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000, bayaran BR1M telah ditingkatkan daripada RM750 kepada RM800, manakala bagi individu bujang berumur 21 tahun dan ke atas, peningkatan bantuan daripada RM350 kepada RM400. Pengagihan BR1M telah dilakukan dalam empat peringkat, iaitu pada 28 Januari, 28 April, 15 Jun dan 28 September 2016. Pada akhir September 2016, sejumlah RM5.4 bilion telah diagihkan kepada 4.2 juta isi rumah dan 3.1 juta individu bujang. Sementara itu, Skim Khairat Kematian Keluarga bagi melayakkan waris terdekat penerima BR1M mendapat bantuan RM1,000 yang diperkenalkan pada 2015, telah diteruskan pada 2016 memanfaatkan 38,620 individu.

Bagi membolehkan isi rumah B40 memperoleh pendapatan lebih tinggi, RM50 juta telah diperuntukkan untuk Program Latihan Kerjaya dan Kemahiran serta Program Peningkatan Pendapatan. Program Latihan Kerjaya menyediakan bantuan kepada kumpulan sasar untuk menyertai kursus latihan kemahiran. Sementara itu, Program Peningkatan Pendapatan menyediakan bantuan kewangan kepada peserta untuk melaksanakan projek berkaitan ekonomi dalam pelbagai sektor. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM34.8 juta telah dibelanjakan untuk program ini memanfaatkan 4,493 peserta. Selaras dengan usaha untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40 melalui penyertaan dalam ekonomi digital, Kerajaan telah memperluas program eRezeki dan eUsahawan di seluruh negara. Pada akhir Ogos 2016, lebih daripada 13,404 individu terlibat dalam program ini dan pendapatan 4,756 peserta telah meningkat dengan tambahan jualan bulanan RM2 juta untuk pelajar TVET dan RM13.3 juta untuk usahawan mikro. Tambahan pula, Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus merupakan satu lagi inisiatif untuk meningkatkan kemahiran isi rumah B40, khususnya ibu tunggal, anak yatim, belia yang berisiko tinggi dan keciciran sekolah. Dalam hal ini, sejumlah RM65 juta diperuntukkan dan pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM61.2 juta telah diagihkan kepada agensi dan NGO berkaitan bagi pelaksanaan pelbagai program.

Sebagai mengiktiraf sumbangan penjawat awam dalam membangunkan negara serta menyesuaikan kenaikan kos sara hidup, beberapa langkah telah diperkenalkan untuk meningkatkan sistem saaraan dalam sektor awam. Berkuat kuasa 1 Julai 2016, penjawat awam telah disediakan dengan pemindahan gaji bersamaan satu kenaikan gaji tahunan mengikut gred. Inisiatif lain termasuk penambahbaikan skim perkhidmatan serta menetapkan gaji permulaan minimum dalam Perkhidmatan Awam kepada RM1,200 sebulan dan menetapkan kadar pencen minimum sebanyak RM950 untuk pesara dengan sekurang-kurangnya 25 tahun tempoh perkhidmatan. Pada masa yang sama, pegawai lantikan *Contract of Service* yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun telah dilantik secara tetap. Keseluruhannya, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM1.6 bilion ke atas inisiatif ini dan memanfaatkan 1.6 juta penjawat awam, 252 skim perkhidmatan, 50,000 pesara dan 10,000 pegawai kontrak. Selain itu, pada

Januari 2016, Kerajaan telah menyediakan pemberian khas tunai sebanyak RM500 kepada semua penjawat awam dan pembayaran khas RM250 kepada pesara, dengan jumlah perbelanjaan RM1 bilion.

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dalam meningkatkan pendapatan serta produktiviti pekebun kecil dan penoreh getah. Langkah ini termasuk Program Pembangunan Kawasan Penanaman Semula Getah, Program Peningkatan Produktiviti dan Pembangunan Pekebun Kecil, Program *Sequential* Getah dan Bantuan Penanaman Semula Kelapa Sawit, Program Penanaman Semula Getah Ke Tanaman Lain, Skim Tanam Semula Sawit dan Skim Tanam Baharu Sawit. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM665.6 juta telah diagihkan kepada 133,982 pekebun kecil. Bagi mengurangkan kesan harga getah yang rendah ke atas pendapatan, Kerajaan telah menambah baik insentif pengeluaran getah (IPG). Harga pengaktifan IPG telah dinaikkan kepada RM5.50 sekilogram bagi SMR20 (f.o.b) atau RM2.20 sekilogram untuk getah sekerap. Melalui inisiatif ini, pekebun kecil dengan saiz pegangan purata 2.2 hektar dan pengeluaran tahunan sebanyak 3,000 kilogram sehektar *cuplumps* kini memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM1,210 berbanding RM1,100 sebelum ini.

Dalam meningkatkan pendapatan pesawah, Kerajaan telah melaksanakan inisiatif penggredan padi serta menambah baik Skim Subsidi Harga Padi (SSHP). Penggredan padi adalah berdasarkan penyeragaman harga padi pada RM1,200 setiap tan metrik. Bagi melengkapkan inisiatif ini, Kerajaan telah menaikkan kadar SSHP dari RM248.10 kepada RM300 bagi setiap tan metrik. Inisiatif ini membolehkan petani memperoleh pendapatan tambahan RM296.50 setiap musim. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak 197,789 petani telah mendapat manfaat melalui inisiatif ini. Sebagai langkah tambahan, Pengubahsuaian Bajet 2016 telah menyediakan tunai tambahan sebanyak RM50 kepada petani bagi setiap tan metrik padi bersih sebagai insentif input pengeluaran padi. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM66 juta telah diagihkan kepada 104,610 petani. Selain itu, beberapa langkah baharu telah diperkenalkan di dalam pengubahsuaian bajet bagi meringankan kenaikan kos sara hidup. Ini termasuk penubuhan *MyFarm Outlets* yang menawarkan hasil pertanian seperti ikan, ayam, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan pada harga antara 5% dan 20% di bawah harga pasaran. Cawangan pertama telah beroperasi di Presint 7, Putrajaya pada Mac 2016. Cawangan ini telah diperluaskan di dua lokasi lain iaitu di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kelantan dan Manjung, Perak. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM2.4 juta telah dibelanjakan untuk program ini.

Langkah 2: Menyediakan Rumah Mampu Milik

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pelbagai program pemilikan rumah telah diperkenalkan bagi membolehkan rakyat memiliki rumah mampu milik. Antara inisiatif

tersebut ialah program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang menyediakan rumah mampu milik kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara RM2,500 dan RM10,000. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah 96,254 unit sedang dalam pembinaan dan 10,000 unit dijangka siap pada akhir tahun 2016. Selain itu, bagi meringankan beban pembeli rumah pertama, Kerajaan telah melancarkan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) pada 7 April 2016. Skim tersebut menyediakan sehingga 10% atau maksimum RM30,000 yang mana lebih rendah untuk bayaran pendahuluan bagi rumah berharga RM500,000 dan ke bawah. Pada akhir Ogos 2016, 1,624 pembeli telah mendapat manfaat daripada program ini. Di samping itu, di bawah Pengubahsuaian Bajet 2016, rumah berharga RM300,000 dan ke bawah hanya disediakan kepada pembeli rumah kali pertama. Berkuatkuasa Februari 2016, deposit 3% ke atas jumlah kos pembinaan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dikecualikan bagi memberi insentif kepada pemaju untuk membina rumah tersebut.

Bagi golongan berpendapatan rendah, program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) telah diperkenalkan untuk membolehkan pemilik tanah membina rumah di atas tanah mereka. Sejak program ini dimulakan pada tahun 2002, sebanyak 36,316 buah rumah telah siap dibina dan pada akhir Ogos 2016, sejumlah 1,626 buah rumah sedang dalam proses pembinaan kebanyakannya di Johor (325), Terengganu (299), Perak (209) dan Kedah (132). Pada masa yang sama, bagi menyelesaikan isu penempatan semula setinggan dan pemilikan rumah di kalangan golongan berpendapatan rendah, Kerajaan telah melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara. Pada 2016, Kerajaan berhasrat untuk membina 13,130 unit apartmen dan 5,542 unit rumah teres untuk setinggan dan isi rumah berpendapatan rendah iaitu kurang daripada RM2,500 sebulan. Sejak program ini dimulakan pada 2002, sebanyak 80,252 buah rumah telah siap dibina dan pada akhir Ogos 2016, sebanyak 8,928 unit pangsapuri dan 2,452 unit rumah teres sedang dalam proses pembinaan, manakala 4,202 unit pangsapuri dan 3,090 unit rumah teres dalam proses perancangan.

Kerajaan terus memberikan komitmen bagi menyelesaikan projek perumahan terbengkalai, terutamanya projek perumahan swasta kos rendah dan kos sederhana rendah. Sejak dimulakan pada tahun 2009 dan pada akhir Ogos 2016, inisiatif ini telah menyelesaikan 182 atau 80% daripada jumlah projek perumahan terbengkalai memanfaatkan 32,641 pembeli. Sementara itu, sejumlah 20 projek dalam pelbagai peringkat pembinaan melibatkan 4,610 pembeli dan dua lagi projek dengan peruntukan sebanyak RM20 juta sedang dalam proses pemulihan.

Bagi menyediakan persekitaran hidup yang kondusif dan selesa untuk penduduk di perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah, Kerajaan terus menyediakan

peruntukan untuk Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi menyelenggara dan membaik pulih perumahan awam dan Program Penyelenggaraan Perumahan bagi perumahan swasta. Pada akhir Ogos 2016, sebanyak RM45 juta telah dibelanjakan untuk membiayai 88 projek memanfaatkan penduduk strata, manakala RM21.6 juta telah dibelanjakan untuk menyelenggara dan membaik pulih 62 kawasan perumahan strata.

Bagi meningkatkan pemilikan rumah di kalangan generasi kedua peneroka FELDA, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Kerajaan terus melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF), Perumahan Generasi Kedua FELCRA dan Projek Perumahan Generasi Kedua RISDA. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah 8,470 unit rumah di bawah PGBF sedang dalam proses pembinaan terutamanya di Wilayah Kuantan, Pahang (1,904), Wilayah Raja Alias, Negeri Sembilan (1,683), Wilayah Johor Bahru, Johor (1,499) dan Wilayah Jengka, Pahang (1,270). Bagi FELCRA pula, pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM4 juta telah dibelanjakan untuk pembinaan 1,183 unit rumah terutamanya di Tembeling Tengah, Pahang (230), Tembangau, Pahang (216), Bukit Sedanan, Melaka (106) dan Lekir, Perak (102). Sementara itu, Projek Perumahan Generasi Kedua RISDA telah dilancarkan pada Ogos 2016 dan pembinaan 100 unit rumah telah bermula pada September 2016.

Kerajaan telah memperkenalkan Program Bantuan Rumah (PBR) untuk membolehkan masyarakat Orang Asli tinggal di rumah yang selesa. Di bawah program ini, 512 unit rumah akan dibina di kawasan penempatan Orang Asli. Kerja pembinaan di Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor yang bermula Mei 2016 dijangka siap pada November 2016. Selain daripada program PBR untuk Orang Asli, Kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan melalui program yang sama untuk isi rumah miskin dan miskin tegar di luar bandar. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada pembinaan atau membaik pulih rumah untuk warga emas, uzur, OKU dan ibu tunggal. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah RM123.3 juta telah dibelanjakan memanfaatkan 5,972 peserta.

Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) telah diperkenalkan pada tahun 2013 bagi kakitangan awam. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah 18,162 unit sedang dalam proses pembinaan dan 499 unit telah memperoleh Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan. Sementara itu, 17,665 unit telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang dan 6,045 telah mendapat kelulusan Pelan Bangunan. Kerajaan mensasarkan untuk membina 100,000 unit pada 2018 dengan harga antara RM90,000 dan RM300,000.

Sisipan 1

Rumah Mampu Milik

Pengenalan

Permintaan untuk memiliki rumah terus kukuh sejak beberapa tahun yang lalu disokong oleh peningkatan isi rumah kepada 7.4 juta pada tahun 2015 (2010: 6.6 juta) dan peratusan golongan pekerja muda¹ yang tinggi. Proses pembandaran yang pesat dan pertambahan peluang ekonomi turut menarik lebih ramai golongan berpendapatan rendah dan sederhana berhijrah ke kawasan bandar, seterusnya mewujudkan permintaan yang tinggi bagi rumah mampu milik. Memandangkan kemampuan memiliki rumah bergantung kepada faktor pendapatan dan harga, maka ramai isi rumah berpendapatan rendah², terutamanya penduduk bandar tidak berkemampuan memiliki rumah, disebabkan harga rumah yang tinggi. Bagi tempoh tahun 2009 – 2014, harga purata rumah meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) sebanyak 7.9% melebihi kadar 7.3% pertumbuhan purata pendapatan isi rumah (BNM, 2015).

Ketidakseimbangan kadar pertumbuhan antara harga rumah dan pendapatan telah menjejaskan kemampuan untuk memiliki rumah terutama sekali golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Berdasarkan International Housing Affordability Survey, harga pasaran rumah mampu milik adalah merujuk kepada kategori gandaan penengah³ 3.0 dan ke bawah. Di Malaysia, secara agregat, rumah dianggap sangat tidak mampu milik dengan gandaan penengah 4.4, manakala di negeri-negeri utama wujud kadar pertumbuhan yang tidak sekata antara harga rumah dan pendapatan seperti yang ditunjukkan di bawah:

JADUAL 1

Kemampuan Memiliki Rumah

	Gandaan Penengah Kemampuan (2014)	Penilaian Kemampuan
Kuala Lumpur	5.4	5.1 & ke atas
Pulau Pinang	5.2	Benar-benar tidak mampu milik
Johor	4.2	4.1 hingga 5.0
Malaysia	4.4	Sangat tidak mampu milik
Selangor	4.0	3.1 hingga 4.0 Agak tidak mampu milik
Melaka	3.0	3.0 & ke bawah Mampu milik

Sumber: Bank Negara Malaysia 2015 dan Institut Penyelidikan Khazanah 2015.

Langkah-Langkah untuk Memenuhi Permintaan Rumah Mampu Milik

Bagi memenuhi permintaan rumah mampu milik yang semakin meningkat, Kerajaan telah melaksanakan Dasar Perumahan Negara dan menubuhkan Majlis Perumahan Negara. Matlamat inisiatif ini untuk menyediakan skim perumahan berkualiti tinggi dan mesra alam sekitar yang mampan, memperkemas sistem penyampaian dan memupuk industri perumahan yang aktif.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dalam menangani ketidaksepadanan antara jumlah permintaan berbanding penawaran dalam pasaran rumah. Dari segi permintaan, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah dengan menyediakan akses skim pembiayaan dan subsidi yang lebih baik seperti Skim Rumah Pertamaku, Skim MyDeposit, Skim My Home, Skim Perumahan Belia, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan dan kemudahan pengeluaran Akaun 2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Dari segi penawaran, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menambah bekalan rumah mampu milik melalui pelbagai program.

Sehingga Disember 2015, sejumlah 183,755 unit (17%) rumah mampu milik telah siap dibina. Manakala sebanyak 214,011 unit (19.3%) dalam peringkat pembinaan dan sejumlah 309,571 unit (27.8%) masih dalam peringkat perancangan.

¹ Kelompok penduduk umur bekerja 24 – 39 tahun.

² Pendapatan bulanan penengah rakyat Malaysia ialah RM4,585, sementara bagi B40 sebanyak RM2,629 (Penyiasatan Pendapatan isi Rumah-HIS, 2014).

³ Gandaan penengah juga dikenali sebagai nisbah harga rumah-pendapatan, yang ditakrifkan sebagai nisbah harga penengah untuk pasaran rumah kepada pendapatan kasar tahunan isi rumah penengah. Ini bermakna bahawa untuk memiliki sebuah rumah berharga RM540,000, pendapatan isi rumah hendaklah sekurang-kurangnya RM15,000 sebulan.

JADUAL 2

Program Rumah Mampu Milik

Projek	Keterangan	Agensi Pelaksana
Program Perumahan Rakyat (PPR)	Menyediakan rumah dengan harga di antara RM30,000 dan RM35,000 di Semenanjung Malaysia dan RM42,000 di Sabah dan Sarawak untuk golongan berpendapatan rendah dan setinggan yang berpendapatan di bawah RM2,500.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
Program Bantuan Rumah (PBR)	Menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk membina rumah baru atau kerja pembaikan rumah sedia ada. Peruntukan untuk rumah baru ialah dari RM21,000 hingga RM50,000, manakala membaiki rumah usang atau rosak ialah sehingga RM12,000. Kumpulan sasaran ialah golongan miskin tegar yang berdaftar dengan sistem e-Kasih.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M)	Mbolehkan individu berpendapatan rendah (pendapatan bulanan antara RM750 dan RM3,000) untuk membina rumah berharga RM65,000 (Semenanjung Malaysia) dan RM79,000 (Sabah dan Sarawak) di atas tanah mereka dengan Kerajaan menyediakan subsidi sebanyak RM20,000.	Syarikat Perumahan Negara Berhad
Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP)	Menyediakan dan membangunkan rumah mampu milik di bawah RM300,000 seunit bagi isi rumah yang berpendapatan di bawah RM15,000 dan bawah RM10,000 bagi individu bujang yang menetap di Wilayah Persekutuan. Projek-projek di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan.	Kementerian Wilayah Persekutuan
Rumah Idaman Rakyat	Membangunkan rumah mampu milik dengan harga tidak melebihi RM350,000. Isi rumah yang berpendapatan RM10,000 ke bawah layak untuk memohon.	Syarikat Perumahan Negara Berhad
Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA)	Merancang, membangun dan membina rumah mampu milik dengan harga antara RM100,000 hingga RM400,000 di pusat-pusat bandar utama. Pembeli yang disasarkan ialah isi rumah berpendapatan antara RM2,500 dan RM10,000.	Perbadanan PR1MA Malaysia
Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)	Menyediakan rumah mampu milik berharga 20% kepada 30% lebih rendah daripada nilai pasaran bagi kakitangan awam yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM10,000.	Unit PPA1M, Jabatan Perdana Menteri

Sementara itu, bagi mengekang aktiviti spekulasi, Kerajaan telah memansuhkan Skim Pemaju Tanggung Faedah (DIBS) yang menyebabkan harga rumah melonjak kerana pemaju mengambil kira kos faedah pinjaman pembeli rumah dalam tempoh pembinaan dan seterusnya diserapkan dalam harga jualan rumah. Sebaliknya, Kerajaan menggalakkan konsep bina kemudian jual (BTS) di mana pembiayaan pinjaman perumahan tidak akan bermula sehingga pembinaan harta tanah tersebut siap sepenuhnya. Dalam hal ini, pembeli rumah tidak terdedah kepada risiko kerugian sekiranya projek perumahan terbengkalai semasa tempoh pembinaan memandangkan pinjaman belum dikeluarkan lagi. Kerajaan turut memperkenalkan langkah-langkah seperti pengenalan tempoh larangan selama 10 tahun untuk semua pemilik rumah PR1MA dan PPA1M daripada menjual, menyewakan atau memindah hak milik rumah mereka. Selain itu, Kerajaan juga telah menyemak semula dan meningkatkan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang dikenakan ke atas keuntungan daripada penjualan harta tanah yang kurang daripada 5 tahun pemilikan dan mengenakan nisbah maksimum pinjaman kepada nilai (LTV) pada 70% ke atas pembiayaan rumah ketiga. Bagi tujuan memperkukuhkan pengurusan dan penyampaian bekalan rumah mampu milik, beberapa langkah telah diperkenalkan, termasuk penubuhan Bank Data Perumahan Negara (TEDUH) di bawah Jabatan Perumahan Negara (JPN) yang merupakan pangkalan data perumahan yang bersepadu, merencanakan pelaksanaan sistem binaan berindustri (IBS) dan meningkatkan kecekapan melalui gabungan syarikat dan firma kecil.

Penutup

Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi untuk memastikan rumah mampu milik yang mencukupi untuk rakyat, berikutan permintaan yang amat tinggi, kekurangan tanah yang sesuai dan peningkatan harga bahan binaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus menyediakan rumah mampu milik dengan memperkenalkan strategi yang memanfaatkan pembeli serta pihak yang berkepentingan, termasuk pihak pemaju dan institusi kewangan.

Langkah 3: Perkhidmatan Kesihatan Berkualiti

Kerajaan terus memberikan komitmen untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat. Dalam hal ini, RM1.6 bilion telah diperuntukkan bagi pembinaan kemudahan kesihatan di seluruh negara, termasuk Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur, hospital baharu di Pasir Gudang, Kemaman, Pendang, Maran dan Cyberjaya dan pembangunan semula Hospital Kajang. Pada masa yang sama, Kerajaan juga memberi komitmen untuk membina dan menaik taraf klinik desa, klinik kesihatan, klinik pergigian beserta kuarters kesihatan di seluruh negara. Tujuh klinik 1Malaysia yang baharu telah memulakan operasi di RTC Sungai Rambai dan Batu Berendam di Melaka, Pusat Transformasi Bandar (UTC) Sungai Petani di Kedah, UTC Miri dan UTC Sibu di Sarawak, PPR Muhibah di Kuala Lumpur dan RTC Simpang Ampat di Pulau Pinang. Pada akhir Ogos 2016, terdapat 145 hospital, 1,806 klinik desa, 966 klinik kesihatan, 56 klinik pergigian dan 341 klinik 1Malaysia telah beroperasi. Sejumlah RM5.7 bilion telah dibelanjakan untuk bekalan ubat, barang guna habis, vaksin dan *reagents* untuk semua hospital dan klinik Kerajaan.

Langkah 4: Memastikan Kebajikan Golongan Kurang Bernasib Baik dan Orang Kurang Upaya

Beberapa program kebajikan telah diteruskan bagi meningkatkan kesejahteraan golongan miskin, kanak-kanak, warga tua dan OKU. Elaun bulanan sebanyak RM350 kepada OKU bekerja telah diagihkan kepada 75,999 penerima, manakala bantuan sebanyak RM200 sebulan kepada OKU tidak bekerja telah diagihkan kepada 50,892 penerima. Di samping itu, bantuan sebanyak RM300 untuk penjagaan OKU terlantar telah diagihkan kepada 25,629 penerima. Pada akhir Ogos 2016, kesemua bantuan ini berjumlah RM391.9 juta. Pada masa yang sama, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) telah diperuntukkan sejumlah RM94.1 juta untuk membantu OKU memulihkan keupayaan fizikal dan mental mereka, mendapat akses kepada perkhidmatan asas dan peluang berintegrasi bersama masyarakat. Pada akhir Ogos 2016, sejumlah 21,204 OKU di 527 PDK seluruh negara telah mendapat manfaat daripada program ini. Sementara itu, menerusi Skim Bantuan Kanak-Kanak, bantuan bulanan sebanyak RM100 sehingga RM450 telah disediakan kepada kanak-kanak dari keluarga miskin yang memanfaatkan 78,887 keluarga. Manakala, di bawah Skim Bantuan Orang Tua sebanyak RM300 telah diagihkan kepada 138,029 warga emas miskin. Pada akhir Ogos 2016, Kerajaan telah membelanjakan RM550.1 juta untuk kedua-dua skim ini.

Pengurusan Ekonomi – 2017

Pengurusan ekonomi pada 2017 akan terus memberi tumpuan kepada penggalakkan pertumbuhan dan penguatan asas ekonomi untuk membolehkan negara mendapat manfaat dari peningkatan ekonomi dan perdagangan global. Dalam hal ini, Kerajaan melalui proses libat urus yang menyeluruh telah mengenal pasti beberapa isu yang melibatkan rakyat dan komuniti peniaga. Pada masa yang sama, terdapat juga keperluan untuk mengatasi beberapa isu struktural yang boleh menjejaskan potensi pertumbuhan jangka panjang ekonomi Malaysia. Dari segi perspektif lebih luas, isu ini

juga membuka peluang bagi Kerajaan untuk mengukuhkan lagi permintaan domestik sebagai enjin pertumbuhan ekonomi dalam usaha untuk membolehkan ekonomi negara berkembang pada potensi sebenar.

Isu dan Cabaran

Persekitaran Luaran

Ekonomi global dijangka bertambah baik pada 2017 disebabkan oleh pertumbuhan lebih baik di Amerika Syarikat (AS) serta prestasi kukuh dalam pasaran baharu dan ekonomi membangun. Sementara itu, perdagangan dunia dijangka berkembang seiring dengan peningkatan dalam permintaan global. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko ekonomi merosot berikutan kemungkinan pertumbuhan yang lebih perlahan di China, volatiliti dalam pasaran kewangan global, harga komoditi kekal rendah, inflasi global rendah berpanjangan serta peningkatan ketegangan geopolitik.

Ekonomi Domestik

Penggunaan swasta adalah komponen terbesar permintaan domestik menyumbang 3.1 peratus kepada pertumbuhan KDNK benar pada separuh pertama 2016. Pada masa sama, hutang isi rumah pada akhir Jun 2016 adalah sebanyak 88.9% daripada KDNK. Hutang isi rumah yang tinggi ini berisiko memberi tekanan kepada penggunaan swasta, pada ketika terdapat keperluan untuk memacu pertumbuhan permintaan dalam negeri bagi menghadapi permintaan luar yang sederhana. Pada 2015, pelaburan swasta adalah RM198.8 bilion. Trend positif ini berterusan dalam tempoh enam bulan pertama 2016 dengan pelaburan swasta mencecah RM114.8 bilion. Namun di sebalik pencapaian itu, terdapat beberapa cabaran dalam menarik pelaburan. Ini termasuk peningkatan persaingan global bagi pelaburan langsung asing (FDI) serta kekurangan keupayaan inovasi, kecanggihan perniagaan dan produktiviti buruh yang rendah dalam ekonomi domestik. Dari aspek produktiviti, Malaysia masih ketinggalan di belakang kebanyakan negara berpendapatan tinggi. Laporan mendapati bahawa produktiviti pekerja di Malaysia adalah 32% berbanding AS dan 56% berbanding Republik Korea. Keupayaan Malaysia untuk meningkatkan produktiviti buruh bergantung kepada bagaimana ia boleh memperoleh kecekapan lebih tinggi daripada sumber dalaman, terutamanya modal insan, inovasi dan kecekapan operasi.

Sektor eksport telah mencapai kemajuan yang besar dalam mengembangkan produk dan pasaran. Walaupun penglibatan Malaysia dalam Rantai Nilai Global (GVC) agak tinggi, nilai tambah domestik dalam eksport berteknologi tinggi adalah rendah. Tambahan pula, eksport perkhidmatan belum mencapai potensi sepenuhnya. Pada masa sama, kenaikan bil import, terutamanya bagi barang pengguna dan barang modal boleh membawa kepada penguranganimbangan perdagangan.

Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan terus menjadi peneraju utama ekonomi dan penjana utama peluang pekerjaan. Pada 2015, sektor ini menyumbang 53.5% daripada KDNK, 11.7% daripada jumlah eksport negara dan menyediakan 8.3 juta pekerjaan. Sektor ini disasarkan

untuk menyumbang 56.5% daripada KDNK, 11% eksport dan menyediakan 9.6 juta pekerjaan menjelang 2020. Bagi mencapai sasaran ini, beberapa isu penting perlu ditangani, termasuk penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang rendah, terutamanya dalam kalangan PKS. Bagi sektor pembuatan, majoriti pengeluar terus menghadapi persaingan sengit daripada pengeluar kos rendah dan ketidakcekapan berikutan penggunaan tenaga buruh yang kurang mahir dan murah. Pada masa sama, cabaran terbesar bagi subsektor pembuatan bernilai tinggi adalah untuk menghasilkan produk baharu, kompleks dan berasaskan kemahiran.

Modal Insan

Modal insan merupakan satu lagi penggerak penting dalam pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, kira-kira 72.6% daripada tenaga kerja mempunyai kelayakan peringkat SPM atau kurang. Pelbagai program telah dilaksanakan selama ini untuk mempertingkatkan pembangunan modal insan dengan inisiatif utama ialah TVET. Walau bagaimanapun, penyediaan program TVET secara berasingan mewujudkan pelbagai program TVET yang tiada pengkhususan serta tiada sistem penilaian prestasi yang seragam. Tambahan pula, sebahagian besar daripada tenaga pengajar di beberapa institusi TVET kekurangan kemahiran dan pengalaman industri. Isu lain yang berkaitan dengan modal insan termasuk pergantungan kepada pekerja asing, kekurangan pekerja mahir, pengangguran belia dan kadar penyertaan tenaga kerja wanita yang rendah.

Kesejahteraan Rakyat

Kerajaan terus melaksanakan dasar pertumbuhan inklusif dengan menyediakan akses dan peluang yang saksama untuk rakyat mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi. Oleh itu, rakyat hari ini menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi melalui akses lebih baik kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, infrastruktur dan perkhidmatan sosial. Bagi meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat, Kerajaan akan mempergiat usaha dalam menangani isu dan cabaran.

Walaupun kos sara hidup di bandar utama Malaysia adalah rendah berbanding bandar utama di rantau ASEAN, perkara ini masih merupakan kebimbangan utama rakyat, terutamanya golongan B40. Kenaikan harga barang keperluan dan pertumbuhan perlahan pendapatan adalah cabaran utama bagi kumpulan berpendapatan rendah. Ketidaktentuan ekonomi global dan produktiviti buruh yang rendah pula memberi tekanan kepada pengeluar dari segi kos pengeluaran lebih tinggi dan pendapatan yang menurun. Tambahan pula, pencatutan oleh syarikat yang tidak bertanggungjawab di sepanjang rantai bekalan meningkatkan kos kepada pengguna. Kesemua faktor ini menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup.

Satu lagi kebimbangan utama rakyat adalah kemampuan untuk memiliki rumah. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada ketidaksepadanan antara permintaan dan penawaran rumah mampu milik di Malaysia. Ini termasuk peningkatan bilangan isi rumah, perbandingan yang pesat, aktiviti spekulasi serta pengurusan lemah yang menyebabkan kelewatan dan projek terbengkalai. Jika isu ketidaksepadanan ini tidak ditangani, ia boleh membawa kepada ketidakseimbangan dalam pasaran hartanah dengan kesan negatif kepada sektor lain ekonomi.

Sungguhpun Malaysia telah mencapai status yang membanggakan dalam penyediaan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan, perubahan keadaan semasa menimbulkan cabaran baharu dalam usaha meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat. Khususnya, isu yang perlu diberi perhatian termasuk peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD), penuaan penduduk serta perbelanjaan swasta yang tidak cekap dan berkesan yang memberi implikasi terhadap perlindungan kewangan. Sistem kesihatan Malaysia kebanyakannya dibiayai melalui kutipan cukai. Berikutan harga minyak yang rendah, Kerajaan telah kehilangan sejumlah besar hasil berkaitan minyak. Sumbangan hasil berkaitan minyak berbanding jumlah hasil telah berkurang daripada 35.8% pada 2011 kepada 21.5% pada 2015 dan dijangka terus berkurang kepada 14.6% pada 2016. Walaupun pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada April 2015 dijangka menjana RM38.5 bilion pada 2016 dan mengimbangi penurunan keuntungan hasil berkaitan minyak sebanyak RM30.9 bilion, penyediaan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan bertaraf dunia masih memerlukan model perniagaan baharu bagi memastikan kemapanan fiskal.

Inisiatif Strategik – Bajet 2017

Kesejahteraan rakyat merupakan fokus utama Bajet 2017 di samping mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Berdasarkan dasar pertumbuhan inklusif dan mapan Kerajaan, Bajet 2017 akan memperkenalkan langkah untuk merangsang aktiviti ekonomi bagi manfaat rakyat dan ekonomi secara keseluruhan. Tambahan pula, usaha akan terus dipergiat untuk mengukuhkan modal insan, pengetahuan dan kemahiran individu, bagi membolehkan rakyat menyumbang dan menikmati kemakmuran hasil pertumbuhan ekonomi. Pada masa yang sama, usaha bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam akan terus diberi keutamaan. Secara kolektif, inisiatif ini dapat mengukuhkan asas ekonomi negara dan daya saing yang akan terus memanfaatkan rakyat.

Mendahulukan Rakyat

Bajet 2017 mengambil pendekatan serampang dua mata dengan memperkenalkan langkah untuk meningkatkan pendapatan dan meringankan kos sara hidup dengan objektif utama meningkatkan taraf hidup rakyat. Daripada perspektif pendapatan, Bajet akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat, terutamanya isi rumah B40 dan 40% isi rumah pertengahan (M40). Selain dari meneruskan program BR1M yang diperkenalkan pada 2012, peruntukan juga akan disediakan untuk program peningkatan kemahiran, latihan semula dan latihan keusahawanan.

Bagi mengurangkan peningkatan kos sara hidup, tumpuan akan diberikan kepada program yang mengutamakan rakyat. Dalam hal ini, program subsidi sedia ada termasuk subsidi minyak masak dan kadar tol serta bantuan kepada pesawah dan nelayan akan diteruskan. Berdasarkan permintaan yang amat menggalakkan bagi pembinaan rumah mampu milik, model perniagaan sedia ada bagi program perumahan akan dipertingkatkan untuk menghapus ketidakcekapan dalam subsektor perumahan. Pada masa yang sama, dana akan diperuntukkan bagi penyenggaraan rumah awam dan swasta serta penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat. Langkah ini secara keseluruhannya akan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Sisipan 2


Kesan Bantuan Rakyat 1Malaysia kepada Penggunaan Swasta

Pengenalan

Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) telah diperkenalkan pada 2012. BR1M merupakan satu bentuk pemberian tunai bersyarat yang diberikan sebagai bayaran tunai kepada isi rumah berpendapatan bulanan bawah RM3,000 dan RM2,000 bagi individu. Pada 2014, bantuan BR1M telah diperluaskan kepada isi rumah berpendapatan bulanan antara RM3,000 hingga RM4,000. Tujuan BR1M adalah untuk meringankan beban kenaikan kos sara hidup dengan menawarkan bantuan kepada isi rumah yang termasuk dalam golongan berpendapatan rendah. Kesan langsung daripada BR1M adalah peningkatan dalam pendapatan boleh guna isi rumah, yang seterusnya mewujudkan kesan limpahan kepada penggunaan swasta dan output industri yang menghasilkan barangan pengguna.

CARTA 1

Jumlah BR1M yang Diagihkan dan Bilangan Penerima 2012 - 2015



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

GAMBAR RAJAH 1

Kesan Limpahan BR1M kepada Ekonomi




Kesan kepada Pendapatan Isi Rumah

Pelaksanaan BR1M sebahagiannya telah menyumbang kepada pengurangan dalam bahagian isi rumah yang berpendapatan rendah. Pada 2014, bahagian isi rumah berpendapatan bawah RM3,000 telah berkurang hampir separuh kepada 24.3% (2009: 52.7%), manakala, isi rumah berpendapatan antara RM3,000 dan RM5,000 telah meningkat ketara kepada 30.6% (2009: 23.1%). Berikutan pendapatan isi rumah yang semakin meningkat, kadar kemiskinan telah mengecil kepada 0.6 pada 2014, manakala Pekali Gini telah bertambah baik kepada 0.401 dalam tempoh yang sama menunjukkan pengurangan jurang ketidaksamaan pendapatan (2009: 3.8; 0.441). Penambahbaikan ini adalah selaras dengan agenda pembangunan sosio-ekonomi negara untuk meningkatkan keterangkuman.

CARTA 2


Peratusan Isi Rumah Mengikut Kelas Pendapatan (RM)



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

CARTA 3

Kadar Kemiskinan dan Pekali Gini



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

Kesan kepada Penggunaan Swasta

Pendapatan boleh guna isi rumah adalah penentu utama penggunaan swasta, menyumbang secara purata 67.4% daripada pertumbuhan penggunaan swasta. Peningkatan pendapatan isi rumah berpendapatan rendah, akan menyumbang kepada pertumbuhan penggunaan swasta kerana golongan ini mempunyai kecenderungan marginal yang lebih tinggi untuk berbelanja. Satu kajian oleh Bank Negara Malaysia¹, menunjukkan bahawa isi rumah berpendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan secara purata akan membelanjakan RM0.81 daripada RM1.00 pendapatan tambahan berbanding dengan RM0.18 bagi isi rumah berpendapatan lebih daripada RM10,000 sebulan. Oleh itu, antara 2012 dan 2015, BR1M telah menyebabkan peningkatan penggunaan swasta sebanyak 7.1% secara purata berbanding 6.8% tanpa pindahan tunai.


Kesan kepada Industri berkaitan Penggunaan

BR1M juga secara tidak langsung menggalakkan pertumbuhan industri yang menghasilkan barangan pengguna. Keadaan ini terbukti dengan peningkatan dalam pengeluaran industri berkaitan pengguna seperti kediaman, makanan & minuman, kenderaan bermotor, pemilikan kediaman, tempat penginapan, elektrik & gas serta kewangan & insurans.

¹ Bank Negara Malaysia, 2013.

CARTA 4


Kesan BR1M kepada Pertumbuhan Penggunaan Swasta (pada harga malar)



Sumber: Anggaran Kementerian Kewangan Malaysia.

CARTA 5

Kesan BR1M ke atas Output (peningkatan purata 2012 – 2015)



Sumber: Anggaran Kementerian Kewangan Malaysia.

Kesimpulan

Bayaran tunai BR1M bertujuan untuk mengurangkan kesan kos sara hidup tinggi kepada golongan 40% isi rumah terendah (B40). Kesan segera BR1M dicerminkan oleh peningkatan pendapatan boleh guna kumpulan B40, yang seterusnya meningkatkan pembelian barangan keperluan asas seperti makanan dan kediaman. Peningkatan ini secara tidak langsung merancakkan aktiviti ekonomi domestik melalui penambahan pengeluaran barangan pengguna.

Merancang Pertumbuhan Ekonomi

Dalam konteks pertumbuhan global yang sederhana, peranan permintaan dalam negeri adalah penting untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi. Dalam hal ini, langkah mengukuhkan asas ekonomi negara diberi penekanan utama dalam Bajet sebagai usaha untuk meningkatkan lagi sentimen pelabur bagi menarik pelaburan langsung domestik dan asing. Peruntukan akan disediakan bagi melaksanakan pelbagai langkah untuk mempercepatkan pelaburan, menyediakan infrastruktur dan mengkaji semula rancangan pembangunan koridor. Langkah juga akan diperkenalkan bagi merancakkan pasaran modal dan memperkasa pengeksport untuk meningkatkan operasi di luar pasaran tradisional. Daripada segi penawaran, Bajet akan memberi tumpuan kepada bidang yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi seperti pelancongan, ekonomi digital, PKS, keusahawanan serta R&D.

Memperkasa Modal Insan

Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan bagi sektor pendidikan untuk melengkapkan pelajar daripada peringkat prasekolah sehingga tertiar, dengan pengetahuan dan kemahiran untuk membolehkan mereka mencapai kecemerlangan dalam bidang yang diceburi termasuk program TVET. Sehubungan dengan ini, Bajet 2017 akan memberi tumpuan kepada pengukuhan profesion perguruan dan prestasi sekolah, menambah baik kemudahan pendidikan dan mentransformasi TVET bagi memenuhi permintaan industri. Bagi program TVET tersebut, Kerajaan akan mempergiat kerjasama dengan industri untuk menambah pengambilan pelajar, memperbaiki kualiti program dan institusi serta memperkukuh penjenamaan dan profil keseluruhan program TVET. Pada masa yang sama, bagi memanfaatkan faedah sosial dan ekonomi dari kegiatan

Ekonomi Berhubung Kait, Kerajaan akan memperuntukkan dana bagi program *coding* di sekolah dan institusi seluruh negara. Bagi meningkatkan kebolehpasaran, Bajet akan memberi lebih penekanan kepada peningkatan kemahiran insaniah dan keusahawanan seperti penyelesaian masalah, pemikiran analitikal, inovasi dan kreativiti serta penguasaan Bahasa Inggeris.

Memperkukuh Pembangunan Inklusif

Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada meningkatkan keterangkuman untuk memastikan rakyat menikmati hasil pertumbuhan dan pembangunan tanpa mengira jantina, etnik, status sosio-ekonomi dan lokasi geografi. Pada masa yang sama, Bajet akan memperuntukkan dana untuk membina jalan baharu dan menambah baik jalan sedia ada termasuk bekas jalan pembalakan terutama di Sabah dan Sarawak serta kawasan penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Dana juga akan disediakan untuk memperluaskan program bekalan air dan elektrik luar bandar. Pada masa yang sama, bagi membolehkan mobiliti rakyat dan penghantaran barangan secara selamat, cekap dan pantas dalam negara, Bajet akan memperuntukkan dana bagi penyediaan akses pengangkutan yang mencukupi dan berpatutan. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk mewujudkan kawasan kediaman dan persekitaran yang lebih selamat untuk rakyat, dana akan diperuntukkan bagi membolehkan agensi penguatkuasa, pihak swasta dan masyarakat untuk meningkatkan program pencegahan jenayah. Seterusnya, bagi menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif, peruntukan juga akan disediakan untuk pelbagai aktiviti sukan di seluruh negara. Bajet juga akan memberi tumpuan kepada pengukuhan daya tahan negara terhadap perubahan iklim dan bencana alam, mempromosi tenaga boleh diperbaharui dan menggalakkan penggunaan kenderaan cekap tenaga.

Rencana 1

Ekonomi Berhubung Kait

Pengenalan

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta ketersediaan pelbagai jenis peranti digital telah memperluas penyertaan dalam aktiviti ekonomi. Secara khususnya, Internet merupakan salah satu platform jaringan maya yang paling berkuasa menghubungkan penjual dengan pembeli. Peningkatan bilangan pengguna Internet dengan akses yang lebih pantas serta menyeluruh menyumbang secara ketara kepada pertumbuhan ekonomi.

Pada 2015, terdapat 3.4 bilion pengguna Internet di peringkat global dan ia dijangka meningkat kepada 9 bilion dalam tempoh 10 tahun akan datang. Sementara itu, jumlah peranti jaringan di bawah *Internet of Things* (IoT) dijangka mencapai 200 bilion menjelang tahun 2020. Jumlah langganan telefon mudah alih telah mencecah 93% daripada jumlah populasi dunia. Di Malaysia, terdapat 21 juta pengguna Internet dengan kadar penembusan telefon mudah alih mencecah 143.8% daripada jumlah populasi. Peningkatan jumlah langganan tersebut disokong oleh pertambahan peranti jaringan seperti telefon pintar dan tablet.

Apakah Kegiatan Ekonomi Berhubung Kait?

Peningkatan aplikasi seperti Facebook, Airbnb dan Uber telah mewujudkan komuniti maya yang lebih besar berbanding jumlah penduduk di sebilangan negara. Sehingga akhir Jun 2016, Facebook mempunyai 1.7 bilion pengguna iaitu melebihi 1.4 bilion penduduk di China dan 1.3 bilion di India. Aliran data daripada aplikasi tersebut adalah penting bagi aktiviti perdagangan, inovasi, keusahawanan, pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran rakyat. Manfaat yang diperoleh daripada pengaliran data ini juga akan menjana inovasi dalam bidang seperti *artificial intelligence*, robotik, IoT, kenderaan tanpa pemandu, percetakan 3-D, nanoteknologi, bioteknologi, sains bahan, penstoran tenaga dan pengkomputeran kuantum. Justeru, kuasa digital tersebut membentuk kegiatan Ekonomi Berhubung Kait yang ditakrifkan sebagai penghasilan nilai ekonomi melalui hubung kait antara rakyat, perniagaan dan kerajaan.

Inovasi Digital dan Gangguan

Pengembangan teknologi digital telah mengubah landskap perniagaan. Peranti mudah alih, jaringan sosial, Pengkomputeran Awan dan teknologi lain telah mengubah hubungan antara perniagaan dan pelanggan. Kemajuan teknologi memudahkan perniagaan dijalankan melalui Internet yang menjadi sumber paling penting dalam kaedah pemasaran dan mendapatkan maklumat. Tambahan pula, perniagaan terpaksa melakukan inovasi disebabkan oleh cabaran daripada teknologi, globalisasi dan urbanisasi dalam kalangan ekonomi pesat berkembang. Persaingan antara jenama tidak hanya terhad kepada kualiti produk atau perkhidmatan tetapi lebih khusus kepada paparan pelanggan. Keupayaan mendapatkan pelanggan baharu akan bergantung kepada kemampuan sesebuah perniagaan membuat unjuran, mengadaptasi dan menawarkan perkhidmatan yang diperlukan pelanggan. Gangguan inovasi seperti Uber, Skype, Spotify dan Alibaba kini semakin berkembang di peringkat global dan seterusnya menjadikan model perniagaan tradisional tidak relevan.

Inisiatif Kerajaan

Kerajaan mengiktiraf kepentingan teknologi digital sebagai pemangkin pertumbuhan yang lebih tinggi. Dalam hal ini, Kerajaan akan menggiatkan usaha bagi memastikan agensi awam dan perniagaan menerima dan memanfaatkan gangguan digital. Fokus akan diberikan terhadap empat bidang iaitu IoT, *Big Data and Analytics* (BDA), Pengkomputeran Awan dan e-dagang serta beberapa bidang terpilih di mana Malaysia mempunyai kelebihan berbanding.

Akses dan penggunaan jalur lebar adalah elemen penting bagi meraih manfaat sepenuhnya dalam kegiatan Ekonomi Berhubung Kait. Kemudahan jalur lebar akan meningkatkan penggunaan ICT seterusnya merangsang produktiviti dan melonjakkan daya saing sesebuah negara. Kerajaan menyedari bahawa akses kepada kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi pada harga mampu milik akan mewujudkan peluang baharu kepada perniagaan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan rakyat. Bagi mencapai objektif ini, Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI) telah dilancarkan pada 2010 bagi memastikan rakyat terutamanya golongan di kawasan luar

bandar, pelajar sekolah dan golongan berpendapatan rendah mempunyai akses dan mampu menggunakan Internet berkelajuan tinggi. Sehingga tahun 2015, sejumlah 77.3% isi rumah di Malaysia mempunyai akses kepada perkhidmatan jalur lebar.

Inisiatif yang telah dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi jaringan di luar bandar adalah seperti berikut:

- Pusat Internet 1Malaysia menyediakan akses Internet kepada komuniti yang mendapat kurang liputan Internet. Setiap pusat dilengkapi dengan jaringan jalur lebar dan komputer yang membolehkan masyarakat luar bandar menikmati faedah daripada Internet. Pada 2015, terdapat 657 Pusat Internet 1Malaysia di seluruh negara;
- Pusat Mini Komuniti Jalur Lebar iaitu projek di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP) yang terletak di 120 premis Jabatan Penerangan di seluruh negara; dan
- Program eRezeki dan eUsahawan yang bertujuan meningkatkan taraf ekonomi golongan 40% isi rumah terendah (B40) dan usahawan mikro.

Komponen yang paling penting untuk kekal berdaya saing dalam kegiatan Ekonomi Berhubung Kait adalah pembangunan kumpulan bakat yang mapan. Menyedari hal sedemikian, Malaysia membuat pelaburan yang besar bagi membentuk, menarik dan mengekalkan bakat melalui pelbagai inisiatif seperti:

- Digital.Tech@Schools dijadikan sebahagian daripada kurikulum di sekolah awam untuk mengajar kemahiran kompetensi digital;
- Digital Maker Movement di sekolah untuk menggalakkan inovasi digital pada usia muda;
- penambahbaikan kurikulum analitik di institusi pengajian tinggi dengan kolaborasi industri yang menyasarkan 2,000 saintis data dan 20,000 profesional dalam bidang data menjelang tahun 2020;
- program peningkatkan kemahiran dalam bidang teknologi yang disasarkan dengan kolaborasi institusi yang terkenal di dunia seperti Coursera dan Johns Hopkins University; dan
- program Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia bagi mempermudah pengambilan pegawai dagang untuk menarik bakat global yang akan berpangkalan di Malaysia.

Bakat ini akan berkembang daripada pengguna kepada pengeluar digital seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang dipacu oleh teknologi digital.

Melangkah ke Hadapan

Pelbagai inisiatif telah diambil bagi mentransformasi Malaysia sebagai sebuah negara Ekonomi Berhubung Kait. Namun demikian, negara masih menghadapi beberapa cabaran utama seperti kekurangan penggunaan teknologi dalam kalangan PKS, jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar, antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak serta kos yang tinggi dan kelajuan Internet yang perlahan. Dalam suasana kemajuan pesat teknologi digital, rakyat perlu memanfaatkan faedah ekonomi dan sosial daripada kegiatan Ekonomi Berhubung Kait untuk meningkatkan kesejahteraan dan memudahkan transaksi harian mereka. Pihak Kerajaan akan terus merangka dan memperhalusi dasar serta peraturan bagi menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang yang dicetus oleh kegiatan Ekonomi Berhubung Kait. Selain itu, tumpuan juga akan diberikan bagi mengubah masyarakat daripada pengguna kandungan kepada pengeluar kandungan untuk meningkatkan lagi pendapatan.

Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Di bawah dasar pertumbuhan inklusif dan mapan, kedudukan fiskal yang kukuh merupakan prasyarat untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Kerajaan memberi komitmen untuk mencapai dasar fiskal dan bajet yang hampir berimbang menjelang 2020. Dalam hal ini, penjajaran perbelanjaan operasi dan pembangunan kepada hasil merupakan elemen penting kepada Bajet 2017 dan berikutnya. Oleh itu, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kutipan hasil dan mengoptimumkan perbelanjaan. Inisiatif penambahan hasil merangkumi peningkatan keapungan cukai dengan menggalakkan aktiviti nilai tambah tinggi dan menjana pekerjaan berpendapatan tinggi, meluaskan asas cukai serta mengurangkan ketirisan dan pengelakkan cukai. Selain itu, perbelanjaan Kerajaan akan disasar untuk memenuhi keutamaan dan kecekapan perbelanjaan. Bagi memastikan pulangan yang lebih tinggi ke atas pelaburan, perbelanjaan pembangunan akan difokus kepada projek yang berpaksikan rakyat dan berimpak tinggi. Langkah ini akan dilaksanakan tanpa menjejaskan kuantiti dan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan. Serentak dengan itu, inisiatif akan diperkenalkan bagi menyediakan perkhidmatan yang cekap untuk mempertingkatkan kepuasan pelanggan.

Prospek 2017

Berdasarkan asas ekonomi yang kukuh serta strategi dan program dalam Bajet 2017, ekonomi dijangka berkembang antara 4% dan 5% pada 2017. Ini bersamaan dengan pertumbuhan 5% pendapatan negara kasar (GNI) per kapita daripada RM37,812 kepada RM39,699. Dari segi permintaan, pertumbuhan akan disokong oleh permintaan domestik, khususnya penggunaan swasta yang dijangka berkembang 6.3% dan perbelanjaan pelaburan swasta meningkat 5.8%. Sejalan dengan aktiviti pelaburan yang lebih tinggi, jurang tabungan pelaburan dijangka mengecil kepada 0.5% hingga 1.5% daripada GNI (2016: 1% – 1.5%). Inflasi akan kekal terurus, manakala ekonomi akan terus beroperasi dalam keadaan guna tenaga penuh. Semua sektor dalam ekonomi dijangka menyumbang kepada pertumbuhan dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan menerajui pertumbuhan tersebut. Menerusi komitmen Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan mengawal perbelanjaan, defisit fiskal dijangka mengecil kepada 3% daripada KDNK. Perkembangan ini akan memperkukuh asas ekonomi dan petanda baik bagi sebuah negara dalam proses peralihan daripada ekonomi sederhana tinggi kepada ekonomi maju berpendapatan tinggi.

3

PRESTASI EKONOMI DAN PROSPEK

- Tinjauan
- Prestasi Mengikuti Sektor
- Rencana 1: Mempergiatkan Sektor Pembuatan Bernilai Tinggi
- Sisipan 1: Impak El Niño kepada Subsektor Kelapa Sawit
- Prestasi Permintaan Domestik
- Sektor Luar Negeri
- Sisipan 2: Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan
- Rencana 2: Norma Ekonomi Baharu di China
- Harga
- Pasaran Buruh
- Prospek 2017

3 | PRESTASI EKONOMI DAN PROSPEK

Tinjauan

Permintaan domestik menyokong pertumbuhan

Ekonomi Malaysia pada 2016 dijangka terus berkembang meskipun berhadapan persekitaran luar yang mencabar termasuk pertumbuhan lebih perlahan dalam kalangan ekonomi maju; harga minyak berterusan rendah; dan ketidakpastian pasaran kewangan antarabangsa. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia terdedah kepada ketidakpastian luar tersebut. Walau bagaimanapun, pembaharuan struktur ekonomi, kewangan dan fiskal yang dilaksanakan selama ini telah menyediakan penampan yang mencukupi untuk menangani cabaran luar. Asas ekonomi negara kekal kukuh, termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh; kadar inflasi terkawal; rizab asing mencukupi; dan sistem kewangan yang kukuh dengan pengantaraan berkesan bagi menyokong ekonomi. Walaupun harga rendah telah menjejaskan eksport komoditi, kepelbagaian produk dan pasaran terus menyokong prestasi perdagangan Malaysia.

Permintaan domestik dijangka kekal berdaya tahan dan terus menjadi penggerak utama pertumbuhan. Penggunaan swasta, menyumbang 53.3% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK), dijangka berkembang kukuh disokong oleh pertumbuhan pekerjaan dan pendapatan yang stabil; pendapatan boleh guna tambahan berikutan inisiatif Kerajaan; dan persekitaran pembiayaan yang akomodatif. Aktiviti pelaburan swasta dijangka kekal kukuh disokong oleh projek baharu dan yang sedang dilaksanakan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Pelaburan lebih perlahan dalam sektor perlombongan akan diimbangi oleh perbelanjaan modal lebih tinggi dalam aktiviti aliran seperti pembuatan produk petrokimia dan pembinaan kemudahan penyimpanan. Selain itu, pelaburan swasta dijangka mendapat manfaat daripada langkah yang dilaksanakan untuk terus menambah baik persekitaran perniagaan. Perbelanjaan sektor awam akan terus menyokong pertumbuhan, di samping kekal komited ke arah konsolidasi fiskal.

Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan KDNK. Sektor perkhidmatan dijangka kekal kukuh disokong oleh subsektor berkaitan penggunaan seperti perdagangan borong dan runcit; maklumat dan komunikasi; serta makanan, minuman dan penginapan. Sektor pembuatan dijangka berkembang, sebahagian besarnya didorong oleh industri berorientasikan eksport, terutamanya produk elektrik dan elektronik (E&E). Sementara itu, industri berorientasikan domestik seperti produk makanan dan kluster berkaitan pembinaan dijangka kekal kukuh sejajar dengan kerancakan penggunaan domestik dan pelaksanaan projek infrastruktur. Sektor pembinaan dijangka berkembang ketara berikutan

peningkatan projek kejuruteraan awam dan pembinaan harta kediaman. Prestasi sektor perlombongan dijangka meningkat terutamanya disokong oleh pengeluaran gas asli lebih tinggi. Sebaliknya, sektor pertanian dijangka merosot disebabkan oleh hasil minyak sawit yang lebih rendah berikutan fenomena cuaca El Niño.

Sektor luar Malaysia dijangka kekal berdaya tahan meskipun berhadapan dengan ketidakpastian persekitaran global. Akaun semasa dijangka terus mencatat lebihan dalam lingkungan 1% dan 1.5% daripada pendapatan negara kasar (GNI) pada 2016, sebahagian besarnya didorong oleh lebihan dalam akaun barangan walaupun akaun perkhidmatan dan pendapatan mencatat defisit lebih besar. Dalam akaun kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) dijangka berterusan, mencerminkan keyakinan pelabur dan usaha Kerajaan untuk menyediakan persekitaran perniagaan kondusif. Sementara itu, pelaburan langsung keluar dijangka kekal menggalakkan berikutan syarikat Malaysia terus mempelbagai dan mengembangkan perniagaan mereka di luar negeri.

Indeks Harga Pengguna (CPI) dijangka kekal terkawal antara 2% dan 2.5% pada 2016. Inflasi menyederhana terutamanya disebabkan oleh harga minyak rendah; tekanan inflasi barangan import rendah berikutan inflasi global yang lemah; nilai ringgit stabil; dan pelanjutan penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 sehingga akhir Disember 2016.

Bagi tahun ini, ekonomi negara dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil, berkembang antara 4% dan 4.5%, dengan sektor swasta menyumbang ketara kepada pertumbuhan KDNK. GNI dianggarkan meningkat 6.4% kepada RM1.2 trilion (2015: 5.2%; RM1.1 trilion) dengan pendapatan per kapita meningkat 4.8% kepada RM37,812 (2015: 3.6%; RM36,078).

Prestasi Mengikut Sektor

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan terus memacu pertumbuhan

Sektor **perkhidmatan** berkembang 5.4% dalam tempoh enam bulan pertama 2016 (Januari – Jun 2015: 5.7%) terutamanya disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang berdaya tahan. Pada 2016, sektor perkhidmatan dijangka mencatat pertumbuhan 5.6% merangkumi 54.2% daripada KDNK (2015: 5.1%; 53.5%). Kumpulan **perkhidmatan akhir** dijangka meningkat 5.8% (2015: 6.1%) diterajui oleh subsektor perdagangan borong dan runcit serta makanan, minuman dan penginapan. Kumpulan **perkhidmatan perantara** dijangka mencatat pertumbuhan 5.1% (2015: 4.6%) disokong oleh subsektor maklumat

JADUAL 3.1

**KDNK mengikut Sektor
2015 – 2017**

(pada harga malar 2010)

	% KDNK		% Perubahan	
	2016 ¹	2015	2016 ¹	2017 ²
Pertanian	8.2	1.2	-3.3	1.5
Perlombongan	8.7	4.7	1.1	1.4
Pembuatan	22.9	4.9	4.0	4.1
Pembinaan	4.6	8.2	8.7	8.3
Perkhidmatan	54.2	5.1	5.6	5.7
KDNK	100.0	5.0	4.0 - 4.5	4.0 - 5.0

¹ Anggaran.² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan dan tidak termasuk komponen duti import.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

dan komunikasi serta harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, subsektor **perkhidmatan kerajaan** dijangka berkembang 6.5% (2015: 4%).

Subsektor *perdagangan borong dan runcit* meningkat 5.9% dalam tempoh separuh pertama 2016 (Januari – Jun 2015: 7.8%) berikutan perbelanjaan berterusan isi rumah dalam segmen runcit. Segmen tersebut meningkat 6.3% (Januari – Jun 2015: 7.5%) dengan jualan di kedai khusus berkembang 8.4% kepada RM129.6 bilion (Januari – Jun 2015: 8.7%; RM119.6 bilion) didorong oleh jualan produk isi rumah serta peralatan maklumat dan komunikasi. Sementara itu, jualan di kedai bukan khusus meningkat 8.3% kepada RM66.1 bilion (Januari – Jun 2015: 11.1%; RM61 bilion). Pertumbuhan kukuh segmen runcit juga mendapat manfaat daripada kempen jualan seperti Kempen Beli Barangan Malaysia, Kempen Penurunan Harga dan Kempen Jom Beli Barang Raya@Putrajaya. Segmen perdagangan borong meningkat 8.4% disokong oleh jualan borong berdasarkan kontrak atau yuran; makanan, minuman dan tembakau; dan khusus lain (Januari – Jun 2015: 9%). Walau bagaimanapun, segmen kenderaan bermotor merosot 3.9% sebahagiannya disebabkan oleh pembelian awal yang dibuat pada akhir suku tahun 2015 berikutan jangkaan peningkatan harga kereta pada 2016 (Januari – Jun 2015: 4.7%). Subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan 6.2% pada 2016 (2015: 6.9%).

Subsektor *makanan, minuman dan penginapan* meningkat 6.6% dalam tempoh separuh pertama 2016 (Januari – Jun 2015: 6.9%). Segmen makanan dan minuman meningkat 7.4% didorong perbelanjaan lebih tinggi di restoran terutamanya semasa musim perayaan (Januari – Jun 2015: 7.9%). Sementara itu, segmen penginapan merekodkan pertumbuhan 3.6% terutamanya disebabkan oleh peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan (Januari – Jun 2015: 3.6%). Pada 2016, subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan 6.1% (2015: 6.4%) disokong penggunaan domestik dan aktiviti berkaitan pelancongan yang kukuh.

JADUAL 3.2

**Prestasi Sektor Perkhidmatan
2015 – 2017**

(pada harga malar 2010)

	% Bahagian kepada KDNK		% Perubahan	
	2016 ¹	2015	2016 ¹	2017 ²
Perkhidmatan akhir				
Perdagangan borong dan runcit	14.9	6.9	6.2	6.7
Makanan, minuman dan penginapan	2.8	6.4	6.1	6.5
Utiliti	2.6	3.5	5.9	5.0
Perkhidmatan lain	4.4	4.7	4.6	5.3
Perkhidmatan perantara				
Kewangan dan insurans	6.7	-0.7	0.3	0.9
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	4.4	6.6	6.6	6.5
Maklumat dan komunikasi	6.0	9.4	9.4	9.6
Pengangkutan dan penyimpanan	3.6	5.7	5.7	5.8
Perkhidmatan kerajaan	8.9	4.0	6.5	4.5
Jumlah	54.2	5.1	5.6	5.7

¹ Anggaran.² Unjuran.Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.


Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif dan program untuk merencanakan sektor pelancongan. Inisiatif ini termasuk kelonggaran syarat visa, kebenaran pelancongan tempoh menginap pelancong dari negara terpilih serta pelaksanaan visa elektronik (e-Visa) untuk pelancong dari China pada Mac 2016 dan India yang bermula pertengahan April 2016. Di samping itu, pelbagai kempen telah dilaksanakan untuk menggalakkan pelancongan dan peluang perniagaan di Malaysia. Kempen ini termasuk promosi melalui saluran pemasaran digital seperti *trulyasiatv.com*, My Tourism Channel (MYTC), portal pelancongan seperti *TripAdvisor* dan *Lotour.com* serta aplikasi mudah alih *Smart-i Travel Malaysia*. Ketibaan pelancong kembali meningkat 3.7% kepada 13 juta dalam tempoh enam bulan pertama 2016 (Januari – Jun 2015: -9.4%; 12.6 juta) dengan ketibaan pelancong dari China meningkat ketara sebanyak 32.1% dan Thailand (32.1%) diikuti Brunei (15.2%) dan Republik Korea (11.2%). Pada 2016, ketibaan pelancong dijangka mencapai 30.5 juta (2015: 25.7 juta).

Subsektor *utiliti* mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 6.1% dalam tempoh enam bulan pertama 2016 (Januari – Jun 2015: 3.8%). Pertumbuhan ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan penggunaan elektrik ketika fenomena cuaca El Niño. Nilai ditambah segmen elektrik dan gas meningkat 5.8% (Januari – Jun 2015: 3.2%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, penggunaan elektrik meningkat ketara sebanyak 9.5% kepada 80,430.2 juta kilowatt-jam


CARTA 3.1

Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan


Ketibaan dan Hasil Terimaan Pelancong




Indeks Kuantiti Perdagangan Edaran (2010=100)




Kendalian Kontena dan Kapal Berlabuh




Indeks Maklumat dan Komunikasi (2010=100)



Penumpang dan Kargo Udara



Penggunaan Elektrik



¹ Anggaran.

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, tujuh pelabuhan utama (Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pulau Pinang, Johor, Bintulu, Kuching dan Kuantan), Malaysia Airports Holdings Berhad dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.

(kWj) (Januari – Julai 2015: 2.3%; 73,459.5 juta kWj) dengan segmen perindustrian, perniagaan dan perlombongan meningkat 8.7%, merangkumi 77% daripada jumlah penggunaan elektrik (Januari – Julai 2015: 1.9%; 77.6%). Sementara itu, penggunaan elektrik bagi segmen domestik dan pencahayaan awam mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.3%, merangkumi 23% daripada jumlah penggunaan (Januari – Julai 2015: 3.7%; 22.4%). Penggunaan gas pula meningkat 3.6% kepada 80.2 juta MMBtu terutamanya didorong permintaan lebih tinggi daripada segmen perindustrian (Januari – Jun 2015: 8.2%; 77.5 juta MMBtu).

Dalam tempoh separuh pertama 2016, segmen air, pembetulan dan pengurusan sisa berkembang 7.1% (Januari – Jun 2015: 6.1%). Jumlah penggunaan air¹ meningkat 3.5% kepada 9,368 juta liter sehari (jlh) (Januari – Jun 2015: 4.2%; 9,052 jlh). Bagi segmen kediaman, penggunaan meningkat 2.2% (Januari – Jun 2015: 4.3%) manakala segmen perindustrian dan komersial berkembang 5.6% (Januari – Jun 2015: 4%). Pada akhir Jun 2016, liputan bekalan air² di kawasan bandar merangkumi 96.7% dan luar bandar mencapai 95.7% daripada jumlah populasi (akhir Jun 2015: 96.7%; 95.6%). Pada 2016, subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 5.9% (2015: 3.5%) terutamanya disokong oleh penggunaan elektrik yang lebih tinggi bagi segmen perindustrian, perniagaan dan perlombongan.

Subsektor *maklumat dan komunikasi* terus mencatat pertumbuhan kukuh 8.7% dalam tempoh enam bulan pertama 2016 (Januari – Jun 2015: 9.4%). Segmen komunikasi kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan dengan mengekalkan kadar pertumbuhan 10.1% (Januari – Jun 2015: 10.1%). Pertumbuhan tersebut berikutan pengembangan dan peningkatan aplikasi baharu berasaskan Internet serta pelan data yang ditambah baik. Prestasi ini juga disokong oleh peningkatan jumlah peranti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta inisiatif berterusan bagi memperluas liputan rangkaian serta akses komunikasi. Pertumbuhan ini sebahagiannya dipacu oleh peluasan infrastruktur bagi menampung peningkatan permintaan terhadap penggunaan Internet tanpa gangguan dan berkelajuan tinggi termasuk rangkaian Evolusi Jangka Panjang (LTE) 4G dan fiber optik. Sehingga akhir Ogos 2016, 432 kilometer kabel fiber optik telah dipasang di Semenanjung Malaysia bagi memindahkan data dengan kadar lebih pantas. Sementara itu, 160,688 port telah dipasang di kawasan pinggir bandar dan pedalaman bagi meningkatkan lagi kadar penembusan jalur lebar. Subsektor ini dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh sebanyak 9.4% pada 2016 (2015: 9.4%).

Subsektor *harta tanah dan perkhidmatan perniagaan* berkembang 6.6% dalam tempoh separuh pertama 2016 (Januari – Jun 2015: 6.8%). Pertumbuhan subsektor yang stabil terutamanya dipacu oleh aktiviti perkhidmatan perniagaan yang meningkat 7.6% berikutan permintaan lebih tinggi bagi perkhidmatan profesional (Januari – Jun

2015: 7.6%). Prestasi ini juga dicerminkan oleh indeks perkhidmatan profesional yang berkembang kukuh 9.3% (Januari – Jun 2015: 10.1%). Sementara itu, segmen harta tanah terus berkembang walaupun pada kadar lebih perlahan sebanyak 4.5% terutamanya disebabkan oleh transaksi harta kediaman dan perdagangan lebih rendah (Januari – Jun 2015: 5.4%). Walau bagaimanapun, transaksi harta pertanian pulih dengan ketara mencatat pertumbuhan 7.3% (Januari – Jun 2015: -9%). Pada 2016, subsektor ini dijangka berkembang 6.6% (2015: 6.6%).

Subsektor *pengangkutan dan penyimpanan* meningkat 5.8% dalam tempoh enam bulan pertama 2016 (Januari – Jun 2015: 5.5%). Pertumbuhan subsektor ini terutamanya disokong oleh segmen pengangkutan darat yang meningkat 7% berikutan jumlah penumpang perkhidmatan kereta api antara bandar yang lebih tinggi (Januari – Jun 2015: 5.6%). Prestasi ini juga dicerminkan oleh pertumbuhan dua angka jumlah penumpang Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) Antarabandar 66.5% dan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) 93%, (Januari – Jun 2015: -31.1%; -2%). Pertumbuhan kukuh segmen ini terutamanya disokong oleh pengenalan laluan baharu dan peningkatan kekerapan perkhidmatan kereta api. Tambahan pula, jumlah trafik di lebuh raya bertol meningkat 2.6% kepada 904.4 juta kenderaan terutamanya di Lebuh raya Utara-Selatan (NSE) disebabkan oleh peningkatan penggunaan ketika musim perayaan dan cuti (Januari – Jun 2015: 4.5%; 881.4 juta kenderaan). Jumlah kargo KTMB mencatat penguncupan marginal sebanyak 0.3% kepada 2.885 juta tan metrik (Januari – Jun 2015: -20.3%; 2.893 juta tan metrik). Prestasi ini terutamanya disumbang oleh jumlah kargo kontena perkapalan lebih tinggi (2.4%) yang telah mengimbangi penurunan dalam jumlah kargo simen dan klinker (-12.9%).

Segmen pengangkutan air meningkat 1.7% (Januari – Jun 2015: 1.3%) dengan jumlah kendalian kontena di pelabuhan utama³ berkembang 5.7% kepada 12.2 juta unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) (Januari – Jun 2015: 8.3%; 11.5 juta TEU). Pelabuhan Klang kekal sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan dalam tempoh tersebut merangkumi 53.1% daripada jumlah kendalian kontena (Januari – Jun 2015: 50%). Jumlah kontena yang dikendalikan di Pelabuhan Klang mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 12.2% terutamanya disebabkan oleh aktiviti *transshipment* lebih tinggi (Januari – Jun 2015: 9.6%). Peningkatan juga dicatat di pelabuhan Bintulu sebanyak 9.9%, diikuti Pulau Pinang (8.9%) dan Johor (1.6%) (Januari – Jun 2015: -11.2%; 3.5%; 3.8%). Sementara itu, jumlah kendalian kontena di pelabuhan Tanjung Pelepas menguncup 2.8%, diikuti Kuching (-0.8%) dan Kuantan (-0.6%) (Januari – Jun 2015: 9%; -7.8%; 4.8%).

Segmen pengangkutan udara berkembang 2.3% disokong oleh pergerakan lebih tinggi penumpang antarabangsa (Januari – Jun 2015: 2.4%). Dalam tempoh separuh

¹ Tidak termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan.

² Tidak termasuk Sabah dan Sarawak.

³ Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pulau Pinang, Johor, Bintulu, Kuching dan Kuantan.

pertama 2016, jumlah penumpang udara meningkat 2.1% (Januari – Jun 2015: 0.4%) dengan peningkatan semula jumlah penumpang antarabangsa sebanyak 5% (Januari – Jun 2015: -1.7%). Prestasi ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan bilangan kekerapan dan pengenalan laluan baharu penerbangan termasuk laluan antarabangsa terus ke Langkawi yang menyumbang kepada peningkatan ketara sebanyak 39.3% (Januari – Jun 2015: -8.6%). Tambahan pula, jumlah penumpang antarabangsa yang lebih tinggi dipacu oleh pertumbuhan kukuh penumpang dari China dan Asia Selatan. Walau bagaimanapun, pergerakan penumpang domestik merosot secara marginal sebanyak 0.4% dalam tempoh separuh pertama 2016 terutamanya disebabkan oleh pergerakan penumpang lebih rendah semasa bulan puasa pada bulan Jun (Januari – Jun 2015: 2.2%). Sementara itu, kargo udara menguncup 15% berikutan pertumbuhan perlahan perdagangan global (Januari – Jun 2015: 2.7%). Pada 2016, subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka berkembang 5.7% (2015: 5.7%). Pertumbuhan ini disokong oleh aktiviti penumpang pengangkutan darat dan udara serta inisiatif pengembangan dan pemodenan yang berterusan bagi operasi pelabuhan untuk meningkatkan kapasiti pengendalian kargo.

Dalam tempoh separuh pertama 2016, subsektor *kewangan dan insurans* menyederhana 0.8% terutamanya disokong oleh segmen insurans yang berkembang 3.5% (Januari – Jun 2015: 1%; -0.4%). Pertumbuhan segmen insurans didorong oleh pendapatan premium yang stabil dan tuntutan rendah dalam segmen motor. Segmen kewangan merosot secara marginal sebanyak 0.03% terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan lebih perlahan pendapatan berasaskan faedah berikutan penurunan jumlah pinjaman yang diluluskan serta pendapatan berasaskan fi yang rendah (Januari – Jun 2015: 1.5%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, jumlah pinjaman yang diluluskan merosot ketara sebanyak 16% kepada RM192.6 bilion (Januari – Julai 2015: 3.1%; RM229.4 bilion) dengan pinjaman kepada perniagaan menyusut 10% dan isi rumah 20.9% (Januari – Julai 2015: 23.9%; -9.1%). Prestasi ini sebahagiannya disebabkan oleh langkah kehematan makro untuk mengawal hutang isi rumah yang meningkat. Jumlah pinjaman terkumpul merekod pertumbuhan 5.1% kepada RM1,467.3 bilion (Januari – Julai 2015: 9.6%; RM1,395.7 bilion) terutamanya bagi sektor isi rumah yang meningkat 5.7% kepada RM841.4 bilion (Januari – Julai 2015: 8.6%; RM795.7 bilion). Pada 2016, subsektor kewangan dan insurans dijangka mencatat pertumbuhan 0.3% (2015: -0.7%).

Dalam tempoh separuh pertama 2016, subsektor *perkhidmatan lain* meningkat 4.5% (Januari – Jun 2015: 4.7%) dengan nilai ditambah bagi pendidikan swasta berkembang 6.6% dan kesihatan swasta meningkat 5.6% (Januari – Jun 2015: 7.2%; 5.4%). Sehingga akhir Julai 2016, terdapat 496 institusi pendidikan tinggi swasta di seluruh negara (akhir Julai 2015: 510) terdiri daripada 10 kampus cawangan universiti asing, 53 universiti swasta, 33 kolej universiti swasta dan 400 kolej swasta. Bilangan

pelajar asing dijangka meningkat 31.1% kepada 160,000 orang pada 2016 (2015: 13.2%; 122,061) berikutan pelbagai kursus yang ditawarkan, nilai wang setimpal dan persekitaran yang selamat. Sementara itu, bilangan pelancong kesihatan di hospital swasta mencatat 422,094 dalam tempoh separuh pertama 2016 (Januari – Jun 2015: 429,910) dengan bilangan pesakit dari Indonesia merangkumi 57.5% daripada jumlah pelancong kesihatan. Subsektor ini dijangka meningkat 4.6% pada 2016 (2015: 4.7%) terutamanya didorong oleh permintaan kukuh untuk pendidikan swasta dan penjagaan kesihatan yang berkualiti di samping usaha berterusan untuk mempromosi pelancongan kesihatan. Subsektor *perkhidmatan kerajaan* meningkat 5.1% dalam tempoh separuh pertama 2016 berikutan peningkatan emolumen (Januari – Jun 2015: 3.9%). Pada 2016, subsektor ini dijangka meningkat 6.5% (2015: 4%).

Sektor Pembuatan

Pengeluaran industri berorientasikan eksport yang lebih tinggi

Nilai ditambah sektor **pembuatan** berkembang 4.3% dalam tempoh enam bulan pertama 2016 (Januari – Jun 2015: 4.9%), sementara output meningkat 4% terutamanya disokong oleh industri berorientasikan eksport (Januari – Julai 2015: 4.8%). Pengeluaran lebih tinggi produk E&E dan berasaskan sumber menyumbang dengan ketara kepada **industri berorientasikan eksport** yang meningkat 4.2% (Januari – Julai 2015: 5.3%). Sementara itu, pertumbuhan **industri berorientasikan domestik** kekal pada 3.3% disokong oleh aktiviti pembinaan dan perbelanjaan pengguna yang berterusan. Gaji purata setiap pekerja terus meningkat 4.1% kepada RM3,076 manakala bilangan pekerja merosot 0.1% sebahagian besarnya disebabkan oleh automasi untuk menggantikan pekerja kurang mahir (Januari – Julai 2015: 4.7%; RM2,897; 0.1%). Dalam tempoh suku kedua 2016, kadar penggunaan kapasiti kekal tinggi pada 77.5% menunjukkan peningkatan pengeluaran sektor ini (S1 2016: 76.7%). Bagi keseluruhan tahun, sektor pembuatan dijangka berkembang 4% (2015: 4.9%).

Pengeluaran *E&E* terus berkembang 6.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016 (Januari – Julai 2015: 7.9%) manakala jualan meningkat ketara sebanyak 10.2% kepada RM126.8 bilion (Januari – Julai 2015: 5.4%; RM115.1 bilion). Perkembangan ini selaras dengan nisbah *book-to-bill* melebihi 1 dalam tempoh tersebut. Oleh itu, pengeluaran produk elektronik khususnya, papan litar bercetak meningkat 12.3%, manakala alatan semikonduktor kembali pulih 5.3% dan kelengkapan peranti meningkat semula 2.2% (Januari – Julai 2015: 7.6%; -8.5%; -2.4%). Walau bagaimanapun, pengeluaran elektronik pengguna meningkat secara sederhana 6.1%, sebahagiannya disebabkan oleh pengeluaran awal dalam tempoh suku pertama 2015 berikutan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada April (Januari – Julai 2015: 102%).

JADUAL 3.3

Indeks Pengeluaran Pembuatan Januari – Julai (2010 = 100)

	Indeks		% Perubahan		% Bahagian	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Industri berorientasikan eksport	124.1	129.4	5.3	4.2	73.6	73.8
Produk elektrik dan elektronik	138.6	147.8	7.9	6.6	26.5	27.2
Kimia dan produk kimia	129.9	135.1	6.6	4.0	14.7	14.8
Produk petroleum bertapis	110.6	114.0	2.0	3.1	18.4	18.3
Kayu dan produk kayu	111.1	119.7	7.1	7.7	3.6	3.7
Pemprosesan di luar estet	103.8	90.0	0.0	-13.3	3.7	3.1
Produk getah	135.6	142.9	3.4	5.4	2.7	2.7
Produk kertas	114.0	120.2	2.5	5.4	2.7	2.7
Tekstil, pakaian, produk kulit dan kasut	122.4	131.3	7.2	7.2	1.3	1.3
Industri berorientasikan domestik	132.4	136.7	3.3	3.3	26.4	26.2
Produk galian bukan logam dan yang berkaitan	127.6	135.6	7.2	6.3	4.2	4.3
Produk logam yang direka	166.9	176.2	3.6	5.6	4.1	4.2
Logam asas	104.8	107.0	2.5	2.1	3.3	3.3
Kelengkapan pengangkutan	160.5	155.4	7.6	-3.4	7.0	6.5
Produk makanan	116.6	124.0	-5.2	6.3	5.4	5.5
Minuman	130.5	141.8	14.4	8.6	1.0	1.0
Produk tembakau	112.2	118.3	8.6	5.4	0.5	0.5
Lain-lain	103.2	113.4	-3.1	9.9	0.8	0.9
Jumlah	126.2	131.2	4.8	4.0	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengeluaran *produk petroleum bertapis* meningkat 3.1% berikutan permintaan luar yang lebih tinggi (Januari – Julai 2015: 2%). Sementara itu, pengeluaran *produk kimia dan bahan kimia* berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 4% (Januari – Julai 2015: 6.6%). Prestasi ini sebahagiannya disebabkan oleh pengeluaran daripada gas perindustrian dan perubahan berkembang lebih rendah pada 5.7% (Januari – Julai 2015: 23.1%). Pengeluaran *produk plastik* meningkat semula 2.8% terutamanya disebabkan oleh permintaan lebih tinggi untuk artikel plastik pembungkusan barangan yang meningkat 5.7% dan produk plastik siap berkembang 14.5% (Januari – Julai 2015: -1.5%; -2.8%; 10.6%).

Pengeluaran *produk kayu dan kayu* terus meningkat 7.7% (Januari – Julai 2015: 7.1%) dengan jualan berkembang 8.7% kepada RM8.8 bilion (Januari – Julai 2015: 2.8%; RM8.1 bilion). Subsektor ini sebahagian besarnya disokong oleh peningkatan pengeluaran pengilangan dan pengetaman kayu yang mencatat pertumbuhan ketara 18.7% dalam tempoh yang sama (Januari – Julai 2015: 13.9%). Sementara itu, output perabot kayu dan rotan berkembang 10.5% berikutan peningkatan permintaan dari destinasi eksport utama seperti Amerika Syarikat (AS), Australia dan Jepun (Januari – Julai 2015: 6.5%).

Pengeluaran *produk getah* terus berkembang 5.4%, sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan lebih tinggi bagi sarung tangan getah (Januari – Julai 2015: 3.4%). Pengeluaran sarung tangan getah meningkat dengan ketara 6.4% berikutan purata harga jualan getah asli yang


lebih rendah (Januari – Julai 2015: 3.1%). Tambahan pula, permintaan bagi sarung tangan getah meningkat berikutan peningkatan kesedaran kebersihan di pasaran pesat berkembang, terutamanya China, India dan Amerika Latin serta penularan wabak penyakit berjangkit seperti virus Zika, penyakit virus Ebola dan *Avian Influenza A*. Sementara itu, pengeluaran tayar getah untuk kenderaan berkembang 5.2% disebabkan oleh peningkatan permintaan daripada industri automotif, terutamanya AS, Australia dan Thailand (Januari – Julai 2015: 5.9%).

Pengeluaran *bahan berkaitan pembinaan* terus meningkat 4.8% (Januari – Julai 2015: 4.5%) terutamanya disokong oleh peningkatan pengeluaran produk mineral bukan logam berkembang 6.3% diikuti asas logam (2.1%) dan logam yang direka (5.6%) (Januari – Julai 2015: 7.2%; 2.5%; 3.6%). Pengeluaran produk kaca meningkat dengan ketara sebanyak 21.9%, jongkong besi (24.7%) dan produk struktur logam lain (8.3%) (Januari – Julai 2015: 1.1%; 16.4%; 0.2%). Pertumbuhan subsektor ini disumbang oleh permintaan lebih tinggi daripada subsektor kejuruteraan awam dan kediaman.

Output *kelengkapan pengangkutan* menguncup 3.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016 (Januari – Julai 2015: 7.6%). Kelembapan subsektor ini disebabkan oleh pengeluaran lebih rendah untuk kenderaan bermotor yang menguncup 22.2%, motosikal (-8.3%) serta pembinaan kapal dan bot (-1.7%) (Januari – Julai 2015: -8.7%; 8.7%; 10.2%). Jualan kenderaan merosot 14.8% kepada 370,242 unit (Januari – Ogos 2015: -2.3%; 434,390)

CARTA 3.2

Keluaran Sektor Pembuatan (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.4

Output Sektor Pembuatan: Subsektor E&E Januari – Julai (2010 = 100)

	% Perubahan		% Bahagian	
	2015	2016	2015	2016
Komponen dan papan elektronik	-3.2	8.8	13.9	14.5
Komputer dan kelengkapan peranti	-2.1	3.6	2.5	2.5
Peralatan komunikasi	-1.8	-0.3	1.5	1.4
Peralatan elektronik pengguna	102.0	6.1	4.6	4.6
Motor elektrik, penjana, transformer dan perkakasan pengagihan dan pengawalan elektrik	6.6	3.9	0.6	0.6
Pendawaian dan peranti pendawaian	4.0	4.1	0.8	0.8
Perkakasan domestik	-4.2	9.2	0.3	0.4
Jentera kegunaan umum	2.9	5.9	1.0	1.0
Jentera kegunaan khas	7.9	2.3	1.4	1.4
Jumlah E&E	7.9	6.6	26.5	27.2

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganjakan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.5


Output Sektor Pembuatan: Bahan Berkaitan Pembinaan Januari – Julai (2010 = 100)

	% Perubahan		% Bahagian	
	2015	2016	2015	2016
Kaca dan produk kaca	1.1	21.9	0.8	0.9
Pengeluaran galian bukan logam t.t.t.l.	8.7	2.8	3.4	3.4
Produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap	-3.3	5.0	1.5	1.5
Produk lain yang direka daripada logam; aktiviti perkhidmatan kerja logam	7.7	5.9	2.7	2.7
Besi dan keluli asas	3.1	-2.0	2.3	2.2
Logam asas berharga dan logam bukan ferus lain	1.2	11.1	1.0	1.1
Jumlah bahan berkaitan pembinaan	4.5	4.8	11.7	11.8

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganjakan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.3

Prestasi Industri Terpilih (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rencana 1

Mempergiatkan Sektor Pembuatan Bernilai Tinggi

Pengenalan

Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang memberangsangkan selama separuh abad ini dipacu oleh sektor pembuatan. Kepentingan sektor pembuatan kepada ekonomi terbukti melalui sumbangannya kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK), eksport dan penyediaan pekerjaan. Pada 2015, sektor ini menyumbang 23% kepada KDNK, 80.2% kepada jumlah eksport kasar dan 16.5% daripada jumlah tenaga kerja. Walau bagaimanapun, sektor ini menghadapi persaingan daripada pengeluar kos rendah di rantau ini seperti negara China dan Viet Nam. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengenalpasti subsektor yang berpotensi sebagai pembuatan bernilai tinggi seperti elektrik dan elektronik (E&E), aeroangkasa, teknologi hijau dan peralatan perubatan. Subsektor ini memerlukan peningkatan rantaian nilai melalui proses peralihan aktiviti pembuatan untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi. Subsektor ini juga memerlukan lebih banyak aktiviti berintensifkan kemahiran bagi produk memenuhi standard kualiti dan teknologi global.

Pemangkin Pembuatan Bernilai Tinggi

Industri Elektrik dan Elektronik

Industri E&E terus menjadi pemacu utama sektor pembuatan melalui sumbangannya yang besar kepada pengeluaran, pekerjaan, pelaburan dan eksport negara. Pada 2015, nilai tambah industri E&E mencatatkan RM64.6 bilion dan pelaburan yang diluluskan bagi E&E berjumlah RM8.9 bilion melebihi sasaran RM5.1 bilion. Nilai tambah industri E&E meningkat disebabkan oleh penggunaan baharu untuk semikonduktor dalam pendigitalan, mobiliti, capaian, kecekapan tenaga dan *miniaturisation*. Sementara itu, eksport E&E berjumlah RM277.9 bilion yang merangkumi 36.5% daripada jumlah eksport. Menyedari kepentingan industri E&E bagi meningkatkan rantaian nilai, Majlis Strategik Elektrik dan Elektronik telah ditubuhkan pada 25 Jun 2015 untuk meningkatkan tahap keupayaan dan daya saing industri ini.

Industri Aeroangkasa

Industri aeroangkasa merupakan sektor strategik yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dalam perindustrian dan pembangunan teknologi negara. Pada akhir 2015, pelaburan dalam industri ini berjumlah RM5 bilion, dengan 98% adalah daripada sumber domestik. Jumlah eksport produk berkaitan aeroangkasa meningkat 44.7% kepada RM4.2 bilion pada 2015, terutamanya disebabkan oleh eksport alat ganti dan komponen pesawat udara seperti kipas dan rotor. Industri ini terdiri daripada lapan syarikat yang terlibat dalam pemasangan pesawat, 28 syarikat dalam pembuatan bahagian pesawat dan komponen, termasuk peralatan sokongan darat. Manakala, lebih daripada 50 syarikat terlibat dalam aktiviti penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih. Pasaran eksport utama ialah United Kingdom, Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan Thailand. Kerajaan telah melaksanakan inisiatif utama untuk menjadikan negara sebagai peneraju di rantau ini dalam industri aeroangkasa menjelang 2030. Inisiatif ini termasuk Rangka Tindakan Aeroangkasa Kebangsaan (2015 – 2030) dan Projek Permulaan (EPP) yang baharu iaitu Menjadikan Malaysia Hub bagi Pengeluar Kelengkapan Tulen Aeroangkasa di Asia Tenggara. EPP ini dijangka menyumbang RM1.1 bilion kepada pendapatan negara kasar (GNI), mewujudkan pelaburan bernilai RM1.9 bilion dan 3,368 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi menjelang 2020.

Industri Teknologi Hijau

Teknologi Hijau adalah sebuah industri pertumbuhan baharu dalam sektor pembuatan. Industri ini dijangka menjana RM22.4 bilion kepada KDNK, RM28 bilion pelaburan dan menyediakan 144,590 peluang pekerjaan menjelang 2020. Dalam membangunkan industri Teknologi Hijau, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Teknologi Hijau Negara pada 24 Julai 2009 yang memberi tumpuan kepada empat tonggak iaitu tenaga, alam sekitar, ekonomi dan sosial. Objektif utama dasar ini adalah untuk mengurangkan pelepasan karbon sehingga 45% menjelang 2030 berbanding 2005. Selaras dengan ini, Skim Pembiayaan Teknologi Hijau telah dilanjutkan sehingga akhir 2017 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.2 bilion. Skim ini membolehkan syarikat yang layak untuk mendapatkan subsidi kerajaan sebanyak 2% ke atas faedah pinjaman dan jaminan 60% ke atas risiko pinjaman melalui Credit Guarantee Corporation.

Industri Peralatan Perubatan

Industri peralatan perubatan di Malaysia kebanyakannya menghasilkan peralatan berorientasikan eksport dan boleh dipecahkan kepada tiga kategori umum, produk getah dan lateks; pembuatan am peranti perubatan; dan produk yang dibuat oleh syarikat multinasional (MNC) asing. Sehingga 2015, industri peralatan perubatan terdiri daripada lebih 190 syarikat yang dikuasai oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Kebanyakan PKS adalah pengeluar sarung tangan perubatan manakala lebih 20 MNC menghasilkan peralatan perubatan. Pada 2015, industri ini mempunyai 30 projek diluluskan dengan nilai pelaburan RM1.8 bilion dan menyediakan 7,770 peluang pekerjaan. Malaysia kekal sebagai pengeluar utama dunia bagi kateter yang merangkumi 80% dan sarung tangan getah perubatan sebanyak 60% daripada pasaran dunia. Industri peralatan dijangka menghasilkan RM17.1 bilion pendapatan, RM11.4 bilion dalam GNI dan menjana 86,000 peluang pekerjaan menjelang 2020.

Isu dan Cabaran


Sektor pembuatan menghadapi persaingan sengit dari kawasan berkost rendah dan ketidakcekapan berikutan penggunaan buruh murah secara meluas. Cabaran terbesar bagi subsektor pembuatan bernilai tinggi adalah untuk mengukuhkan inovasi, meningkatkan produktiviti, kemahiran tenaga kerja dan kandungan tempatan dalam Rantaian Nilai Global (GVC).

Meningkatkan Produktiviti Faktor Keseluruhan

Dalam usaha transformasi ekonomi berasaskan input kepada berasaskan pengetahuan, tahap produktiviti perlu dipertingkatkan kerana Malaysia masih jauh ketinggalan berbanding kebanyakan ekonomi maju. Dalam tempoh 2011 – 2014, pertumbuhan purata Produktiviti Faktor Keseluruhan Malaysia adalah 0.7% berbanding Republik Korea (1%) dan Taiwan (1.2%). Ekonomi Malaysia masih didorong oleh faktor pengeluaran tradisional, iaitu modal dan buruh yang menyumbang hampir 70% daripada pertumbuhan KDNK antara 2010 hingga 2015. Peralihan ini memerlukan perubahan daripada pembuatan berintensifkan buruh kepada yang didorong oleh inovasi dan teknologi.

CARTA 1


Faktor Pengeluaran 1996 – 2020



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga 2010.
Data dalam kurungan: Pertumbuhan KDNK sebenar (% tahunan).
Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 2

Graduan Mengikut Bidang Pengajian 2014



Sumber: Kajian Pengesanan Kebolehpasaran Siswazah, Kementerian Pengajian Tinggi, 2014.

Mengukuhkan Inovasi

Inovasi adalah pra-syarat untuk meningkatkan daya saing dan penglibatan dalam GVC. Inovasi juga menambahbaik proses dan kualiti produk. Peralihan ke arah pertumbuhan berasaskan inovasi akan lebih membantu dalam usaha menaik taraf tahap perindustrian. Walau bagaimanapun, tahap inovasi di Malaysia masih rendah terutamanya disebabkan oleh pembiayaan yang tidak mencukupi, penglibatan sektor swasta yang rendah dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan kekurangan tenaga penyelidik.

Tahap inovasi yang rendah juga dicerminkan oleh bilangan paten, reka bentuk perindustrian dan aplikasi tanda dagangan yang ketinggalan berbanding negara lain di rantau ini. Selain daripada pelaburan R&D, ketersediaan sumber manusia dalam bidang Sains dan Teknologi (S&T) adalah penentu penting ekonomi yang inovatif. Walaupun usaha telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mempromosikan pendidikan S&T, Kejuruteraan dan Matematik, hanya 26.4% graduan adalah dalam bidang Sains dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) pada 2014.

JADUAL 1

Bilangan Permohonan Paten, Cap Dagangan dan Reka Bentuk Perindustrian 2014

	Paten	Cap Dagangan	Reka Bentuk Perindustrian
Malaysia	7,620	34,571	1,882
Republik Korea	210,292	208,921	68,441
India	42,854	222,653	9,309
China	928,177	2,222,680	564,555
Pendapatan Pertengahan Atas	1,033,100	2,773,472	656,300

Sumber: World Intellectual Property Organisation (WIPO), 2014

Meningkatkan Kemahiran

Sebuah negara berproduktiviti tinggi memerlukan tenaga kerja berpendidikan, berkemahiran, berpengetahuan dan berbakat untuk menarik pelaburan. Pada 2014, hanya 25% daripada pekerjaan di Malaysia adalah dalam kategori berkemahiran tinggi memandangkan lebih tiga perempat daripada bilangan tenaga kerja hanya berpendidikan setakat Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf dengannya. Sekitar 25% graduan menganggur selepas tamat pengajian berikutan kekurangan kemahiran seperti pengetahuan ICT dan penguasaan Bahasa Inggeris. Sementara itu, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menghadapi beberapa cabaran seperti tadbir urus yang tidak selaras, penyampaian yang tidak tersusun, kekurangan pengiktifaran untuk graduan TVET dan jurang kompetensi dalam kalangan tenaga pengajar. Cabaran ini juga perlu diatasi bagi memastikan institusi TVET menghasilkan graduan yang berkualiti menepati keperluan industri.

Meningkatkan Rantaian Nilai Global

Sumbangan Malaysia kepada GVC adalah kukuh dan konsisten dengan keterbukaan terhadap perdagangan dan kemudahan menjalankan perniagaan. Pencapaian ini terbukti melalui penyertaan Malaysia dalam GVC yang merangkumi 2.7% daripada perdagangan global dan 5.2% daripada perdagangan Asia dalam tempoh 2009 sehingga 2013. Pencapaian ini menjadikan Malaysia sebagai ekonomi Asia keempat paling aktif dalam perdagangan GVC selepas China, Jepun dan Republik Korea. Walau bagaimanapun, penyertaan ini hanya tertumpu kepada *backward linkages* dengan sumbangan nilai ditambah yang rendah. Penyertaan ini adalah penting bagi Malaysia untuk meningkatkan kandungan tempatan dalam rantaian nilai global, memandangkan nilai ditambah domestik mengukur sumbangan perdagangan kepada KDNK negara.

Rumusan

Menjelang 2020, sektor pembuatan dijangka berkembang sebanyak 5.1% setahun dan menyumbang 22.5% kepada KDNK serta 18.2% daripada jumlah guna tenaga. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya akan disumbang oleh subsektor pembuatan yang bernilai tinggi. Sehubungan itu, Malaysia perlu mempertingkatkan tahap penggunaan teknologi dan inovasi serta meningkatkan pelaburan modal insan dan R&D bagi mencapai tahap rantaian nilai sektor pembuatan yang lebih tinggi.

dengan 328,227 adalah kenderaan penumpang, manakala selebihnya adalah kenderaan perdagangan. Pada 2016, jualan dijangka lebih rendah, dengan jumlah keseluruhan industri dianggar 580,000 unit menunjukkan sentimen pasaran yang berhati-hati (2015: 666,674).

Pembuatan *produk makanan* meningkat semula 6.3% (Januari – Julai 2015: -5.2%) terutamanya dipacu oleh peningkatan pengeluaran produk pengilangan bijirin (9.8%), produk pembuatan roti dan kek (17.5%) dan gula (13%) (Januari – Julai 2015: -13.2%; -17.4%; -0.6%). Walau bagaimanapun, pengeluaran produk minyak sawit bertapis menguncup 3.3% disebabkan pengeluaran lebih rendah minyak sawit mentah (CPO) (Januari – Julai 2015: -16%). Sementara itu, jumlah jualan subsektor ini meningkat lebih tinggi 13.2% kepada RM23.6 bilion (Januari – Julai 2015: 0.7%; RM20.8 bilion). Pertumbuhan ini disokong permintaan kukuh daripada ekonomi serantau dan sempena musim perayaan serta acara seperti Pesta Perdagangan Makanan dan Minuman Antarabangsa Malaysia dan Piala Euro.

Sektor Pertanian

Pengeluaran minyak sawit mentah lebih rendah

Sektor **pertanian** menguncup 6% dalam tempoh separuh pertama 2016 disebabkan pengeluaran CPO dan getah yang lebih rendah (Januari – Jun 2015: 0.3%). Walau bagaimanapun, pengeluaran komoditi makanan seperti ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran meningkat disokong oleh pelbagai program dan inisiatif Kerajaan untuk mencapai tahap sara diri. Pada 2016, nilai ditambah sektor pertanian dijangka merosot 3.3% terutamanya disebabkan pengeluaran CPO yang lebih rendah (2015: 1.2%).

Nilai ditambah subsektor *kelapa sawit* terus menguncup 15.2% berikutan pengeluaran CPO yang lebih rendah, terjejas oleh keadaan cuaca buruk (Januari – Jun 2015: -0.4%). Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2016, pengeluaran CPO merosot ketara sebanyak 15.3% kepada

JADUAL 3.6

Nilai Ditambah Sektor Pertanian 2015 – 2016

(pada harga malar 2010)

	% Perubahan		% Bahagian	
	2015	2016 ²	2015	2016 ²
Kelapa sawit	1.3	-9.5	46.9	43.9
Getah	8.1	-5.0	7.2	7.1
Ternakan	2.4	3.6	10.7	11.4
Pertanian lain ¹	2.6	5.7	17.7	19.3
Perhutanan dan pembalakan	-9.9	-2.9	6.9	6.9
Perikanan	0.6	3.2	10.7	11.4
Pertanian	1.2	-3.3	100.0	100.0

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas.

² Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.7

Kelapa Sawit: Kawasan, Hasil dan Pengeluaran 2015 – 2016

	2015	2016 ²	% Perubahan	
			2015	2016 ²
Keluasan tanaman (*000 hektar)	5,392	5,858	3.1	8.6
Kawasan matang (*000 hektar)	4,689	5,085	3.6	8.4
Hasil ¹ (tan/hektar)	18.5	17.5	-0.8	-5.3
Pengeluaran Minyak kelapa sawit (*000 tan metrik)	19,962	18,000	1.5	-9.8

¹ Hasil buah tandan segar.

² Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

12.6 juta tan metrik (Januari – September 2015: 1.4%; 14.9 juta tan metrik). Keadaan ini sebahagian besarnya disebabkan penurunan hasil buah tandan segar kepada 11.6 tan sehektar dan kadar perahan minyak yang lebih rendah 20.2% (Januari – September 2015: 13.7 tan sehektar; 20.3%). Pada 2016, output CPO dijangka lebih rendah mencatat 18 juta tan metrik (2015: 20 juta tan metrik).

Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2016, harga purata CPO meningkat kepada RM2,556 setan metrik disebabkan kekangan bekalan akibat cuaca (Januari – September 2015: RM2,151 setan metrik). Sementara itu, stok pada akhir bulan menyusut kepada 1.5 juta tan metrik sehingga akhir September 2016 berikutan pengeluaran CPO lebih rendah (akhir September 2015: 2.6 juta tan metrik). Pada 2016, harga CPO dijangka stabil sekitar RM2,500 setan metrik berikutan pengeluaran dijangka meningkat seiring dengan berakhirnya kesan El Niño dalam tempoh separuh kedua tahun ini (2015: RM2,158 setan metrik).

Dalam tempoh separuh pertama 2016, nilai ditambah subsektor *getah* merosot ketara 9.7% berikutan keadaan cuaca buruk serta harga yang rendah (Januari – Jun 2015: 1%). Pengeluaran getah menyusut ketara sebanyak 9.3% kepada 415,385 tan metrik (Januari – Ogos 2015: 0.8%; 457,954 tan metrik). Pada 2016, pengeluaran dijangka menguncup 10% kepada 650,000 tan metrik berikutan harga rendah yang tidak menggalakkan aktiviti torehan (2015: 8%; 722,122 tan metrik).

Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2016, harga getah asli (SMR20) berada pada purata RM5.17 sekilogram, dengan harga terendah RM4.27 sekilogram dicatat pada 11 Februari 2016 (Januari – September 2015: RM5.27 sekilogram). Harga getah lebih rendah disebabkan permintaan lemah, terutamanya dari China berikutan pengenaan duti anti-lambakan dan timbal balas ke atas tayar kenderaan tertentu oleh AS. Walau bagaimanapun, harga dijangka kekal stabil berikutan Thailand, Indonesia dan Malaysia di bawah Majlis Getah Tiga Pihak Antarabangsa komited untuk mengurangkan eksport. Sebagai usaha menggalakkan

Sisipan 1

Impak El Niño kepada Subsektor Kelapa Sawit

Pengenalan

Malaysia merupakan pengeluar dan pengeksport minyak sawit kedua terbesar dunia. Pada 2015, Malaysia mengeluarkan sebanyak 20 juta tan metrik minyak sawit mentah (CPO), menyumbang 32% kepada jumlah pengeluaran dunia. Minyak sawit turut menyumbang 5.8% kepada pendapatan eksport negara. Walau bagaimanapun, pengeluaran CPO terjejas dengan episod El Niño terkini (Mac 2015 – Mei 2016) yang mengakibatkan kemarau teruk dan menyebabkan kekurangan air.


El Niño adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut di timur Lautan Pasifik. Semasa episod El Niño tersebut, corak hujan tropika dan peredaran atmosfera yang normal telah terganggu, mencetuskan perubahan iklim yang melampau seperti kemarau, banjir serta mempengaruhi kekuatan dan kekerapan ribut taufan. Sejak 30 tahun yang lalu, episod El Niño yang paling hebat adalah pada 1982 – 1983 dan 1997 – 1998.

Kesan kepada Pengeluaran CPO

El Niño menjejaskan proses pematangan buah tandan segar (FFB) berikutan keadaan cuaca panas dan kekurangan hujan. Dalam tempoh enam bulan pertama 2016, hasil FFB berkurang 16.2% kepada 7 tan metrik sehektar (Januari – Jun 2015: -1.8%; 8.4 tan metrik sehektar), manakala pengeluaran CPO merosot 16.1% kepada 7.6 juta tan metrik (Januari – Jun 2015: -0.2%; 9 juta tan metrik). Keadaan ini menyebabkan penurunan stok minyak sawit kepada 1.8 juta tan metrik pada Jun 2016 (Jun 2015: 2.1 juta tan metrik).

CARTA 1

Pengeluaran Minyak Sawit Mentah




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kesan kepada Sektor Pertanian

Memandangkan subsektor kelapa sawit menyumbang kira-kira 40% kepada sektor pertanian, kejatuhan pengeluaran CPO memberi kesan ketara kepada pertumbuhan keseluruhan sektor berkenaan. Dalam tempoh suku kedua 2016, pertumbuhan sektor pertanian merosot 7.9% (S2 2015: 4.6%). Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh prestasi subsektor kelapa sawit yang lemah berikutan kejatuhan pengeluaran CPO yang menyebabkan penurunan sebanyak 9.3 mata peratusan kepada pertumbuhan keseluruhan sektor.

CARTA 2

Sumbangan kepada Sektor Pertanian

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Impak kepada Harga CPO

Harga CPO berada pada aliran meningkat berikutan bekalan minyak sawit terjejas akibat El Niño. Dalam tempoh separuh pertama 2016, purata harga CPO meningkat 13.4% kepada RM2,517 setan metrik (Januari – Jun 2015: RM2,219 setan metrik), dengan harga tertinggi RM2,709 setan metrik dicatat pada 1 April 2016. Pada 2016, purata harga CPO dijangka berada sekitar RM2,500 setan metrik dengan jangkauan peningkatan pengeluaran dan keadaan cuaca yang lebih baik.

Impak kepada Pendapatan Eksport

Aliran harga CPO yang meningkat berikutan bekalan yang terhad menjadikan harga eksport meningkat kepada RM2,560 setan metrik dalam tempoh separuh pertama 2016 (Januari – Jun 2015: RM2,397 setan metrik). Walau bagaimanapun, penghantaran yang lebih rendah sebanyak 7 juta tan metrik berbanding tempoh yang sama tahun lepas (7.7 juta tan metrik) menjadikan pendapatan eksport berkurangan kepada RM18.1 bilion (Januari – Jun 2015: RM18.5 bilion).

Rumusan

Dalam tempoh separuh pertama 2016, pengeluaran CPO terjejas teruk akibat fenomena El Niño. Keadaan ini telah menyebabkan kelembapan prestasi keseluruhan sektor pertanian. Walau bagaimanapun, pada masa hadapan, pengeluaran CPO dijangka meningkat untuk bulan seterusnya dengan berakhirnya keadaan cuaca El Niño.

JADUAL 3.8

Getah: Kawasan, Hasil dan Pengeluaran 2015 – 2016

	% Perubahan			
	2015	2016 ¹	2015	2016 ¹
Jumlah kawasan (‘000 hektar)	1,071	1,084	0.4	1.2
Kebun kecil	993	1,000	0.7	0.7
Estet	78	84	-2.2	7.7
Hasil (kg sehektar)				
Kebun kecil	1,400	1,450	3.7	3.6
Estet	1,560	1,580	-2.1	1.3
Jumlah pengeluaran (‘000 tan metrik)	722	650	8.0	-10.0
Kebun kecil	665	599	8.5	-9.9
Estet	57	51	2.3	-11.1
% daripada pengeluaran dunia	5.9	5.2		

¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.9

Pengeluaran Pertanian Lain 2015 – 2016

	('000 tan metrik)		% Perubahan	
	2015	2016 ³	2015	2016 ³
Koko	1.7	2.0	-35.1	15.7
Padi	3,322	3,514	16.6	5.8
Ternakan				
Daging ¹	271	269	-1.6	-0.6
Ayam-itik	1,614	1,671	2.6	3.6
Telur (juta)	12,918	13,779	6.5	6.7
Susu (juta liter)	76	77	1.0	0.7
Pertanian pelbagai				
Buah-buahan ²	1,188	1,242	-0.7	4.5
Lada	28	30	2.9	4.2
Sayur-sayuran	1,373	1,505	-5.5	9.6
Kelapa (juta unit)	506	526	-15.0	4.1
Bunga (juta keratan)	510	526	2.3	3.1

¹ Termasuk daging lembu, kambing dan khinzir.

² Terdiri daripada belimbing, betik, durian, jambu, mangga, manggis, pisang, rambutan dan nanas.

³ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi; dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia.

pekebun kecil terus menoreh dalam persekitaran harga pasaran rendah dan seterusnya meringankan beban, Kerajaan telah meningkatkan kadar pengaktifan Skim Insentif Pengeluaran Getah kepada RM5.50 sekilogram (f.o.b) dan RM2.20 sekilogram (harga ladang) berkuatkuasa Januari 2016 (September 2015: RM5.10 sekilogram; RM2 sekilogram). Oleh itu, harga getah dijangka stabil pada RM5 sekilogram pada 2016 (2015: RM5.22 sekilogram).

Nilai ditambah subsektor agro-makanan berkembang 4.5% dalam tempoh separuh pertama 2016, sejajar dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan jaminan makanan (Januari – Jun 2015: 3.7%). Subsektor *ternakan* meningkat 4.9% (Januari – Jun 2015: 3.7%), sebahagian besarnya disebabkan peningkatan pengeluaran ayam-itik. Nilai ditambah subsektor *pertanian lain* meningkat 5.5% berikutan pengeluaran lebih tinggi buah-buahan dan sayur-sayuran (Januari – Jun 2015: 3.6%). Sementara itu, nilai ditambah subsektor *perikanan* berkembang 2% disokong pendaratan ikan marin lebih tinggi (Januari – Jun 2015: 2.2%).

Sektor Perlombongan

Pengeluaran gas asli lebih tinggi

Sektor **perlombongan** meningkat pada kadar sederhana 1.4% dalam tempoh enam bulan pertama 2016 disokong peningkatan semula output gas asli (Januari – Jun 2015: 7.8%).

Nilai ditambah subsektor *gas asli* kembali pulih 1.9% disokong output lebih tinggi, terutamanya dari medan minyak dan gas di Semenanjung dan Sabah (Januari – Jun 2015: -1.8%). Sementara itu, nilai ditambah subsektor *minyak mentah (termasuk kondensat)* meningkat marginal sebanyak 0.2% disebabkan pengeluaran medan minyak di Sarawak yang lebih rendah (Januari – Jun 2015: 17%). Bagi keseluruhan tahun, sektor perlombongan dijangka berkembang 1.1% (2015: 4.7%) dipacu pengeluaran gas asli lebih tinggi berikutan peningkatan kapasiti dengan penyambungan semula Saluran Paip Gas Sabah-Sarawak serta permulaan projek Sabah Ammonia Urea (SAMUR) dan LNG Train 9. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dijangka merosot 2.1% terutamanya disebabkan harga minyak yang kekal rendah dan peningkatan medan minyak matang (2015: 9.8%).

Berikutan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan, inventori yang tinggi dan bekalan kukuh daripada Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC), harga minyak Brent didagangkan lebih rendah pada purata USD42 setong dalam tempoh sembilan bulan pertama 2016 (Januari – September 2015: USD55.4 setong). Meskipun terdapat potensi perjanjian OPEC menghadkan pengeluaran, harga minyak Brent dijangka didagangkan antara USD40 – USD45 setong dalam tempoh separuh kedua 2016, mencerminkan ketidaktentuan dunia semasa dan lebihan minyak berterusan.

JADUAL 3.10

Minyak Mentah dan Gas Asli: Pengeluaran dan Simpanan 2015 – 2016

	% Perubahan			
	2015	2016 ³	2015	2016 ³
Minyak mentah				
Pengeluaran ¹ (‘000 tong sehari)	662	648	9.8	-2.1
Rizab (bilion tong)	6.0	5.9	2.8	-0.8
Rizab / pengeluaran (tahun)	27	24		
Gas asli				
Pengeluaran ² (juta kaki padu standard sehari)	6,218	6,798	-1.8	9.3
Rizab (trilion kaki padu)	103.9	100.4	3.2	-3.4
Rizab / pengeluaran (tahun)	44	43		

¹ Termasuk kondensat.

² Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

³ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: PETRONAS dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Sektor Pembinaan

Kejuruteraan awam menyokong pertumbuhan

Nilai ditambah sektor **pembinaan** mencatat pertumbuhan kukuh 8.4% dalam tempoh separuh pertama 2016 (Januari – Jun 2015: 7.6%). Kerancangan aktiviti kejuruteraan awam dan kemapanan aktiviti kediaman telah mengimbangi pertumbuhan perlahan subsektor bukan kediaman. Secara keseluruhan, tiga subsektor ini merupakan penyumbang tertinggi (lebih daripada 80%) daripada keseluruhan aktiviti pembinaan. Jumlah nilai kerja pembinaan yang telah siap dalam tempoh separuh pertama 2016 meningkat 11.4% kepada RM62 bilion melibatkan 11,881 projek (Januari – Jun 2015: 11.6%; RM56 bilion; 12,158 projek). Subsektor kejuruteraan awam menyumbang 33.2% kepada jumlah nilai kerja pembinaan, diikuti subsektor bukan kediaman (32.1%), kediaman (29.8%) dan aktiviti pembinaan khusus (4.9%). Sektor swasta terus mendominasi aktiviti pembinaan merangkumi 66.3% dalam tempoh separuh pertama 2016. Sektor pembinaan dijangka berkembang 8.7% pada tahun ini (2015: 8.2%).

Subsektor *kejuruteraan awam* mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 21.4% disokong pelaburan dalam industri petrokimia dan kerja infrastruktur yang berterusan (Januari – Jun 2015: 2.9%). Aktiviti ini termasuk pembinaan Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID), Terminal Petroleum Laut Dalam Fasa 2 Pengerang serta Kompleks LNG Petronas Bintulu. Penaiktarafan Landasan Keretapi Berkembar Lembah Klang

Jajaran Rawang – Salak Selatan, pembinaan Terminal Laut Dalam baharu di Pelabuhan Kuantan, Lebuhraya Pan Borneo Fasa 1 dan Skim Bekalan Air Kuala Terengganu Utara serta kerja menaik taraf jalan raya, terutamanya di Selangor, Pahang dan Johor dijangka mengukuhkan lagi pertumbuhan subsektor ini.


Subsektor *kediaman* meningkat 10.4% disokong pertumbuhan kukuh dalam penawaran akan datang iaitu 13.1% kepada 816,174 unit (Januari – Jun 2015: 13.5%; 10.3%; 721,730 unit). Lembah Klang kekal penyumbang terbesar penawaran akan datang merangkumi 26.2%, terutamanya disebabkan oleh skim rumah mampu milik yang semakin meningkat (Januari – Jun 2015: 25.6%). Walau bagaimanapun, kelulusan perumahan baharu merosot ketara sebanyak 32% kepada 44,389 unit disebabkan pemaju menjual harta tanah yang belum dijual, manakala sikap pembeli yang lebih berhati-hati berikutan peningkatan ketidakpastian ekonomi global (Januari – Jun 2015: -2.1%; 65,231 unit). Selain itu, unit rumah mula dibina menguncup 16.8% kepada 60,378 unit (Januari – Jun 2015: 15%; 72,545 unit). Rumah teres merupakan penyumbang terbesar bagi unit mula dibina merangkumi 43.6% (26,324 unit) diikuti kondominium/pangsapuri kepada 29.9% (18,070 unit), manakala rumah berkos rendah pula kepada 11% (6,617 unit) daripada jumlah unit mula dibina. Kadar jualan bagi unit kediaman berada pada tahap yang lebih rendah 25.6% dalam tempoh separuh pertama 2016 (Januari – Jun 2015: 29.8%). Keadaan ini terutamanya mencerminkan permintaan rumah berkos tinggi yang lebih perlahan.

Dalam tempoh separuh pertama 2016, terdapat 102,096 transaksi harta kediaman bernilai RM32.7 bilion yang merangkumi 62.4% daripada jumlah keseluruhan transaksi (Januari – Jun 2015: 119,446 transaksi; RM36.5 bilion; 64.1%). Transaksi harta kediaman di Kuala Lumpur mencatat penurunan ketara sebanyak 20.1%, diikuti Selangor (-14.1%), Pulau Pinang (-13.5%) dan Johor (-10.9%). Penyederhanaan transaksi sebahagiannya disebabkan oleh sentimen pembeli yang berhati-hati dan langkah untuk mengawal kenaikan harga rumah secara mendadak. Kediaman tidak terjual meningkat 63.1% kepada 13,438 unit bernilai RM7.6 bilion dalam tempoh separuh pertama 2016 (Januari – Jun 2015: -24.1%; 8,238 unit; RM2.7 bilion) dengan unit tidak terjual tertinggi dicatat di Johor merangkumi 21.1% (2015: 23.3%).

Indeks Harga Rumah Malaysia (MHPI) terus menyederhana mencerminkan pelbagai langkah kawalan kenaikan harga rumah. MHPI mencatat 235.4 mata (pada tahun asas 2000) meningkat 5.3% dalam tempoh suku kedua 2016, pertumbuhan terendah sejak suku keempat 2009 (S2 2015: 223.5 mata; 7.5%). Namun begitu, semua negeri mencatat peningkatan harga kecuali Kelantan (-0.2%) dan Sabah (-0.6%). Johor mencatat peningkatan tertinggi iaitu 7%, diikuti Kuala Lumpur (6.9%), Selangor (6.6%), Kedah (6.5%) and Negeri Sembilan (6.2%). Purata harga semua rumah meningkat kepada RM326,241 dalam tempoh suku kedua 2016 berbanding RM309,705 dalam tempoh yang sama pada 2015. Rumah berkembar merekod pertumbuhan tertinggi pada 6.5%, diikuti rumah unit bertingkat tinggi (6%) dan rumah teres (5.7%).

CARTA 3.4


Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

CARTA 3.5


**Indeks Harga Rumah Malaysia
(% perubahan)**




Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

CARTA 3.6

Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.



Aktiviti pembinaan dalam subsektor *bukan kediaman* meningkat pada kadar sederhana sebanyak 3% (Januari – Jun 2015: 19.8%). Prestasi ini terutamanya disebabkan unit mula dibina yang berkurang, khususnya dalam segmen perindustrian (-77.1%), kompleks membeli-belah (-43.6%) dan kedai³ (-36.5%) (Januari – Jun 2015: -21.5%; 618.7%; 156.7%). Segmen Pejabat Binaan Khas (PBO) mencatat prestasi lebih baik dengan penawaran akan datang kembali pulih 28.4% kepada 2 juta meter persegi (mp). Penawaran yang dirancang bagi PBO meningkat ketara 56% kepada 1 juta mp dalam tempoh separuh pertama 2016 (Januari – Jun 2015: -15.9%; 1.6 juta mp; 36.6%; 0.7 juta mp).

Segmen kedai mencatat 6,513 transaksi bernilai RM4.7 bilion dalam tempoh separuh pertama 2016 merangkumi 56% daripada jumlah transaksi harta komersial (Januari – Jun 2015: 10,045 transaksi; RM7.9 bilion). Johor menyumbang jumlah tertinggi sebanyak 17.5% daripada keseluruhan pasaran diikuti Selangor (16.1%). Kedai tidak terjual meningkat 22.6% kepada 5,024 unit bernilai RM2.5 bilion dalam tempoh tersebut berikutan sentimen perniagaan yang lebih berhati-hati (Januari – Jun 2015: -14.8%; 4,097 unit; RM1.7 bilion). Walau bagaimanapun, permintaan untuk bangunan komersial kekal menggalakkan dengan kadar purata penghunian ruang perniagaan 82.2% dan ruang pejabat sebanyak 83.5%, mencerminkan permintaan mapan bagi ruang komersial terutamanya di kawasan utama. Stok sedia ada bagi kompleks membeli-belah adalah 14.2 juta mp manakala bagi segmen industri pula berjumlah 106,453 unit, sehingga akhir Jun 2016 (akhir Jun 2015: 13.4 juta mp; 103,103 unit). Indeks Sewaan Bangunan Pejabat Binaan Khas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur meningkat 4% kepada 128.7 mata dalam tempoh suku kedua 2016 (S2 2015: 3.5%; 123.7 mata). Pusat Bandar Kuala Lumpur mencatat peningkatan sewa tertinggi 4.2% kepada RM4.73 sekaki persegi (psf) mengatasi purata RM4.62 psf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Prestasi Permintaan Domestik

Pengukuhan aktiviti sektor swasta memacu pertumbuhan

Permintaan domestik terus kekal memacu pertumbuhan pada 2016, berkembang kukuh 4.7%, terutamanya disokong oleh perbelanjaan **sektor swasta** yang dijangka berkembang 5.9% (2015: 5.1%; 6.1%). Sementara itu, perbelanjaan **sektor awam** dijangka meningkat secara marginal 0.8% (2015: 2.1%). Berikutan penggunaan isi rumah dan jumlah pelaburan kekal berdaya tahan, KDNK dijangka berkembang antara 4% dan 4.5% pada 2016 (2015: 5%).

Pelaburan swasta akan kekal berdaya tahan, merekod pertumbuhan 5.3% pada 2016 disokong persekitaran perniagaan menggalakkan dan inisiatif pro-perniagaan berterusan oleh Kerajaan (2015: 6.4%). Indeks Keadaan Perniagaan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia

JADUAL 3.11

KDNK mengikut Permintaan Agregat 2015 – 2017

(pada harga malar 2010)

	% KDNK		% Perubahan	
	2016 ³	2015	2016 ³	2017 ⁴
Permintaan domestik¹	92.0	5.1	4.7	4.9
Perbelanjaan swasta	70.4	6.1	5.9	6.2
Penggunaan	53.3	6.0	6.1	6.3
Pelaburan	17.0	6.4	5.3	5.8
Perbelanjaan awam	21.6	2.1	0.8	0.6
Penggunaan	13.0	4.4	0.2	0.4
Pelaburan	8.7	-1.0	1.7	1.1
Sektor luar	7.8	-3.8	-4.7	1.9
Eksport ²	70.4	0.6	0.7	2.5
Import ²	62.6	1.2	1.4	2.6
KDNK	100.0	5.0	4.0 – 4.5	4.0 – 5.0

¹ Tidak termasuk perubahan dalam stok.

² Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

³ Anggaran.

⁴ Unjuran.


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

CARTA 3.7

Komposisi Permintaan Agregat

(pada harga malar 2010)



¹ Tidak termasuk stok.

² Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

³ Termasuk *Small Office Home Office* dan pangsapuri perkhidmatan.

meningkat 13.6 mata kepada 106.4 mata dalam tempoh suku kedua 2016, mencerminkan sentimen pasaran yang semakin baik (S1 2016: 92.8 mata). Bagi tahun ini, perbelanjaan modal akan bertumpu terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Dalam sektor perkhidmatan, sebahagian besar pelaburan disalurkan dalam subsektor perdagangan pengedaran dan pelancongan. Subsektor maklumat dan komunikasi juga dijangka menyokong pelaburan berikutan penambahbaikan perkhidmatan rangkaian dan aplikasi. Selain itu, perbelanjaan modal dalam sektor pembuatan akan disokong oleh pengembangan dalam industri E&E dan peranti perubatan. Pelaburan dalam sektor pembinaan dijangka didorong terutamanya oleh projek infrastruktur.

Malaysia terus menerima aliran masuk bersih FDI berjumlah RM23.8 bilion dalam tempoh separuh pertama 2016 (Januari – Jun 2015: RM26.7 bilion). Penyumbang utama FDI adalah Hong Kong (57.3%), Singapura (18.3%), United Kingdom (UK) (6.7%) dan Jepun (6.6%). Sebahagian besar aliran masuk FDI disalurkan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Selain itu, pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dalam tempoh enam bulan pertama 2016 berjumlah RM88.5 bilion melibatkan 2,499 projek (Januari – Jun 2015: RM126 bilion; 2,730 projek). Pelaburan yang diluluskan disalurkan terutamanya dalam industri harta tanah, perkhidmatan kewangan dan E&E. Pelabur domestik menyumbang 68.1% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Penggunaan swasta menyumbang 53.3% kepada KDNK dijangka berkembang 6.1% pada 2016 disokong oleh guna tenaga dan pertumbuhan pendapatan yang stabil (2015: 52.4%; 6%). Pelbagai langkah Kerajaan, termasuk pemberian tunai yang berterusan; pelepasan cukai kepada golongan berpendapatan sederhana; penurunan kadar caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), kenaikan gaji minimum; serta pelaksanaan tambahan satu Kenaikan Gaji Tahunan dan bantuan tunai kepada kakitangan awam akan memberi sokongan kepada aktiviti penggunaan. Sentimen pengguna yang bertambah baik dicerminkan oleh peningkatan Indeks Sentimen Pengguna mencatat 78.5 mata dalam tempoh suku kedua 2016 (S1 2016: 72.9 mata). Penunjuk penggunaan lain seperti jualan makanan (29.9%) dan import barangan penggunaan (12.5%) turut mencatat pertumbuhan tinggi dalam tempoh lapan bulan pertama 2016 (Januari – Ogos 2015: 0.2%; 16.4%).

Pelaburan awam dijangka kembali pulih 1.7% terutamanya disokong oleh perbelanjaan pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan lebih tinggi dan perbelanjaan modal syarikat awam yang berterusan (2015: -1%). DE dijangka berkembang 10.4% (2015: 3.2%), dengan sebahagian besarnya disalurkan dalam sektor ekonomi (61.4%). Syarikat awam, khususnya, Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TM) dijangka meningkatkan pelaburan untuk

JADUAL 3.12

Jurang Tabungan Pelaburan 2015 – 2017


(pada harga semasa)

	RM juta		
	2015	2016 ²	2017 ³
Sektor awam			
Tabungan	51,134	75,765	77,690
Pembentukan modal kasar ¹	104,126	107,706	110,515
Lebihan/Defisit	-52,992	-31,941	-32,825
Sektor swasta			
Tabungan	273,870	266,955	288,128
Pembentukan modal kasar ¹	186,221	218,586	240,532
Lebihan/Defisit	87,649	48,369	47,596
Keseluruhan			
Tabungan negara kasar	325,005	342,720	365,818
% daripada GNI	28.9	28.6	28.4
Pembentukan modal kasar ¹	290,347	326,292	351,047
% daripada GNI	25.8	27.3	27.3
Lebihan/Defisit	34,657	16,428	14,771
% daripada GNI	3.1	1.0 – 1.5	0.5 – 1.5

¹ Termasuk perubahan dalam stok.² Anggaran.³ Unjuran.Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

CARTA 3.8

Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan Pelaburan

¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

pengembangan kapasiti dan menaik taraf perkhidmatan. Antara projek utama PETRONAS dalam aktiviti huluhan termasuk LNG Train 9, Kemudahan LNG Terapung Pertama PETRONAS (PFLNG 1), saluran paip gas Dalak dan medan minyak marginal Malikai. Manakala pelaburan dalam aktiviti hiliran termasuk RAPID, Loji Cogen Pengerang dan SAMUR. Perbelanjaan modal TNB terutamanya dalam pembinaan loji janakuasa termasuk Jimah, Ulu Jelai dan Manjung 5. Sementara itu, perbelanjaan modal oleh TM bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengembangan rangkaian teras serta peningkatan akses meliputi kawasan di pinggir dan luar bandar. *Penggunaan awam* dijangka meningkat marginal 0.2%, mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap perbelanjaan yang lebih berhemat (2015: 4.4%).

GNI pada harga semasa dijangka meningkat 6.4% pada 2016 (2015: 5.2%). Sementara itu, **tabungan negara kasar (GNS)** diunjur berkembang 5.5% kepada RM342.7 bilion atau 28.6% daripada GNI (2015: -0.01%; RM325 bilion; 28.9%). Jumlah pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) dijangka meningkat ketara 12.4% kepada RM326.3 bilion (2015: 5%; RM290.3 bilion). Jurang tabungan pelaburan dijangka mengecil kepada RM16.4 bilion atau dalam lingkungan 1% – 1.5% daripada GNI, mencerminkan pertumbuhan lebih kukuh dalam aktiviti pelaburan di samping paras simpanan yang berdaya tahan (2015: RM34.7 bilion; 3.1%).

Sektor Luar Negeri

Prestasi Perdagangan

Imbangan dagangan kekal mencatat lebihan

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2016, jumlah perdagangan kembali meningkat 0.9% kepada RM948.4 bilion (Januari – Ogos 2015: -1.9%; RM940 bilion) berikutan perdagangan global yang mapan. Eksport kasar meningkat 0.9% dan import 0.9%, menyumbang kepada lebihan dagangan RM52.2 bilion (Januari – Ogos 2015: -1.9%; -1.9%; RM51.3 bilion). Pertumbuhan eksport disokong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi barangan pembuatan dan pertanian meskipun eksport perlombongan lemah. Sementara itu, pertumbuhan import didorong oleh peningkatan import barangan modal dan penggunaan. Bagi keseluruhan tahun, eksport kasar dijangka berkembang 1.1% dan import kasar 1.3% dengan lebihan dagangan kekal kukuh pada RM91.4 bilion (2015: 1.6%; 0.4%; RM91.6 bilion).

Eksport Barangan Pembuatan

Disokong oleh produk E&E dan kimia

Eksport **barangan pembuatan** menyumbang hampir 83% kepada jumlah eksport, meningkat 3.8% kepada RM413.3 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2016 terutamanya

JADUAL 3.13

Perdagangan Luar Negeri 2015 – 2017

	RM juta			% Perubahan		
	2015	2016 ¹	2017 ²	2015	2016 ¹	2017 ²
Jumlah perdagangan	1,463,134	1,480,062	1,524,744	1.0	1.2	3.0
Eksport kasar	777,355	785,709	806,532	1.6	1.1	2.7
antaranya:						
Pembuatan	625,429	648,602	667,244	6.5	3.7	2.9
Pertanian	67,247	68,042	69,120	-2.8	1.2	1.6
Perlombongan	80,194	64,428	65,894	-22.9	-19.7	2.3
Import kasar	685,778	694,353	718,212	0.4	1.3	3.4
antaranya:						
Barangan modal	95,551	97,209	101,627	-0.3	1.7	4.5
Barangan pengantara	399,526	401,336	417,999	-2.1	0.5	4.2
Barangan penggunaan	62,430	68,741	71,821	24.1	10.1	4.5
Imbangan dagangan	91,577	91,355	88,320	11.0	-0.2	-3.3

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.14

Eksport Kasar Januari – Ogos

	RM juta		% Perubahan		% Bahagian	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Pembuatan	398,067	413,259	3.0	3.8	80.3	82.6
Pertanian	43,273	43,953	-5.3	1.6	8.7	8.8
Perlombongan	51,299	39,790	-26.1	-22.4	10.4	8.0
Lain-lain	2,984	3,325	-16.0	11.4	0.6	0.7
Eksport kasar	495,624	500,327	-1.9	0.9	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

didorong oleh pengembangan E&E serta kimia dan produk kimia (Januari – Ogos 2015: 80.3%; 3%; RM398.1 bilion). Pasaran utama eksport barangan pembuatan adalah Singapura, AS, China, Jepun dan Hong Kong.


Eksport **E&E** meningkat 2.2% terutamanya disokong oleh permintaan mapan bagi peranti semikonduktor (1.2%) dan kelengkapan telekomunikasi yang meningkat ketara (10.9%) (Januari – Ogos 2015: 7.4%; 10.3%; 0.1%). Eksport semikonduktor sebahagian besarnya didorong oleh peranti semikonduktor fotosensitif meningkat ketara 30.2%, terutamanya ke AS berikutan pelanjutan pemberian kredit cukai pelaburan untuk projek tenaga solar dan tenaga boleh diperbaharui. Sementara itu, pendapatan eksport segmen kelengkapan telekomunikasi lebih tinggi dipacu oleh permintaan kukuh dari AS, Mexico, Singapura dan Jerman. Walau bagaimanapun, eksport litar bersepadu elektronik merosot 2.5% dan mesin memproses data automatik menyusut 3.8%. Secara keseluruhan, permintaan produk E&E kekal menggalakkan, terutamanya dari AS, Singapura, Jerman dan Mexico.

Eksport **bukan E&E** kembali meningkat 5.1% (Januari – Ogos 2015: -0.2%) didorong oleh pengembangan dalam subsektor utama, khususnya kimia dan produk kimia; jentera, kelengkapan dan peralatan; barangan perkilangan logam; serta barangan optik dan saintifik. Walau bagaimanapun, produk petroleum; besi dan keluli; galian bukan logam serta barang kemas mencatat pertumbuhan negatif.

Eksport *kimia dan produk kimia* meningkat 6.4% (Januari – Ogos 2015: 5.6%), terutamanya disokong oleh pendapatan lebih tinggi bahan kimia organik (6.9%) dan bahan plastik dalam bentuk utama (9.2%). Permintaan dari pasaran utama, terutamanya China, Viet Nam, Belanda, Republik Korea dan Hong Kong meningkat kukuh. Eksport *barangan perkilangan plastik* meningkat 4.4% (Januari – Ogos 2015: 4%) didorong oleh keluaran siap plastik (2.6%) serta produk plat, kepingan, sapat, gegelung dan jalur plastik (6.1%). Perkembangan ini disokong oleh permintaan dari industri makanan dan farmaseutikal yang semakin meningkat.

CARTA 3.9

Eksport Semikonduktor Malaysia, Jualan Semikonduktor Sedunia dan Book-to-Bill Ratio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Semiconductor Industry Association, dan Semiconductor Equipment and Materials International.

Pertumbuhan eksport *jentera, kelengkapan dan peralatan* berkembang 12.5% (Januari – Ogos 2015: 14.3%). Perkembangan ini didorong oleh pendapatan lebih tinggi bagi kelengkapan kejuruteraan awam (13.4%); kelengkapan pemanasan dan pendinginan (23.9%) serta jentera khusus bagi perusahaan tertentu (14.3%). Eksport meningkat lebih tinggi terutamanya ke Singapura, Indonesia, Jepun dan Jerman. Sementara itu, pendapatan eksport *barangan optik dan saintifik* melonjak 14.5% (Januari – Ogos 2015: 2.7%) sebahagian besarnya disokong oleh peningkatan eksport peralatan dan instrumen mengukur dan kawalan (18.7%) serta instrumen dan peralatan perubatan (25.3%). Eksport barangan optik dan saintifik ke AS, Singapura, China dan Taiwan mencatat pertumbuhan lebih tinggi.

Sisipan 2

Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan

Pengenalan

Syarikat Peringkat Pertengahan atau Mid-Tier Companies (MTC) merupakan syarikat yang mempunyai jualan tahunan antara RM50 juta dan RM500 juta bagi sektor pembuatan manakala antara RM20 juta dan RM500 juta bagi sektor perkhidmatan. Selain menjadi syarikat pengeksport, MTC juga perlu mempunyai kadar pertumbuhan purata kumulatif melebihi 5% bagi 5 tahun dan terlibat dalam industri berimpak tinggi. Di samping itu, 60% daripada pemilikan MTC adalah warga Malaysia dan syarikat tersebut bukan subsidiari kepada syarikat yang pendapatan melebihi RM500 juta.

Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan (MTCDP) telah ditubuhkan pada 2014 bertujuan untuk meningkatkan potensi eksport dan memberi sokongan mengikut kesesuaian MTC. Program ini menyediakan pelbagai maklumat pasaran dan kaedah penyelesaian perniagaan kepada MTC. Sebanyak 50 MTC berprestasi tinggi dipilih setiap tahun untuk menyertai program yang berjangka masa 9 bulan ini.

Program ini membantu MTC untuk:

- menembusi pasaran baharu melalui kerjasama di antara penasihat; rakan niaga dan pengedar yang berpotensi;
- akses pembiayaan melalui pelabur asing dan tempatan, pemodal teroka dan institusi kewangan yang berpotensi;
- menggunakan teknologi baru bagi meningkatkan inovasi, pertumbuhan dan pembangunan; dan
- mendapatkan khidmat nasihat khusus daripada pakar pengurusan antarabangsa; dan mengumpul maklumat pasaran.

Status Terkini

Terdapat lebih daripada 100 syarikat telah menyertai MTCDP bagi Wave 1 (2014) dan Wave 2 (2015). Penglibatan MTC telah memperoleh manfaat melalui perundingan perniagaan antarabangsa dan pakar industri rangkaian global. Program ini membantu 77 syarikat meneroka pasaran baharu seperti China, Indonesia, Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Australia dan Myanmar melalui padanan perniagaan. Eksport MTC telah meningkat 36.7% daripada RM4.15 bilion kepada RM5.67 bilion setelah menamatkan program tersebut dengan jayanya pada 2015.

Kejayaan:

- Sebuah syarikat dalam industri automotif**, melibatkan alat ganti dan komponen bagi kenderaan Jepun dan Korea telah dipadankan dengan syarikat insurans di Indonesia dengan anggaran jualan antara RM15 – RM30 juta pada akhir 2016.
- Sebuah syarikat pembekal perkhidmatan** dalam bidang penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih enjin diesel dan janakuasa telah dibantu dalam rundingan bagi membekalkan set janakuasa bernilai RM6.6 juta kepada Myanmar pada 2016.

Pelan program bagi tahun 2016

Sebanyak 51 MTC telah terpilih untuk menyertai program Wave 3 bagi 2016 yang meliputi lebih 16 industri utama seperti berikut:

JADUAL 1

Senarai Industri

Sektor Pembuatan		Sektor Perkhidmatan
Makanan & Minuman (8)	Produk Industri Elektrik & Elektronik (3)	Minyak & Gas (7)
Bangunan, Bahan Binaan & Perkakasan (7)	Peralatan Dapur (1)	Kejuruteraan (5)
Pengangkutan dan Peralatan (4)	Produk Isi Rumah (1)	ICT (4)
Produk Perabot (4)	Pembungkusan Plastik dan Palet (1)	Logistik (1)
Tekstil (3)	Bahan Kimia (1)	Filem & Animasi 3D (1)

Nota: Angka dalam kurungan adalah bilangan syarikat.
Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

Lebih daripada 40 MTC telah menjalani Fasa Diagnostik selama 3 bulan. Fasa ini merangkumi beberapa siri aktiviti termasuk kaji selidik atas talian berkenaan kesediaan eksport, temuduga bersama pengurusan atasan, dan klinik satu-kepada-satu bersama pakar industri.

Rumusan

MTC memainkan peranan penting dalam mendokong eksport Malaysia. Kerajaan akan terus membantu MTC mengukuhkan perniagaan teras dan memacu pertumbuhan eksport. MTCDP dijangka menyumbang sebanyak RM6 bilion kepada pendapatan negara kasar dan eksport sebanyak RM6 bilion menjelang 2020.

JADUAL 3.15

Eksport Barangan Pembuatan Januari – Ogos

	RM juta		% Perubahan		% Bahagian	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
E&E	177,666	181,642	7.4	2.2	44.6	44.0
Bukan E&E	220,401	231,617	-0.2	5.1	55.4	56.0
Produk petroleum	34,947	33,696	-27.5	-3.6	8.8	8.2
Kimia dan produk kimia	35,741	38,034	5.6	6.4	9.0	9.2
Jentera, kelengkapan dan peralatan	23,036	25,922	14.3	12.5	5.8	6.3
Barangan perkilangan logam	20,260	22,342	15.6	10.3	5.1	5.4
Barangan optik dan saintifik	16,283	18,637	2.7	14.5	4.1	4.5
Produk getah	12,904	13,031	8.7	1.0	3.2	3.2
Barangan makanan diproses	11,249	12,670	3.7	12.6	2.8	3.1
Produk kayu	9,758	10,161	0.7	4.1	2.5	2.5
Tekstil, pakaian dan kasut	8,622	9,238	6.8	7.1	2.2	2.2
Barangan perkilangan plastik	8,169	8,526	4.0	4.4	2.1	2.1
Kelengkapan pengangkutan	7,566	8,644	5.7	14.2	1.9	2.1
Produk besi dan keluli	6,475	4,101	-3.3	-36.7	1.6	1.0
Barang kemas	5,105	4,709	13.0	-7.7	1.3	1.1
Produk galian bukan logam	3,946	3,724	4.4	-5.6	1.0	0.9
Minuman dan tembakau	2,864	3,026	8.2	5.6	0.7	0.7
Barangan kertas dan palpa	2,619	2,741	5.9	4.7	0.7	0.7
Produk pembuatan lain	10,857	12,413	11.3	14.3	2.7	3.0
Jumlah	398,067	413,259	3.0	3.8	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

Eksport *barangan perkilangan logam* meningkat 10.3% (Januari – Ogos 2015: 15.6%) sejajar dengan aktiviti eksport semula yang kukuh dalam tempoh lapan bulan pertama 2016. Pertumbuhan ini terutamanya didorong oleh produk logam bukan besi, khususnya aluminium (63.1%) dan tembaga (5.9%). Destinasi eksport utama barangan perkilangan logam termasuk Singapura, China, India, Jepun dan Viet Nam.

Eksport *barangan makanan diproses* berkembang dengan ketara sebanyak 12.6% (Januari – Ogos 2015: 3.7%) terutamanya disokong oleh permintaan lebih tinggi daripada rakan dagangan utama, khususnya Singapura, Indonesia, China, Australia dan Thailand. Perkembangan ini sebahagian besarnya didorong oleh promosi dan kempen produk makanan tempatan yang agresif di luar negara. Sementara itu, eksport *tekstil, pakaian dan kasut* terus meningkat 7.1% (Januari – Ogos 2015: 6.8%), khususnya didorong oleh eksport benang tekstil yang kembali meningkat dengan ketara sebanyak 13.6%. Pendapatan meningkat terutamanya dari Jepun, Turki, China dan Singapura.

Eksport *produk kayu* meningkat 4.1% (Januari – Ogos 2015: 0.7%) terutamanya disebabkan oleh peningkatan segmen perabot kayu. Secara khusus, eksport perabot bilik tidur meningkat kukuh 15.7% berikutan permintaan lebih tinggi dari AS, Australia, UK dan Kanada. Selain itu, perkembangan industri perabot di AS dan keadaan pasaran perumahan yang bertambah baik memberi peluang kepada pengeluar perabot tempatan untuk meningkatkan eksport. Pertumbuhan eksport produk kayu secara keseluruhan

disokong oleh permintaan dari AS, Australia, Singapura dan Republik Korea.

Pendapatan eksport *produk getah* meningkat pada kadar lebih perlahan 1% (Januari – Ogos 2015: 8.7%) terutamanya disebabkan oleh penguncupan ketara bahan perkilangan getah sebanyak 55.2%. Walau bagaimanapun, pertumbuhan keseluruhan diimbangi oleh peningkatan eksport sarung tangan getah sebanyak 2.7%. Destinasi eksport utama produk getah termasuk AS, China, Jerman dan Jepun.

Eksport *produk petroleum* mencatat penguncupan lebih perlahan sebanyak 3.6% (Januari – Ogos 2015: -27.5%) berikutan produk petroleum bertapis meningkat kembali dengan kukuh 7.1%. Permintaan lebih tinggi telah dicatat terutamanya dari Viet Nam, Nigeria, Australia dan Thailand. Sementara itu, eksport *produk besi dan keluli* merosot ketara 36.7% (Januari – Ogos 2015: -3.3%) berikutan permintaan lebih rendah dari Singapura, India, Australia, Republik Korea dan AS.

Eksport Komoditi

Eksport pertanian bertambah baik

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2016, pendapatan eksport **komoditi** menguncup 11.5% kepada RM83.7 bilion (Januari – Ogos 2015: -17.8%; RM94.6 bilion). Prestasi perlahan ini terutamanya disebabkan harga minyak rendah dan permintaan luar yang lemah. Eksport **perlombongan** terus merosot 22.4% (Januari – Ogos

2015: -26.1%), terutamanya disebabkan eksport gas asli cecair (LNG) dan petroleum mentah yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, eksport **pertanian** semakin pulih dengan mencatat pertumbuhan positif 1.6% (Januari – Ogos 2015: -5.3%) berikutan permintaan minyak sawit lebih tinggi dari Pakistan, Filipina, Turki, Bangladesh dan Itali.

Pendapatan eksport *LNG* merosot 31.9% terutamanya dengan penguncupan nilai purata seunit (AUV) 31.6% kepada RM1,216 setan metrik (Januari – Ogos 2015: -31.3%; -31%; RM1,778 setan metrik). Penghantaran *LNG* ke destinasi eksport utama, khususnya Jepun, Republik Korea, China dan Taiwan merosot ketara berikutan paras inventori yang tinggi dan aktiviti ekonomi lebih perlahan.

Eksport *petroleum mentah* menguncup 16.1%, terutamanya disebabkan oleh paras AUV yang merosot 21.6% kepada RM1,323 setan metrik (Januari – Ogos 2015: -26.4%; -39%; RM1,687 setan metrik). Eksport ke pasaran utama seperti Thailand, Singapura dan Jepun kekal lemah. Walau bagaimanapun, eksport ke China meningkat sebahagiannya disebabkan aktiviti penstokan semula dan peningkatan penggunaan bahan api berikutan jualan kereta yang tinggi.

JADUAL 3.16

Eksport Komoditi Januari – Ogos

			% Perubahan	
	2015	2016	2015	2016
Eksport komoditi (RM juta)	94,572	83,743	-17.8	-11.5
Eksport pertanian (RM juta)	43,273	43,953	-5.3	1.6
Minyak sawit				
Volum ('000 tan metrik)	10,777	10,005	3.5	-7.2
AUV (RM/tan metrik)	2,396	2,578	-11.4	7.6
Nilai (RM juta)	25,819	25,793	-8.4	-0.1
Getah asli				
Volum ('000 tan metrik)	490	412	-1.3	-16.1
AUV (RM/tan metrik)	5,636	5,369	-16.5	-4.7
Nilai (RM juta)	2,764	2,210	-17.5	-20.1
Kayu gergaji				
Volum ('000 meter padu)	1,310	1,254	3.8	-4.3
AUV (RM/meter padu)	1,516	1,723	11.7	13.6
Nilai (RM juta)	1,987	2,161	15.9	8.8
Eksport perlombongan (RM juta)				
Eksport perlombongan (RM juta)	51,299	39,790	-26.1	-22.4
Gas asli cecair				
Volum ('000 tan metrik)	16,299	16,241	-0.5	-0.4
AUV (RM/tan metrik)	1,778	1,216	-31.0	-31.6
Nilai (RM juta)	28,982	19,745	-31.3	-31.9
Petroleum mentah				
Volum ('000 tan metrik)	9,673	10,344	20.6	6.9
AUV (RM/tan metrik)	1,687	1,323	-39.0	-21.6
Nilai (RM juta)	16,314	13,682	-26.4	-16.1





Nota: AUV merujuk kepada nilai purata seunit.

Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

CARTA 3.10

Eksport Komoditi Utama



Nota: AUV merujuk kepada nilai purata seunit.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pendapatan eksport *minyak sawit* menguncup secara marginal 0.1% terutamanya disebabkan oleh volum eksport yang menyusut 7.2% (Januari – Ogos 2015: -8.4%; 3.5%). Sementara itu, AUV minyak sawit meningkat 7.6% kepada RM2,578 setan metrik (Januari – Ogos 2015: -11.4%; RM2,396 setan metrik). Penghantaran ke pasaran eksport utama khususnya India menyusut 3.4%, China (-36.7%) dan Belanda (-28.4%).

Eksport *getah asli* merosot 20.1% (Januari – Ogos 2015: -17.5%), berikutan volum dan AUV lebih rendah. Volum eksport menyusut ketara 16.1% dan AUV merosot 4.7% (Januari – Ogos 2015: -1.3%; -16.5%). Selain itu, eksport ke destinasi utama seperti China menguncup 34.5% diikuti Jerman (-8.6%) dan AS (-31.4%).

Prestasi Import

Barangan modal dan penggunaan menyokong pertumbuhan

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2016, **import kasar** meningkat 0.9% kepada RM448.1 bilion (Januari – Ogos 2015: -1.9%; RM444.3 bilion) disokong permintaan lebih tinggi bagi barangan modal dan penggunaan serta

aktiviti eksport semula yang kukuh. China, Singapura, AS, Jepun dan Thailand terus menjadi sumber import terbesar Malaysia, menyumbang 53.3% kepada jumlah import (Januari – Ogos 2015: 52.2%).

Import **barangan pengantara**, mewakili 57.2% daripada import kasar, merosot 2.4% kepada RM256.4 bilion (Januari – Ogos 2015: 59.1%; -1.7%; RM262.8 bilion), akibat penguncupan ketara import bahan api dan pelincir sebanyak 38.6%; makanan dan minuman (-8.5%); dan bekalan perindustrian (-0.7%). Walau bagaimanapun, import alat ganti dan aksesori berkembang 6.4%, terutamanya didorong oleh permintaan lebih tinggi bagi produk litar bersepadu elektronik.

Import **barangan modal** kembali pulih 5.6% kepada RM64.9 bilion (Januari – Ogos 2015: -3.7%; RM61.4 bilion), dipacu permintaan kukuh bagi aktiviti pelaburan domestik. Import barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) menyumbang 88.8% kepada jumlah barangan modal, meningkat 5.6% terutamanya disokong oleh struktur terapung bagi sektor minyak dan gas (O&G). Import alat kelengkapan pengangkutan turut meningkat 6.2% didorong oleh permintaan lebih tinggi bagi kapal terbang, lokomotif dan kenderaan bermotor bagi kegunaan industri.

JADUAL 3.17

Import Barangan mengikut Penggunaan Akhir Januari – Ogos

	RM juta		% Perubahan		% Bahagian	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Barangan modal	61,437	64,907	-3.7	5.6	13.8	14.5
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	54,594	57,639	4.4	5.6	12.3	12.9
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	6,842	7,268	-40.5	6.2	1.5	1.6
Barangan pengantara	262,822	256,426	-1.7	-2.4	59.1	57.2
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	12,596	11,529	7.4	-8.5	2.8	2.6
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	29,917	18,363	-24.8	-38.6	6.7	4.1
Bekalan perindustrian, t.d.t.l. ¹ utama dan diproses	111,092	110,360	-2.1	-0.7	25.0	24.6
Alat ganti dan aksesori barangan modal dan kelengkapan pengangkutan	109,217	116,173	6.5	6.4	24.6	25.9
Barangan penggunaan	38,824	43,677	16.4	12.5	8.7	9.7
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk isi rumah	15,946	17,467	11.4	9.5	3.6	3.9
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	724	608	-2.7	-16.1	0.2	0.1
Barangan pengguna	22,153	25,602	21.0	15.6	5.0	5.7
Barangan tahan lama	5,002	5,510	2.2	10.2	1.1	1.2
Barangan separa tahan lama	7,834	9,530	51.9	21.7	1.8	2.1
Barangan tidak tahan lama	9,317	10,561	12.9	13.4	2.1	2.4
Lain-lain	16,718	12,733	-20.6	-23.8	3.8	2.8
Eksport semula	64,539	70,378	-3.8	9.0	14.5	15.7
Jumlah	444,339	448,120	-1.9	0.9	100.0	100.0

¹Tidak disenarai di tempat lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Import **barangan penggunaan** terus berkembang 12.5% kepada RM43.7 bilion (Januari – Ogos 2015: 16.4%; RM38.8 bilion) seiring dengan peningkatan pendapatan isi rumah dan pilihan produk import. Import barangan pengguna mencatat peningkatan ketara sebanyak 15.6% disokong permintaan lebih tinggi bagi ubat-ubatan, kasut dan peralatan ortopedik. Selain itu, import makanan dan minuman untuk kegunaan isi rumah seperti sayuran jenis bawang, beras, daging dan buah-buahan terus berkembang 9.5%.

Import untuk **eksport semula** kembali pulih mencatat pertumbuhan memberangsangkan 9% kepada RM70.4 bilion (Januari – Ogos 2015: -3.8%; RM64.5 bilion). Pertumbuhan kukuh ini terutamanya didorong oleh peningkatan import bagi produk petroleum dan bijih besi. Selain itu, pertumbuhan yang kukuh ini disokong oleh penambahan berterusan dalam kapasiti penyimpanan.

Pada 2016, **import kasar** dijangka berkembang 1.3% kepada RM694.4 bilion (2015: 0.4%; RM685.8 bilion) didorong permintaan input pengantara yang lebih tinggi seiring dengan aktiviti pembuatan yang lebih baik. Sementara itu, import barangan modal dijangka meningkat disokong permintaan lebih tinggi untuk jentera dan kelengkapan bagi kegunaan projek infrastruktur baharu dan yang sedang dilaksanakan. Selain itu, permintaan barangan penggunaan dijangka meningkat berikutan pekerjaan yang stabil dan pertumbuhan upah menggalakkan.

Imbangan Pembayaran


Akaun semasa kekal mencatat lebihan

Dalam tempoh separuh pertama 2016, akaun semasa mencatat lebihan yang lebih rendah RM6.9 bilion atau 1.2% daripada GNI (Julai – Disember 2015: RM15.2 bilion; 2.6%). Prestasi ini disebabkan pengecilan lebihan akaun barangan serta akaun perkhidmatan dan pendapatan yang terus mencatat defisit. Lebihan akaun barangan berkurang kepada RM43.3 bilion (Julai – Disember 2015: RM58.2 bilion) terutamanya berikutan pendapatan eksport komoditi yang lebih kecil. Sementara itu, akaun perkhidmatan mencatat defisit RM11.5 bilion (Julai – Disember 2015: -RM12.5 bilion) disebabkan bayaran bersih yang tinggi bagi perkhidmatan pengangkutan, insurans, pembinaan dan profesional. Dalam tempoh yang sama, akaun pendapatan mencatat defisit lebih rendah RM24.9 bilion (Julai – Disember 2015: -RM30.6 bilion) berikutan pengurangan pendapatan pelaburan terakru kepada syarikat asing di Malaysia dan kiriman wang oleh pekerja asing.

Bagi keseluruhan tahun, lebihan **akaun semasa** dijangka mengecil kepada RM16.4 bilion atau dalam lingkungan 1% dan 1.5% daripada GNI (2015: RM34.7 bilion; 3.1%). Lebihan **akaun barangan** dijangka lebih rendah pada RM97.9 bilion (2015: RM109.6 bilion) berikutan perdagangan global yang lemah dan harga minyak berterusan rendah. **Akaun perkhidmatan** dijangka terus mencatat defisit pada RM22.1 bilion (2015: -RM21 bilion) terutamanya disebabkan oleh bayaran bagi fret dan perkhidmatan lain

CARTA 3.11

Haluan Perdagangan Luar Negeri Januari – Ogos 2016 (% bahagian)



¹ Tidak termasuk Singapura.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

Rencana 2


Norma Ekonomi Baharu di China

Pengenalan

China sedang mengalami peralihan kepada norma ekonomi baharu daripada sebuah ekonomi yang didorong oleh aktiviti eksport, pembuatan dan pelaburan ke arah ekonomi yang berasaskan domestik perkhidmatan dan penggunaan. Peralihan ini akan menyebabkan kadar pertumbuhan ekonomi China lebih rendah berbanding pencapaian pertumbuhan dua angka dalam beberapa dekad sebelumnya. Menurut Laporan World Economic Outlook (IMF, Oktober 2016c), ekonomi China dijangka mencatat pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 6.6% pada 2016 dan 6.2% pada 2017, kadar terendah dalam tempoh 25 tahun. Sebagai sebuah ekonomi kedua terbesar dan hab industri pembuatan terbesar, kelembapan ini telah dan akan terus memberi kesan kepada ekonomi dunia. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF, 2016a) mengunjurkan penurunan sebanyak satu mata peratusan ekonomi China dijangka mengurangkan pertumbuhan ekonomi negara Asia sebanyak 0.15 – 0.30 mata peratusan. Dalam kalangan negara Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara-5 (ASEAN-5¹) pula, kadar pengurangannya boleh mencecah sehingga 0.23 – 0.35 mata peratusan (Cashin et al., 2016).

CARTA 1

Penunjuk Ekonomi Utama di China



¹ Unjuran.

Sumber: Artikel IV China Tabung Kewangan Antarabangsa, 2016.

Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka dan bersepadu, Malaysia turut menerima kesan daripada kelembapan ekonomi China melalui saluran perdagangan, kewangan dan komoditi. Menurut IMF (2016b), pengurangan satu mata peratusan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) China dijangka memberi kesan kepada pertumbuhan Malaysia sebanyak 0.3 mata peratusan. Selain itu, anggaran dalaman² menunjukkan bahawa dalam jangka masa pendek, penurunan eksport ke China sebanyak 10% akan menyebabkan pengurangan KDNK benar sebanyak 0.02%. Walaupun pengimbangan semula ekonomi China membawa beberapa risiko dalam tempoh terdekat, namun begitu, corak peralihan penggunaan dan perdagangannya dijangka menyediakan peluang yang signifikan kepada ekonomi Malaysia dalam jangka masa sederhana dan panjang.

¹ ASEAN-5 merujuk kepada Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand.


² Model Computable General Equilibrium (CGE), Kementerian Kewangan, Malaysia.

Hubungan Perdagangan dan Pelaburan Semasa Malaysia dengan China

China kekal sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009. Pada 1990, negara tersebut hanya menyumbang 2% kepada jumlah keseluruhan eksport Malaysia. Walau bagaimanapun, pada 2015, angka ini meningkat kepada 13.1% atau RM101.5 bilion daripada jumlah eksport, kebanyakannya meliputi barangan pembuatan, termasuk input pengantara dan barangan modal yang merupakan sebahagian daripada rantai bekalan serantau. Namun, pengimbangan semula ekonomi China telah memberi kesan kepada eksport Malaysia ke negara tersebut yang telah berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 10% pada 2015 berbanding 19% pada 2010.

CARTA 2

Perubahan Struktur Eksport Malaysia ke China




Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

Peningkatan tahap pendapatan di China telah meningkatkan kemampuan rakyat negara itu untuk melancong ke luar negara. Meskipun China sedang mengalami penstrukturan semula dan kelembapan ekonomi, bilangan rakyat China yang melancong ke luar negara tetap berkembang pesat dengan mencatat peningkatan sebanyak 10% kepada 128 juta, dengan jumlah perbelanjaan sebanyak USD292 bilion pada 2015 (UNWTO, 2016). Rakyat China merupakan pelancong ketiga terbesar di Malaysia merangkumi 1.7 juta atau 6.5% daripada jumlah ketibaan pelancong dan menyumbang RM5.7 bilion kepada pendapatan negara. Dalam tempoh separuh pertama 2016, ketibaan pelancong dari China meningkat ketara sebanyak 32.1% kepada 992,463 (Januari – Jun 2015: -11.7%; 751,383). Antara bidang yang menjadi tarikan utama pelancong China termasuk perkhidmatan pendidikan, penjagaan kesihatan, percutian, hiburan dan kebudayaan. Dalam pada itu, import perkhidmatan dan barangan penggunaan yang lebih tinggi dari China akan memanfaatkan pengeksport perkhidmatan pengguna seperti pelancongan, kesihatan dan perkhidmatan lain, yang mana Malaysia mempunyai kelebihan kompetitif. Bilangan pelancong China ke Malaysia dijangka meningkat ketara susulan pelaksanaan dasar visa yang lebih longgar, penawaran pakej percutian hiburan keluarga yang menarik serta penambahan operasi penerbangan antarabangsa ke bandar *second-* dan *third-tier* di China. Perkembangan ini akan membuka peluang perniagaan baharu kepada para peniaga dan penyedia perkhidmatan tempatan.

CARTA 3


Pendapatan Boleh Guna Per Kapita bagi Isi Rumah di Kawasan Bandar, China



Sumber: Biro Perangkaan Negara China.

CARTA 4

Aliran Keluar FDI dari China



Sumber: Laporan Pelaburan Dunia, Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), 2016.

Dari segi aliran modal, lazimnya, China lebih memberi penekanan kepada pelaburan langsung asing (FDI) berbanding pelaburan langsung ke luar negara. Walau bagaimanapun, berikutan peralihan dasar ekonomi di China, kini tumpuan lebih diberikan kepada pelaburan langsung ke luar negara. Menurut Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD, 2016), pelaburan China di luar negara telah semakin meningkat dan disenaraikan sebagai negara pelabur ketiga terbesar dunia pada 2015, selepas Amerika Syarikat (AS) dan Jepun.

Pada akhir Jun 2016, pelaburan terkumpul China di Malaysia berjumlah RM4.4 bilion, terutamanya tertumpu dalam sektor kewangan dan insurans serta pembinaan. Penglibatan pelabur China adalah ketara di Malaysia, terutamanya dalam pembiayaan dan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang; projek landasan berkembar Gemas – Johor Bahru; Taman Perindustrian Kuantan Malaysia – China; dan pembangunan Forest City di Iskandar Malaysia. Perkembangan ini menunjukkan bahawa Malaysia merupakan penerima besar aliran pelaburan keluar dari China yang semakin berkembang.

Memanfaat Peluang dari Norma Ekonomi Baharu di China

Peralihan dasar yang diperkenalkan oleh China ke arah landasan pertumbuhan yang lebih mapan memberi peluang perniagaan kepada rakyat Malaysia, memandangkan China merupakan rakan dagangan terbesar Malaysia. Negara tersebut juga mempunyai masyarakat kelas pertengahan yang semakin bertambah dan mewah. Oleh itu, pengeluar dan penyedia perkhidmatan tempatan perlu mencari peluang untuk menawarkan produk baharu yang memenuhi permintaan pengguna dan perniagaan China.

Dengan mengambil kira perkembangan baharu di China, Kerajaan melalui Majlis Eksport Negara (NEC) telah mengambil pelbagai inisiatif untuk meningkatkan perdagangan dengan negara berkenaan. Antaranya termasuk mendapat manfaat daripada pasukan petugas pemudahcara perdagangan yang telah diwujudkan di

bawah rancangan lima tahun Malaysia – China (2013 – 2017) untuk mempermudah akses pasaran; menjalin kerjasama dengan syarikat milik Kerajaan China bagi meningkatkan peluang syarikat Malaysia menjadi sebahagian rangkaian bekalan China; menggiatkan aktiviti promosi dan penjenamaan di bandar *second-* dan *third-tier* di China; serta meneroka peluang perdagangan timbal balik dengan China. Satu program khas Promosi Malaysia juga akan turut dilancarkan di Shanghai pada November 2016 sebagai platform strategik bagi merancang penjenamaan barangan dan perkhidmatan Malaysia. Selain itu, strategi NEC juga memberi tumpuan kepada peluang yang terdapat dalam sektor perkhidmatan dan aktiviti berkaitan penggunaan, memandangkan golongan kelas pertengahan di China semakin bertambah dan lebih berkemampuan. Antara produk dan perkhidmatan berpotensi untuk dieksport ke China termasuk penjagaan kesihatan; pendidikan dan latihan bahasa; perkhidmatan alam sekitar; aeroangkasa; robotik; automotif; ramuan halal; produk elektrik dan elektronik (E&E) jimat tenaga; bahan binaan dan kelengkapan dalaman berkualiti; produk gaya hidup seperti pakaian, kosmetik, produk mandian, barangan hijau dan organik; serta hasil pertanian.

Masyarakat kelas pertengahan yang semakin bertambah di China memerlukan pilihan pelaburan yang lebih pelbagai untuk menyalurkan simpanan mereka. Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada perkembangan ini memandangkan kelebihan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa dan pasaran bon ketiga terbesar di Asia selepas Republik Korea dan Jepun; dan mempunyai pasaran saham yang aktif di rantau ini. Pada akhir Jun 2016, pasaran sukuk Malaysia menyumbang sebanyak 53.4% daripada pasaran sukuk global terkumpul dan merupakan yang terbesar di dunia. Dari segi inovasi produk, Malaysia telah memperkenalkan amanah pelaburan hartanah Islam yang pertama di dunia, dana dagangan bursa dan platform dagangan komoditi. Perkembangan ini memberi peluang kepada pelabur China untuk menerbitkan sukuk atau bon di Malaysia; menyenaraikan syarikat mereka di bursa saham tempatan; dan mempelbagaikan pilihan pelaburan. Dalam hal ini, peniaga tempatan perlu melipatgandakan usaha untuk memperkenalkan dan mempromosikan produk kewangan berkaitan pelaburan yang lebih inovatif bagi menarik pelabur dari China.

China terus memajukan pengantarabangsaan mata wangnya, iaitu renminbi. Malaysia merupakan negara kedua di Asia Tenggara selepas Singapura yang melancarkan skim penyelesaian perdagangan merentasi sempadan dalam renminbi pada 2009. Keupayaan untuk menyelesaikan transaksi perdagangan rentas sempadan dalam renminbi merupakan tunggak utama untuk memudahkan aktiviti perdagangan antarabangsa bagi syarikat tempatan dan asing. Dalam hal ini, Bank of China Malaysia telah dilantik sebagai bank pengendali transaksi renminbi. Berdasarkan keupayaan aliran perdagangan, pelaburan dan kewangan antara Malaysia dan China, Malaysia kini berada pada kedudukan yang strategik untuk berkembang sebagai sebuah pusat renminbi luar pesisir dan membina upaya dari aspek pembiayaan perdagangan, pelaburan dan produk kewangan lain yang berdenominasikan renminbi.

Memandangkan pasaran ASEAN semakin berpengaruh, Malaysia akan mendapat manfaat melalui Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN – China (ACFTA). ASEAN telah membuat rundingan perjanjian perdagangan bebas dengan China, yang mengurangkan tarif ke paras hampir sifar ke atas lebih 90% daripada produk yang didagangkan antara ASEAN dan China menjelang 2020. Justeru, perniagaan Malaysia harus mengambil peluang daripada ACFTA, terutamanya dalam industri yang berkaitan perkhidmatan seperti perkhidmatan profesional, perundingan pengurusan, pendidikan, perniagaan dan alam sekitar. Tambahan pula, pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) turut membuka peluang yang lebih luas kepada China untuk memasarkan produk mereka di ASEAN. Pelabur China boleh menggunakan Malaysia sebagai pintu masuk ke AEC dan meneroka peluang perniagaan bersama. Selain itu, Malaysia akan terus mendapat manfaat melalui penambahbaikan ACFTA dan pelaksanaan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Malaysia juga boleh mendapat manfaat apabila pengeluar China membuat pemindahan pengeluaran ke luar pesisir untuk mengurangkan kos dan memperoleh syer pasaran. Dasar mesra pelaburan Malaysia terus menarik FDI sebagai sumber pewujudan pekerjaan, pemerolehan teknologi, penggunaan kandungan tempatan dan peningkatan kemahiran. Dalam hal ini, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) memberi tumpuan kepada usaha menarik lebih banyak pelaburan dari negara utama di Amerika Utara dan Eropah serta Asia, terutamanya China. Tambahan pula, inisiatif *One Belt One Road* yang dilancarkan pada 2013 akan meningkatkan lagi perdagangan dan pelaburan dalam kalangan negara yang berada di sepanjang jalan sutera purba yang merentasi Asia dan Eropah, termasuk Malaysia.

Kesimpulan

Malaysia akan meraih manfaat daripada norma ekonomi baharu di China terutamanya melalui perdagangan, pelaburan dan kerjasama strategik. Oleh yang demikian, pengeksporn Malaysia perlu pantas dan berupaya menyesuaikan dengan peralihan struktur dalam pasaran China bagi memanfaatkan peluang yang ada. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai strategi, program dan inisiatif bagi terus menggalakkan perkembangan ekonomi domestik yang kukuh, kompetitif dan berdaya tahan.

Rujukan

1. Cashin, Mohaddes and Raissi (2016), China's Slowdown and Global Financial Market Volatility: Is World Growth Losing Out?, IMF.
2. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Malaysia.
3. Regional Economic Outlook (April, 2016a), IMF.
4. Staff Report Article IV Consultation Malaysia (2016b), IMF.
5. Tourism Highlights, United Nations World Tourism Organisation (2016).
6. World Economic Outlook (Oktober, 2016c), IMF.
7. World Investment Report (2016), UNCTAD.

yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, lebih *akaun perjalanan* dianggarkan meningkat kepada RM29.3 bilion (2015: +RM27.2 bilion) disokong oleh terimaan perjalanan yang lebih tinggi. Terimaan perjalanan dijangka meningkat 3.4% kepada RM70.8 bilion (2015: -7.4%; RM68.5 bilion) dirancakkan oleh dasar visa yang lebih mudah, tawaran pakej percutian menarik dan penerbangan antarabangsa ke pasaran baharu yang lebih banyak. Sementara itu, aliran keluar kasar, termasuk bayaran untuk perniagaan, percutian, pendidikan dan rawatan perubatan dijangka meningkat kepada RM41.5 bilion (2015: RM41.3 bilion).

Pada 2016, *akaun pengangkutan* dianggarkan mencatat defisit pada RM25.8 bilion, disebabkan oleh bayaran kasar lebih tinggi pada RM41.5 bilion, berikutan kebergantungan kepada perkhidmatan fret asing (2015: -RM25.3 bilion; RM40.9 bilion). Walau bagaimanapun, terimaan kasar daripada pelbagai caj perkhidmatan seperti tambang penumpang, pendaratan kapal terbang dan kapal, parkir, pengendalian kargo serta penyelenggaraan dan pembaikan yang disediakan oleh syarikat tempatan dijangka kekal RM15.7 bilion. Sementara itu, aliran keluar bersih *akaun perkhidmatan lain* dijangka lebih tinggi RM25.7 bilion (2015: -RM22.9 bilion) dipacu oleh bayaran kasar lebih tinggi terhadap perkhidmatan yang diimport seperti kepakaran profesional, pengurusan perundingan, perkhidmatan teknikal dan perkhidmatan berkaitan perdagangan seiring dengan pelaksanaan projek infrastruktur yang besar.

Akaun pendapatan primer merangkumi pendapatan pelaburan dan pampasan pekerja dijangka mencatat defisit lebih tinggi RM35.4 bilion (2015: -RM32 bilion). Keadaan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh bayaran keuntungan, dividen dan faedah oleh pelabur asing di Malaysia yang dianggarkan meningkat 3.5% kepada RM71.2 bilion (2015: -12.9%; RM68.7 bilion). Pendapatan pelaburan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dianggarkan kekal stabil RM42.3

bilion. Pendapatan ini kebanyakannya didorong oleh pelaburan dalam sektor perkhidmatan dan O&G. Oleh itu, defisit *akaun pendapatan pelaburan* dijangka meningkat kepada RM28.9 bilion (2015: -RM26.4 bilion). Sementara itu, *pampasan pekerja* dijangka mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar RM6.5 bilion berikutan permintaan berterusan bagi kemahiran profesional asing dan kepakaran teknikal (2015: -RM5.6 bilion).

Aliran keluar bersih dalam **akaun pendapatan sekunder** dijangka meningkat kepada RM23.9 bilion (2015: -RM21.9 bilion) berikutan kiriman wang lebih tinggi oleh pekerja asing. Aliran keluar kasar dianggarkan meningkat 11.2% kepada RM37.6 bilion (2015: 21%; RM33.8 bilion), terutamanya disebabkan oleh kenaikan gaji minimum yang berkuat kuasa 1 Julai 2016. Selain itu, aliran masuk kasar dijangka meningkat 14.8% kepada RM13.7 bilion (2015: 13.5%; RM11.9 bilion).

Dalam tempoh separuh pertama 2016, **akaun kewangan** kembali pulih dengan mencatat aliran masuk bersih RM15.3 bilion (Julai – Disember 2015: -RM26.7 bilion), terutamanya disebabkan oleh aliran masuk bersih lebih tinggi bagi pelaburan langsung dan portfolio. **Pelaburan langsung** mencatat aliran masuk bersih lebih tinggi RM9 bilion berikutan pelaburan langsung masuk melebihi pelaburan di luar negeri (Julai – Disember 2015: +RM5.6 bilion). *Pelaburan langsung masuk* mencatat aliran masuk bersih yang lebih besar RM24.1 bilion terutamanya didorong suntikan ekuiti lebih tinggi oleh syarikat multinasional (MNC) kepada subsidiari yang beroperasi di Malaysia (Julai – Disember 2015: +RM15.2 bilion). Dalam tempoh yang sama, sektor perkhidmatan, pembuatan dan perlombongan merupakan penyumbang utama FDI. *Pelaburan langsung keluar* mencatat aliran keluar bersih lebih besar RM15 bilion berikutan suntikan ekuiti lebih tinggi kepada subsidiari di luar negeri dan sebahagian pendapatan dikekalkan

JADUAL 3.18

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran**2016 – 2017**

(RM juta)

	2016 ¹			2017 ²		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Imbangan barangan dan perkhidmatan	829,406	753,663	75,743	858,238	781,235	77,003
Barangan	687,897	590,039	97,859	710,564	610,444	100,120
Perkhidmatan	141,509	163,624	-22,116	147,674	170,791	-23,117
Pengangkutan	15,714	41,522	-25,808	16,937	43,811	-26,874
Perjalanan	70,795	41,453	29,342	72,989	42,231	30,758
Perkhidmatan lain	55,000	80,649	-25,650	57,748	84,749	-27,001
Pendapatan primer	48,956	84,354	-35,398	51,618	89,058	-37,440
Pampasan pekerja	6,679	13,191	-6,512	7,259	15,226	-7,967
Pendapatan pelaburan	42,277	71,163	-28,886	44,359	73,832	-29,473
Pendapatan sekunder	13,673	37,590	-23,917	14,276	39,067	-24,792
Imbangan akaun semasa	892,035	875,607	16,428	924,132	909,361	14,771
% daripada GNI			1.0 – 1.5			0.5 – 1.5


¹ Anggaran.² Unjuran.Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

bagi tujuan pelaburan semula (Julai – Disember 2015: -RM9.6 bilion). Sebahagian besar pelaburan di luar negeri tertumpu dalam subsektor O&G serta kewangan dan insurans.

Dalam tempoh separuh pertama 2016, **pelaburan portfolio** mencatat aliran masuk bersih yang besar RM13.2 bilion (Julai – Disember 2015: -RM8.5 bilion), terutamanya disebabkan oleh pemerolehan sekuriti hutang oleh pelabur asing. Pembelian sekuriti hutang oleh pemastautin meningkat dengan ketara mencerminkan keyakinan berterusan pelabur dalam aset kewangan domestik, terutamanya Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Sukuk Global Wakalah. Sementara itu, pelaburan portfolio oleh pemastautin mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi RM10.6 bilion (Julai – Disember 2015: +RM6.3 bilion) berikutan pemerolehan aset kewangan asing yang berterusan oleh institusi kewangan domestik dan korporat bagi mendapat pulangan lebih tinggi. **Pelaburan lain** mencatat aliran keluar bersih lebih rendah RM7.4 bilion (Julai – Disember 2015: -RM23.6 bilion). Prestasi ini disebabkan peningkatan deposit bukan pemastautin dalam sistem perbankan domestik dan pemberian kredit perdagangan lebih rendah oleh pengeksport Malaysia.

Pada 30 September 2016, **rizab antarabangsa** Malaysia berjumlah RM405 bilion atau USD97.7 bilion, mencukupi untuk membiayai 8.4 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek (akhir Disember 2015: RM409.1 bilion; USD95.3 bilion; 8.4 bulan; 1.2 kali).

CARTA 3.12

Rizab Antarabangsa

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Harga

Inflasi kekal terkawal

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam **Indeks Harga Pengguna (CPI)**, berada pada kadar purata 2.3% dalam tempoh lapan bulan pertama 2016 (Januari – Ogos 2015: 1.9%). Kenaikan ini terutamanya disebabkan oleh kadar CPI yang lebih tinggi dalam tempoh suku pertama 2016 berikutan pelarasan harga yang ditetapkan seperti bayaran tol dan tambang kereta api dalam tempoh suku keempat 2015. Kenaikan turut disumbang oleh pengurangan rebat tarif elektrik pada Januari 2016 serta kesan asas rendah dalam tempoh suku pertama 2015. Kumpulan utama yang menyumbang kepada kenaikan keseluruhan CPI dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini adalah kumpulan **makanan dan minuman bukan alkohol; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain; serta minuman alkohol dan tembakau**, merangkumi 2.7 mata peratusan kepada CPI. Walau bagaimanapun, peningkatan CPI diimbangi sebanyak 0.7 mata peratusan oleh kumpulan **pengangkutan** yang menyusut 5.2%.

Harga dalam kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol meningkat ketara 4.2% dan menyumbang 1.3 mata peratusan kepada jumlah CPI (Januari – Ogos 2015: 3.2%; 1 mata peratusan). Prestasi ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan 4.5% bagi kategori *makanan di rumah*. Harga makanan mencatat peningkatan tertinggi terdiri daripada subkumpulan *sayur-sayuran* (8.8%); *ikan dan makanan laut* (7.1%); *buah-buahan* (5.8%) dan *produk makanan*

yang tidak dikelaskan (5.9%). Prestasi ini sebahagiannya disebabkan oleh permintaan yang tinggi pada musim perayaan dan cuti sekolah.

Harga dalam kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain, komponen kedua terbesar kumpulan CPI, meningkat 2.6% (Januari – Ogos 2015: 2.4%). Peningkatan ini didorong harga yang lebih tinggi dalam *penyelenggaraan dan pembaikan kediaman* (4.7%) dan juga peningkatan *sewa yang dibayar oleh penyewa* (2.8%). Sementara itu, harga dalam kumpulan minuman alkohol dan tembakau mencatat peningkatan ketara sebanyak 21.4% dalam tempoh yang sama, berikutan semakan semula struktur cukai alkohol pada Mac 2016 (Januari – Ogos 2015: 11.8%).

Kenaikan CPI dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2016 telah diimbangi oleh harga lebih rendah dalam kumpulan pengangkutan yang mencatat penguncupan 5.2% (Januari – Ogos 2015: -4.1%) berikutan harga runcit minyak lebih rendah. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh penyusutan dalam subkumpulan *bahan api dan pelincir untuk kelengkapan pengangkutan peribadi* (-11.5%). Pada masa yang sama, harga dalam kumpulan **komunikasi** merosot 1.1% serta **pakaian dan kasut** menyusut 0.3%, berikutan persaingan pasaran yang sengit (Januari – Ogos 2015: 1.3%; 0.4%).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2016, CPI bagi **kawasan bandar** meningkat 2.4% dan **luar bandar** 1.9% (Januari – Ogos 2015: 2%; 1.5%). Sementara itu, berdasarkan pendapatan, CPI dalam kumpulan pendapatan

JADUAL 3.19

Indeks Harga Pengguna Januari – Ogos (2010 = 100)


Wajaran	% Perubahan		% Sumbangan kepada pertumbuhan CPI		
	2015	2016	2015	2016	
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.2	3.2	4.2	54.9	57.6
Minuman alkohol dan tembakau	2.9	11.8	21.4	15.1	32.5
Pakaian dan kasut	3.3	0.4	-0.3	0.4	-0.4
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	2.4	2.6	28.9	26.4
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	3.8	2.1	2.8	4.4	4.5
Kesihatan	1.7	4.4	2.9	3.1	2.2
Pengangkutan	13.7	-4.1	-5.2	-33.3	-29.2
Komunikasi	5.2	1.3	-1.1	3.4	-2.1
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.9	1.3	2.1	3.1	4.3
Pendidikan	1.1	2.4	2.3	1.8	1.1
Restoran dan hotel	2.9	2.3	3.2	7.2	4.3
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.5	0.7	3.5	11.0	9.5
Jumlah	100.0	1.9	2.3	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.13

Trend CPI dan PPI

(% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.20

Indeks Harga Pengeluar (PPI)**Januari – Ogos**(2010 = 100)¹

	Wajaran	% Perubahan		% Sumbangan kepada pertumbuhan PPI	
		2015	2016	2015	2016
Jumlah	100.0	-8.6	-2.7	100.0	100.0
Pertanian, perhutanan dan perikanan	8.2	-6.5	11.1	5.5	-30.2
Perlombongan	9.7	-38.1	-21.1	55.3	64.8
Pembinaan	78.8	-4.2	-2.1	37.8	61.9
Bekalan elektrik dan gas	3.1	-4.7	-2.5	1.8	3.2
Bekalan air	0.3	1.2	4.7	0.0	-0.5
PPI mengikut peringkat pemprosesan	100.0	-8.6	-2.7	100.0	100.0
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	20.3	-24.2	-1.9	61.7	12.3
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	53.6	-6.3	-4.6	40.2	93.8
Barangan siap	26.1	0.4	0.8	-2.4	-7.5

¹ Berkuat kuasa Januari 2015 tahun asas bagi PPI telah disemak semula dari tahun 2005 ke tahun 2010.
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

kurang daripada RM3,000 mencatat peningkatan 2.6%, **kurang daripada RM1,500** (2.8%) dan **kurang daripada RM1,000** (2.8%) (Januari – Ogos 2015: 2.1%; 2.2%; 2.2%). Peningkatan CPI bagi kategori kumpulan strata dan pendapatan terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga makanan dan minuman bukan alkohol; minuman alkohol dan tembakau; serta perumahan, air, elektrik dan kumpulan bahan api lain.

Indeks Harga Pengeluar (PPI) mengukur perubahan harga komoditi yang dikenakan oleh pengeluar tempatan dalam lima sektor iaitu pertanian, perhutanan dan perikanan; perlombongan; pembuatan; elektrik dan gas; dan bekalan air. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2016, purata **PPI bagi pengeluaran tempatan** menyusut 2.7% (Januari – Ogos 2015: -8.6%). Prestasi ini terutamanya disebabkan oleh penurunan harga dalam sektor *perlombongan* (-21.1%), *elektrik dan gas* (-2.5%) dan *pembuatan* (-2.1%). Walau bagaimanapun, PPI sektor *pertanian*, *perhutanan dan perikanan* meningkat 11.1% dan sektor *bekalan air* 4.7%.

PPI bagi kategori peringkat pemprosesan mencatat penurunan 1.9% dalam *bahan mentah*, diikuti dengan penyusutan 4.6% pada peringkat harga *bahan perantaraan*, *bekalan dan komponen*. Walau bagaimanapun, harga untuk peringkat *barangan siap* meningkat 0.8%.

Pasaran Buruh

Pasaran buruh kekal stabil

Keadaan **pasaran buruh** kekal stabil dalam tempoh separuh pertama 2016 seiring aktiviti ekonomi domestik yang berdaya tahan. **Kadar pengangguran** mencatat 3.4%, dengan **kadar penyertaan tenaga buruh** merekod 67.5% dalam tempoh tersebut (Januari – Jun 2015: 3.1%; 68%). Jumlah bilangan **guna tenaga** meningkat 0.2% kepada 14.12 juta (Januari – Jun 2015: 1.8%; 14.08 juta). Sektor perkhidmatan kekal sebagai majikan terbesar dengan menyediakan 60.5% daripada jumlah pekerjaan, diikuti pembuatan (16.6%) dan pertanian (11.1%). Pada 2016, pasaran buruh dijangka kekal stabil dengan kadar pengangguran pada 3.3% (2015: 3.1%).

Dari sudut peluang pekerjaan, jumlah **jawatan kosong** yang dilaporkan oleh JobsMalaysia merosot kepada 433,634 dalam tempoh lapan bulan pertama 2016 (Januari – Ogos 2015: 763,883). Sektor pembuatan mencatat kekosongan pekerjaan tertinggi, merangkumi 40.2%. Dari segi kumpulan pekerjaan, jawatan kosong tertumpu kepada pekerjaan asas (62.7%), diikuti operator loji dan mesin dan pemasang (15.2%) serta pekerja perkhidmatan dan jualan (6.6%) (Januari – Ogos 2015: 67.9%; 8.9%; 11%).

Bilangan **pencari kerja aktif** pada akhir Ogos 2016 merosot 2.8% kepada 284,475 dengan 22.1% merupakan pendaftar baharu (Januari – Ogos 2015: -27.2%; 292,550; 22%). Daripada jumlah pencari kerja aktif, 66.8% adalah dalam kumpulan umur 20 hingga 24, diikuti kumpulan umur 25 hingga 29 (17%) dan kumpulan umur 15 hingga 19 (11.7%). Kebanyakan pencari kerja berdaftar dan aktif

JADUAL 3.21

Penunjuk Pasaran Buruh Januari – Jun

	('000)		% Perubahan	
	2015	2016	2015	2016
Tenaga buruh	14,526.4	14,617.0	1.9	0.6
Guna tenaga	14,082.4	14,115.4	1.8	0.2
Pengangguran	443.9	501.6	(3.1)	(3.4)

Nota: Angka dalam kurungan adalah kadar pengangguran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

adalah pemegang ijazah (40.5%), diikuti pemegang diploma (23.8%) dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (23.6%).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2016, jumlah **pekerja yang diberhentikan** meningkat kepada 20,798 orang (Januari – Ogos 2015: 16,988). Pemberhentian tertinggi dicatat dalam sektor pembuatan, merangkumi 36.9%, diikuti subsektor kewangan dan insurans/takaful (21%); serta perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal (18.6%). Berdasarkan kategori pekerjaan, pemberhentian tertinggi dicatat oleh jawatan pentadbiran dan pengurusan (26.1%) diikuti profesional (22.1%); serta operator loji dan mesin dan pemasang (19.6%). Pemberhentian pekerja antaranya disebabkan harga minyak global yang rendah dan orientasi semula strategi perniagaan MNC.

Produktiviti buruh, yang diukur melalui nilai ditambah sebenar setiap pekerja meningkat 3.3% pada 2015 (2014: 3.6%) terutamanya dipacu produktiviti yang lebih tinggi dalam sektor pembuatan (7.1%) diikuti pembinaan (5.5%) dan perkhidmatan (3.3%) (2014: 3.7%; 13%; 2.3%). Walau bagaimanapun, produktiviti sektor perlombongan dan kuari merosot 14.9% serta pertanian 2.4% (2014: 7.2%; 6%) terutamanya disebabkan oleh pengeluaran yang lebih rendah. Pada keseluruhan tahun, produktiviti buruh dijangka meningkat 3%.

Purata **gaji dan upah** bulanan pada 2015 meningkat 5.3% kepada RM2,312 (2014: 8.1%; RM2,193). Sektor perlombongan dan kuari mencatat purata gaji tertinggi RM4,297 diikuti sektor elektrik, gas, wap dan penghawa dingin (RM2,877) serta sektor perkhidmatan (RM2,587). Sebaliknya, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan mencatat purata gaji dan upah yang paling rendah RM1,232. Purata gaji dan upah untuk pekerja berpendidikan tertiar mencatat RM3,854, berpendidikan menengah (RM1,743), berpendidikan rendah (RM1,224) dan tidak mempunyai pendidikan formal (RM988). Dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan rendah, Kerajaan telah menaikkan kadar gaji minimum berkuatkuasa 1 Julai 2016, daripada RM900 kepada RM1,000 di Semenanjung Malaysia manakala di Sabah, Sarawak dan Labuan daripada RM800 kepada RM920.

Sehingga akhir bulan Ogos 2016, jumlah **pekerja asing** berdaftar merosot kepada 1.9 juta orang (Januari – Ogos 2015: 2.2 juta). Kebanyakan pekerja asing bekerja

JADUAL 3.22

Guna Tenaga mengikut Industri Januari – Jun

	('000)		% Bahagian	
	2015	2016	2015	2016
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,813.7	1,567.2	12.9	11.1
Perlombongan dan pengkuarian	100.7	105.0	0.7	0.7
Pembuatan	2,265.9	2,346.2	16.1	16.6
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	52.8	80.8	0.4	0.6
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	76.5	74.4	0.5	0.5
Pembinaan	1,325.7	1,270.3	9.4	9.0
Perkhidmatan	8,307.3	8,541.9	59.0	60.5
Perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	2,369.7	2,467.7	16.8	17.5
Pengangkutan dan penyimpanan	633.0	632.9	4.5	4.5
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,136.8	1,295.9	8.1	9.2
Maklumat dan komunikasi	223.9	203.1	1.6	1.4
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	360.7	333.6	2.6	2.4
Aktiviti hartanah	68.6	74.7	0.5	0.5
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	369.6	355.2	2.6	2.5
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	635.9	631.0	4.5	4.5
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	755.2	741.2	5.4	5.3
Pendidikan	911.3	903.6	6.5	6.4
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	560.7	572.1	4.0	4.1
Kesenian, hiburan dan rekreasi	79.1	98.6	0.6	0.7
Aktiviti perkhidmatan lain	202.8	232.3	1.4	1.6
Aktiviti isi rumah sebagai majikan	138.8	128.5	1.0	0.9
Jumlah	14,082.4	14,115.4	100.0	100.0

Nota: Industri dikelaskan mengikut 'Piawai Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008'.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

dalam sektor pembuatan (34.7%), pembinaan (19.6%) dan perladangan (15.7%). Mengikut kewarganegaraan, jumlah pekerja asing tertinggi adalah dari Indonesia (40.9%), diikuti Nepal (21.9%), Bangladesh (12.9%) dan Myanmar (7.3%). Bagi menambah baik pengurusan pekerja asing, Kerajaan telah melaksanakan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI bermula 15 Februari 2016 hingga 31 Disember 2016. Program ini bertujuan memberi peluang kepada pekerja asing tanpa izin untuk mendapat permit kerja. Selain itu, program ini direka untuk memenuhi keperluan majikan dan juga untuk mengenal pasti jumlah pekerja asing tanpa izin di negara ini bagi tujuan pemantauan.

Jumlah **ekspatriat** di Malaysia yang dicatat melalui sistem dalam talian Bahagian Khidmat Ekspatriat meningkat kepada 52,542 dalam tempoh lapan bulan pertama 2016 (Januari – Ogos 2015: 16,859). Jumlah tertinggi ekspatriat adalah dari China merangkumi 23%, diikuti India (14%), Jepun (9%) dan Filipina (6%). Kebanyakan ekspatriat bekerja dalam sektor pembuatan (21%), pembinaan (20%) dan perkhidmatan perniagaan (13%).

Prospek 2017

Pertumbuhan dipacu permintaan domestik

Ekonomi dunia diunjur berkembang 3.4% pada 2017 disokong peningkatan pertumbuhan oleh ekonomi pesat berkembang dan membangun serta peningkatan sederhana

negara maju (2016: 3.1%). Sementara itu, perdagangan dunia dijangka meningkat 3.8% (2016: 2.3%). Walau bagaimanapun, beberapa risiko kekal termasuk pertumbuhan global lebih perlahan dan pasaran kewangan global yang semakin tidak menentu.

Ekonomi Malaysia diunjur berkembang antara 4% dan 5% pada 2017 (2016: 4% – 4.5%) dengan GNI per kapita nominal meningkat 5% kepada RM39,699 (2016: 4.8%; RM37,812). Pertumbuhan ekonomi akan didorong oleh permintaan domestik yang kukuh terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Aktiviti sektor swasta akan disokong oleh dasar pro-pertumbuhan fiskal dan kewangan akomodatif dalam persekitaran inflasi stabil yang dijangka antara 2% dan 3% (2016: 2% – 2.5%). Selain itu, perbelanjaan sektor awam dijangka terutamanya dipacu oleh pelaburan modal lebih tinggi syarikat awam.

Prospek Mengikut Sektor

Semua sektor terus berkembang

Dari sudut penawaran, pertumbuhan dijangka menyeluruh dengan semua sektor mencatat pertumbuhan positif. Nilai ditambah sektor **perkhidmatan** dijangka meningkat 5.7% pada 2017 disokong oleh pengembangan dalam semua subsektor (2016: 5.6%). Subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka berkembang 6.7% manakala subsektor makanan, minuman dan

penginapan 6.5% disokong penggunaan domestik dan aktiviti berkaitan pelancongan yang kukuh (2016: 6.2%; 6.1%). Subsektor maklumat dan komunikasi dijangka berkembang 9.6% didorong peningkatan penggunaan perkhidmatan digital dan peranti oleh perusahaan kecil dan sederhana serta isi rumah (2016: 9.4%). Sementara itu, nilai ditambah subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka meningkat 6.5% disokong peningkatan permintaan bagi perkhidmatan profesional (2016: 6.6%). Subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka terus meningkat 5.8% sebahagian besarnya dipacu oleh peningkatan jumlah penumpang berikutan permulaan perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) (2016: 5.7%).

Sektor **pembuatan** diunjur berkembang 4.1% pada 2017 (2016: 4%). Pertumbuhan industri berorientasikan eksport dijangka terus disokong permintaan yang mapan bagi produk E&E meskipun output produk berkaitan petroleum berkurangan. Sementara itu, pertumbuhan bagi industri berkaitan pengguna dan pembinaan dijangka terus disokong permintaan domestik yang memberangsangkan.

Pertumbuhan sektor **pertanian** dijangka kembali meningkat kepada 1.5% pada 2017 (2016: -3.3%). Unjuran ini berasaskan kepada peningkatan pengeluaran kelapa sawit dan getah serta pertumbuhan kukuh subsektor komoditi makanan. Pengeluaran CPO dijangka kembali pulih 5.6% kepada 19 juta tan metrik berikutan hasil yang lebih baik dan peluasan kawasan matang (2016: -9.8%; 18 juta tan metrik). Sementara itu, pengeluaran getah juga dijangka berkembang 4.6% kepada 680,000 tan metrik (2016: -10%; 650,000 tan metrik). Output komoditi makanan dijangka terus berkembang didorong permintaan lebih tinggi daripada industri dan isi rumah.

Sektor **perlombongan** dijangka berkembang 1.4% pada 2017 disokong pengeluaran gas asli lebih tinggi (2016: 1.1%). Pengeluaran gas asli dijangka meningkat sejajar dengan permulaan operasi PFLNG 1, dianggar mengeluarkan 1.2 juta tan metrik setahun. Sementara itu, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dijangka merosot berikutan peningkatan medan minyak matang. Pada 2017, harga minyak mentah dijangka kekal rendah dengan minyak Brent didagang pada purata USD45 setong berikutan lebihan minyak global (2016: USD40 setong).

Sektor **pembinaan** diunjur berkembang 8.3% (2016: 8.7%) terutamanya disokong oleh pelaksanaan projek infrastruktur besar seperti MRT Laluan Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya, Lebuhraya Pan Borneo, Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Klang dan Lebuhraya Bertingkat Damansara – Shah Alam. Kerja menaik taraf jalan dari Terminal Kontena Klang – Pelabuhan Utara dan pembinaan infrastruktur di Lembah Wawasan Malaysia dijangka menyumbang kepada sektor ini. Subsektor kediaman dijangka berkembang didorong oleh program rumah mampu milik khususnya Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia. Sementara itu, subsektor bukan kediaman dijangka mendapat manfaat daripada pembangunan komersial bercampur terutamanya di Lembah Klang, Johor dan Pahang.

Permintaan Domestik

Sektor swasta menerajui pertumbuhan

Agregat **permintaan domestik** dijangka berkembang 4.9% pada 2017 terutamanya disokong perbelanjaan **sektor swasta**, yang dijangka meningkat 6.2% (2016: 4.7%; 5.9%). Sementara itu, perbelanjaan **sektor awam** dijangka meningkat secara marginal 0.6% (2016: 0.8%).

Sejajar dengan sentimen perniagaan yang menggalakkan, pelaburan swasta dijangka meningkat 5.8%, menyumbang 17.2% kepada KDNK (2016: 5.3%; 17%). Pertumbuhan ini akan disokong projek yang sedang dilaksanakan seperti Lebuhraya Pan Borneo, RAPID dan MRT. Pelaburan dalam industri berorientasikan eksport terutamanya E&E dijangka meningkat berikutan permintaan global terhadap semikonduktor bertambah baik. Penggunaan swasta dijangka berkembang 6.3% disokong pasaran buruh yang stabil, kadar faedah akomodatif dan inflasi yang terkawal (2016: 6.1%). Pemberian tunai dan caruman KWSP lebih rendah dijangka meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah, seterusnya akan menggalakkan aktiviti penggunaan. Oleh itu, sumbangan penggunaan swasta kepada KDNK akan meningkat kepada 54.2% pada 2017 (2016: 53.3%).

Pelaburan awam merangkumi 8.4% daripada KDNK dijangka meningkat 1.1% pada 2017, terutamanya disebabkan perbelanjaan modal syarikat awam (2016: 8.7%; 1.7%). Selain itu, perbelanjaan modal Kerajaan Persekutuan akan terus memberi tumpuan kepada penaiktarafan jalan raya, infrastruktur luar bandar dan pengangkutan awam bandar serta meningkatkan penyediaan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan awam. Penggunaan awam dijangka meningkat secara marginal 0.4% sejajar dengan langkah Kerajaan untuk menyusun semula keutamaan perbelanjaan dan mengurangkan perbelanjaan ke atas item yang tidak kritikal (2016: 0.2%).

GNS dijangka berkembang 6.7% kepada RM365.8 bilion atau bersamaan dengan 28.4% daripada GNI (2016: 5.5%; RM342.7 bilion; 28.6%). Peningkatan GNS diimbangi perbelanjaan pelaburan yang lebih kukuh oleh sektor swasta dan menyebabkan lebihan simpanan-pelaburan lebih rendah sebanyak RM14.8 bilion atau 0.5% dan 1.5% daripada GNI (2016: RM16.4 bilion; 1% – 1.5%).

Sektor Luar Negeri

Kedudukan sektor luar kekal berdaya tahan

Kedudukan sektor luar Malaysia dijangka bertambah baik pada 2017 terutamanya disokong perkembangan ekonomi dan perdagangan global yang semakin kukuh. **Eksport kasar** dijangka berkembang pada kadar lebih cepat sebanyak 2.7% pada 2017 (2016: 1.1%) diterajui eksport komoditi yang kembali pulih dan

permintaan berterusan produk E&E. **Import kasar** dijangka terus berkembang 3.4% (2016: 1.3%), dipacu peningkatan ketara import barangan modal berikutan projek pembinaan dan infrastruktur yang baharu dan sedang dilaksanakan. Seiring peningkatan aktiviti pembuatan, import barangan pengantara dijangka meningkat. Lebihan dagangan dijangka mencatat RM88.3 bilion (2016: RM91.4 bilion).

Pada 2017, **akaun perkhidmatan** diunjur kekal defisit dengan mencatat RM23.1 bilion (2016: -RM22.1 bilion) seiring dengan prospek aktiviti berkaitan perdagangan dan pelaburan yang lebih baik. Sementara itu, lebihan **akaun perjalanan** dijangka meningkat kepada RM30.8 bilion (2016: +RM29.3 bilion) didorong perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi. Terimaan perjalanan kasar dijangka meningkat kepada RM73 bilion disokong oleh kelonggaran syarat visa; aktiviti

promosi yang rancak; serta peningkatan rangkaian hubungan udara dan kapasiti kemudahan di lapangan terbang.

Akaun pendapatan primer dijangka mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar pada RM37.4 bilion (2016: -RM35.4 bilion) berikutan peningkatan keuntungan, dividen dan faedah terakru kepada MNC yang beroperasi di Malaysia. Sementara itu, **akaun pendapatan sekunder** dijangka kekal defisit pada RM24.8 bilion (2016: -RM23.9 bilion) terutamanya disebabkan kiriman wang keluar oleh pekerja asing. Walau bagaimanapun, lebihan dalam akaun barangan dan perkhidmatan lebih daripada mencukupi untuk mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun pendapatan. Oleh itu, **akaun semasa** dijangka terus mencatat lebihan pada RM14.8 bilion atau dalam lingkungan 0.5% dan 1.5% daripada GNI pada 2017 (2016: RM16.4 bilion; 1% – 1.5%).

4

KEWANGAN SEKTOR AWAM

- Perspektif Keseluruhan
- Kerajaan Persekutuan
- Sisipan 1: Sorotan Sukuk Global Kerajaan Malaysia 2016
- Hutang Luar
- Hutang Sektor Awam
- Kerajaan Negeri
- Kerajaan Am
- Syarikat Awam Bukan Kewangan
- Sektor Awam Disatukan
- Prospek

4 | KEWANGAN SEKTOR AWAM

Perspektif Keseluruhan

Dasar Fiskal Pada 2016

Konsolidasi fiskal diteruskan

Kerajaan akan meneruskan konsolidasi fiskal di samping memastikan pertumbuhan ekonomi kekal mapan. Walaupun menghadapi cabaran ekonomi semasa termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia, Kerajaan akan memanfaatkan sumber sedia ada dan terus melaksanakan pembaharuan fiskal. Oleh itu, defisit fiskal sebagai peratusan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) disasar terus berkurang daripada 3.2% pada 2015 kepada 3.1% pada 2016.

Langkah Kerajaan untuk meningkatkan hasil dan mengoptimum perbelanjaan dijangka membantu mengukuhkan kedudukan fiskal. Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sejak 2015, pengurangan ketirisan cukai di pulau bebas cukai, mengoptimum hasil daripada pengagihan dan proses bidaan spektrum telekomunikasi, pelonggaran penalti cukai pendapatan dan peningkatan levi ke atas pekerja asing dijangka dapat mempelbagaikan sumber hasil. Langkah mengoptimum perbelanjaan kementerian dan agensi kerajaan akan diteruskan dengan menekankan pengurangan kepada perbelanjaan tidak kritikal tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan awam. Selain itu, penambahbaikan ke atas mekanisme kawalan pengurusan projek pembangunan fizikal Kerajaan telah diperkenalkan pada September 2016 untuk tidak membenarkan perubahan kepada skop dan pertambahan kepada kos asal projek yang telah diluluskan. Penambahbaikan ini bagi memastikan semua projek Kerajaan dilaksanakan berdasarkan keperluan sebenar selari dengan pelaksanaan pengurusan projek

yang cekap ke arah perbelanjaan berhemat. Inisiatif yang dilaksanakan ini akan terus mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan.

Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) terus memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju inisiatif konsolidasi fiskal. Bagi mengukuhkan lagi kerangka pengurusan fiskal, FPC telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Risiko Fiskal dan Liabiliti Luar Jangka pada Mei 2016. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menilai dan mengesyorkan langkah menangani risiko fiskal dan liabiliti luar jangka Kerajaan Persekutuan untuk memastikan kemapanan fiskal jangka sederhana dan panjang. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Kementerian Kewangan; Unit Perancang Ekonomi dan Unit Kerjasama Awam Swasta di bawah Jabatan Perdana Menteri; dan Bank Negara Malaysia. Sementara itu, Kerajaan terus mengguna pakai Kerangka Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) yang menggariskan unjuran fiskal bagi membolehkan kewangan sektor awam diurus secara cekap dan efektif.

Kerajaan Persekutuan

Pada 28 Januari 2016, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif berikutan penurunan harga minyak mentah dengan melakukan pengubahsuaian Bajet 2016. Melalui pengubahsuaian ini, andaian purata tahunan harga minyak mentah Brent telah disemak semula daripada USD48 kepada USD30 setong yang menyebabkan anggaran hasil berkurang sebanyak RM9.4 bilion. Namun, berikutan kesan sekunder ke atas cukai pendapatan syarikat disebabkan oleh harga minyak yang rendah, hasil dijangka terus berkurang RM3.7 bilion walaupun purata harga minyak mentah bagi tempoh Januari hingga September 2016 adalah pada USD42 setong.

JADUAL 4.1

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2015 – 2017

	RM juta			% Perubahan			% KDNK		
	2015	2016 ¹	2017 ²	2015	2016 ¹	2017 ²	2015	2016 ¹	2017 ²
Hasil	219,089	212,595	219,726	-0.7	-3.0	3.4	18.9	17.2	16.6
Perbelanjaan mengurus	216,998	207,126	214,800	-1.2	-4.5	3.7	18.8	16.8	16.2
Baki semasa	2,091	5,469	4,926	101.6	161.5	-9.9	0.2	0.4	0.4
Perbelanjaan pembangunan kasar	40,768	45,000	46,000	3.2	10.4	2.2	3.5	3.7	3.5
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,483	804	730	41.0	-45.8	-9.2	0.1	0.1	0.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	39,285	44,196	45,270	2.2	12.5	2.4	3.4	3.6	3.4
Baki keseluruhan	-37,194	-38,727	-40,344	-0.6	4.1	4.2	-3.2	-3.1	-3.0

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2017.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Di samping itu, di bawah pengubahsuaian bajet, rasionalisasi perbelanjaan sebanyak RM9.5 bilion telah dilaksanakan untuk mengimbangi impak penurunan hasil. Selaras dengan unjuran hasil terkini, perbelanjaan telah dikurangkan lagi sebanyak RM3.6 bilion. Oleh itu, sasaran defisit fiskal kekal 3.1% daripada KDNK pada 2016.

Hasil

Kutipan GST menampung sebahagian kekurangan hasil

Hasil Kerajaan Persekutuan pada 2016 dijangka menyusut 3% (2015: -0.7%) kepada RM212.6 bilion terutama disebabkan oleh kutipan hasil berkaitan petroleum berkurangan sebanyak 34.4% berikutan harga minyak mentah yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, pengurangan ini diimbangi oleh kutipan GST yang lebih tinggi dan penjana hasil tambahan daripada langkah yang diumumkan semasa pengubahsuaian bajet. Oleh itu, jumlah hasil sebagai peratusan kepada KDNK dianggarkan pada 17.2% (2015: 18.9%).

Hasil cukai kekal sebagai sumber utama dengan mewakili 78.6% daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan. Hasil cukai dijangka meningkat marginal 1% pada 2016 kepada RM167.1 bilion (2015: 0.8%; RM165.4 bilion) atau 13.6% daripada KDNK. **Cukai langsung** yang menyumbang 52% kepada jumlah hasil, dijangka berkurang 1.1% kepada RM110.5 bilion pada 2016 (2015: 51%; -11.8%; RM111.8 bilion). Cukai pendapatan syarikat (CITA) yang

merangkumi 37.8% daripada jumlah hasil cukai, dianggarkan menurun 0.8% kepada RM63.2 bilion (2015: -2.4%; RM63.7 bilion). Penurunan ini sebahagiannya disebabkan oleh pengurangan kadar CITA daripada 25% kepada 24%, manakala bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) daripada 20% kepada 19% mulai tahun taksiran 2016. Sementara itu, kutipan cukai pendapatan individu dijangka meningkat 7% kepada RM28.2 bilion disokong oleh pertumbuhan stabil guna tenaga dan pendapatan. Kutipan cukai pendapatan petroleum (PITA) mewakili 5.1% daripada jumlah hasil cukai, dijangka berkurang 26.3% kepada RM8.5 bilion (2015: 7%; -57.1%; RM11.5 bilion) disebabkan oleh andaian harga minyak mentah yang lebih rendah pada USD40 setong (2015: USD52 setong).

Usaha menambah baik pentadbiran, meningkatkan pematuhan dan mengukuhkan audit cukai akan sentiasa dilaksanakan. Kelonggaran penalti cukai serta peningkatan 3.6% kutipan hasil daripada cukai langsung yang lain terutamanya duti setem dan cukai keuntungan harta tanah (RPGT), turut menampung sebahagian pengurangan kutipan cukai langsung.

Cukai tidak langsung dijangka meningkat 5.5% kepada RM56.6 bilion, disumbang terutamanya oleh kutipan GST. Sejak pelaksanaannya, bilangan registran telah meningkat kepada 423,920 pada 30 September 2016. Kutipan GST pada 2016 dijangka meningkat dengan mendadak sebanyak 42.5% kepada RM38.5 bilion berbanding RM27 bilion pada 2015 menggambarkan pelaksanaannya bagi tempoh 12 bulan. Duti eksais dianggarkan berkurang 0.7% kepada

JADUAL 4.2

Hasil Kerajaan Persekutuan 2015 – 2017

	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	2015	2016 ¹	2017 ²	2015	2016 ¹	2017 ²	2015	2016 ¹	2017 ²
Hasil cukai	165,440	167,101	180,580	0.8	1.0	8.1	75.5	78.6	82.2
Cukai langsung	111,770	110,500	120,739	-11.8	-1.1	9.3	51.0	52.0	55.0
antaranya:									
CITA	63,679	63,193	69,193	-2.4	-0.8	9.5	29.1	29.7	31.5
Individu	26,321	28,163	29,853	7.8	7.0	6.0	12.0	13.2	13.6
PITA	11,559	8,517	10,637	-57.1	-26.3	24.9	5.3	4.0	4.8
Cukai tidak langsung	53,670	56,601	59,841	43.3	5.5	5.7	24.5	26.6	27.2
antaranya:									
GST	27,012	38,500	40,000	-	42.5	3.9	12.3	18.1	18.2
Duti eksais	11,890	11,801	13,111	-8.0	-0.7	11.1	5.4	5.6	6.0
Duti import	2,732	2,736	3,008	2.3	0.1	9.9	1.2	1.3	1.4
Duti eksport	1,039	813	731	-45.1	-21.7	-10.1	0.5	0.4	0.3
Hasil bukan cukai	53,649	45,494	39,146	-4.9	-15.2	-14.0	24.5	21.4	17.8
antaranya:									
Lesen dan permit	12,540	11,843	12,061	-12.0	-5.6	1.8	5.7	5.6	5.5
Pendapatan pelaburan	32,838	23,299	17,591	-2.7	-29.0	-24.5	15.0	11.0	8.0
Jumlah hasil	219,089	212,595	219,726	-0.7	-3.0	3.4	100.0	100.0	100.0
% KDNK	18.9	17.2	16.6						


¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah percukaian 2017.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganapan.

CARTA 4.1

Peratusan Hasil Berkaitan dan Bukan Petroleum kepada Jumlah Hasil



¹ Anggaran disemak.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

RM11.8 bilion terutamanya disebabkan oleh unjuran jualan kenderaan bermotor yang lebih rendah kepada 580,000 unit (2015: 666,674 unit)¹. Selaras dengan harga komoditi yang lebih rendah dan jumlah eksport yang lebih kecil, duti eksport dijangka berkurang 21.7% kepada RM0.8 bilion (2015: -45.1%; RM1 bilion).

Hasil bukan cukai² dijangka berkurang 15.2% kepada RM45.5 bilion (2015: -4.9%; RM53.6 bilion), disebabkan penyusutan terimaan daripada pendapatan pelaburan khususnya dividen Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) sebanyak RM16 bilion (2015: RM26 bilion). Terimaan lesen dan permit dijangka sebanyak RM11.8 bilion disumbang terutamanya oleh royalti petroleum berjumlah RM3.7 bilion (2015: RM5.1 bilion), levi pekerja asing RM2.8 bilion (2015: RM2.2 bilion) dan lesen kenderaan bermotor RM2.8 bilion (2015: RM2.6 bilion). Proses pengagihan semula dan bidaan spektrum telekomunikasi dijangka menyumbang RM1 bilion kepada hasil bayaran perkhidmatan. Selain itu, penjualan aset dijangka menyumbang RM1.1 bilion kepada kutipan hasil bukan cukai.

Perbelanjaan

Penyusunan semula keutamaan perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pada 2016 dianggar berkurang 2.2% kepada RM252.1 bilion iaitu 20.5% daripada KDNK (2015: -0.5%; RM257.8 bilion;

22.3%). Sebanyak RM207.1 bilion (82.2%) diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus manakala RM45 bilion (17.8%) bagi perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan Kerajaan terus ditumpukan kepada program dan projek yang mempunyai kesan pengganda tinggi kepada ekonomi dalam persekitaran yang mencabar, di samping memastikan kesejahteraan rakyat.

Perbelanjaan mengurus (OE) dijangka menyusut 4.5% kepada RM207.1 bilion dengan peratusan 16.8% kepada KDNK (2015: -1.2%; RM217 bilion; 18.8%) disebabkan oleh langkah mengoptimum dan merasionalisasi perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan, pemberian geran dan subsidi serta pembelian aset. Langkah ini dilaksanakan terutamanya melalui pengecilan skala program dan aktiviti serta pengurangan pertindihan peranan dan fungsi antara agensi, seterusnya meningkatkan lagi kecekapan perbelanjaan.

Emolumen kekal sebagai komponen terbesar, merangkumi 35.7% daripada OE (6% daripada KDNK). Ia dijangka berkembang sebanyak 5.4% kepada RM73.9 bilion (2015: 4.6%; RM70 bilion), terutamanya disebabkan oleh bantuan khas kewangan pada Januari dan Jun 2016 untuk meringankan kos sara hidup serta kenaikan gaji pada Julai 2016 dan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2016. Saiz perkhidmatan awam dikekalkan pada 1.6 juta orang dalam usaha mengawal pertumbuhan perbelanjaan emolumen. Pada masa yang sama, Kerajaan terus memberikan tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam.

Bekalan dan perkhidmatan yang merangkumi 14.3% daripada OE, dianggarkan berkurang 18.3% kepada RM29.7 bilion (2015: 16.8%; 6.2%; RM36.4 bilion). Peratusan kepada KDNK bagi bekalan dan perkhidmatan dianggarkan pada 2.4%, lebih rendah daripada purata tahunan 3.2% bagi tempoh lima tahun yang lalu. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan ketara pada perbelanjaan tidak kritikal seperti perbelanjaan berkaitan perjalanan dan pengangkutan, utiliti, pembaikan dan pengubahsuaian serta penganjuran acara dan majlis. Melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Kerajaan terus mengurangkan kos dan pertindihan terutamanya dengan mengoptimumkan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta kemudahan dan premis milik kerajaan bagi menjalankan latihan dan aktiviti.

Bayaran khidmat hutang³ yang mesti diberi keutamaan sebelum komitmen lain, dijangka meningkat 9.7% kepada RM26.6 bilion (2015: 7.5%; RM24.3 bilion) dan kekal terurus pada 12.9% daripada jumlah OE. **Bayaran persaraan⁴** mewakili 9.2% daripada OE dan dijangka meningkat 0.6% kepada RM19 bilion (2015: 8.7%; 3.6%; RM18.9 bilion).

Kerajaan kekal komited untuk merasionalisasi subsidi. Sehubungan itu, **subsidi dan bantuan sosial** dijangka berkurang 9.6% kepada RM24.6 bilion dan mewakili 11.9% daripada jumlah OE (2015: -31.3%; RM27.3 bilion; 12.6%). Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus menyalurkan subsidi kepada perkhidmatan asas seperti pendidikan, kesihatan dan pengangkutan awam.

¹ Kenyataan Akhbar Prestasi Jualan Kenderaan Bermotor dan Pengeluaran Separuh Pertama 2016 pada 20 Julai 2016 oleh Malaysian Automotive Association.

² Merangkumi lesen dan permit (termasuk royalti petroleum dan levi pekerja asing), pendapatan pelaburan, bayaran perkhidmatan, denda dan penalti, jualan barang, terimaan bukan hasil serta hasil daripada Wilayah Persekutuan.

³ Merangkumi bayaran kupon dan faedah serta caj dan fi pengurusan.

⁴ Terdiri daripada bayaran pencen, ganjaran (termasuk hadiah wang tunai sebagai gantian cuti rehat) dan pindahan ke Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP).

JADUAL 4.3

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek 2015 – 2017

	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	2015	2016 ¹	2017 ²	2015	2016 ¹	2017 ²	2015	2016 ¹	2017 ²
Emolumen	70,050	73,866	77,422	4.6	5.4	4.8	32.3	35.7	36.0
Bayaran persaraan	18,872	18,993	21,763	3.6	0.6	14.6	8.7	9.2	10.1
Bayaran khidmat hutang	24,283	26,639	28,866	7.5	9.7	8.4	11.2	12.9	13.4
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	6,921	6,931	8,058	6.0	0.2	16.3	3.2	3.3	3.8
Bekalan dan perkhidmatan	36,373	29,702	32,020	6.2	-18.3	7.8	16.8	14.3	14.9
Subsidi dan bantuan sosial	27,269	24,642	22,431	-31.3	-9.6	-9.0	12.6	11.9	10.4
Pemberian kepada badan berkanun	15,487	12,948	9,396	-5.3	-16.4	-27.4	7.1	6.3	4.4
Bayaran balik dan hapus kira	947	924	802	-29.1	-2.4	-13.2	0.4	0.4	0.4
Lain-lain	16,796	12,481	14,042	23.0	-25.7	12.5	7.7	6.0	6.5
Jumlah	216,998	207,126	214,800	-1.2	-4.5	3.7	100.0	100.0	100.0
% KDNK	18.8	16.8	16.2						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2017.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Bagi terus membantu isi rumah berpendapatan rendah, bayaran Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) telah ditingkatkan sehingga RM1,050 bagi setiap penerima. Perbelanjaan ini dijangka berjumlah RM5.4 bilion pada tahun ini yang memanfaatkan 4.2 juta isi rumah dan 3.1 juta individu bujang.

Pemberian kepada badan berkanun dijangka menurun dengan ketara sebanyak 16.4% kepada RM12.9 bilion (2015: -5.3%; RM15.5 bilion) berikutan rasionalisasi pemberian geran. Langkah ini bertujuan mengurangkan kebergantungan badan berkanun kepada geran Kerajaan Persekutuan, terutama entiti yang mempunyai aliran pendapatan yang stabil dan rizab yang tinggi serta mampu berdikari. Hampir 55% daripada geran disalurkan kepada universiti awam dan selebihnya diperuntukkan kepada pihak berkuasa pembangunan wilayah dan pertanian serta agensi mempromosi perdagangan dan pelaburan. Sementara itu, RM6.9 bilion disalurkan kepada **kerajaan negeri** sebagaimana diperuntukkan di bawah Perlembagaan serta lain-lain pindahan.

Sejumlah RM260 bilion diperuntukkan bagi **perbelanjaan pembangunan (DE)** di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). *Rolling plan* pertama (RP1: 2016 – 2017) menyenaraikan lebih kurang 4,500 projek dan program, dengan penekanan diberikan kepada sektor ekonomi dan sosial. Hampir 70% melibatkan projek fizikal manakala selebihnya termasuk penyediaan dana dan geran bagi inisiatif strategik, pembangunan modal insan dan ICT.

DE bagi 2016, yang merupakan tahun pertama RP1, dijangka meningkat 10.4% kepada RM45 bilion (2015: 3.2%; RM40.8 bilion) dan mewakili 17.3% daripada jumlah siling RMKe-11. Dari segi pengagihan mengikut

sektor, sektor ekonomi menerima peruntukan terbesar iaitu 61.4% diikuti sosial (24%), keselamatan (11.2%) dan sektor pentadbiran am (3.4%).

Sektor ekonomi diperuntuk RM27.6 bilion (2015: RM23.3 bilion) sejajar dengan usaha untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Perbelanjaan sektor ini memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan, memacu pembangunan industri dan keusahawanan, menambah baik kemudahan awam serta merancang pembangunan pertanian dan luar bandar.

Subsektor pengangkutan merupakan penerima terbesar peruntukan merangkumi 18.7% daripada jumlah DE atau RM8.4 bilion (2015: 16.4%; RM6.7 bilion), terutamanya untuk membiayai pembinaan, penyelenggaraan dan menaik taraf jalan dan jambatan, lapangan terbang dan pelabuhan serta landasan kereta api. Projek jalan raya tertumpu di kawasan luar bandar, terutama di Sabah dan Sarawak untuk mempergiat aktiviti ekonomi dengan menambah baik akses ke pusat komersial di bandar. Projek utama yang sedang dilaksanakan antara lain termasuk Lebuhraya Pan Borneo, Lebuhraya Pantai Barat, Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang dan Lebuhraya Bertingkat Damansara – Shah Alam.

Sebanyak RM6 bilion diperuntukkan kepada *subsektor perdagangan dan perindustrian* pada 2016, mewakili 13.3% daripada jumlah DE (2015: RM5.6 bilion; 13.8%). Perbelanjaan ini, antara lainnya diperuntukkan bagi pembangunan koridor wilayah serta menaik taraf kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian untuk menarik pelaburan baru. Di samping itu, bantuan kewangan keusahawanan disalurkan melalui pelbagai institusi seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

JADUAL 4.4

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2015 – 2017

	RM juta			% Perubahan			% Bahagian		
	2015	2016 ¹	2017 ²	2015	2016 ¹	2017 ²	2015	2016 ¹	2017 ²
Ekonomi	23,286	27,623	25,862	-0.2	18.6	-6.4	57.1	61.4	56.2
antaranya:									
Pengangkutan	6,693	8,419	10,599	-7.9	25.8	25.9	16.4	18.7	23.0
Perdagangan dan perindustrian	5,638	5,996	4,927	20.3	6.3	-17.8	13.8	13.3	10.7
Kemudahan awam dan tenaga	3,637	3,270	2,582	4.4	-10.1	-21.0	8.9	7.3	5.6
Pertanian dan pembangunan luar bandar	3,105	2,877	2,416	8.0	-7.3	-16.0	7.6	6.4	5.3
Sosial	11,161	10,812	12,180	6.4	-3.1	12.7	27.4	24.0	26.5
antaranya:									
Pendidikan dan latihan	4,758	3,874	5,904	-3.4	-18.6	52.4	11.7	8.6	12.8
Perumahan	2,008	2,476	870	224.9	23.3	-64.9	4.9	5.5	1.9
Kesihatan	1,442	1,481	1,532	4.1	2.7	3.4	3.5	3.3	3.3
Keselamatan	4,754	5,041	5,286	9.7	6.0	4.9	11.7	11.2	11.5
Pentadbiran am	1,567	1,524	2,671	16.6	-2.7	75.3	3.8	3.4	5.8
Jumlah	40,768	45,000	46,000	3.2	10.4	2.2	100.0	100.0	100.0
% KDNK	3.5	3.7	3.5						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2017.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sebanyak RM3.3 bilion atau 7.3% daripada jumlah DE pada 2016 (2015: RM3.6 bilion; 8.9%) disalurkan bagi *subsektor kemudahan awam dan tenaga* dengan tumpuan kepada kemudahan awam seperti bekalan air dan elektrik, kemudahan telekomunikasi serta perkhidmatan pembedung. Projek tertumpu di kawasan luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak untuk merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar. Projek lain dalam subsektor ini termasuk pembesaran empangan, pembinaan kemudahan rawatan air dan penambahbaikan sistem saliran di bandar. Selain itu, *subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar* disediakan RM2.9 bilion atau 6.4% daripada jumlah DE (2015: RM3.1 bilion; 7.6%). Peruntukan disalurkan terutamanya untuk program pertanian yang mempunyai nilai tambah tinggi dan berdaya komersial bagi meningkatkan pendapatan petani.

Perbelanjaan di bawah **sektor sosial** yang merupakan komponen kedua terbesar, dianggarkan sebanyak RM10.8 bilion atau 24% daripada jumlah DE (2015: RM11.2 bilion; 27.4%). Daripada jumlah ini, sebanyak RM3.9 bilion (2015: RM4.8 bilion) disalurkan bagi *subsektor pendidikan dan latihan* termasuk untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), biasiswa, menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur di sekolah, pusat latihan kemahiran, kolej komuniti dan universiti. Antara projek utama yang sedang dilaksanakan termasuk pembinaan Kolej Kemahiran Tinggi MARA di Selama, Perak, pembelian alat mengajar serta dana bagi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

Subsektor perumahan diperuntukkan RM2.5 bilion atau 5.5% daripada DE (2015: RM2 bilion; 4.9%) antara lain bagi membina rumah mampu milik untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah serta kuarters kakitangan awam. Dalam usaha untuk menyediakan rumah mampu milik, pelaksanaan projek perumahan awam seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Perumahan Penjawat Awam

1Malaysia (PPA1M) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) dipercepatkan, manakala inisiatif pemulihan projek terbengkalai dilaksanakan. Sejumlah RM1.5 bilion atau 3.3% daripada DE (2015: RM1.4 bilion; 3.5%) disediakan bagi *subsektor kesihatan*. Antara projek utama dalam pelaksanaan termasuk pembinaan hospital pengajar di Universiti Putra Malaysia dan kompleks obstetrik di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, pembesaran Hospital Kuala Krai serta perolehan ambulans tambahan dan klinik bergerak.

Perbelanjaan bagi **sektor keselamatan** dianggarkan sebanyak RM5 bilion atau 11.2% daripada jumlah DE (2015: RM4.7 bilion; 11.7%). Sebanyak RM4.1 bilion diperuntukkan kepada *subsektor pertahanan*, termasuk perolehan kapal peronda dan menaik taraf fasiliti di Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE). Sementara itu, sejumlah RM0.9 bilion diperuntukkan bagi *subsektor keselamatan dalam negeri* terutama bagi perolehan helikopter untuk Polis Diraja Malaysia, menaik taraf sistem ICT dan sistem pengawasan di pusat pemeriksaan imigresen dan penjara di seluruh negara.

Peruntukan **sektor pentadbiran am** adalah sebanyak RM1.5 bilion atau 3.4% daripada jumlah DE (2015: RM1.6 bilion; 3.8%). Peruntukan ini disediakan selaras dengan usaha bersepadu untuk meningkatkan produktiviti serta menambah baik sistem penyampaian sektor awam melalui pelaksanaan projek seperti Analitis Data Raya dan 1GovNet.

Pembiayaan

Peningkatan permintaan bagi instrumen patuh Syariah

Pasaran domestik kekal sebagai sumber pembiayaan utama Kerajaan Persekutuan yang dianggarkan berjumlah 93.2% daripada jumlah pinjaman kasar. Strategi ini membantu

JADUAL 4.5

Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2015 – 2016

	RM juta		% Bahagian	
	2015	2016 ²	2015	2016 ²
Pinjaman kasar	98,059	92,853	100.0	100.0
Dalam negeri	92,500	86,500	94.3	93.2
MGS	51,500	44,000	52.5	47.4
MGII	41,000	42,500	41.8	45.8
Luar negeri	5,559	6,353	5.7	6.8
Pinjaman pasaran	5,303	6,087	5.4	6.5
Pinjaman projek	256	266	0.3	0.3
Bayaran balik	58,402	53,341	100.0	100.0
Dalam negeri	53,569	48,141	91.7	90.3
Luar negeri	4,833	5,200	8.3	9.7
Pinjaman bersih	39,658	39,512	-	-
Dalam negeri	38,931	38,359	-	-
Luar negeri	727	1,153	-	-
Perubahan aset¹	-2,464	-785	-	-
Jumlah keperluan pembiayaan	37,194	38,727	-	-

¹ (+) bererti penggunaan aset; (-) bererti pertambahan aset.

² Anggaran.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

mengurangkan kesan negatif perubahan tukaran mata wang ke atas penilaian hutang dan bayaran hutang serta tidak akan menjejaskan sumber pembiayaan sektor swasta kerana kecairan yang mencukupi dalam pasaran. Pada 2016, jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan dianggar berjumlah RM92.8 bilion terutama untuk bayaran balik hutang berjumlah RM53.3 bilion manakala selebihnya bagi membiayai defisit.

Pinjaman dalam negeri kasar bagi 2016 dijangka mencatat RM86.5 bilion. Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) kekal sebagai sumber utama pembiayaan dalam negeri sebanyak RM44 bilion atau 50.9% (2015: RM51.5 bilion; 55.7%) manakala bakinya adalah Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII).

Permintaan yang semakin meningkat terhadap instrumen kewangan Islam menyebabkan terbitan yang lebih tinggi bagi MGII. Dalam tempoh sepuluh tahun, peratusan terbitan MGII daripada jumlah pinjaman kasar meningkat hampir dua kali ganda pada 2016 berbanding 25.7% pada 2006. Bagi 2016, terbitan MGII dijangka berjumlah RM42.5 bilion atau 45.8% daripada jumlah pinjaman kasar (2015: RM41 bilion; 41.8%). Peningkatan ini mencerminkan usaha dan komitmen berterusan untuk mempromosi instrumen kewangan Islam dan menyediakan penanda aras serta menyokong permintaan terhadap instrumen patuh Syariah yang semakin meningkat.

Bagi separuh pertama 2016, terbitan bagi kedua-dua instrumen telah terlebih langgan dengan purata 2.3 kali, mencerminkan permintaan yang kukuh terhadap instrumen terbitan Kerajaan. Kadar hasil 5-tahun MGS

adalah antara 3.340% dan 3.615%, manakala kadar hasil MGS 10-tahun adalah antara 3.744% dan 3.930%. Secara purata, MGII menawarkan kadar hasil yang lebih tinggi sebanyak 15 mata asas berbanding MGS. Berikutan terbitan MGII yang semakin meningkat, perbezaan kadar hasil antara dua instrumen ini semakin mengecil seterusnya mengurangkan kos pembiayaan bagi Kerajaan Persekutuan.

Pinjaman luar pesisir kasar bagi 2016 dijangka berjumlah RM6.3 bilion terutamanya melalui terbitan pinjaman pasaran. Pada April 2016, Kerajaan Persekutuan berjaya menerbitkan Sukuk Global Wakalah dengan dua tempoh matang (10-tahun dan 30-tahun) berjumlah USD1.5 bilion. Bagi sukuk global bertempoh matang 10-tahun, kadar pulangan adalah 3.179% manakala bagi 30-tahun adalah 4.080%. Terbitan sukuk ini merupakan sukuk berdaulat pertama menggunakan 100% aset bukan fizikal, meletakkan Malaysia kekal sebagai peneraju dalam inovasi kewangan Islam. Selain daripada itu, sebanyak RM266 juta dijangka diperoleh untuk pinjaman projek terutama melalui sumber dua hala (RM238 juta) dan pelbagai hala (RM28 juta) bagi membiayai program dan projek sedia ada.

Hutang

Hutang untuk membiayai aktiviti pelaburan

Pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan kepada beberapa peruntukan undang-undang. Di bawah Perkara 111 Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan tidak boleh meminjam kecuali di bawah kuasa undang-undang Persekutuan. Terdapat beberapa perundangan yang memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk meminjam atau mendapatkan pembiayaan yang termasuk Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403] dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]. Selain daripada memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk meminjam atau mendapatkan pembiayaan, akta-akta ini juga mengenakan beberapa had tertentu ke atas Kerajaan Persekutuan bagi memastikan pengurusan hutang Persekutuan yang berhemat.

Akta 637 dan Akta 275 menetapkan had siling hutang pada 55% daripada KDNK, yang hanya meliputi jumlah terkumpul instrumen MGS, MGII dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB). Justeru, sehingga akhir Jun 2016, jumlah hutang terkumpul bagi instrumen ini adalah pada 48.5% daripada KDNK, mencerminkan pematuhan sepenuhnya kepada undang-undang. Pinjaman luar pesisir terkumpul pula dihadkan pada RM35 bilion di bawah Akta 403, manakala had siling Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) ditetapkan pada RM10 bilion sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 188.

Hutang Kerajaan Persekutuan berada pada paras RM655.7 bilion (53.2% daripada KDNK) sehingga akhir Jun 2016, terutamanya disebabkan oleh terbitan hutang dalam negeri yang lebih tinggi bagi membiayai DE. Hutang dalam negeri kekal sebagai bahagian terbesar daripada jumlah hutang iaitu sebanyak 95.9%, manakala baki adalah daripada pinjaman luar pesisir.

Sisipan 1

Sorotan Sukuk Global Kerajaan Malaysia 2016


Pengenalan

Kerajaan melalui Malaysia Sukuk Global Berhad, sebuah syarikat bertujuan khas (SPV) sekali lagi menerbitkan sukuk di pasaran antarabangsa pada April 2016. Terbitan ini merupakan sukuk kelima dalam denominasi dolar AS bagi Kerajaan selepas kejayaan terbitan sukuk global pada tahun 2002, 2010, 2011 dan 2015. Penerbitan sukuk sebanyak USD1.5 bilion ini adalah bertujuan untuk menebus sukuk sedia ada berjumlah USD1.2 bilion yang matang pada Julai 2016 serta bagi membiayai perbelanjaan pembangunan. Sukuk ini telah diterbitkan dalam dua tempoh matang iaitu 10 tahun dan 30 tahun. Penerbitan tersebut merupakan satu inovasi dalam terbitan sukuk berdaulat dari segi struktur dan telah ditetapkan pada harga yang kompetitif walaupun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

Penawaran sukuk global ini distruktur berlandaskan prinsip Syariah Wakalah. Aset yang menjadi asas bagi terbitan ini merangkumi 100% aset bukan fizikal, iaitu baucar yang mewakili hak untuk menggunakan pengangkutan awam serta saham patuh Syariah. Kombinasi aset yang unik ini merupakan suatu pembaharuan dalam terbitan sukuk berdaulat, iaitu sukuk yang pertama diterbitkan oleh sesebuah kerajaan tanpa menggunakan sebarang aset fizikal (seperti tanah dan bangunan) atau komoditi *murabahah*. Struktur berinovasi ini bukan sahaja membuka laluan untuk struktur sedemikian diguna pakai oleh kerajaan lain, malah ia turut memperkukuhkan kedudukan Malaysia selaku peneraju dalam pasaran kewangan Islam antarabangsa.

CARTA 1

Rajah Struktur Sukuk dan Aliran Transaksi



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Langkah	Penerangan
1	SPV sebagai penerbit akan menerbitkan sukuk kepada pemegang sijil sebagai pertukaran untuk terimaan sukuk.
2	Kerajaan dilantik sebagai wakil pemegang sijil ("Wakil") tertakluk kepada terma dan syarat dalam Perjanjian Wakalah.
3	Pada tarikh terbitan, SPV sebagai Pemegang Amanah akan menggunakan terimaan terbitan untuk memperoleh Portfolio Wakalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> Minimum 80% daripada terimaan terbitan untuk membeli baucar hak menggunakan pengangkutan awam ("Baucar"); dan Maksimum 20% daripada terimaan terbitan untuk membeli pegangan dalam saham patuh Syariah yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi dan sosial ("Saham") secara pindahan hak benefisial daripada Kerajaan kepada SPV.


4	Pemegang Amanah akan melantik Wakil untuk mengagihkan Baucar melalui entiti yang dibenarkan.
5	Pada setiap tarikh pengagihan berkala, Pemegang Amanah akan mengagihkan pulangan daripada Portfolio Wakalah kepada pemegang sijil. Sebarang lebihan pulangan akan disimpan oleh Wakil sebagai yuran insentif.
6	Kerajaan mempunyai hak yang tidak boleh dibatalkan untuk mengganti Portfolio Wakalah dengan sebarang baucar baharu, saham patuh Syariah yang baharu dan/atau aset pajakan (Aset Baharu), di sepanjang tempoh sukuk. Aset Baharu ini akan menjadi sebahagian daripada Portfolio Wakalah.
7	Kerajaan sebagai Obligor akan membeli Portfolio Wakalah daripada Pemegang Amanah pada tarikh matang atau perisytiharan pembubaran pada harga pelaksanaan.
8	Pada tarikh matang atau perisytiharan pembubaran, Kerajaan sebagai Pembeli akan membayar harga pelaksanaan. Hasil jualan aset tersebut akan digunakan untuk menebus sukuk daripada Pemegang Sijil.

Siri jelajah ini melibatkan pertemuan dengan lebih daripada 130 pelabur merentasi pusat kewangan utama dunia, termasuk Malaysia, Hong Kong, Singapura, Abu Dhabi, Dubai, London dan New York. Usaha ini telah mendapat sambutan menggalakkan daripada pelabur global dengan jumlah permintaan melebihi USD6.3 bilion melibatkan lebih daripada 195 akaun yang bersamaan dengan lebihan langganan sebanyak 4.2 kali ganda saiz tawaran. Kebanyakan pelabur membuat pesanan bersaiz besar melebihi USD10 juta, merangkumi lebih 75% daripada permintaan akhir.

Berikutan sokongan menggalakkan daripada pelabur, sukuk bertempoh matang 10 tahun ditetapkan harga pada 3.179%, manakala sukuk bertempoh matang 30 tahun ditetapkan harga pada 4.080%. Keadaan ini menunjukkan premium terbitan baharu yang minimum berbanding keluk hasil pasaran sekunder Kerajaan Malaysia dan lebih rendah daripada premium terbitan baharu yang lazim dibayar oleh sukuk berdaulat di peringkat global.

CARTA 2

Agihan dan Profil Pelabur



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Rumusan

Sambutan yang amat menggalakkan terhadap terbitan sukuk global Kerajaan 2016 ini mencerminkan keyakinan berterusan pelabur global ke atas kekukuhan asas ekonomi negara. Pencapaian ini seterusnya membolehkan Malaysia, bukan sahaja untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama pelaburan tetapi juga mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam pasaran kewangan Islam antarabangsa.

JADUAL 4.6

Hutang Kerajaan Persekutuan 2015 – 2016

	RM juta		% Bahagian		% KDNK	
	2015	2016 ²	2015	2016 ²	2015	2016 ²
Hutang dalam negeri	609,063	628,791	96.6	95.9	52.6	51.0
Bil Perbendaharaan	4,700	4,500	0.8	0.7	0.4	0.3
MGS	340,063	365,891	53.9	55.8	29.4	29.7
MGII	214,000	230,000	33.9	35.1	18.5	18.7
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ¹	50,300	28,400	8.0	4.3	4.3	2.3
Pinjaman luar pesisir	21,477	26,954	3.4	4.1	1.9	2.2
Pinjaman pasaran	15,179	20,291	2.4	3.1	1.3	1.6
Pinjaman projek	6,298	6,663	1.0	1.0	0.6	0.6
Jumlah	630,540	655,745	100.0	100.0	54.5	53.2

Item memorandum:

Pegangan hutang Kerajaan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	175,963	206,182	28.9	32.8	15.2	16.7
--	---------	---------	------	------	------	------

¹ Berkuat kuasa 1 Januari 2016, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan di bawah Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 telah ditutup. Sejumlah RM21,900 juta telah dipindahkan kepada LPPSA. Baki adalah terdiri daripada Sukuk Pinjaman Perumahan.

² Pada akhir Jun 2016.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Pada akhir Jun 2016, **hutang dalam negeri** Kerajaan Persekutuan berjumlah RM628.8 bilion, sebahagian besarnya terdiri daripada MGS dan MGII. MGS sebagai instrumen terbesar terbitan Kerajaan Persekutuan mencatat RM365.9 bilion atau 55.8% daripada jumlah hutang manakala MGII sebanyak RM230 bilion. Peratusan MGII kepada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada 35.1% berbanding 21.8% pada 2010, mencerminkan usaha berterusan Kerajaan dalam mempromosi Malaysia sebagai hub kewangan Islam antarabangsa. Di samping itu, berikutan kedudukan modal institusi domestik yang kukuh dan pasaran modal domestik yang maju, kebanyakan hutang domestik Kerajaan Persekutuan dipegang oleh pelabur jangka panjang. Sebahagian besar MGS dan MGII dipegang oleh institusi kewangan iaitu sebanyak 27.1%, diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (23.1%) dan syarikat insurans (4.9%).

Sebagai langkah pengurusan aliran tunai yang lebih baik, MTB dan MITB telah diterbitkan secara berkala dengan tempoh matang 12 bulan dan ke bawah. Jumlah hutang bagi instrumen MTB dan MITB pada akhir Jun 2016 adalah sebanyak RM4.5 bilion (0.3% daripada KDNK) dan mewakili 0.7% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Berikutan peningkatan terbitan instrumen Islam dalam beberapa tahun kebelakangan ini, MGII dan MITB menyumbang 35.3% kepada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (akhir 2015: 34.2%), manakala baki adalah instrumen konvensional.

Profil kematangan hutang Kerajaan Persekutuan kekal dengan agihan yang baik, dengan purata untuk matang 9.7 tahun. Instrumen bertempoh matang di bawah lima tahun membentuk 51% daripada jumlah hutang terkumpul, tempoh matang 6 hingga 10 tahun mewakili 33.6%, manakala tempoh matang lebih daripada 10 tahun mewakili

15.4%. Oleh kerana sebahagian besar profil kematangan instrumen ini adalah dalam jangka masa sederhana dan panjang, risiko pembiayaan semula adalah rendah di mana hanya 8.1% daripada MGS dan MGII akan matang pada 2016 (2015: 10%).

Pada 1 Januari 2016, Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan yang dikorporatkan dan dikenali sebagai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), telah mula beroperasi. Penubuhan LPPSA akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan skim pinjaman perumahan penjawat awam dan pada masa yang sama mengekalkan manfaat dan syarat kemudahan pinjaman. LPPSA akan menguruskan aset dan liabilitinya sendiri. Sebagai sebahagian daripada langkah pengkorporatan ini, sejumlah RM21.9 bilion daripada RM50.3 bilion di bawah liabiliti sedia ada telah dipindahkan kepada LPPSA. Langkah ini telah mengurangkan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan sebanyak 1.8% daripada KDNK pada awal 2016.

Pinjaman luar pesisir berjumlah RM26.9 bilion terdiri daripada pinjaman pasaran dan pinjaman projek. Daripada jumlah ini, pinjaman pasaran merangkumi 75.3% manakala baki adalah pinjaman projek. Pinjaman projek diperolehi daripada sumber dua hala dan pelbagai hala terdahulu untuk membiayai program khusus dan projek infrastruktur seperti perumahan, pementasan dan reservoir.

Hutang Luar

Hutang luar⁵ Malaysia berjumlah RM848.2 bilion (68.8% daripada KDNK) pada akhir Jun 2016 (akhir 2015: RM833.7 bilion; 72.1%). Sebahagian besar hutang ini terdiri daripada deposit dan pegangan bukan pemastautin

⁵ Merangkumi pinjaman luar pesisir oleh Kerajaan Persekutuan, syarikat awam dan sektor swasta serta pegangan oleh bukan pemastautin dalam sekuriti hutang berdenominasi ringgit, deposit oleh bukan pemastautin, kredit perdagangan yang diperolehi dengan rakan niaga asing dan lain-lain liabiliti hutang.

JADUAL 4.7

**Hutang Luar
2015 – 2016**

	RM juta		% Bahagian		% KDNK	
	2015	2016 ³	2015	2016 ³	2015	2016 ³
Pinjaman luar pesisir	463,621	466,743	55.6	55.0	40.1	37.9
Hutang jangka sederhana dan panjang	285,900	288,373	34.3	34.0	24.7	23.4
Sektor awam	128,319	121,671	15.4	14.3	11.1	9.9
Kerajaan Persekutuan	21,477	24,654	2.6	2.9	1.9	2.0
Syarikat awam	106,842	97,017	12.8	11.4	9.2	7.9
Sektor swasta	157,581	166,702	18.9	19.7	13.6	13.5
Hutang jangka pendek	177,721	178,370	21.3	21.0	15.4	14.5
Pegangan bukan pemastautin dalam sekuriti hutang berdenominasi ringgit	211,347	232,258	25.3	27.4	18.3	18.8
Hutang jangka sederhana dan panjang	184,131	215,763	22.1	25.4	15.9	17.5
Kerajaan Persekutuan	172,629	202,823	20.7	23.9	14.9	16.5
Lain-lain ¹	11,502	12,940	1.4	1.5	1.0	1.0
Hutang jangka pendek	27,216	16,495	3.2	1.9	2.4	1.3
Deposit bukan pemastautin	81,616	77,330	9.8	9.1	7.1	6.3
Lain-lain²	77,233	71,911	9.3	8.5	6.6	5.8
Jumlah	833,817	848,242	100.0	100.0	72.1	68.8

¹ Termasuk sektor swasta dan syarikat awam.

² Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain.

³ Pada akhir Jun 2016.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

ke atas sekuriti hutang berdenominasi ringgit sebanyak RM309.6 bilion atau 25.1% daripada KDNK, diikuti hutang sektor swasta sebanyak RM166.7 bilion atau 13.5% daripada KDNK. Sementara itu, pinjaman luar pesisir oleh sektor awam adalah sebanyak 9.9% daripada KDNK, dengan hutang Kerajaan Persekutuan hanya berjumlah 2%.

Pinjaman luar pesisir meningkat 0.7% kepada RM466.7 bilion pada akhir Jun 2016. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh terbitan kertas hutang mata wang asing termasuk terbitan Sukuk Global Wakalah berjumlah USD1.5 bilion pada April 2016; penggunaan pinjaman antara bank; pinjaman luar pesisir jangka panjang oleh bank; dan pinjaman antara syarikat oleh syarikat swasta bukan bank. Hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada RM24.6 bilion disebabkan kesan penilaian serta terbitan pra-pembiayaan bagi penebusan sukuk global USD1.2 bilion yang matang pada Julai 2016, dan kekal rendah pada 5.3% daripada jumlah pinjaman luar pesisir. Pinjaman luar pesisir jangka pendek juga telah meningkat kepada RM178.4 bilion atau 14.5% daripada KDNK. Pada akhir Jun 2016, nisbah khidmat hutang⁶ bagi pinjaman luar pesisir adalah 13.9%.

Pegangan bukan pemastautin ke atas sekuriti hutang berdenominasi ringgit, sebahagian besarnya dalam jangka sederhana dan panjang telah meningkat kepada

RM232.2 bilion pada akhir Jun 2016. Memandangkan majoriti pelabur adalah pengurus aset, bank pusat dan dana persaraan, ia mencerminkan keyakinan pelabur yang lebih baik terhadap asas ekonomi domestik serta peningkatan minat pelabur ke atas instrumen berkualiti dengan pulangan yang lebih tinggi. Pegangan pelabur asing dalam MGS dan MGII meliputi 34% daripada jumlah kedua-dua instrumen (akhir 2015: 31.2%).

Hutang Sektor Awam

Hutang sektor awam⁷ terdiri daripada jumlah hutang kerajaan am⁸ dan syarikat awam bukan kewangan (SABK) yang mencerminkan pinjaman terkumpul oleh semua lapisan sektor awam. Selain itu, jumlah jaminan kepada badan berkanun dan SABK juga termasuk dalam pengiraan hutang sektor awam disatukan memandangkan Kerajaan Persekutuan merupakan penjamin kepada hutang entiti lain dalam sektor awam. Penyediaan maklumat hutang sektor awam yang menyeluruh adalah penting bagi membolehkan pengurusan kewangan sektor awam yang cekap dan berkesan.

Sehingga akhir 2015, hutang sektor awam Malaysia berjumlah RM870 bilion atau 75.2% daripada KDNK. Hutang Kerajaan Persekutuan sebagai komponen terbesar, berjumlah RM630.5 bilion atau 72.5% daripada jumlah hutang

⁶ Mengukur bayaran balik prinsipal dan bayaran faedah pinjaman luar pesisir sebagai nisbah kepada jumlah eksport kasar barangan dan perkhidmatan.

⁷ Pengiraan statistik ini meliputi semua hutang domestik dan luar pesisir Kerajaan Persekutuan, badan berkanun dan SABK (29 SABK utama dan lain-lain). Bagi badan berkanun dan SABK, hutang domestik terhad kepada hutang yang dijamin, manakala hutang luar merangkumi kedua-dua hutang yang dijamin dan tidak dijamin.

⁸ Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan berkanun.

JADUAL 4.8

Hutang Sektor Awam 2014 – 2015

	RM juta		% Bahagian		% KDNK	
	2014	2015	2014	2015	2014	2015
Kerajaan Persekutuan	582,828	630,540	74.1	72.5	52.7	54.5
Dalam negeri	566,052	609,063	72.0	70.0	51.2	52.6
Luar pesisir	16,776	21,477	2.1	2.5	1.5	1.9
Badan berkanun	38,546	39,972	4.9	4.6	3.5	3.5
Dalam negeri	38,546	39,972	4.9	4.6	3.5	3.5
antaranya: Dijamin	38,546	39,972	4.9	4.6	3.5	3.5
Luar pesisir	-	-	-	-	-	-
Syarikat awam bukan kewangan	165,041	199,470	21.0	22.9	14.9	17.2
Dalam negeri	112,592	123,455	14.3	14.2	10.2	10.7
antaranya: Dijamin	112,592	123,455	14.3	14.2	10.2	10.7
Luar pesisir	52,449	76,015	6.7	8.7	4.7	6.5
antaranya: Dijamin	3,813	3,665	0.5	0.4	0.3	0.3
Jumlah	786,415	869,982	100.0	100.0	71.1	75.2

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

sektor awam. Hutang SABK berjumlah RM199.5 bilion atau 22.9% daripada jumlah hutang manakala baki adalah hutang badan berkanun. Hutang oleh SABK adalah terutamanya bagi membiayai aktiviti pelaburan utama dalam sektor minyak dan gas, tenaga dan pengangkutan serta perolehan aset. Sementara itu, hutang badan berkanun diperoleh daripada sumber domestik, terutama untuk membiayai peranan yang dimandatkan seperti dalam bidang pendidikan dan pembangunan luar bandar.

Kerajaan Negeri

Lebih akaun semasa yang besar

Hasil disatukan **kerajaan negeri** diunjur sebanyak RM21.1 bilion (2015: RM21.7 bilion) dengan 71% adalah hasil janaan negeri manakala selebihnya daripada geran Kerajaan Persekutuan. **Hasil cukai**, terutamanya daripada cukai langsung dijangka berjumlah RM4.3 bilion atau 20.4% daripada hasil disatukan (2015: RM3.8 bilion; 17.6%). Daripada jumlah ini, cukai langsung dijangka meningkat 18.8% kepada RM2.5 bilion (2015: 6.2%; RM2.1 bilion) terutamanya disumbangkan oleh cukai berkaitan tanah. **Hasil bukan cukai** dijangka sebanyak RM11.3 bilion, mewakili 53.4% daripada hasil disatukan (2015: RM13.1 bilion; 60.5%) terutamanya daripada pendapatan pelaburan dan royalti petroleum. Selain itu, **terimaan bukan hasil** yang sebahagian besarnya adalah geran daripada Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM5.5 bilion atau 26.2% daripada hasil disatukan (2015: RM4.7 bilion; 21.8%).

Hasil janaan kerajaan negeri dijangka berjumlah RM15 bilion (2015: RM15.8 bilion) dengan royalti petroleum, premium tanah serta pendapatan pelaburan sebagai

JADUAL 4.9

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2015 – 2016

	RM juta		% Perubahan	
	2015	2016 ¹	2015	2016 ¹
Hasil	21,676	21,114	-10.7	-2.6
Perbelanjaan mengurus	10,619	11,340	1.0	6.8
Baki semasa	11,057	9,774	-19.6	-11.6
Perbelanjaan				
pembangunan kasar	8,367	10,510	3.2	25.6
Kumpulan Wang				
Pembangunan	8,213	10,297	3.5	25.4
Kumpulan Wang				
Bekalan Air	154	213	-11.0	38.3
Tolak: Terimaan balik				
pinjaman	273	156	-3.5	-42.9
Perbelanjaan				
pembangunan bersih	8,094	10,354	3.4	27.9
Baki keseluruhan	2,963	-580		
% KDNK	0.26	-0.05		

¹ Anggaran.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

penyumbang utama merangkumi 51.3% atau RM7.7 bilion. Sarawak, Sabah, Selangor dan Johor dianggarkan meliputi 80.9% daripada jumlah keseluruhan hasil janaan negeri.

Jumlah perbelanjaan disatukan kerajaan negeri dijangka meningkat 15.1% kepada RM21.8 bilion (2015: 2%; RM19 bilion). Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan ketara DE sebanyak 25.6% kepada RM10.5 bilion (2015: 3.2%; RM8.4 bilion) berikutan usaha meningkatkan perumahan awam, pertanian dan pembangunan luar bandar serta tenaga dan kemudahan awam. OE dijangka bertambah 6.8% kepada RM11.3 bilion (2015: 1%; RM10.6 bilion).

JADUAL 4.10

Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan 2015 – 2017

	RM juta			% Perubahan		
	2015	2016 ¹	2017 ²	2015	2016 ¹	2017 ²
Hasil	257,268	250,509	256,980	-1.7	-2.6	2.6
Perbelanjaan mengurus	241,343	232,961	241,261	-0.1	-3.5	3.6
Baki semasa	15,925	17,548	15,719	-21.2	10.2	-10.4
Perbelanjaan pembangunan	48,912	54,759	56,006	-1.6	12.0	2.3
Baki keseluruhan	-32,987	-37,211	-40,287	-11.8	12.8	8.3
% KDNK	-2.9	-3.0	-3.0			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2017.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Secara keseluruhan, kedudukan kewangan disatukan kerajaan negeri pada 2016 dijangka mencatat lebihan akaun semasa berjumlah RM9.8 bilion. Sungguhpun begitu, setelah mengambil kira DE yang lebih tinggi, baki keseluruhan dijangka mengalami defisit yang kecil iaitu RM0.6 bilion atau 0.05% kepada KDNK.

Kerajaan Am

Kedudukan kewangan disatukan **kerajaan am** dijangka mencatat lebihan akaun semasa lebih tinggi sebanyak RM17.5 bilion pada 2016 (2015: RM15.9 bilion) disebabkan penurunan OE yang lebih besar berbanding penurunan hasil. DE kerajaan am dijangka meningkat kepada RM54.7 bilion (2015: RM48.9 bilion), sebahagian besarnya disebabkan DE Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi. Oleh itu, kedudukan kewangan disatukan kerajaan am dianggar mencatat defisit keseluruhan RM37.2 bilion (3% daripada KDNK) pada 2016.

Syarikat Awam Bukan Kewangan

Peningkatan aktiviti pelaburan

Baki akaun semasa disatukan **SABK** dijangka bertambah baik dengan peningkatan sebanyak 73.8% kepada RM56.6 bilion (2015: -48%; RM32.6 bilion) berikutan pertumbuhan pendapatan (9.9%) yang lebih tinggi berbanding peningkatan perbelanjaan (4%). Peningkatan tersebut sebahagian besarnya disumbang oleh PETRONAS berdasarkan jangkaan jumlah dagangan produk petroleum yang lebih tinggi dan kesan daripada tukaran dolar AS berbanding ringgit.

Baki keseluruhan disatukan SABK dijangka bertambah baik dengan defisit lebih kecil iaitu RM50.5 bilion (2015: RM56.8 bilion). Perbelanjaan modal oleh SABK dianggar meningkat 19.7% kepada RM107.1 bilion (2015: -22.2%; RM89.4 bilion) terutama bagi membiayai projek yang sedang dilaksanakan seperti projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia

JADUAL 4.11

Kedudukan Kewangan SABK¹ Disatukan 2015 – 2016

	RM juta		% Perubahan	
	2015	2016 ²	2015	2016 ²
Hasil	387,948	426,220	-17.3	9.9
Perbelanjaan semasa	355,367	369,608	-12.6	4.0
Baki semasa	32,581	56,612	-48.0	73.8
Perbelanjaan modal	89,433	107,084	-22.2	19.7
Baki keseluruhan	-56,852	-50,472	8.8	-11.2
% KDNK	-4.9	-4.1		

¹ Merujuk kepada 29 SABK utama.

² Anggaran.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

(RAPID) di Pengerang, loji hidro-elektrik di Ulu Jelai, loji jana kuasa elektrik Jimah East Power di Port Dickson, Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh – Kajang (MRT Laluan 1 SBK) serta sambungan Transit Aliran Ringan (LRT) bagi laluan Ampang dan Kelana Jaya.

Sektor Awam Disatukan

Kedudukan kewangan **sektor awam disatukan** yang terdiri daripada kerajaan am dan SABK dijangka mencatat lebihan akaun semasa yang lebih tinggi kepada RM73.9 bilion (2015: RM48.3 bilion). Peningkatan sebanyak 53.1% ini terutamanya disebabkan oleh pendapatan SABK yang dijangka meningkat. DE disatukan bagi sektor awam dijangka meningkat 16.6% atau RM161.7 bilion (2015: -15.7%; RM138.6 bilion) terutamanya disebabkan peningkatan perbelanjaan oleh SABK dan kerajaan am, masing-masing kepada RM107.1 bilion dan RM54.6 bilion (2015: RM89.4 bilion; RM49.2 bilion). Oleh itu, defisit keseluruhan bagi sektor awam disatukan setelah mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih adalah dianggarkan pada RM87.7 bilion (7.1% kepada KDNK) pada 2016.

JADUAL 4.12

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2015 – 2017

	RM juta			% Perubahan		
	2015	2016 ¹	2017 ²	2015	2016 ¹	2017 ²
Hasil	211,989	222,242	231,355	4.9	4.8	4.1
Perbelanjaan mengurus	241,075	232,685	241,088	-0.1	-3.5	3.6
Baki semasa SABK	77,392	84,395	85,518	-36.5	9.0	1.3
Baki semasa sektor awam	48,305	73,952	75,785	-41.6	53.1	2.5
Perbelanjaan pembangunan	138,597	161,671	160,087	-15.7	16.6	-1.0
Kerajaan am	49,164	54,587	55,866	-0.8	11.0	2.3
SABK	89,433	107,084	104,221	-22.2	19.7	-2.7
Baki keseluruhan	-90,292	-87,719	-84,302	10.4	-2.8	-3.9
% KDNK	-7.8	-7.1	-6.4			

¹ Anggaran.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2017.

Nota : Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Prospek

Kedudukan Kewangan pada 2017

Kerajaan akan meneruskan usaha konsolidasi fiskal pada 2017 di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta melaksanakan program dan projek yang mengutamakan rakyat. Pembaharuan sektor awam akan dipergiat untuk mengukuhkan lagi pengurusan fiskal dan menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Mengambil kira langkah yang dilaksanakan ini, defisit fiskal diunjur mencatat RM40.3 bilion atau 3% daripada KDNK pada 2017 (2016: RM38.7 bilion; 3.1%).

Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada 2017 dijangka meningkat 3.4% kepada RM219.7 bilion berikutan kutipan hasil cukai yang lebih tinggi terutamanya daripada CITA. Hasil bukan petroleum terus menjadi penyumbang utama kepada jumlah hasil dengan bahagian sebanyak 86.2%, disumbangkan terutamanya oleh kutipan GST yang lebih tinggi pada RM40 bilion.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 3.4% kepada RM260.8 bilion (2016: -2.2%; RM252.1 bilion) dengan 82.4% diperuntukkan bagi OE dan bakinya untuk DE. Sejumlah RM77.4 bilion (2016: RM73.9 bilion) diperuntukkan bagi emolumen yang merupakan komponen terbesar **OE**. Perbelanjaan tanggungan termasuk bayaran khidmat hutang, bayaran persaraan serta pemberian kepada kerajaan negeri dianggar berjumlah RM58.7 bilion, manakala bekalan dan perkhidmatan

sebanyak RM32 bilion. Subsidi dan bantuan sosial akan terus disediakan dengan peruntukan sebanyak RM22.4 bilion (2016: RM25 bilion).

Sebanyak RM46 bilion akan diperuntukkan bagi **DE** pada 2017. Peruntukan terbesar DE akan disediakan untuk sektor ekonomi (56.2%), diikuti sektor sosial (26.5%), keselamatan (11.5%), dan pentadbiran am (5.8%). Peruntukan untuk **sektor ekonomi** akan digunakan terutamanya untuk menaik taraf infrastruktur fizikal seperti menambah baik jalan raya dan sistem pengangkutan awam bagi meningkatkan akses dan kesalinghubungan. Selain itu, peruntukan juga akan disalurkan untuk menambah baik infrastruktur telekomunikasi dan tenaga terutamanya di kawasan pedalaman.

Sejumlah RM12.2 bilion diperuntukkan kepada **sektor sosial** bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Subsektor pendidikan dan latihan diperuntuk RM5.9 bilion dengan matlamat membangunkan masyarakat progresif dan inklusif. Sebanyak RM1.5 bilion disalurkan untuk menambah baik fasiliti dan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat manakala RM0.9 bilion diperuntukkan bagi subsektor perumahan.

Sektor keselamatan yang meliputi pertahanan dan keselamatan dalam negeri, akan diperuntuk RM5.3 bilion bagi memperkasa keupayaan serta kapasiti terutamanya tentera dan polis melalui pembinaan dan penaiktarafan fasiliti dan peralatan. Bagi **sektor pentadbiran am** pula, RM2.7 bilion akan diperuntukkan bagi menaik taraf fasiliti kerajaan dan sistem ICT di seluruh negara.

5

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

- Perspektif Keseluruhan
- Perkembangan Monetari
- Perkembangan Sektor Kewangan
- Sisipan 1: Perkembangan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
- Prospek 2017

5 | PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Perspektif Keseluruhan

Sektor kewangan mengharungi cabaran luar

Petunjuk monetari kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi melalui sistem kewangan berdaya tahan dan mudah tunai yang mencukupi walaupun pasaran luar mengalami ketidakpastian semakin meruncing. Jangkaan kenaikan kadar faedah United States (US) Federal Reserve (Fed) dan kelembapan ekonomi China telah menimbulkan kebimbangan para pelabur terhadap kestabilan sistem kewangan domestik. Beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memperkukuhkan sistem perbankan dan pasaran modal domestik merangkumi pembangunan Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 dan Pelan Induk Pasaran Modal 2. Di samping itu, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengurangkan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 50 mata asas kepada 3.50% berkuatkuasa pada 1 Februari 2016 untuk memastikan kecairan mencukupi dalam sistem kewangan dan menyokong pasaran kewangan domestik berfungsi dengan teratur. Tambahan pula, Kadar Dasar Semalaman (OPR) diturunkan sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada 13 Julai 2016 untuk memastikan ekonomi negara terus kekal di landasan pertumbuhan yang stabil. Langkah ini adalah selaras dengan pendirian dasar monetari untuk mencapai kestabilan harga dan pertumbuhan mampan. Dasar ekonomi Kerajaan tersebut telah menyumbang 4.1% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dalam separuh tahun pertama 2016. Tambahan pula, purata kadar inflasi mencatat 2.3% dalam tempoh lapan bulan pertama. Selain itu, nilai ringgit meningkat berbanding kebanyakan mata wang utama dan serantau dalam tempoh lapan bulan pertama 2016. Bagi memastikan sistem kewangan domestik berintegrasi sepenuhnya dengan pasaran kewangan global, BNM turut menubuhkan Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) pada bulan Mei 2016. Jawatankuasa ini bertujuan mengembangkan jalinan perhubungan industri yang memberi fokus kepada kajian semula dan pembentukan strategi komprehensif pasaran kewangan.

Pasaran modal terus memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi Malaysia. Pemerolehan dana dalam pasaran modal kekal mampan pada 2016 disokong oleh terbitan bon korporat lebih tinggi. Harga aset kewangan domestik terus dipengaruhi perkembangan luar dan pergerakan aliran modal global. Walau bagaimanapun, pasaran modal Malaysia yang mendalam dan pelbagai berupaya membendung perubahan mudah tunai global dan menahan sebarang volatiliti. Pada tahun 2015, saiz pasaran bon mencapai RM1.2 trilion atau 97% kepada KDNK dan merupakan pasaran ketiga terbesar di Asia selepas Jepun dan Republik Korea. Malaysia menerajui pasaran sukuk global dengan menyumbang sebanyak 53.4% atau USD180

bilion daripada jumlah sukuk global terkumpul pada akhir Jun 2016. Kejayaan penerbitan sukuk global Kerajaan berdenominasi dolar AS yang kelima pada April 2016 membuktikan para pelabur terus mempunyai keyakinan terhadap kestabilan ekonomi Malaysia.

Institusi kewangan beroperasi dengan penampakan kecairan yang mencukupi untuk memastikan pasaran kewangan domestik berfungsi dengan teratur. Usaha juga sedang dijalankan untuk memanfaatkan teknologi dalam mempermudah transaksi urusniaga supaya dapat dijalankan dengan lebih cepat dan mudah melalui penggunaan aplikasi dalam talian atau peranti pintar. Berdasarkan perkembangan ini, sistem perbankan yang mempunyai permodalan kukuh dan pasaran modal yang mendalam akan terus berintegrasi dengan pasaran kewangan serantau dan antarabangsa. Keadaan ini turut menyediakan kecairan kewangan yang mencukupi dan pengantaraan kewangan yang cekap untuk memenuhi keperluan ekonomi.

Perkembangan Monetari

Dasar Monetari

Dasar monetari memastikan pertumbuhan kukuh

Dasar monetari pada 2016 memberi penekanan kepada pengembangan ekonomi domestik yang stabil berikutan pertumbuhan ekonomi global yang sederhana. Dalam tempoh enam bulan pertama 2016, ekonomi Malaysia meningkat sebanyak 4.1% (Januari – Jun 2015: 5.3%) dengan inflasi berada pada tahap 2.7%. Dalam usaha memastikan kedudukan mudah tunai sistem kewangan domestik adalah mencukupi dan pasaran kewangan domestik berfungsi dengan teratur, SRR telah dikurangkan daripada 4.00% kepada 3.50% berkuatkuasa pada 1 Februari 2016. OPR yang tidak berubah sejak Julai 2014 turut dikurangkan sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% pada 13 Julai 2016. Pelarasan OPR tersebut bertujuan memastikan ekonomi domestik kekal di landasan yang kukuh di samping inflasi yang stabil serta terus disokong oleh perantaraan kewangan yang cekap. Secara keseluruhannya, dasar monetari akomodatif akan mendorong ekonomi kekal pada landasan yang disasarkan.

Kadar faedah diturunkan

Kadar faedah dalam sistem perbankan telah diturunkan berikutan pelarasan OPR dalam bulan Julai 2016. Sehubungan itu, kadar asas (BR) berwajaran bagi bank perdagangan turut diturunkan kepada 3.62% pada akhir bulan Julai 2016 (akhir 2015: 3.77%). Dalam masa yang sama, kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran juga turun

9 mata asas kepada 5.31% dan kadar deposit simpanan pula telah dikurangkan sebanyak 6 mata asas kepada 0.98% (akhir 2015: 5.40%; 1.04%). Sementara itu, kadar faedah deposit tetap bagi tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan telah berkurang dalam lingkungan antara 2.90% dan 3.06% (akhir 2015: 3.08% dan 3.31%) berikutan pelarasan OPR tersebut. Dalam keadaan inflasi yang menyederhana, kadar pulangan benar bagi deposit tetap kekal menarik untuk semua tempoh matang.

Agregat monetari berkembang perlahan

Agregat monetari berkembang pada kadar yang lebih perlahan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016. M1 atau wang secara kecil meningkat sebanyak 2% kepada RM354.2 bilion pada akhir bulan Julai 2016 (akhir 2015: 4.1%; RM360.5 bilion). M3 atau wang secara luas juga terus berkembang secara perlahan pada kadar 2.3% kepada RM1,597.8 bilion pada akhir bulan Julai 2016 (akhir 2015: 2.6%; RM1,594.6 bilion). Pertumbuhan yang sederhana ini sebahagian besarnya dipengaruhi terbitan ekuiti yang berterusan oleh bank serta pengelasan semula Akaun Pelaburan Islam pada bulan Julai 2015. Penyederhanaan M3 turut disebabkan oleh aliran keluar dana portfolio yang besar, terutamanya melalui kepelbagaian pelaburan oleh pelabur institusi domestik dan juga lebih akaun semasa yang semakin mengecil. Dalam tempoh tersebut, pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang utama telah membawa kepada perubahan kadar tukaran mata wang asing yang mengakibatkan penyusutan nilai aset asing bersih.

JADUAL 5.1

Faktor Penentu M3 Januari – Julai

	Perubahan (RM bilion)	
	2015	2016
M3	7.5	3.2
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-23.7	-4.4
Tuntutan ke atas sektor swasta	60.4	37.4
Pinjaman	54.5	30.0
Sekuriti	5.8	7.4
Aset asing bersih	-21.5	-14.9
Bank Negara Malaysia ¹	-42.5	-17.6
Sistem perbankan	21.0	2.7
Pengaruh lain	-7.6	-14.9

¹ Termasuk kerugian/ keuntungan penilaian semula kadar pertukaran.

Nota:

- a. Mulai Januari 2014, kompilasi agregat monetari menggunakan data yang dikumpulkan berdasarkan taksonomi baru.
 - b. Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
- Sumber: Bank Negara Malaysia.

Ringgit mengukuh

Ringgit telah mengukuh berbanding mata wang utama dan serantau dalam tempoh Januari hingga Julai 2016. Nilai ringgit telah meningkat sebanyak 5.9% berbanding dolar AS, paun sterling (18.9%), euro (4.4%) dan dolar Australia (2.6%) tetapi telah menyusut 9% berbanding yen. Pada masa yang sama, nilai ringgit meningkat dalam lingkungan 1% hingga 8.5% berbanding semua mata wang serantau. Pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar AS

CARTA 5.1


Agregat Monetari



¹ Akhir Julai 2016. Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.2

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia.

didorong oleh penanguhan kenaikan kadar faedah AS berikutan ketidakpastian prospek pertumbuhan global. Selain daripada itu, pemulihan harga minyak mentah global pada Januari 2016 menyokong kenaikan mata wang negara pengekspor komoditi, termasuk ringgit.

Walau bagaimanapun, ringgit telah menunjukkan prestasi bercampur-campur pada bulan Ogos. Ringgit mengukuh 0.1% berbanding dolar AS dan paun sterling 1% tetapi menyusut 1.3% berbanding yen dan euro 0.6%. Kenaikan ringgit berbanding dolar AS disokong oleh pemulihan berterusan harga minyak mentah global yang mendorong aliran masuk portfolio. Namun, nilai ringgit menyusut pada akhir bulan tersebut disebabkan influks aliran keluar dana daripada pasaran serantau berikutan jangkaan pelabur terhadap kenaikan kadar faedah AS pada bulan September 2016.

Perkembangan Sektor Kewangan

Prestasi Sistem Perbankan

Permintaan pembiayaan mampan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, pertumbuhan kredit dalam sistem perbankan kekal sederhana, selaras dengan kerancangan aktiviti ekonomi domestik. Jumlah **permohonan pinjaman** mencatat peningkatan kecil kepada RM461.5 bilion (Januari – Julai 2015: RM461.4 bilion). Walau bagaimanapun, jumlah **kelulusan pinjaman** perbankan berkurang 16% kepada RM192.6 bilion dan **pengeluaran pinjaman** perbankan pula menguncup 3.1% kepada RM598.5 bilion (Januari – Julai 2015: 3.1%; RM229.4 bilion; 2.8%; RM617.8 bilion). Manakala, jumlah **pinjaman terkumpul** meningkat sebanyak 5.1% kepada RM1,467.3 bilion pada akhir bulan Julai 2016 (akhir 2015: 7.9%; RM1,445.1 bilion).

Pinjaman kepada perniagaan meningkat marginal dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016. Permohonan pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat 2.9% kepada RM219.3 bilion (Januari – Julai 2015: 1.2%; RM213.2 bilion), manakala kelulusan pinjaman berkurang 10% kepada RM92 bilion (Januari – Julai 2015: 23.9%; RM102.2 bilion). Sementara itu, pengeluaran pinjaman kepada perniagaan mengecil 1.2% kepada RM436 bilion (Januari – Julai 2015: 3.9%; RM441.1 bilion). Sebahagian besar daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan sebanyak 72.8% disumbang oleh sektor perniagaan, terutamanya disalurkan kepada sektor pembuatan (19.1%), sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (18.7%) serta sektor aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan (10.1%). Jumlah pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat 3.7% kepada RM532.6 bilion pada akhir Julai 2016 (akhir 2015: 8%; RM533 bilion).

Pembiayaan kepada **perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** mencatat penurunan permohonan pinjaman sebanyak 8.6%, kelulusan pinjaman 5.3% dan pengeluaran pinjaman 4.4% (Januari – Julai 2015: 5.6%; 3.8%; 15.1%). Sementara itu, jumlah pinjaman PKS terkumpul meningkat sebanyak

JADUAL 5.2

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari – Julai

	RM bilion		% Perubahan	
	2015	2016	2015	2016
Jumlah¹				
Permohonan pinjaman	461.4	461.5	-0.3	0.0
Kelulusan pinjaman	229.4	192.6	3.1	-16.0
Pengeluaran pinjaman	617.8	598.5	2.8	-3.1
Pinjaman terkumpul ²	1,395.7	1,467.3	9.6	5.1
antarnya:				
Perniagaan				
Permohonan pinjaman	213.2	219.3	1.2	2.9
Kelulusan pinjaman	102.2	92.0	23.9	-10.0
Pengeluaran pinjaman	441.1	436.0	3.9	-1.2
Pinjaman terkumpul ²	513.6	532.6	9.9	3.7
antarnya:				
PKS				
Permohonan pinjaman	111.0	101.5	5.6	-8.6
Kelulusan pinjaman	38.4	36.3	3.8	-5.3
Pengeluaran pinjaman	152.1	145.4	15.1	-4.4
Pinjaman terkumpul ²	247.6	270.4	16.4	9.2
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	248.2	242.1	-1.5	-2.4
Kelulusan pinjaman	127.2	100.6	-9.1	-20.9
Pengeluaran pinjaman	176.7	162.5	0.0	-8.0
Pinjaman terkumpul ²	795.7	841.4	8.6	5.7

¹ Termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Pada akhir tempoh.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

9.2% kepada RM270.4 bilion mewakili 36.3% daripada jumlah pinjaman kepada perniagaan pada akhir Julai 2016 (akhir 2015: 15%; RM259.7 bilion; 36.9%). Sebahagian besar pinjaman PKS disalurkan kepada sektor aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan (30.7%), sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (24.6%) serta sektor pembuatan (15%).

BNM juga menyediakan pembiayaan PKS pada kadar berpatutan melalui **tabung pusingan khas¹**. Jumlah pinjaman sebanyak RM28.6 bilion telah diluluskan kepada 69,274 PKS (akhir Julai 2015: RM26.7 bilion; 65,610 PKS) dengan purata kadar penggunaan kekal sebanyak 76.2% pada akhir Julai 2016 (akhir Julai 2015: 69.8%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, kelulusan pinjaman telah diberikan kepada 3,256 PKS berjumlah RM1.3 bilion (Januari – Julai 2015: 4,363 PKS; RM1.4 bilion).

Perniagaan mikro terus menerima sokongan kewangan melalui Skim Pembiayaan Mikro. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, sebanyak 9,660 pinjaman perniagaan mikro berjumlah RM213 juta telah diluluskan (Januari – Julai 2015: 10,169 akaun; RM203.9 juta). Pinjaman terkumpul di bawah skim ini meningkat sebanyak 6.2% kepada RM940.8 juta pada akhir Julai 2016 (akhir 2015: 5.7%; RM912.5 juta). Bank Simpanan Nasional (BSN), Agrobank dan Bank Rakyat terus kekal sebagai institusi kewangan utama dalam menyokong aktiviti **pembiayaan mikro** merangkumi 84.8% atau RM797.5 juta daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir Julai 2016 (akhir

¹ Tabung pusingan khas (SRF) terdiri daripada Tabung untuk Makanan yang ditubuhkan pada tahun 1993; Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (2000); Tabung Usahawan Baru 2 (2001); Tabung Pembiayaan Mikro (2008); dan Tabung Projek Usahawan Bumiputera - Islam (2009). SRF telah ditubuhkan pada bulan Januari 2015 untuk membantu perniagaan yang terjejas akibat daripada banjir dan permohonan baharu ditutup pada 30 Jun 2015.

JADUAL 5.3

Pinjaman Terkumpul Mengikut Sektor (pada akhir tempoh)

	RM bilion		% Bahagian	
	2015	2016 Julai	2015	2016 Julai
Perniagaan	533.0	532.6	36.9	36.3
Syarikat besar ¹	273.3	262.2	18.9	17.9
PKS	259.7	270.4	18.0	18.4
<i>Sektor terpilih</i>				
Pertanian primer	37.6	36.7	2.6	2.5
Perlombongan dan kuari	14.0	12.3	1.0	0.8
Pembuatan	102.3	98.4	7.1	6.7
Bekalan elektrik, gas dan air	11.5	9.2	0.8	0.6
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	106.7	107.5	7.4	7.3
Pembinaan	62.8	64.7	4.3	4.4
Harta tanah	97.9	103.8	6.8	7.1
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	34.3	33.6	2.4	2.3
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	99.9	102.2	6.9	7.0
Isi rumah²	820.9	841.4	56.8	57.3
antaranya:				
Pembelian harta tanah kediaman ³	411.5	433.8	28.5	29.6
Pembelian harta tanah bukan kediaman ³	77.8	79.5	5.4	5.4
Pembelian kereta penumpang ³	146.5	145.1	10.1	9.9
Kredit penggunaan ^{3,4}	98.9	99.2	6.8	6.8
antaranya:				
Kad kredit ³	35.5	34.7	2.5	2.4
Kegunaan persendirian ³	63.3	64.4	4.4	4.4
Sektor lain	91.2	93.3	6.3	6.4
Jumlah⁵	1,445.1	1,467.3	100.0	100.0

¹ Termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Meliputi pinjaman kepada semua pelanggan (bukan isi rumah dan isi rumah).

³ Mencerminkan pinjaman kepada isi rumah sahaja.

⁴ Kredit penggunaan = Kad kredit + Kegunaan persendirian.

⁵ Jumlah = Perniagaan + Isi rumah + Sektor lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

2015: 86.1%; RM786 juta). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, sebanyak 7,388 akaun berjumlah RM169.1 juta telah diluluskan oleh bank tersebut (akhir Julai 2015: 8,371 akaun; RM174.2 juta).

Pinjaman isi rumah terus menyederhana dengan permohonan pinjaman menyusut sebanyak 2.4% kepada RM242.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016 (akhir 2015: -1.3%; RM430.4 bilion). Kelulusan pinjaman merosot sebanyak 20.9% dan jumlah pengeluaran pinjaman juga berkurang sebanyak 8% (akhir 2015: -11.6%; -1%). Dalam tempoh yang sama, pinjaman dikeluarkan oleh sektor isi rumah terutamanya untuk kredit penggunaan berjumlah RM76.6 bilion atau 12.8% (akhir 2015: RM132.1 bilion; 12.1%), diikuti oleh pinjaman untuk pembelian

kediaman berjumlah RM44.7 bilion atau 7.5% daripada jumlah pengeluaran pinjaman isi rumah (akhir 2015: RM84.7 bilion; 7.8%). Jumlah pinjaman terkumpul sektor isi rumah meningkat 5.7% kepada RM841.4 bilion dan mewakili 57.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan pada akhir Julai 2016 (akhir 2015: 7.7%; RM820.9 bilion; 56.8%).

Jumlah hutang isi rumah² terus mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana. Pada akhir Julai 2016, jumlah hutang isi rumah meningkat kepada RM1,059.2 bilion, iaitu sebanyak 5.9% (akhir Julai 2015: RM999.8 bilion; 8.1%) yang merangkumi 89.1% daripada KDNK (akhir Julai 2015: 88.1%). Secara agregat, kedudukan kewangan isi rumah kekal kukuh. Sebahagian besar daripada hutang isi rumah terdiri daripada pinjaman bersandarkan aset. Pada akhir Julai 2016, isi rumah terus mengumpul lebih banyak aset kewangan daripada hutang. Aset kewangan isi rumah meningkat sebanyak RM45.3 bilion berbanding dengan peningkatan hutang isi rumah sebanyak RM28.6 bilion. Walau bagaimanapun, kos sara hidup yang meningkat menyebabkan isi rumah berwaspada dalam membuat pinjaman baharu. Sebagai langkah proaktif untuk membantu peminjam dalam menangani masalah kewangan, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) terus memberi khidmat nasihat kewangan melalui kaunseling, perkhidmatan penstrukturan semula hutang serta pendidikan kewangan.

Sistem perbankan kekal mapan

Sistem perbankan kekal berdaya tahan disokong oleh kedudukan permodalan yang kukuh. Pada akhir Julai 2016, nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1) kekal pada 13.3%, nisbah modal kumpulan 1 (14.3%) dan nisbah jumlah modal (16.9%) (akhir Julai 2015: 12.7%; 13.5%; 15.6%). Dianggarkan 80% daripada jumlah modal bank merangkumi modal berkualiti tinggi dalam bentuk keuntungan bersih tertahan, modal berbayar dan rizab. Jumlah penampungan modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan terus melebihi RM128 bilion (akhir Julai 2015: RM106 bilion). Kedudukan mudah tunai dalam sistem perbankan telah meningkat sebanyak RM8 bilion melalui pengurangan SRR pada 1 Februari 2016. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR), salah satu keperluan mudah tunai di bawah Basel III berada pada paras 124.7% pada akhir bulan Julai 2016 (akhir 2015: 130%) untuk memastikan kedudukan semua bank lebih kukuh. Pada masa ini, semua bank mengatasi 70% tahap minimum pengawalseliaan. Keperluan minimum ini akan dinaikkan secara berperingkat sebanyak 10% setiap tahun untuk mencapai 100% bermula pada 1 Januari 2019 melalui peralihan berfasa.

Kualiti keseluruhan pinjaman sistem perbankan kekal kukuh seperti yang digambarkan oleh tahap kelalaian pembayaran balik dan pinjaman terjejas yang stabil. Pada akhir bulan Julai 2016, kelalaian pembayaran balik berkurang kepada 2.2% dan nisbah pinjaman terjejas bersih adalah 1.3% (akhir Julai 2015: 2.3%; 1.2%). Bank terus mengekalkan penampungan kewangan yang mencukupi bagi menampung kemungkinan kerugian kredit yang ditunjukkan oleh nisbah perlindungan kerugian pinjaman sebanyak 88.7%.

² Pinjaman yang disediakan oleh sistem perbankan, Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

Sisipan 1

Perkembangan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

Pengenalan

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) merupakan sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan pada April 2006. AKPK menyediakan saluran kepada peminjam dan bakal peminjam untuk mendapatkan nasihat dan bantuan dalam menguruskan kewangan dan hutang mereka. AKPK menawarkan perkhidmatan percuma seperti pendidikan kewangan dalam penggunaan kad kredit secara berhemat serta kemahiran asas dalam pengurusan wang; khidmat kaunseling dan nasihat mengenai pengurusan kewangan, termasuk penyediaan bajet kewangan untuk pengurusan perbelanjaan; dan Program Pengurusan Kredit (DMP) untuk membantu individu yang mengalami masalah bagi membolehkan mereka kembali mengawal kewangan mereka. Sejak penubuhannya, AKPK kini telah mencatatkan perkembangan yang ketara, terutamanya selepas ia memperluaskan perkhidmatan melalui pembukaan cawangan¹ negeri bagi memastikan perkhidmatannya dapat dimanfaatkan oleh segmen penduduk Malaysia yang lebih meluas.

Program Pengurusan Kredit

DMP membimbing peminjam untuk menstruktur semula liabiliti kewangan mereka bagi membantu memenuhi tanggungjawab pinjaman dan perbelanjaan harian, sekali gus mengurangkan pinjaman yang tidak berbayar dan mengelakkan lelongan rumah. Sehingga akhir Julai 2016, seramai 460,031 individu telah menghadiri perkhidmatan kaunseling AKPK di mana seramai 156,892 daripada mereka telah berdaftar dengan DMP. Dalam kebanyakan kes, faktor yang menyumbang kepada ketidakmampuan untuk membayar balik hutang mereka adalah perancangan kewangan yang lemah, kekurangan pengetahuan dan kelemahan disiplin dalam pengurusan kewangan. Masalah kewangan juga boleh berpunca daripada perkara yang tidak dijangka atau perubahan dalam hidup seperti masalah kesihatan, kematian pencari nafkah, kehilangan pekerjaan dan kegagalan dalam perniagaan. Sehingga 31 Julai 2016, seramai 10,704 peserta telah berjaya menamatkan program DMP. Kadar kejayaan tersebut dijangka berterusan memandangkan lebih ramai peserta akan mendapat manfaat daripada penstruktur semula komitmen kewangan mereka.

Program Pendidikan Kewangan

Mengambil kira ketidaktentuan persekitaran ekonomi global, pengetahuan mengenai hal ehwal kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia, terutamanya golongan mudah terjejas dan berpendapatan rendah adalah amat penting. Sehubungan dengan ini, peningkatan pengetahuan dalam hal ehwal kewangan menjadikan mereka lebih menghargai tentang keperluan untuk menyimpan, yang menjadi asas kepada pengumpulan kekayaan, persediaan menghadapi ketidaktentuan kewangan dan jaminan keselesaan setelah bersara. Dalam hal ini, program pendidikan pengguna AKPK bertujuan melahirkan peminjam yang bijak dalam pengurusan kewangan dan pada masa yang sama menggalakkan budaya membayar dan pembayaran balik yang baik. Program ini termasuk:

JADUAL 1

Jumlah Terkumpul Peserta Kaunseling dan Pengambilan DMP 2007 – 2016


Tahun	Kaunseling	Pendaftaran Program Pengurusan Kredit	
	Bilangan Peserta	Bilangan Peserta	% Bahagian Jumlah Kes Kaunseling
2007	32,157	8,172	25.4
2008	73,604	19,810	26.9
2009	110,452	35,647	32.3
2010	140,462	51,181	36.4
2011	172,172	67,992	39.5
2012	207,997	84,102	40.4
2013	248,491	100,871	40.6
2014	309,663	121,495	39.2
2015	394,327	143,703	36.4
2016 ¹	460,031	156,892	34.1

¹ Akhir Julai 2016.

Sumber : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.


¹ Alor Setar, Ipoh, Johor Bahru, Kota Bharu, Kota Kinabalu, Kuala Terengganu, Kuantan, Kuching, Melaka dan Pulau Pinang.

CARTA 1

Punca Hutang Tidak Berbayar¹

¹Akhir Julai 2016.
Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.

CARTA 2

Jumlah Peserta Program Pendidikan Kewangan¹

¹Akhir Julai 2016.
Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.

- perbincangan dan sesi taklimat ad hoc yang dirangka khusus untuk pelbagai kumpulan sasaran;
- pendidikan pengurusan kewangan peribadi yang disasarkan, terutamanya kepada pelajar universiti; dan
- Program POWER! yang dibentuk untuk melengkapkan individu dengan pengetahuan kewangan yang penting dan berkeupayaan untuk membuat keputusan kewangan dengan penuh tanggungjawab.


Program Pendidikan Kewangan (FEP) terdiri daripada 10 topik yang umumnya berkaitan dengan isu-isu hutang. Topik-topik tersebut adalah aliran tunai, pinjaman asas, pengurusan hutang, pengurusan risiko, pelaburan, persaraan, e-pembayaran, kad kredit serta pembelian kereta dan pembelian kediaman. Dari tahun 2006 hingga 2014, FEP direka khas untuk pelbagai kumpulan sasaran seperti pesara, pelajar institusi pengajian tinggi, individu yang baru bekerja dan pasangan yang baru berkahwin. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2014, AKPK telah memperkenalkan Program POWER! yang merangkumi kesemua 10 topik tersebut di dalam satu modul.

Rumusan

AKPK merupakan landasan yang penting bagi membolehkan rakyat meningkatkan pengetahuan mengenai pengurusan kewangan yang berhemat. Pada masa hadapan, adalah penting bagi rakyat mempunyai kesedaran untuk mengurus kewangan secara bijak dan berhemat. Di samping itu, Kerajaan perlu melipat gandakan usaha untuk mempertingkatkan kefahaman tentang pengurusan kewangan terutamanya dalam kalangan generasi muda ke arah mewujudkan masyarakat yang bijaksana dalam pengurusan kewangan.

CARTA 5.3

Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (pada akhir tempoh)



¹ Akhir Julai 2016.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pendapatan kekal mapan dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM19 bilion (Januari – Julai 2015: RM17 bilion) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, terutamanya hasil daripada pendapatan aktiviti pembiayaan yang disokong pertumbuhan kukuh pendapatan berasaskan fi, aktiviti perdagangan dan pelaburan.

Selaras dengan aspirasi Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, sektor kewangan Malaysia lebih pelbagai dan berintegrasi dengan pasaran kewangan serantau dan antarabangsa. Sehingga bulan Julai 2016, kewujudan bank asing dalam sektor perbankan Malaysia kekal signifikan dengan merangkumi 21.8% daripada aset sektor perbankan. Pada masa ini, terdapat 28 bank asing yang diperbadankan di Malaysia telah beroperasi daripada sejumlah 57 institusi perbankan termasuk bank perdagangan, bank pelaburan dan bank Islam. Berikutan pelancaran Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ABIF) pada tahun 2015, Perjanjian (Heads of Agreement) tambahan³ telah ditandatangani pada bulan Mac 2016 yang menggariskan bidang-bidang seperti kemasukan pasaran dan fleksibiliti operasi kepada bank ASEAN yang berkelayakan (QAB) dalam bidang kuasa masing-masing.

Penambahbaikan berterusan rangka kerja pengawalseliaan sektor kewangan Malaysia telah mewujudkan persekitaran lebih telus dan boleh dijangka bagi penggiat kewangan untuk mendapat manfaat melalui teknologi digital dan rangkaian yang lebih pantas. Institusi kewangan telah menggunakan inovasi berteknologi dalam produk dan perkhidmatan untuk meningkatkan kecekapan, menawarkan

kualiti perkhidmatan lebih tinggi dan meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan. Kaedah penyelesaian teknologi kewangan (fintech) lazimnya dibangunkan oleh syarikat baharu. Kewujudan fintech menyediakan saluran alternatif kepada institusi kewangan sedia ada yang biasanya kurang bergantung kepada teknologi untuk meningkatkan fungsi pengantaraan kewangan mereka. BNM sedang mempertingkatkan pendekatan kawal selia dengan memperkenalkan Peraturan Sandbox (Sandbox) untuk memudahkan pembangunan penyelesaian fintech berinovatif. Di bawah Sandbox, institusi kewangan dan syarikat fintech boleh diberi kelonggaran peraturan tertentu untuk menjalankan eksperimen ke atas penyelesaian berinovatif dalam persekitaran pengeluaran atau suasana sebenar dengan syarat yang bersesuaian bagi menjamin kestabilan kewangan dan melindungi kepentingan pengguna.

DFI terus menyokong sektor strategik

Akta Institusi Kewangan Pembangunan (Pindaan) 2015⁴ telah berkuat kuasa mulai 31 Januari 2016 untuk terus mengukuhkan kapasiti dan keupayaan **institusi kewangan pembangunan (DFI)**. Pindaan tersebut juga bertujuan menyediakan perkhidmatan kewangan yang lebih baik kepada PKS dan pengeksport sektor ekonomi strategik terutamanya sektor pertanian dan infrastruktur. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, jumlah pembiayaan terkumpul terus mencatat pertumbuhan sederhana 4.6% kepada RM138 bilion (akhir Julai 2015: 5.5%; RM135.6 bilion) selari dengan pertumbuhan sektor isi rumah dan pertanian. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, pinjaman diluluskan kepada PKS berkembang 55.3% kepada RM5.9 bilion telah memanfaatkan 6,357 syarikat (Januari – Julai

JADUAL 5.4

Institusi Kewangan Pembangunan¹: Halatuju Pinjaman Mengikut Sektor (pada akhir tempoh)

	RM bilion		% Bahagian	
	2015	2016 Julai	2015	2016 Julai
Pertanian primer	8.0	8.7	5.9	6.3
Pembuatan	5.0	4.6	3.7	3.3
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	4.4	4.7	3.2	3.4
Pembinaan	11.8	11.4	8.7	8.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	10.0	8.9	7.4	6.4
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	5.2	5.5	3.8	4.0
Isi rumah	79.8	83.2	58.8	60.3
Lain-lain	11.3	11.0	8.3	8.0
Jumlah	135.6	138.0	100.0	100.0

¹ Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Simpanan Nasional (BSN), Eksport-Import Bank Malaysia Berhad (EXIM Bank), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

³ BNM menandatangani perjanjian dengan Bank of Thailand (BOT) dan Bangko Sentral Ng Philipinas (BSP).

⁴ Sebelum ini dikenali sebagai Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

2015: -32.2%; RM3.8 bilion; 9,818 syarikat). Pembiayaan keseluruhan kepada PKS berjumlah RM14.7 bilion (akhir Julai 2015: RM14.9 bilion) disalurkan terutamanya kepada sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; pembinaan; pertanian primer; dan pembuatan.

Inovasi berterusan dalam perbankan Islam

Industri **perbankan Islam** menunjukkan pertumbuhan ketara dalam tempoh lima tahun lalu dengan jumlah aset meningkat kepada RM685.4 bilion (akhir 2010: RM351.2 bilion), manakala kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) sebanyak 14.3% pada akhir tahun 2015. Bagi tujuh bulan pertama 2016, jumlah aset sistem perbankan Islam termasuk DFI mencatat pertumbuhan 9.7% kepada RM715.6 bilion (akhir Julai 2015: 13.4%; RM652.5 bilion). Jumlah deposit dan akaun pelaburan Islam dalam sistem perbankan Islam meningkat 9.6% kepada RM580.7 bilion (akhir Julai 2015: 15.3%; RM530 bilion) dengan akaun pelaburan sebagai pemacu pertumbuhan berikutan pindaan klasifikasi baharu akaun pelaburan sejak bulan Julai 2015. Dalam tempoh yang sama, jumlah pembiayaan sistem perbankan Islam meningkat 10.2% kepada RM513.2 bilion (akhir Julai 2015: 17.3%; RM465.8 bilion).

JADUAL 5.5

Perbankan Islam¹: Penunjuk Utama (pada akhir tempoh)

	RM bilion		% Perubahan	
	2015	2016 Julai	2015	2016 Julai
Aset	685.0	715.6	11.3	9.7
Deposit	551.0	580.7	11.2	9.6
antaranya:				
Pelaburan	74.9	27.1	-49.4	-65.3
Tabungan	40.8	42.6	0.4	6.0
Permintaan	67.1	66.7	-0.4	-1.4
Akaun pelaburan	47.1	67.8	-	101.1
Lain-lain	321.0	376.5	32.5	20.8
Pembiayaan	491.4	513.2	14.6	10.2
antaranya:				
Pertanian primer	19.4	20.5	38.6	26.9
Perlombongan dan kuari	7.8	6.5	150.1	12.1
Pembuatan	22.7	22.4	10.1	5.6
Bekalan elektrik, gas dan air	3.0	2.6	-10.7	-31.2
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	19.0	20.3	28.4	20.7
Pembinaan	21.6	22.7	-1.9	10.2
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	15.6	15.0	23.9	-2.9
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	52.2	56.3	23.5	15.8
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	20.2	22.6	16.8	17.7
Isi rumah	302.4	316.4	11.4	9.1
Lain-lain	7.5	7.8	-0.1	-2.7

¹ Termasuk institusi kewangan terjangkuan (DFI).

Nota: Angka tidak semestinya berjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pertumbuhan kukuh dan pembangunan progresif telah menyebabkan peningkatan syer pasaran aset perbankan Islam (termasuk DFI) merangkumi 27.5% daripada jumlah aset sistem perbankan (akhir Julai 2015: 26.4%). Sebahagian besar daripada pembiayaan telah disalurkan kepada sektor isi rumah yang mencatat RM316.4 bilion mewakili 61.6%; diikuti dengan sektor aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan (RM56.3 bilion, 11%); pembinaan (RM22.7 bilion, 4.4%); pendidikan, kesihatan dan lain-lain (RM22.6 bilion, 4.4%) serta pembuatan (RM22.4 bilion, 4.4%).

Selaras dengan peraturan baharu di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, perbankan Islam boleh menggembelng dana sama ada melalui akaun deposit atau pelaburan Islam. Sehubungan itu, Platform Akaun Pelaburan (IAP) telah dilancarkan pada Februari 2016 bagi menyediakan saluran pengantaraan yang cekap dengan menggunakan teknologi supaya pemborong dan pelanggan korporat sedia ada dapat mengakses, memanfaatkan dan memantau secara berkesan kepelbagaian usaha niaga patuh Syariah. Sementara itu, IAP juga memperluas peluang pembiayaan dan penerokaan baharu dalam projek yang berdaya maju untuk menarik pelabur yang lebih ramai pelabur.

Dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju hab global kewangan Islam, Malaysia terus membangunkan pelbagai piawaian Syariah yang bertujuan menggalakkan penggunaan kontrak Syariah secara berkesan dalam produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang ditawarkan. Piawaian komprehensif ini akan menggalakkan inovasi dalam industri dengan memberikan penjelasan lebih tepat ke atas setiap keperluan kontrak Syariah. Sehingga Julai 2016, enam piawaian Syariah dan operasi telah diterbitkan, menjadikan 11 piawaian Syariah diterbitkan setakat ini. Di samping itu, tiga lagi piawaian Syariah dijangka akan dimuktamadkan pada akhir 2016.

Prestasi Pasaran Modal

Pemerolehan dana yang tinggi sektor swasta

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, pasaran modal kekal sebagai sumber utama pemerolehan dana korporat. **Dana kasar yang diperoleh melalui pasaran modal** telah meningkat 3.9% kepada RM110.9 bilion (Januari – Julai 2015: -10.5%; RM106.8 bilion) sepanjang tempoh tersebut disebabkan oleh aktiviti pemerolehan dana yang lebih tinggi dalam sektor swasta dengan peningkatan semula yang ketara sebanyak 20.8% kepada RM53.2 bilion (Januari – Julai 2015: -29.7%; RM44.1 bilion). Peningkatan ini dicerminkan melalui terbitan baharu yang lebih tinggi daripada nota jangka pertengahan yang bertambah 39.3% kepada RM40.7 bilion (Januari – Julai 2015: -23.2%; RM29.2 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan menyumbang 51.3% daripada penerbitan bon korporat yang baharu. Sebahagian besar dana tersebut telah digunakan untuk membiayai projek infrastruktur, modal kerja dan aktiviti perniagaan am. Sekuriti patuh Syariah merangkumi 59% daripada jumlah terbitan Sekuriti Hutang

Swasta (PDS) yang mencerminkan permintaan berterusan ke atas terbitan berlandaskan Islam dalam pasaran modal hutang domestik (Januari – Julai 2015: 53.2%).

Dana kasar yang diperoleh dalam sektor awam menguncup 8% kepada RM57.7 bilion dalam tempoh Januari hingga Julai 2016 (Januari – Julai 2015: 10.6%; RM62.7 bilion) disebabkan pinjaman lebih rendah oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, dana yang diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) meningkat 10% kepada RM30.9 bilion (Januari – Julai 2015: -4.6%; RM28.1 bilion). Sementara itu, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) berkurang 1.3% kepada RM26.8 bilion (Januari – Julai 2015: 31.4%; RM27.2 bilion).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, **jumlah dana bersih yang diperoleh melalui pasaran modal** berkurang 5.2% kepada RM58.2 bilion (Januari – Julai 2015: -6.7%; RM61.4 bilion). Selepas mengambil kira penebusan, penjanaan dana bersih bagi sektor swasta berjumlah RM24.9 bilion, manakala penjanaan dana bersih bagi sektor awam pula mencatat RM33.3 bilion (Januari –

JADUAL 5.6

Dana yang Diperoleh di Pasaran Modal Januari – Julai

	RM juta	
	2015	2016
Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	28,063.9	30,877.7
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	27,155.0	26,807.4
Sukuk Perumahan Kerajaan	7,500.0	-
Terbitan baharu sekuriti hutang	62,718.9	57,685.1
Tolak: Penebusan	20,796.7	24,382.4
Dana bersih yang diperoleh oleh sektor awam	41,922.2	33,302.7
Sektor Swasta		
Saham¹/ Waran		
Tawaran awam permulaan	3,640.0	434.8
Terbitan hak	5,893.0	5,683.7
Waran	-	100.2
Terbitan baharu saham/ waran	9,532.9	6,218.8
Sekuriti hutang		
Bon biasa	2,800.7	3,720.0
Bon boleh tukar	-	83.9
Bon Islam	2,521.2	2,501.0
Nota jangka sederhana	29,214.2	40,692.6
Terbitan baharu sekuriti hutang	34,536.1	46,997.5
Tolak: Penebusan	24,615.0	28,309.9
Terbitan bersih sekuriti hutang	9,921.1	18,687.6
Dana bersih yang diperoleh oleh sektor swasta	19,454.0	24,906.4
Jumlah dana bersih diperoleh	61,376.2	58,209.1

¹ Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.7

PDS¹ Baharu Mengikut Sektor Januari – Julai

	RM juta		% Bahagian	
	2015	2016	2015	2016
Pertanian, perhutanan dan perikanan	96.0	1,088.7	0.3	2.3
Pembuatan	280.0	530.0	0.8	1.1
Pembinaan	1,796.2	3,327.7	5.2	7.1
Elektrik, gas dan air	730.0	4,959.9	2.1	10.6
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	1,140.0	2,640.0	3.3	5.6
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	27,594.3	24,121.3	79.9	51.3
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	2,710.0	10,179.7	7.8	21.7
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	189.5	150.2	0.5	0.3
Jumlah	34,536.1	46,997.5	100.0	100.0

¹ Termasuk PDS yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Julai 2015: RM19.5 bilion; RM41.9 bilion). Sektor awam menyumbang 57.2% daripada jumlah dana diperoleh dalam pasaran modal. Sementara itu, pasaran ekuiti domestik mencatat penurunan dua angka sebanyak 34.8% kepada RM6.2 bilion (Januari – Julai 2015: -34.9%; RM9.5 bilion) seiring dengan ketidaktentuan pasaran kewangan global. Kemerosotan dana yang dijana dalam pasaran ekuiti adalah disebabkan kekurangan tawaran awam permulaan (IPO) sebanyak 88.1% kepada RM0.4 bilion (Januari – Julai 2015: -26.2%; RM3.6 bilion)


Pada akhir Julai 2016, kadar hasil MGS dan bon korporat telah berkurang bagi semua tempoh matang dan tahap penarafan, selari dengan penurunan kadar hasil global. Trend pengurangan ini adalah signifikan, menyebabkan minat pelabur asing yang tinggi terhadap sekuriti pendapatan tetap Malaysia kerana ketidaktentuan di Eropah telah mendorong kepada pencarian keuntungan yang aktif. Pengurangan ini akan memburukkan lagi kadar faedah pasaran negara maju yang sememangnya rendah. Kejatuhan kadar hasil yang berlarutan juga disebabkan pelabur telah mengambil kira kelewatan kenaikan kadar faedah AS dan rangsangan kewangan tambahan oleh Bank of England (BOE) dan European Central Bank (ECB) dalam usaha untuk menyokong pertumbuhan. Seperti yang telah dijangka, BOE akhirnya telah mengurangkan kadar dasar kepada tahap terendah 0.25% serta melonjakkan program pelonggaran kuantitatif (QE) pada 3 Ogos 2016. Tambahan pula, kejatuhan mendadak kadar hasil sebahagiannya disebabkan pengurangan OPR oleh BNM yang dijangka akan mengambil pendekatan dasar pengembangan setelah mengambil kira ketidaktentuan luaran. Sehingga akhir Julai 2016, kadar hasil MGS bertempoh matang 3-tahun

berkurang 38 mata asas, kadar hasil MGS bertempoh matang 5-tahun menguncup 27 mata asas dan kadar hasil MGS bertempoh matang 10-tahun pula merosot 60 mata asas (Januari – Julai 2015: -35 mata asas; -22 mata asas; -7 mata asas).

Dari segi pasaran bon korporat, kadar hasil sekuriti hutang PDS 5-tahun bertaraf AAA merosot 31 mata asas, kadar hasil bertaraf AA menguncup 21 mata asas dan kadar hasil bertaraf A mengecil 21 mata asas (Januari – Julai 2015: -6 mata asas; -0.4 mata asas; -4 mata asas) disebabkan oleh permintaan berterusan daripada pelabur tempatan. Pada akhir Julai 2016, minat pelabur asing yang tinggi dalam pasaran modal hutang selari dengan pasaran ekuiti.

CARTA 5.4


Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)¹



¹ Akhir tempoh.
² Akhir Julai 2016.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.5

Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta (PDS) 5 Tahun¹



¹ Akhir tempoh.
² Akhir Julai 2016.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.


Jualan asing dalam pasaran ekuiti merosot secara mendadak pada Julai 2016. Oleh itu, pegangan asing dalam sekuriti hutang Malaysia mencecah kadar tertinggi dalam tempoh 20 bulan kepada RM240.9 bilion (akhir Julai 2015: RM206.8 bilion), manakala bahagian

pegangan asing terkumpul MGS mencecah kadar 51.9%, yang tertinggi dalam sejarah (akhir Julai 2015: 47.8%).

Sehingga akhir Julai 2016, spread kredit bon korporat⁵ mengecil disebabkan kesan kenaikan harga minyak yang mempengaruhi peningkatan sentimen pelabur turut membantu dalam mengukuhkan nilai ringgit serta mengurangkan risiko premium. Spread kredit 5-tahun bertaraf AAA berkurang empat mata asas (Januari – Julai 2015: 16 mata asas), manakala spread kredit meningkat lima mata asas bagi bon AA dan enam mata asas bagi bon bertaraf A (Januari – Julai 2015: 22 mata asas; 18 mata asas). Selain itu, spread tempoh matang MGS⁶ telah mengecil 51 mata asas (Januari – Julai 2015: 33 mata asas) dalam tempoh yang sama.

CARTA 5.6

Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah MGS Terkumpul¹



¹ Akhir tempoh.
² Akhir Julai 2016.
 Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pasaran ekuiti kekal lemah

Pasaran ekuiti kekal lemah dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016. Bermula awal tahun hingga akhir Julai 2016, Indeks Komposit Kuala Lumpur Financial Times Stock Exchange (FTSE) Bursa Malaysia (FBM KLCI) telah berkurang 39.25 mata atau 2.3% kepada 1,653.26 mata (akhir Disember 2015: 68.74 mata; -3.9%; 1,692.51 mata). Pasaran ekuiti bermula perlahan pada awal tahun berikutan petanda kelembapan ekonomi global disebabkan kebimbangan terhadap kejatuhan harga minyak mentah dan komoditi dunia yang berpanjangan. Walaupun pasaran mengalami kerugian besar dalam tempoh tiga minggu pertama bulan Januari, keadaan pasaran kembali pulih pada minggu terakhir disebabkan sentimen positif berikutan pengubahsuaian Bajet 2016 dan keputusan Bank of Japan (BOJ) untuk meningkatkan ekonomi Jepun dengan menetapkan kadar faedah negatif yang telah membantu meningkatkan keyakinan pelabur. FBM KLCI merekodkan paras tahunan tertinggi sebanyak 1,727.99 mata pada 15 April 2016 tetapi kekal tidak menentu disebabkan faktor luaran sepanjang tempoh tersebut.

⁵ Kadar hasil PDS tolak kadar hasil MGS.
⁶ Kadar hasil MGS 10-tahun tolak kadar hasil MGS 1-tahun.

JADUAL 5.8

Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih Januari – Julai

	2015	2016
Indeks¹		
FBM KLCI	1,723.1	1,653.3
FBM EMAS	11,894.1	11,585.1
FBM 100	11,569.4	11,283.8
FBM SCAP	16,071.3	15,332.1
FBM-ACE	6,272.4	5,420.2
Jumlah urus niaga²		
Bilangan (juta unit)	283,061.9	256,207.2
Nilai (RM juta)	294,531.2	283,028.6
Purata urus niaga harian²		
Bilangan (juta unit)	1,965.7	1,804.3
Nilai (RM juta)	2,045.4	1,993.2
Permodalan pasaran¹ (RM bilion)	1,680.9	1,673.9
Bilangan syarikat disenaraikan¹		
Pasaran Utama	799	794
Pasaran ACE	107	111
Kecairan pasaran¹		
Nilai urus niaga/ permodalan pasaran (%)	17.5	16.9
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/ permodalan pasaran (%)	34.5	34.0


¹ Pada akhir tempoh.² Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan terus.

Sumber: Bursa Malaysia.

Beberapa faktor yang telah memberi kesan kepada pasaran tempatan pada 2015 masih terus mempengaruhi keseluruhan prestasi pasaran dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016. Kebimbangan terhadap kenaikan kadar faedah AS seterusnya yang dijangka pada 2016 masih menjejaskan sentimen pasaran dan aliran dana. Tambahan pula, dasar monetari yang berbeza-beza oleh lebih daripada 10 bank pusat sejak 2015 untuk merangsang pertumbuhan telah menyebabkan volatiliti yang lebih besar dalam pertukaran mata wang asing dan pasaran ekuiti. Selain daripada cabaran luaran tersebut, FBM KLCI turut mengalami tekanan berikutan pengumuman perolehan syarikat suku kedua yang lebih rendah daripada jangkaan. Sementara itu, pengimbangan semula Indeks Pasaran Pesat Berkembang Morgan Stanley Capital International (MSCI) yang telah mengurangkan wajaran Malaysia daripada 3.25% kepada 2.92% berkuat kuasa 1 Jun 2016 turut menyumbang kepada kemerosotan bursa tempatan.

Pada Julai 2016, FBM KLCI ditutup lebih tinggi berikutan keputusan BNM untuk mengurangkan OPR sebanyak 25 mata asas kerana kadar yang lebih rendah dilihat sebagai alat berkesan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, keputusan Fitch Ratings untuk menurunkan taraf hutang Malaysia berdenominasi ringgit yang dipegang oleh beberapa syarikat berkaitan kerajaan (GLC), termasuk Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS) telah menambah sentimen pasaran bearis. Tambahan pula, bursa tempatan ditutup lebih rendah apabila China, rakan dagangan utama Malaysia, mencatat angka perdagangan lebih rendah menyebabkan lebih dagangan Malaysia semakin mengecil.

CARTA 5.7

Prestasi Bursa Malaysia¹ Akhir tempoh.² Akhir Ogos 2016.


Sumber: Bursa Malaysia.

FBM KLCI meningkat pada bulan Ogos 2016 disebabkan oleh perolehan syarikat pada tempoh separuh pertama 2016 yang lebih baik daripada jangkaan. Keyakinan pelabur juga disokong oleh perkembangan luaran yang positif, termasuk pemulihan harga minyak mentah dunia dan kenyataan Fed bahawa mereka tidak akan menaikkan kadar faedah dalam jangka waktu terdekat walaupun ekonomi AS bertambah baik, yang mencetuskan aliran masuk dana asing ke dalam pasaran domestik. Tambahan pula, FBM KLCI ditutup lebih tinggi selepas data pembuatan domestik dan beberapa data ekonomi lain yang diumumkan pada pertengahan bulan Ogos menunjukkan bahawa ekonomi berada pada momentum positif. FBM KLCI juga meningkat lebih tinggi apabila Fitch Ratings mengesahkan penarafan kredit Malaysia penerbit jangka panjang mata wang asing dan tempatan kepada A- dengan tinjauan stabil. Walau bagaimanapun, dari awal tahun sehingga akhir bulan Ogos 2016, FBM KLCI menyusut sebanyak 0.9% atau 14.5 mata dan ditutup pada 1,678.06 mata (akhir Ogos 2015: -8.4%; -148.5 mata; 1,612.74 mata).

Jumlah urus niaga pasaran di Bursa Malaysia merosot dengan ketara sebanyak 9.5% kepada 256.2 bilion unit dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016 (Januari – Julai 2015: 0.4%; 283.1 bilion unit), manakala jumlah nilai urus niaga juga berkurang 3.9% kepada RM283 bilion (Januari – Julai 2015: -5%; RM294.5 bilion). Purata nilai dagangan harian kekal tidak berubah dalam tempoh tersebut pada RM2 bilion. Nilai permodalan pasaran merosot 0.4% kepada RM1,673.9 bilion pada akhir Julai 2016 (akhir Julai 2015: 5.8%; RM1,680.9 bilion). Halaju pasaran kekal pada 27.9%, manakala volatiliti pasaran pula meningkat kepada 6.9% (Januari – Julai 2015: 28.4%; 6.5%). Kedudukan pelabur asing kekal kukuh di pasaran tempatan dengan jualan bersih dari awal tahun sehingga Jun 2016 mencatat RM0.02 bilion berbanding dengan belian bersih sebanyak RM5.59 bilion pada akhir Mac 2016 (akhir 2015: jualan bersih sebanyak RM19.38 bilion). Walau bagaimanapun, pegangan saham asing ke atas ekuiti Malaysia telah meningkat kepada 23% pada akhir Julai 2016 (akhir 2015: 22.3%) mencerminkan keyakinan pelabur asing yang lebih tinggi.

CARTA 5.8

Prestasi Pasaran Saham Terpilih



Sumber: Bloomberg.

Pertumbuhan opsyen yang membanggakan

Pasaran derivatif mencatat pertumbuhan dagangan sebanyak 6.5% kepada 8.3 juta kontrak dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016 berbanding tempoh yang sama pada 2015 (Januari – Julai 2015: 16.1%; 7.8 juta kontrak). Jumlah dagangan didominasi oleh niaga hadapan minyak sawit mentah (FCPO) menyumbang 79.5% daripada jumlah dagangan, diikuti oleh niaga hadapan FBM KLCI (FKLI) sebanyak 20.1%, manakala instrumen derivatif yang lain hanya memberi sumbangan kecil kepada dagangan. Sementara itu, tiada urus niaga dicatatkan dalam niaga hadapan MGS, niaga hadapan 3-Bulan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (KLIBOR), niaga hadapan minyak isirong sawit mentah, niaga hadapan CPO dolar AS, niaga hadapan RBD olein sawit serta niaga hadapan saham tunggal sepanjang tempoh tersebut.

Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2016, jumlah dagangan FKLI meningkat sebanyak 8.7% kepada 1.7 juta kontrak (Januari – Julai 2015: 24.8%; 1.5 juta kontrak) manakala jumlah dagangan dalam FCPO mencatat pertumbuhan 6% kepada 6.6 juta kontrak bersamaan dengan 9.2 juta tan metrik minyak sawit mentah (CPO) (Januari – Julai 2015: 15.5%; 6.2 juta kontrak; 10.9 juta tan metrik). Aktiviti perdagangan yang lebih rancak didorong oleh turun naik harga sandaran komoditi dan FBM KLCI. Jumlah dagangan FCPO bertambah baik dalam tempoh tersebut, terutamanya pada bulan Jun disebabkan pengeluaran lebih tinggi minyak sawit mentah yang di luar jangkaan sejak Mac 2016 dan angka eksport CPO dan minyak sawit diproses (PPO) yang lebih rendah. Keadaan ini menyebabkan volatiliti yang lebih besar dalam harga FCPO membawa kepada peningkatan jumlah dagangan FCPO. Sementara itu, jumlah dagangan FKLI juga meningkat disebabkan oleh volatiliti lebih tinggi dalam pasaran tukaran mata wang asing yang menjejaskan aktiviti belian dan jualan asing. Tambahan pula, kesan ketidaktentuan global ke atas aset berisiko terus mempengaruhi keputusan pengurus aset tempatan dalam pembahagian portfolio.

Pasaran opsyen menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016. Dagangan dalam opsyen bagi FCPO (OCPO) meningkat hampir tujuh belas kali ganda kepada 22,220 kontrak berbanding dengan tempoh yang sama pada 2015 (Januari – Julai 2015: 1,300 kontrak). Ketidaktentuan yang lebih tinggi bagi harga minyak sawit mentah disebabkan oleh keadaan cuaca yang menjejaskan penawaran minyak sawit mentah. Ketidaktentuan tersebut dirumitkan lagi oleh kelembapan ekonomi dan volatiliti mata wang global. Oleh itu, pengeluar dan syarikat perdagangan komoditi memilih instrumen lindung nilai yang lebih sofistikated yang membolehkan mereka mengurus risiko dengan lebih cekap. Selain itu, jumlah dagangan opsyen bagi FKLI (OKLI) juga meningkat lebih daripada dua kali ganda kepada 4,696 kontrak (Januari – Julai 2015: 2,204 kontrak). Tambahan pula, terdapat penyertaan yang lebih tinggi daripada pelabur runcit dalam OKLI dicerminkan oleh peningkatan kepada 48% dalam syer daripada jumlah pelabur pada 2016 (akhir Julai 2015: 34%).

Unit amanah terus berkembang

Industri **unit amanah** terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016. Lapan dana baharu telah dilancarkan merangkumi tiga dana konvensional dan selebihnya adalah dana Islam. Keseluruhan unit dana amanah berjumlah 623 meliputi 425 dana konvensional dan 198 dana Islam (akhir 2015: 612 dana; 419 dana konvensional; 193 dana Islam). Sementara itu, jumlah unit amanah yang diedarkan meningkat 3.6% kepada 474.4 bilion unit (akhir 2015: 7.7%; 458 bilion unit), manakala bilangan akaun unit amanah meningkat 1.5% kepada 18.3 juta akaun (akhir 2015: 3.3%; 18 juta akaun). Jumlah nilai aset bersih (NAV) industri unit amanah meningkat 1.8% kepada RM352.7 bilion bersamaan 21.1% daripada permodalan pasaran Bursa Malaysia (akhir 2015: 1%; RM346.6 bilion; 20.5%).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, **dana borong** terus berkembang kepada 313 dana dengan penambahan 15 dana konvensional dan lima dana Islam (akhir 2015:

JADUAL 5.9

Industri Unit Amanah: Penunjuk Terpilih (pada akhir tempoh)

	2015	2016 Julai
Bilangan syarikat pengurusan	37	35
Bilangan dana yang dilancarkan	612	623
Konvensional	419	425
Patuh Syariah	193	198
Unit dalam edaran (bilion)	458.0	474.4
Bilangan akaun (juta)	18.0	18.3
NAV (RM bilion)	346.6	352.7
Konvensional	294.5	297.8
Patuh Syariah	52.1	54.9
NAV kepada permodalan pasaran Bursa Malaysia (%)	20.5	21.1

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

293 dana). NAV dana borong meningkat 14.7% kepada RM96.9 bilion (akhir 2015: 15.3%; RM84.5 bilion). Sementara itu, 13 dana global baharu untuk pelaburan pasaran luar negeri telah dilancarkan berjumlah RM484 juta (akhir 2015: 29 dana baharu; RM841.2 juta). Secara keseluruhan, 306 dana global dilaburkan dalam pasaran luar negeri telah mencatat jumlah pelaburan sebanyak RM29.1 bilion (akhir 2015: 314 dana; RM28.5 bilion). Walau bagaimanapun, risiko pendedahan asing kekal rendah pada paras 8.3% daripada jumlah NAV industri unit amanah (akhir 2015: 8.2%).

Pada akhir Julai 2016, permodalan pasaran industri **amanah pelaburan hartanah (REIT)** meningkat kepada RM41.1 bilion manakala jumlah NAV meningkat kepada RM46.9 bilion (akhir 2015: RM37.5 bilion; RM45.7 bilion). Pasaran Utama Bursa Malaysia menyenaraikan 17 REIT termasuk empat REIT patuh Syariah. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2016, tiada penyenaian baharu REIT di Bursa Malaysia.

Pada akhir Julai 2016, lapan **dana dagangan bursa (ETF)** telah disenaraikan di Bursa Malaysia termasuk empat ETF patuh Syariah dengan jumlah permodalan pasaran RM2.5 bilion (akhir 2015: 8 ETF disenaraikan; RM1.7 bilion). ETF ditubuhkan bagi memberi pilihan kepada pelabur untuk berdagang berdasarkan prestasi bakul saham, bon atau instrumen lain dengan mengikuti pergerakan indeks sandaran. Pada masa ini, penyertaan pelabur dalam ETF adalah rendah disebabkan oleh kekurangan kesedaran dan pemahaman mengenai produk.


Inovasi dalam pembiayaan berasaskan pasaran

Pembiayaan berasaskan pasaran telah menjadi elemen penting untuk menyokong pelaburan dan perkembangan syarikat di peringkat permulaan dan pertumbuhan. Berikutan pasaran modal adalah mendalam, cair dan dikawal selia dengan baik, pembiayaan berasaskan pasaran boleh memainkan peranan dalam menyediakan alternatif kepada pembiayaan bank. Oleh itu, industri **modal teroka (VC)** terus berkembang dengan jumlah bilangan syarikat modal teroka (VCC) berdaftar berada pada 51 dan syarikat pengurusan modal teroka (VCMC) sebanyak 60, dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016 (akhir 2015: 55 VCC; 63 VCMC). Selaras dengan pindaan Guidelines on Registration of Venture Capital and Private Equity Corporations and Management Corporations (Garis Panduan VC/ PE) pada tahun 2015, tambahan dua jenis syarikat yang berdaftar telah diperkenalkan iaitu Syarikat Pengurusan Ekuiti Swasta (PEMC) dan Syarikat Ekuiti Swasta (PEC). Pindaan utama dalam garis panduan termasuk perluasan skop pendaftaran bagi menampung aktiviti Ekuiti Swasta (PE); membolehkan fleksibiliti kepada VC untuk melabur dalam sekuriti yang disenaraikan; peruntukan bagi pelantikan pemegang amanah; dan pengumpulan data dipertingkatkan untuk menyokong penggubalan dasar pada masa hadapan. Pada akhir Julai 2016, terdapat lima PEMC dan satu PEC yang berdaftar (akhir 2015: 2 PEMC; 0 PEC).

Jumlah pelaburan VC merosot 31.6% kepada RM2.2 bilion pada akhir 2015 (akhir 2014: -5.4%; RM3.2 bilion). Walau bagaimanapun, pelaburan baharu yang dilaksanakan

CARTA 5.9

Sumber Dana Modal Teroka (% bahagian)



1. Pindaan kepada Garis Panduan VC/ PE telah diterbitkan pada 9 Mac 2015 bagi menggantikan garis panduan sebelumnya serta Garis Panduan dan amalan terbaik Modal Teroka Islam.

2. Jenis pelabur:

- Agensi Kerajaan - Kementerian dan agensi (tidak termasuk syarikat pelaburan Kerajaan) di bawahnya. Termasuk Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan Lembaga Tabung Haji.
- Dana kekayaan kerajaan dan syarikat pelaburan: Termasuk badan berkanun dan diperbadankan yang ditubuhkan untuk mengurus pelaburan dana awam, seperti Khazanah Nasional Berhad, MAVCAP, Ekuinas.
- Dana persaraan dan kumpulan wang simpanan - Dana awam dan swasta atau institusi menguruskan pelaburan caruman pencen dari ahlinya.
- Dana kepada dana dan pengurus aset yang lain - Dana, skim pelaburan kolektif atau pengurus aset, melabur dalam VC dan Ekuiti Swasta.

pada 2015 meningkat 15.1% kepada RM366 juta (akhir 2014: 20.5%; RM318 juta). Pelaburan telah tertumpu terutamanya dalam sektor sains hayat yang menyumbang 53.8% daripada jumlah pelaburan, diikuti oleh sektor teknologi maklumat dan komunikasi (17.6%) dan lain-lain⁷ (12.5%). Dana awam kekal menjadi penyumbang modal terbesar kepada industri dengan dana kekayaan berdaulat dan syarikat pelaburan kerajaan menyumbang 49.8%, manakala agensi kerajaan menyumbang 38%. Sumbangan daripada sektor swasta kepada industri diterajui oleh pelabur korporat (6.4%), diikuti oleh pelabur asing (2%) dan pengurus aset (1.5%).

Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015 (CMSA) dan garis panduan ke atas **pendanaan masyarakat berasaskan ekuiti (ECF)** memperkenalkan satu rangka pasaran baharu bagi memudahcara penubuhan platform dagangan alternatif termasuk platform ECF. Garis panduan ECF bertujuan menggalakkan penyertaan dan kaedah pengembangan bagi peniaga dan usahawan kecil untuk mendapatkan modal dengan cara yang lebih mudah. Langkah ini telah menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di rantau Asia Pasifik yang mengawal selia ECF. Sehingga 11 Jun 2015, enam pengendali platform ECF telah diluluskan. Sementara itu, pada Jun 2016, lima daripada enam platform ECF yang diluluskan telah dilancarkan dan menjana sejumlah RM3.4 juta dana melalui pengendali platform ECF. Pindaan kepada Garis Panduan Pasaran Diiktiraf juga telah diumumkan pada 13 April 2016 berikutan keperluan tambahan berkaitan dengan platform ECF telah diperkenalkan.

PRS mencapai sasaran yang signifikan

Memandangkan Malaysia sedang menuju ke arah negara penuaan menjelang tahun 2030 ditambah pula peningkatan kos sara hidup, **Skim Persaraan Swasta (PRS)** berfungsi sebagai satu instrumen yang penting untuk memudahkan orang ramai menabung lebih banyak bagi mencapai pendapatan persaraan yang mapan. Dana PRS mencatat pencapaian besar dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016 dengan jumlah keseluruhan NAV mencecah RM1.3 bilion (akhir 2015: RM1.2 bilion) dengan 34% adalah dana PRS Islam. Pada akhir Julai 2016, enam dana PRS tambahan telah diluluskan, menjadikan sejumlah 50 PRS dana tersedia kepada orang ramai. Sementara itu, jumlah bilangan ahli PRS meningkat kepada 199,033, menyumbang kepada peningkatan sehingga kini sebanyak 10.2% (akhir 2015: 180,651 ahli; 40%).

Dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif serta meluaskan akses pelabur ke atas PRS, perkhidmatan dalam talian, PRS Online Top Up telah dilancarkan pada September 2016 di bawah bidang kuasa Pentadbir Pencen Swasta (PPA). Sementara itu, pemberian insentif cukai telah memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan PRS. Dalam Bajet 2012, Kerajaan telah mengumumkan pelepasan cukai sebanyak

RM3,000 kepada pencarum individu PRS bagi tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2012 sehingga tahun 2021. Pada masa yang sama, majikan akan diberikan potongan cukai ke atas caruman PRS yang dibuat bagi pihak pekerja. Bagi memupuk budaya menabung untuk persaraan dalam kalangan belia, Kerajaan telah mengumumkan melalui Bajet 2014, pemberian insentif *one-off* bagi skim PRS kepada pencarum yang berumur antara 20 dan 30 tahun dengan pelaburan minimum terkumpul sebanyak RM1,000 dalam tempoh setahun. Insentif ini adalah sah mulai 1 Januari 2014 bagi tempoh lima tahun.

Pasaran modal Islam terus berkembang

Pasaran modal Islam terus berkembang disebabkan pembangunan rancak pelbagai produk dan perkhidmatan. Pasaran modal Islam ini terdiri daripada produk dan perkhidmatan seperti Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) yang merupakan platform dagangan komoditi. Selain itu, pasaran modal Islam juga merangkumi sekuriti patuh Syariah seperti i-saham, industri amanah pelaburan hartanah Islam (i-REIT), dana dagangan bursa Islam (i-ETF), indeks Islam, Bon dan Sukuk Dagangan Bursa (ETBS) dan Syarikat Pemerolehan Kegunaan Khas Islam (i-SPAC). Pada akhir Julai 2016, 669 sekuriti patuh Syariah telah disenaraikan di Bursa Malaysia, mewakili 70.7% nilai permodalan pasaran berjumlah RM1.06 trilion (akhir 2015: 667 sekuriti; 73.9%; RM1.09 trilion). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, jumlah urus niaga sekuriti patuh Syariah menyusut kepada 160.8 bilion unit dengan jumlah nilai urus niaga mencatat RM182.4 bilion (akhir Julai 2015: 192.2 bilion unit; RM196.1 bilion). Tambahan pula, empat penasihat Syariah baharu yang terdiri daripada tiga individu dan satu syarikat telah didaftarkan dalam tempoh yang sama. Secara keseluruhan, pada akhir Julai 2016, jumlah penasihat Syariah yang diluluskan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti (SC) adalah sebanyak 74, terdiri daripada 50 individu dan 24 syarikat.

Malaysia terus mengekalkan kedudukan sebagai penerbit sukuk global terbesar merangkumi 45% atau USD38.4 bilion daripada jumlah sukuk global dengan pasaran sukuk tempatan terus berkembang dengan pesat. Dalam tempoh enam bulan pertama 2016, Malaysia menguasai 53.4% atau USD180 bilion daripada jumlah sukuk global terkumpul. Walau bagaimanapun, penerbitan sukuk merosot 3.3% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas, terutamanya disebabkan oleh ketidakpastian pasaran dan pertumbuhan global yang lembap. Negara lain seperti Indonesia (13%), Emiriah Arab Bersatu (13%) dan Arab Saudi (8%) turut memberi sumbangan signifikan dalam pasaran sukuk global. Namun begitu, Malaysia terus kekal sebagai hab utama bagi bilangan transaksi dan jumlah terbitan melalui instrumen sukuk.

Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2016, sukuk yang diterbitkan dalam pasaran domestik merangkumi 75.2% daripada jumlah bon korporat bernilai RM29.1 bilion

⁷ Sektor lain-lain termasuk pelaburan dalam perdagangan borong dan runcit serta penerbitan media.

DIAGRAM 5.1

Inisiatif Utama Pasaran Modal

Beberapa inisiatif telah diambil dalam tempoh sembilan bulan pertama 2016 untuk meningkatkan lagi tahap mudah tunai dan kecekapan dalam pasaran modal, seperti berikut:



menunjukkan bahawa sukuk merupakan pilihan utama pemerolehan dana. Pada masa yang sama, Bursa Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai bursa utama dalam penyenaaran sukuk dengan 23 sukuk bernilai RM216.3 bilion (Januari – Julai 2015: 21 sukuk tersenarai; RM133.1 bilion). Malaysia telah melaksanakan struktur sukuk yang lebih berinovasi dengan penerbitan Sukuk Global Wakalah yang merupakan sukuk pertama menggunakan 100% aset bukan fizikal, tanpa menyandarkan aset seperti tanah dan bangunan serta komoditi murabahah diterima.

Aktiviti dagangan BSAS sebagai platform dagangan komoditi patuh Syariah mencatat pertumbuhan ketara. Pada akhir Julai 2016, sejumlah 119 peserta dagangan komoditi BSAS merangkumi 88 peniaga komoditi, 27 pembekal komoditi dan empat peserta pelaksana komoditi (akhir Julai 2015: 107 jumlah penyertaan BSAS; 80; 23; 4 peserta). Pada akhir Julai 2016, BSAS mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 24.7% dengan RM1.1 trilion komoditi yang ditawarkan dan 24.6% dengan RM2.4 trilion didagangkan (akhir Julai 2015: 124.6%; RM0.9 trilion; 154%; RM1.9 trilion). Pertumbuhan tersebut terutamanya disebabkan oleh penerimaan BSAS khususnya di Timur Tengah sebagai perantaraan dagangan bagi komoditi murabahah.

Penubuhan industri pengurusan dana Islam kekal sebagai pemangkin bagi menjadikan Malaysia peneraju global dana Islam. Pada akhir Julai 2016, industri pengurusan dana Islam ini terdiri daripada 20 syarikat pengurusan dana Islam, dengan 198 kelulusan untuk dana unit amanah Islam dan 97 dana borong Islam (akhir Julai 2015: 20 syarikat pengurusan dana; 190 dana unit amanah Islam; 76 dana borong Islam). Sementara itu, jumlah NAV bagi unit amanah Islam meningkat kepada RM54.8 bilion, manakala dana borong Islam turut meningkat kepada RM37.6 bilion (akhir Julai 2015: RM49.1 bilion; RM22.8 bilion). Pada akhir Julai 2016, bilangan i-REIT bertambah kepada empat dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM17.2 bilion (akhir Julai 2015: 3 i-REIT disenaraikan; RM15.6 bilion), manakala permodalan pasaran i-ETF diluluskan juga meningkat kepada empat dengan nilai RM419 juta (akhir Julai 2015: 4 i-ETF diluluskan; RM357.7 juta).

Prestasi Industri Insurans dan Takaful

Industri insurans kekal teguh

Industri **insurans** mengekalkan permodalan insurans hayat yang kukuh dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016. Nisbah kecukupan modal⁸ kekal kukuh pada 234.9% (Januari – Julai 2015: 239%). Selain itu, jumlah penanaman modal yang melebihi keperluan minimum meningkat sedikit kepada RM29.8 bilion bagi tempoh yang sama (Januari – Julai 2015: RM28.4 bilion).

Bagi sektor **insuran hayat**, premium perniagaan baharu terus berkembang 5.9% kepada RM5.5 bilion (Januari – Julai 2015: 2%; RM5.2 bilion). Peningkatan ini sebahagian besarnya disokong oleh pertumbuhan polisi hayat tanpa sertaan dan anuiti. Walau bagaimanapun, premium perniagaan baharu bagi polisi berkaitan pelaburan

merosot 5.1% (Januari – Julai 2015: -3.9%) berikutan peningkatan ketidaktentuan pasaran kewangan domestik sejak tahun 2015. Sementara itu, tuntutan insurans hayat meningkat 2.3% kepada RM12.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016 (Januari – Julai 2015: 20.7%; RM11.8 bilion). Walaupun tuntutan meningkat, lebih pendapatan atas perbelanjaan juga bertambah kepada RM8 bilion dalam tempoh tersebut (Januari – Julai 2015: RM6.5 bilion) dengan keuntungan modal bersih yang lebih tinggi sebanyak RM2.3 bilion (Januari – Julai 2015: RM1 bilion). Pada masa yang sama, kadar penembusan pasaran insurans hayat berada pada 40.1% bagi tempoh tujuh bulan pertama 2016 (Januari – Julai 2015: 40.8%).

Keuntungan operasi bagi sektor **insurans am** kekal stabil pada RM1.6 bilion (Januari – Julai 2015: RM1.3 bilion), terutamanya disebabkan oleh tuntutan yang lebih rendah dengan nisbah tuntutan berada pada 54.1% (Januari – Julai 2015: 56.7%). Tuntutan ini disebabkan terutamanya oleh tuntutan dalam segmen motor sebanyak RM2.9 bilion pada nisbah tuntutan 65.7% (Januari – Julai 2015: RM3.1 bilion; 73.6%). Premium langsung kasar meningkat hanya sebanyak 0.8% kepada RM10.7 bilion (Januari – Julai 2015: 2.8%; RM10.6 bilion) disebabkan oleh perniagaan baharu dalam segmen kebakaran yang lebih tinggi. Sementara itu, pertumbuhan dalam premium

JADUAL 5.10

Perniagaan Insurans Hayat dan Am Januari – Julai

	2015	2016
Insurans Hayat (RM bilion)		
Perniagaan baharu		
Bilangan polisi (bilion unit) ¹	10.6	14.8
Jumlah diinsuranskan ¹	257.5	247.7
Jumlah premium ¹	5.2	5.5
Perniagaan berkuat kuasa		
Bilangan polisi (bilion unit) ²	20.2	19.8
Jumlah diinsuranskan ²	1,413.9	1,507.7
Premium tahunan ²	27.7	29.6
Pendapatan premium	14.3	15.2
Bayaran manfaat	9.8	10.6
Insurans Am (RM bilion)		
Pendapatan premium		
Premium langsung kasar	10.6	10.7
Premium bersih	7.8	7.8
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	3.0	3.1
Nisbah bendungan³ (%)	73.5	73.2
Bilangan syarikat insurans⁴		
Langsung	32	32
Hayat	10	10
Am	18	18
Komposit	4	4
Insurans semula	7	7
Hayat	1	1
Am	5	5
Komposit	1	1

¹ Termasuk data bagi syarikat insurans.

² Pada akhir Jun, data dikemaskini setiap suku tahun.

³ Bahagian premium yang dikekalkan dalam negara.

⁴ Pada akhir tempoh.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

⁸ Mengukur kecukupan modal sedia ada dalam insurans dan dana pemegang saham syarikat insurans untuk menyokong jumlah modal yang diperlukan.

langsung kasar bagi segmen motor hampir tidak berubah pada 0.3% (Januari – Julai 2015: 2.2%) mencerminkan jualan yang lebih rendah bagi kenderaan penumpang dan komersial.

Pada akhir Julai 2016, jumlah aset insurans hayat berkembang 5.8% kepada RM207 bilion (akhir 2015: 5.4%; RM200.8 bilion). Bon korporat menyumbang sebahagian besar daripada aset tersebut merangkumi 46.5% daripada jumlah aset insurans tersebut, diikuti oleh ekuiti pada 19.6%. Aset sektor insurans am turut meningkat 2.4% kepada RM32.3 bilion. Wang tunai dan deposit terus menjadi kelas aset terbesar yang dipegang oleh syarikat insurans am sebanyak 23.6% daripada jumlah aset.

Fasa pertama liberalisasi bagi Motor dan Kebakaran bermula pada 1 Julai 2016. Tarif ini memberi lebih fleksibiliti dalam penyediaan dan penentuan harga produk motor serta kebakaran yang lebih berasaskan pasaran. Penyahkawalseliaan tarif secara berperingkat pada peringkat awal membolehkan penanggung insurans am dan operator takaful untuk menawarkan produk baharu serta pilihan liputan tambahan pada kadar pasaran. Langkah ini tidak menghalang akses sedia ada terhadap produk tarif kepada masyarakat. Berkuat kuasa pada 1 Julai 2017, kadar premium bagi insurans Motor Komprehensif dan insurans Motor Bagi Pihak Ketiga Untuk Produk Mudah Terbakar serta Kecurian, akan diliberalisasi dan ditentukan oleh pasaran. Sementara itu, insurans Motor Bagi Pihak Ketiga serta Produk Mudah Terbakar adalah berdasarkan kepada pelarasan premium yang ditetapkan

oleh BNM. Peralihan ke arah harga berasaskan pasaran yang lebih berdaya saing dijangka memberi manfaat kepada pengguna melalui kepelbagaian produk pada harga kompetitif. Manakala, pihak industri akan mendapat kelebihan daripada dengan penetapan harga yang lebih berorientasikan risiko.

Industri takaful kekal kukuh


Dana aset **takaful** berkembang kukuh 6.4% dengan nilai RM26.3 bilion bagi tempoh tujuh bulan pertama 2016 (akhir 2015: 8.8%; RM24.7 bilion). Pertumbuhan ini disokong oleh pegangan yang tinggi dalam sukuk korporat bernilai RM14.5 bilion (55.1% daripada jumlah dana aset takaful). Dalam tempoh yang sama, jumlah ekuiti pelaburan Syariah yang diluluskan terus berkurang terutamanya disebabkan oleh keberuntungan hasil pelaburan yang membawa kepada peningkatan tunai dan deposit. Sementara itu, kedudukan permodalan industri takaful kekal stabil dengan Nisbah Kecukupan Modal (CAR) sebanyak 187.1% pada akhir Jun 2016 (akhir 2015: 191.5%) dengan penampunan modal yang melebihi keperluan minimum sebanyak RM3.6 bilion (akhir 2015: RM3.7 bilion).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, perniagaan baharu **takaful keluarga** mencatat sumbangan kasar yang lebih tinggi pada 7.4% bernilai RM2.3 bilion (Januari – Julai 2015: 5.5%; RM2.1 bilion). Prestasi ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan ketara takaful bertempoh (berkaitan pembiayaan) serta takaful perubatan dan kesihatan. Peningkatan ini disebabkan bertambahnya kesedaran

CARTA 5.10

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am pada akhir Julai 2016

(% bahagian)



¹ Pelaburan lain = Pinjaman jaminan Kerajaan + pelaburan hartanah + lain-lain.

² Aset lain = Hartanah, loji dan kelengkapan + aset asing + lain-lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

pengguna terhadap keperluan memiliki perlindungan perubatan di samping tahap sumbangan takaful yang lebih tinggi berikutan kenaikan kos penjagaan kesihatan swasta. Tambahan pula, pertumbuhan perniagaan takaful berkaitan pelaburan mula berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016 selepas mengalami trend pertumbuhan tidak menentu pada 2015. Trend ini selari dengan pergerakan turun naik prestasi pelaburan dalam pasaran kewangan. Walau bagaimanapun, bayaran manfaat bersih mencatat kenaikan 13.1% kepada RM1.5 bilion (Januari – Julai 2015: 25.1%; RM1.4 bilion). Pada akhir Julai 2016, kadar penembusan pasaran bagi perniagaan takaful keluarga kekal pada 14.3% (akhir Julai 2015: 14.4%).

Perniagaan **takaful am** terus berkembang dengan caruman langsung kasar sebanyak RM1,421.7 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016 (Januari – Julai 2015: RM1,395.9 juta) terutamanya didorong oleh perniagaan kelas kebakaran dan motor. Sumbangan bersih daripada takaful am juga meningkat 1.5% kepada RM1.1 bilion (Januari – Julai 2015: 12.8%; RM1 bilion). Tuntutan

bersih, mencatat peningkatan 14.9% kepada RM476.7 juta (Januari – Julai 2015: 7.1%; RM414.7 juta) terutamanya disebabkan oleh tuntutan yang lebih tinggi dalam segmen perniagaan motor takaful.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2016, langkah pengawalseliaan baharu bagi takaful diperkenalkan untuk menggalakkan proses yang lebih rapi dan teliti bagi pengurusan modal. Dua dokumen polisi berkenaan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP) bagi pengendali takaful dan Ujian Tekanan diperkenalkan pada bulan April dan Jun 2016. Langkah ini bertujuan mengukuhkan penilaian kecukupan modal dan pengurusan risiko dengan pengendali takaful dikehendaki menggariskan sasaran tahap modal dalaman dan menilai kecukupan modal dan keupayaan secara keseluruhan untuk memenuhi tuntutan masa hadapan.

Prospek 2017

Pertumbuhan global dijangka meningkat dengan ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang di antara 4% hingga 5% pada 2017. Ketidaktentuan dalam pasaran kewangan antarabangsa dijangka membawa risiko kepada pertumbuhan pasaran membangun yang berkembang pesat dan negara membangun. Di sebalik ketidaktentuan, Malaysia akan terus mengukuhkan asas kewangan utama bagi mendorong pembangunan sektor kewangan domestik dan memacu negara kekal pada pertumbuhannya. Liberalisasi sektor kewangan seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 akan menyediakan lebih banyak fleksibiliti dalam sistem perbankan dan pasaran modal bagi meningkatkan pembiayaan oleh sektor swasta. Usaha untuk mengukuhkan lagi sektor ini akan tertumpu kepada produk yang lebih berinovatif dalam kewangan Islam dan konvensional untuk menyediakan kemudahan yang lebih baik bagi pelabur tempatan dan asing menjalankan perniagaan di Malaysia. Sehubungan itu, dasar monetari akan terus memberi tumpuan kepada kestabilan harga dan pertumbuhan mapan bersesuaian dengan risiko ekonomi global.

JADUAL 5.11

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am Januari – Julai

	2015	2016
Takaful Keluarga (RM bilion)		
Perniagaan baharu		
Jumlah caruman	2.1	2.3
Jumlah penyertaan	123.9	190.0
Bilangan sijil (juta unit)	0.38	0.40
Perniagaan berkuat kuasa		
Caruman tahunan	3.2	3.6
Jumlah penyertaan	594.3	632.4
Bilangan sijil (juta unit)	4.51	4.55
Takaful Am (RM bilion)		
Caruman langsung kasar	1.4	1.4
Caruman bersih	1.0	1.1

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN

		LUAS KAWASAN (Kilometer persegi)					
Malaysia	Semenanjung Malaysia			Sarawak			Sabah ¹
330,323	131,971			124,450			73,902
		2015		2016 ¹⁰		2017 ¹¹	
PENDUDUK (juta)	31.2		31.7		32.4		
	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan	
PENGELUARAN DALAM NEGERI							
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2010)	1,062,805	5.0	1,107,968	4.0 – 4.5	1,159,457	4.0 – 5.0	
Pertanian	94,143	1.2	91,071	-3.3	92,396	1.5	
Perlombongan dan kuari	95,134	4.7	96,227	1.1	97,526	1.4	
Pembuatan	244,205	4.9	254,077	4.0	264,370	4.1	
Pembinaan	46,634	8.2	50,713	8.7	54,897	8.3	
Perkhidmatan	568,892	5.1	601,027	5.6	635,088	5.7	
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA							
Pendapatan Negara Kasar (harga semasa)	1,125,128	5.2	1,197,164	6.4	1,285,940	7.4	
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam	151,989	3.1	153,329	0.9	154,962	1.1	
Swasta	626,239	8.0	677,198	8.1	740,368	9.3	
Pembentukan modal tetap kasar: Awam ²	104,126	0.6	107,706	3.4	110,515	2.6	
Swasta	198,822	8.1	212,638	6.9	229,967	8.1	
Eksport barangan dan perkhidmatan	820,459	0.5	829,406	1.1	858,238	3.5	
Import barangan dan perkhidmatan	731,895	2.5	753,663	3.0	781,235	3.7	
Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2010)	1,038,527	6.8	1,077,555	3.8	1,128,106	4.7	
Tabungan Negara Kasar (harga semasa)	325,005	-0.01	342,720	5.5	365,818	6.7	
Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM)	36,078	3.6	37,812	4.8	39,699	5.0	
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN							
Hasil	219,089	-0.7	212,595	-3.0	219,726	3.4	
Perbelanjaan mengurus	216,998	-1.2	207,126	-4.5	214,800	3.7	
Baki semasa	2,091		5,469		4,926		
Perbelanjaan pembangunan (bersih)	39,285	2.2	44,196	12.5	45,270	2.4	
Baki keseluruhan	-37,194		-38,727		-40,344		
% KDNK	-3.2		-3.1		-3.0		
Pinjaman dalam negeri (bersih)	38,931		38,359		-		
Pinjaman luar negeri (bersih)	727		1,153		-		
Perubahan harta	-2,464		-785		-		

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

	2015		2016 ¹⁰		2017 ¹¹	
	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK
Hutang Kerajaan Persekutuan³	630,540	54.5	655,745	53.2	-	-
Hutang dalam negeri	609,063	52.6	628,791	51.0	-	-
Bil Perbendaharaan	4,700	0.4	4,500	0.4	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	214,000	18.5	230,000	18.7	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	340,063	29.4	365,891	29.7	-	-
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	50,300	4.3	28,400	2.3	-	-
Pinjaman luar pesisir	21,477	1.9	26,954	2.2	-	-
Pinjaman pasaran	15,179	1.3	20,291	1.6	-	-
Pinjaman projek	6,298	0.6	6,663	0.6	-	-
	RM juta		RM juta		RM juta	
IMBANGAN PEMBAYARAN (BERSIH)						
Imbangan akaun semasa	34,658		16,428		14,771	
Barangan	109,550		97,859		100,120	
Perkhidmatan	-20,985		-22,116		-23,117	
Pendapatan primer	-32,011		-35,398		-37,440	
Pendapatan sekunder	-21,896		-23,917		-24,792	
Imbangan akaun modal dan kewangan	-51,995		-		-	
Kesilapan dan ketinggalan bersih	21,087		-		-	
Imbangan keseluruhan	3,750		-		-	
	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan
PERDAGANGAN LUAR NEGERI						
Eksport kasar	777,355	1.6	785,709	1.1	806,532	2.7
antaranya:						
Pembuatan	625,429	6.5	648,602	3.7	667,244	2.9
Pertanian	67,247	-2.8	68,042	1.2	69,120	1.6
Perlombongan	80,194	-22.9	64,428	-19.7	65,894	2.3
Import kasar	685,778	0.4	694,353	1.3	718,212	3.4
antaranya:						
Barangan pengantara	399,526	-2.1	401,336	0.5	417,999	4.2
Barangan modal	95,551	-0.3	97,209	1.7	101,627	4.5
Barangan penggunaan	62,430	24.1	68,741	10.1	71,821	4.5
Jumlah perdagangan	1,463,134		1,480,062		1,524,744	
Imbangan perdagangan	91,577		91,355		88,320	
	Indeks	% perubahan	Indeks	% perubahan	Indeks	% perubahan
HARGA						
Indeks Harga Pengguna (2010 = 100)	112.8	2.1	114.7 ⁴	2.3 ⁴	-	2.0 – 3.0
Indeks Harga Pengeluar - Pengeluaran Tempatan (2010 = 100)	102.2	-7.4	99.7 ⁴	-2.7 ⁴	-	-
	Ribu	% perubahan	Ribu	% perubahan	Ribu	% perubahan
BURUH						
Tenaga buruh	14,518.0	1.8	14,617.0 ⁵	0.6 ⁵	-	-
Penganggur (Kadar pengangguran)	450.3	(3.1)	501.6 ⁵	(3.4) ⁵	-	(3.2) ⁶

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

	2015		2016	
	Akhir Ogos		Akhir Ogos	
	RM juta	% perubahan	RM juta	% perubahan
PASARAN KEWANGAN DAN MODAL				
Penawaran Wang				
M1	351,493	8.8	354,902	1.0
M2	1,555,725	5.1	1,591,706	2.3
M3	1,562,385	4.6	1,599,757	2.4
Sistem Perbankan (termasuk bank-bank Islam)				
Deposit	1,641,058	4.8	1,654,618	0.8
Pinjaman	1,412,787	10.2	1,472,100	4.2
Nisbah pinjaman-deposit ⁷ (%)	90.4		89.0	
	Ogos		Ogos	
Kadar Faedah (kadar purata, %)				
3-bulan antara bank	3.67		3.31	
Bank perdagangan				
Deposit tetap				
3-bulan	3.14		2.87	
12-bulan	3.31		3.07	
Deposit tabungan	1.05		0.95	
Kadar pinjaman asas	6.79		6.65	
Bil Perbendaharaan (3-bulan)	3.25		-	
Sekuriti Kerajaan Malaysia ⁸				
1-tahun	3.08		2.51	
5-tahun	3.98		3.18	
	Akhir September		Akhir September	
	RM seunit	% perubahan ⁹	RM seunit	% perubahan ⁹
Pergerakan Ringgit				
Hak Pengeluaran Khas (SDR)	6.2448	-22.1	5.7967	7.7
Dolar AS	4.4455	-26.4	4.1455	7.2
Euro	5.0052	-17.0	4.6500	7.6
100 yen	3.7084	-19.3	4.0881	-9.3
Bursa Malaysia				
Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia	1,621.04		1,652.55	
Nilai permodalan pasaran (RM bilion)	1,597.35		1,686.16	

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

² Termasuk pelaburan oleh syarikat awam.

³ Pada 2016, data adalah sehingga akhir Jun 2016.

⁴ Januari hingga Ogos 2016.

⁵ Separuh pertama 2016.

⁶ Unjuran Unit Perancang Ekonomi.

⁷ Tidak termasuk transaksi institusi kewangan.

⁸ Hasil indikatif pasaran.

⁹ Kadar tahunan penambahan nilai (+) atau penyusutan nilai (-) bagi ringgit.

¹⁰ Anggaran.

¹¹ Unjuran.